

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENERAPAN KEMAHIRAN PENDEKATAN PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN KOMSAS DI SEKOLAH
*MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL
BACCALAUREATE* DI MALAYSIA**



ROZIAH BINTI RAMLI

UUM
Universiti Utara Malaysia

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2023**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ROZIAH RAMLI

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

“PENERAPAN KEMAHIRAN PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMSAS DI SEKOLAH MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE DI MALAYSIA”

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **17 November 2022.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: 17 November 2022.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Prof. Madya Ts. Dr. Arumugam a/l Raman

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Prof. Emeritus Dr. Saedah Siraj

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Prof. Madya Dr. Nor Hashimah Ismail

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Prof. Madya Dr. Mohd Isha Awang

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Prof. Dr. Nurahimah Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) **17 November 2022**

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Kedoktoran Pendidikan daripada Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



Dekan
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
College of Arts and Sciences UUM
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok.

Abstrak

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)* di sekolah-sekolah terpilih KPM dengan *menerapkan* gabungan lima kemahiran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan bagi menyediakan murid ke arah pembelajaran sepanjang hayat. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada guru disebabkan guru masih kurang bersedia dalam melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah bertujuan meneroka pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dari aspek perancangan, pelaksanaan serta refleksi dalam pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) di sekolah *MYPIB*, KPM. KOMSAS dipilih sebagai medium kajian bersesuaian dengan subjek Bahasa dan Kesusasteraan iaitu subjek wajib dalam *MYPIB*. Kajian kes secara kualitatif ini menggunakan persampelan bertujuan dengan melibatkan seramai enam orang guru dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Sumber data dalam kajian ini diperoleh melalui tiga kaedah pengumpulan data iaitu melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan analisis tematik menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8. Dapatan kajian menunjukkan guru faham tentang konsep, kandungan dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan menghadapi beberapa cabaran dalam penerapan pendekatan berkenaan. Selanjutnya, guru didapati dapat mengaplikasikan pemahaman mereka menerusi proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Implikasinya, penyelidikan ini berjaya menghasilkan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS serta dilengkapi panduan bagi membantu guru-guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara terancang dan teliti. Selain itu, penyelidikan ini memberikan gambaran yang terperinci dan panduan kepada KPM dalam usaha memastikan program *MYPIB* ini memberikan impak yang besar kepada pendidikan negara.

Kata kunci : Kemahiran pendekatan pembelajaran, Proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, Pengajaran KOMSAS, Sekolah *MYPIB*, Pemahaman guru

Abstract

The Ministry of Education Malaysia (KPM) has introduced the Middle Years Program International Baccalaureate (MYPIB) in selected KPM schools by applying a combination of five skills namely communication skills, social skills, thinking skills, self-management skills and research skills to prepare students towards learning throughout life. This situation poses a challenge to teachers because teachers are still less prepared in implementing Approaches to Learning skills (ATL Skills) in the teaching and learning process. This study aims to explore teachers' understanding and the process of applying ATL Skills from the aspects of planning, implementation and reflection in the teaching of the Literary Component (KOMSAS) in MYPIB, KPM schools. KOMSAS was chosen as a study medium in accordance with the subject of Language and Literature which is a compulsory subject in MYPIB. This qualitative case study uses purposive sampling involving six teachers who are directly involved in the process of applying ATL skills. Data sources in this study were obtained through three data collection methods, namely completing stories, semi-structured interviews and document analysis. Data were analyzed using thematic analysis using ATLAS.ti version 8. The findings of the study show that teachers understand the concept, content and importance of the application of ATL Skills by facing several challenges in the application of the approach. Furthermore, teachers were found to be able to apply their understanding through the process of applying ATL Skills that involve the process of planning, implementation and reflection. The implication is that this research has successfully produced a Framework for the Application of ATL Skills in KOMSAS Teaching and is equipped with a guide to help teachers implement the process of applying ATL Skills in a planned and thorough manner. In addition, this research provides a detailed overview and guidance to the Ministry of Education and Culture in an effort to ensure that the MYPIB program has a significant impact on national education.

Keywords: ATL skills, ATL skills application process, Teaching of literature in Bahasa Melayu, MYPIB school, Teachers' understanding

Penghargaan

Alhamdulillah, dengan rahmat-Nya, penyelidikan ini telah berjaya diselesaikan. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia yang amat dihormati Profesor Madya Dr. Mohd Isha bin Awang dan Profesor Dr. Nurahimah binti Mohd. Yusoff yang memberi bimbingan dan panduan terbaik sehingga penyelidikan ini berjaya diselesaikan. Semoga Allah mengurniakan setinggi-tinggi ganjaran serta mengangkat martabat Profesor berdua di dunia dan di akhirat.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan khas kepada ayahanda dan bonda yang dikasihi dan dihormati, Allahyarham Hj. Ramli bin Baharom dan Allahyarhamah Hajah Siti Isah binti Shariff. Semoga setiap patah perkataan dan ilmu yang tercatat dalam penyelidikan ini mengalirkan pahala yang berkekalan buat ayahanda dan bonda di alam sana.

Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan khas buat suami tercinta Ts. Dr. Hj. Umar bin Hj. Kassim. Sesungguhnya perjuangan sebagai isteri, ibu, pekerja, penuntut ilmu dan ahli masyarakat dalam satu masa yang sama bukanlah sesuatu yang mudah untuk dijalani tanpa pengertian, doa dan sokongan daripada seorang suami, jazakallahukhoiron kasira abang.

Tesis ini juga merupakan hadiah untuk anak-anak tersayang Nur 'Izzah Solehah, Nur Insyirah Husna dan Nur 'Irdina Madihah yang sentiasa menjadi sumber kekuatan umi untuk menyelesaikan pengajian ini,. Semoga perjuangan menuntut ilmu ini menjadi inspirasi kepada anak-anak untuk turut bersemangat menempuh kehidupan serta bercita-cita untuk menyambung legasi umi dan ayah sebagai pencinta ilmu.

Setulus ucapan terima kasih diucapkan kepada panel penilai, para pensyarah yang banyak membimbing, guru-guru, para penyelidik, sahabat-sahabat seperjuangan, peserta kajian serta semua yang telah menyumbang secara langsung dan secara tidak langsung dalam penyelidikan ini. Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kerana kesudian anda berada bersama-sama perjuangan menuntut ilmu ini.

Akhir sekali, penghargaan ditujukan khas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas pemberian Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran ini.

“Ya Allah, rahmatilah kami, bimbinglah kami dan kurniakanlah ilmu kepada kami agar kami menjadi hamba-Mu yang bersyukur dan bertakwa”

Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Senarai Kandungan.....	vi
Senarai Jadual	xiv
Senarai Rajah	xv
Senarai Lampiran.....	xv
Senarai Singkatan.....	xvi
BAB SATU PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Peranan Penyelidik dalam Melaksanakan Kajian	8
1.4 Penyataan Masalah	12
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Soalan Kajian	18
1.7 Kerangka Teoretikal Kajian.....	18
1.8 Kepentingan Kajian.....	21
1.8.1 Sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.....	21
1.8.2 Sumbangan kepada Pentadbir Sekolah.....	22
1.8.3 Sumbangan kepada Guru-Guru Bahasa Melayu.....	23
1.8.4 Sumbangan kepada Teori.....	23
1.9 Batasan Kajian.....	24
1.10 Definisi Istilah.....	25
1.10.1 <i>International Baccalaureatte (IB)</i>	25
1.10.2 <i>Middle Years Programme International Baccalaureatte (MYPiB)</i> ...	26
1.10.3 Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	26
1.10.3.1 Kemahiran Komunikasi	27
1.10.3.2 Kemahiran Sosial.....	28
1.10.3.3 Kemahiran Berfikir	28
1.10.3.4 Kemahiran Pengurusan Diri	28
1.10.3.5 Kemahiran Penyelidikan	29

1.10.4	Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	29
1.10.5	Pemahaman Guru	30
1.10.6	Bahasa dan Kesusasteraan	30
1.10.7	Komponan Sastera (KOMSAS).....	31
1.10.8	Pengajaran KOMSAS.....	31
1.11	Ringkasan Bab.....	32
BAB DUA KAJIAN LITERATUR.....		33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	<i>International Baccalaureate (IB)</i>	33
2.2.1	Falsafah Pendidikan <i>MYPIB</i>	35
2.2.2	<i>Middle Years Programme International Baccalaureate MYPIB</i> di Malaysia	38
2.2.3	Kemahiran Pendekatan Pembelajaran (<i>Approaches to Learning Skills</i>).....	41
2.2.3.1	Kemahiran Komunikasi.....	43
2.2.3.2	Kemahiran Berfikir.....	44
2.2.3.3	Kemahiran Sosial	47
2.2.3.4	Kemahiran Penyelidikan.....	48
2.2.3.5	Kemahiran Pengurusan Diri	49
2.2.4	Pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Subjek Bahasa Melayu di sekolah <i>MYPIB</i> Malaysia.....	50
2.3	Teori Konstruktivisme.....	56
2.3.1	<i>Scaffolding</i>	60
2.3.2	<i>Lesson Study</i>	62
2.3.3	Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS	64
2.4	Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	67
2.5	Proses Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.....	72
2.5.1	Proses Perancangan.....	72
2.5.2	Proses Pelaksanaan	76
2.5.3	Proses Refleksi.....	81
2.6	Ringkasan Bab.....	83

BAB TIGA REKA BENTUK KAJIAN	84
3.1 Pendahuluan	84
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	84
3.3 Tempat Kajian	86
3.4 Persampelan Kajian.....	88
3.4.1 Peserta Kajian	89
3.5 Etika Penyelidikan.....	92
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	95
3.6.1 Instrumentasi.....	98
3.6.1.1 Melengkapkan Cerita	98
3.6.1.2 Temu Bual Separa Berstruktur	99
3.6.1.3 Analisis Dokumen	100
3.6.2 Fasa Pengumpulan Data	100
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	103
3.7.1 Kesahan	103
3.7.1.1 Triangulasi.....	103
3.7.1.2 Pengesahan Peserta Kajian.....	104
3.7.2 Kebolehpercayaan	105
3.8. Kajian Rintis.....	106
3.9 Analisis Data	109
3.9.1 Analisis Tematik.....	109
3.9.2 Analisis Data Kualitatif Menggunakan <i>ATLAS.ti</i>	110
3.10. Ringkasan Bab.....	112
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	113
4.1 Pendahuluan	113
4.2 Demografi Peserta Kajian	114
4.2.1 Cikgu Umar.....	115
4.2.2 Cikgu Dina	116
4.2.3 Cikgu Insyirah	117
4.2.4 Cikgu Wardah.....	118
4.2.5 Cikgu Solehah	120
4.2.6 Cikgu Ain	121
4.3 Analisis Data Secara Bersilang	126

4.4	Soalan Kajian 1: Bagaimanakah Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran di sekolah <i>MYPIB</i> , KPM?	126
4.4.1	Tema 1: Konsep Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	126
4.4.1.1	Kemahiran Pembelajaran.....	127
4.4.1.2	Kemahiran untuk Kehidupan Sepanjang Hayat.....	128
4.4.2	Tema 2: Kategori dan Kluster Kemahiran Pendekatan Pembelajaran..	130
4.4.2.1	Kemahiran Komunikasi.....	132
4.4.2.2	Kemahiran Sosial.....	135
4.4.2.3	Kemahiran Berfikir.....	137
4.4.2.4	Kemahiran Pengurusan Diri.....	143
4.4.2.5	Kemahiran Penyelidikan.....	147
4.4.3	Tema 3: Kepentingan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran	151
4.4.3.1	Kemahiran Membantu Pembelajaran Murid di Peringkat Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi.....	151
4.4.3.2	Kepentingan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.....	153
4.4.3.3	Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Sebagai Syarat Pengiktirafan <i>MYPIB</i>	156
4.5	Soalan Kajian 2: Bagaimanakah Proses Perancangan, Pelaksanaan dan Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Dilakukan dalam Pengajaran KOMSAS di sekolah <i>MYPIB</i> KPM?.....	160
4.5.1	Proses Perancangan.....	161
4.5.1.1	Tema 1: Perancangan Menerusi Kurikulum Bertulis.....	161
4.5.1.1.1	Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek.....	163
4.5.1.1.2	Rancangan Unit.....	165
4.5.1.1.3	Rancangan Harian.....	167
4.5.1.1.4	Carta Pemetaan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	168
4.5.1.2	Tema 2: Perancangan Berdasarkan Rujukan Utama.....	171

4.5.1.2.1	Dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan.....	172
4.5.1.2.2	Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan.....	173
4.5.1.2.3	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Menengah.....	178
4.5.1.3	Tema 3: Perancangan Kolaboratif	181
4.5.1.3.1	Kepentingan Perancangan Kolaboratif.....	182
4.5.1.3.2	Jadual Pelaksanaan Perancangan Kolaboratif.....	184
4.5.1.4	Tema 4: Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Dirancang Secara Terperinci.....	187
4.5.1.4.1	Perancangan Berdasarkan Pemingkatan.....	187
4.5.1.4.2	Perancangan Mengikut Tahap Murid.....	188
4.5.2	Proses Pelaksanaan.....	192
4.5.2.1	Tema 1: Pelaksanaan Berdasarkan Perancangan Kurikulum Bertulis.....	193
4.5.2.1.1	Pengajaran Berdasarkan Kurikulum Bertulis.....	193
4.5.2.2	Tema 2: Pelaksanaan Secara Eksplisit.....	194
4.5.2.2.1	Penjelasan Tentang Kemahiran Pendekatan pembelajaran pada Awal Sesi Pengajaran.....	194
4.5.2.2.2	Kepentingan Pengajaran Secara Eksplisit.....	195
4.5.2.3	Tema 3: Pelaksanaan Secara Berpusatkan Murid.....	198
4.5.2.3.1	Murid Menggunakan Kemahiran Pendekatan pembelajaran secara Aktif dalam Pembelajaran.....	198
4.5.2.3.2	Guru Sebagai Fasilitator.....	200
4.5.2.3.3	Belajar dalam Kumpulan.....	201
4.5.2.3.4	Pengajaran di Luar Bilik Darjah.....	203
4.5.2.4	Tema 4: Pelaksanaan Berdasarkan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan.....	206
4.5.2.4.1	Kemahiran Komunikasi- Menggunakan Pelbagai Media untuk Berhubung dengan Pelbagai Kumpulan Sasaran.....	207
4.5.2.4.2	Kemahiran Sosial- Mendengar Secara Aktif Perspektif Orang Lain.....	208
4.5.2.4.3	Kemahiran Berfikir- Menilai Bukti dan Hujah.....	209

4.5.2.4.4	Kemahiran Pengurusan Diri- Menyimpan Fail dan dan Nota Maklumat dalam Sistem yang Tersusun dan Logik.....	210
4.5.2.4.5	Kemahiran Penyelidikan- Mencari Pelbagai Perspektif daripada Sumber yang Pelbagai dan Berbeza.....	211
4.5.3	Proses Refleksi.....	214
4.5.3.1	Tema 1: Refleksi Dilaksanakan untuk Mendapatkan Maklum Balas.....	215
4.5.3.1.1	Refleksi Murid Terhadap PdPc.....	215
4.5.3.1.2	Refleksi Murid Secara Kendiri.....	215
4.5.3.2	Tema 2: Refleksi Dilaksanakan untuk Penambahbaikan Terhadap Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran.....	217
4.5.3.2.1	Refleksi Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	217
4.5.3.2.2	Refleksi Guru Terhadap Murid.....	219
4.6	Ringkasan Bab.....	223
BAB LIMA PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN.....		231
5.1	Pendahuluan	231
5.2	Ringkasan Kajian	231
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	233
5.3.1	Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran di Sekolah <i>MYPIB</i> , KPM	234
5.3.2	Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah <i>MYPIB</i> KPM.....	242
5.3.3	Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah <i>MYPIB</i> KPM.....	254
5.3.4	Proses Refleksi Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah <i>MYPIB</i> KPM.....	265

5.3.5	Rumusan Dapatan Kajian.....	270
5.4	Implikasi Kajian	272
5.4.1	Implikasi Teori.....	272
5.4.1.1	Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah <i>MYPIB</i> KPM.....	273
5.4.1.2	Panduan Pelaksanaan.....	275
5.4.1.2.1	Langkah Pertama (Pemahaman Guru Terhadap Kemahiran Pendekatan Pembelajaran).....	275
5.4.1.2.2	Langkah Kedua (Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS).....	277
5.4.1.2.3	Langkah Ketiga (Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS).....	282
5.4.1.2.4	Langkah Keempat (Proses Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS).....	284
5.4.2	Implikasi Praktikal	287
5.4.2.1	Implikasi kepada Guru-Guru Bahasa Melayu.....	287
5.4.2.1	Implikasi kepada Penggubal Dasar (KPM)	289
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	291
5.6	Penutup.....	294
	RUJUKAN.....	297
	LAMPIRAN.....	320

Senarai Jadual

Jadual 3.1	Pengumpulan Data dan Analisis.....	98
Jadual 3.2	<i>Protokol Temu Bual</i>	108
Jadual 4.1	Rumusan Latar Belakang Peserta Kajian.....	124
Jadual 4.2	Petunjuk Kemahiran bagi Lima Kategori Kemahiran Pendekatan Pembelajaran untuk Subjek Bahasa dan Kesusasteraan.....	176
Jadual 4.3	Analisis Data Berdasarkan Refleksi Murid Semasa Menyiapkan Tugas.....	216
Jadual 4.4	Jadual Analisis Tematik (Dapatan Kajian Bab 4).....	223



Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Kerangka Teoretikal Kajian	20
Rajah 2.1:	Peta Taburan Program <i>International Baccalaureate</i> di Seluruh Dunia	35
Rajah 2.2:	Kerangka <i>Middle Years Programme International Baccalaureate</i>	41
Rajah 2.3:	Sepuluh Kluster Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	42
Rajah 2.4:	Kemahiran Komunikasi	43
Rajah 2.5:	Kemahiran Berfikir	45
Rajah 2.6:	Kemahiran Sosial	47
Rajah 2.7:	Kemahiran Penyelidikan.....	49
Rajah 2.8:	Kemahiran Pengurusan Diri.....	50
Rajah 2.9:	Kitaran <i>Lesson Study</i>	62
Rajah 2.10:	Kerangka Teoretikal Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.....	67
Rajah 3.1:	Fasa Pengumpulan Data.....	102
Rajah 3.2:	Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data.....	104
Rajah 3.3:	Ringkasan Enam Fasa Analisis Tematik (Braun & Clarke)	110
Rajah 3.4:	Ringkasan Proses Analisis Tematik Menggunakan perisian <i>ATLAST.ti</i>	112
Rajah 4.1:	Tema 1: Pemahaman guru terhadap konsep kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	130
Rajah 4.2:	Kategori 1: Kemahiran Komunikasi	135
Rajah 4.3:	Kategori 2: Kemahiran Sosial.....	137
Rajah 4.4:	Kategori 3: Kemahiran Berfikir.....	142
Rajah 4.5:	Kategori 4: Kemahiran Pengurusan Diri	146
Rajah 4.6:	Kategori Kemahiran Penyelidikan	150
Rajah 4.7:	Tema 2: Pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	151
Rajah 4.8:	Tema 3: Pemahaman guru terhadap kepentingan penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	158
Rajah 4.9:	Analisis Tematik Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.....	159

Rajah 4.10:	Tema 1: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Menerusi Kurikulum Bertulis.....	171
Rajah 4.11:	Tema 2: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Rujukan Utama.....	180
Rajah 4.12:	Tema 3: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dilaksanakan Semasa Perancangan Kolaboratif.....	187
Rajah 4.13:	Tema 4: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dirancang Secara Terperinci.....	190
Rajah 4.14:	Analisis Tematik Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.....	191
Rajah 4.15:	Tema 1: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Perancangan Kurikulum Bertulis.....	194
Rajah 4.16:	Tema 2: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Secara Eksplisit	198
Rajah 4.17:	Tema 3: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS secara berpusatkan murid.....	206
Rajah 4.18:	Tema 4: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS menggunakan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan.....	212
Rajah 4.19:	Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.....	213
Rajah 4.20:	Proses Pelaksanaan Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS	221
Rajah 4.21:	Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS, <i>MYPIB</i>	274

Senarai Lampiran

Lampiran A	Surat Kelulusan Bersyarat untuk Menjalankan Kajian (KPM).....	320
Lampiran B	Surat Kelulusan Bersyarat untuk Menjalankan Kajian (JPN).....	321
Lampiran C	Pengesahan Instrumen Kajian.....	322
Lampiran D	Instrumen Kajian	324
Lampiran E	Data Kajian.....	327
Lampiran F	Analisis Data.....	355



Senarai Singkatan

ATL	<i>Approches to Learning Skills</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CEN	<i>Coordinators Educator Network</i>
DP	Program Diploma
DSKP	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
IB	<i>International Baccalaureate</i>
IBEN	<i>International Baccalaureate Educator Network</i>
IBMM	Institut Bahasa Melayu Malaysia
IBO	<i>International Baccalaureate Organization</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBT	Kemahiran Bernilai Tambah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPLI	Kursus Pendidikan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPI	Maktab Perguruan Ipoh
MPPPP	Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang
MPSAH	Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MYPIB	<i>Middle Years Programme International Baccalaureate</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PLC	<i>Professional Learning Community</i> (Komuniti Pembelajaran Professional)
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SAA	<i>Service As Action</i>

SGO	<i>Subject Group Overview</i> (Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TOK	<i>Theory of Knowledge</i>
UM	Universiti Malaya
UP	<i>Unit Plan</i> (Rancangan Unit)
UPM	Universiti Pertanian Malaysia (Universiti Putra Malaysia)
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia



BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan pesat yang berlaku dalam dunia pendidikan di seluruh dunia turut memberi impak kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat perubahan yang dinamik agar kualiti pendidikan setanding dengan negara maju yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a; 2019a). Sehubungan dengan itu, golongan utama yang perlu disiapsiagakan bagi menjayakan cabaran pendidikan alaf baharu ini ialah guru. Guru penggerak utama sistem pendidikan negara harus bersedia dari aspek pengetahuan serta proses pelaksanaannya. Malah, guru perlu memiliki kemahiran pendekatan pembelajaran, bersedia mengikuti prosedur dan berkeupayaan menjadi seorang yang profesional dan pakar dalam bidangnya (Abdull Sukor Shaari et al., 2016; Mohd Isha Awang & Nurul Salmi Mohd Dazali, 2016; Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman, 2020; Nur Hidayah Hisham et al., 2021). Hal ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah menaikkan martabat guru sebagai insan penting di sebalik kejayaan seseorang murid (Batjo et al., 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a; 2019a).

Oleh hal yang demikian, pelbagai kemahiran perlu dikuasai oleh guru dalam usaha untuk membentuk individu berkemahiran yang bersedia untuk bersaing dalam dunia global. Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru ialah kemahiran pendekatan pembelajaran (*Approaches to Learning Skills*) yang diperkenalkan dalam program *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)*.

Kemahiran pendekatan pembelajaran ialah kemahiran yang terdiri daripada gabungan lima kemahiran iaitu kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, guru melatih murid untuk membangunkan kemahiran belajar yang boleh meningkatkan kecemerlangan akademik malah amat berguna untuk kehidupan sepanjang hayat (Beisly, 2020; Bustamante & Hindman, 2020; Forrest, 2018; Gilstrap, 2019).

1.2 Latar Belakang

Pendidikan merupakan tonggak utama keteguhan dan kejayaan bangsa dan negara. Sistem pendidikan yang berkualiti merupakan agenda penting kerajaan dalam melahirkan modal insan berkualiti dalam pembangunan negara dan kelangsungan tamadun manusia (Abdul Rasid Jamian & Mohd Rashid Md Idris, 2022; Ku Hafisal Ku Mahamud & Abdull Sukor Shaari, 2020; Saedah Siraj, 2001). Persaingan global yang semakin sengit serta perkembangan pendidikan yang semakin pesat memerlukan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan negara. Dalam usaha untuk turut bersaing dalam perubahan pendidikan dunia, Malaysia telah menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a; 2019a).

Antara usaha awal untuk merealisasikan PPPM 2013-2025, KPM memperkenalkan *MYPIB* di sekolah-sekolah terpilih KPM bermula pada tahun 2013 dan program ini dilaksanakan secara rasmi pada tahun 2015. Sepuluh buah sekolah yang terpilih sebagai

sekolah *MYPIB* ialah Kolej Melayu Kuala Kangsar (Perak), Kolej Tunku Khursiah (Negeri Sembilan), Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (Kelantan), SMKA Sheikh Abdul Malek (Terengganu), SMK Putrajaya Presint 9 (2) (Wilayah Persekutuan Putrajaya), SMK Sultanah Bahiyah (Kedah), SMK Dato' Sheikh Ahmad (Perlis), SMK Seri Tualang (Pahang), SMK Sungai Tapang (Sarawak) dan SMK Pantai (Wilayah Persekutuan Labuan) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a; Nurharani Selamat et al., 2019).

Program *MYPIB* ini mempunyai misi untuk membangunkan generasi muda yang berpengetahuan, berfikiran aras tinggi, bersifat ingin tahu, penyayang serta berfikiran antarabangsa yang dilaksanakan di bawah inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Ekoran kejayaan ini tiga buah sekolah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang mengguna pakai kurikulum KPM turut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* yang menjadikan jumlah sekolah *MYPIB* di Malaysia meningkat kepada 13 buah sekolah.

KPM amat berbangga dengan pengiktirafan ini kerana sebelum ini program *MYPIB* hanya ditawarkan di sekolah elit swasta yang peluang pendidikannya hanya untuk golongan tertentu sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak sekolah menjadi organisasi yang berkesan dalam menyebarkan ilmu bagi meningkatkan kecemerlangan para pelajar (Rosnah Ishak et al., 2014). Kini, *MYPIB* berjaya dikembangkan di sepuluh sekolah harian dan asrama penuh di Malaysia. Semua sekolah perintis *MYPIB* ini telah berjaya memperoleh sijil pengiktirafan selama lima tahun secara berperingkat daripada *International Baccalaureate World School (IB World School)* pada tahun 2016 dan 2017.

Pengiktirafan ini diberikan kerana sekolah-sekolah ini berjaya mematuhi garis panduan dan syarat-syarat pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh pihak *IB World School*. Salah satu syarat pelaksanaan program ini ialah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran (Forrest, 2018; Gillett, 2014; IBO, 2012; Park et al., 2014). Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan elemen penting dalam program *MYP* yang menjadikan program pendidikan *MYP* berkembang dan diterima di kebanyakan negara di seluruh dunia (Park et al., 2014). Secara konsepnya, kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan gabungan lima kemahiran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan.

Kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan kemahiran belajar cara belajar. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid dilatih untuk membangunkan kemahiran yang mempunyai kaitan dengan kurikulum yang membantu murid mempelajari cara untuk belajar. Kemahiran pendekatan pembelajaran boleh dipelajari dan diajar, ditingkatkan melalui amalan dan dikembangkan secara berperingkat. Kemahiran pendekatan pembelajaran menyediakan asas pembelajaran yang kukuh kepada murid sama ada untuk pembelajaran secara bersendirian mahu pun dengan orang lain (IBO, 2014ab). Bukan sahaja untuk pembelajaran, pendekatan pembelajaran membantu murid menyediakan diri untuk menempatkan diri dalam masyarakat dan dunia global. Dalam kata lain, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran menyediakan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat berbekalkan pengalaman pembelajaran dari zaman persekolahan (Kelly, 2022; Park et al., 2014).

Di Malaysia, kekeliruan timbul apabila masyarakat Malaysia beranggapan bahawa sekolah *MYPIB* ialah sekolah antarabangsa yang menggunakan silibus antarabangsa dan pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelajar antarabangsa yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium dalam PdPc (Dabrowski, 2017; Velardea, 2017). Oleh itu, kajian ini memberi pendedahan bahawa sekolah *MYPIB* di bawah kelolaan KPM bukanlah merupakan sekolah antarabangsa yang menggunakan silibus antarabangsa tetapi sekolah *MYPIB* di Malaysia merupakan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan proses dan kerangka *MYPIB* yang bertaraf antarabangsa dengan menggabungkannya dengan kurikulum kebangsaan.

Sekolah *MYPIB* di Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mengekalkan para pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mewajibkan pelajar lulus dalam subjek Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Dalam kurikulum *MYPIB*, salah satu subjek yang wajib dipelajari oleh murid ialah subjek Bahasa dan Kesusasteraan (Avalos, 2011; Belal, 2017a; Bustamante et al., 2018; IBO, 2014a). Penggabungan kurikulum kebangsaan dan kerangka *MYPIB* mendapati bahawa satu skop yang menjadi keutamaan dalam kedua-dua kurikulum yang perlu diberi perhatian ialah aspek kesusasteraan yang dalam subjek Bahasa Melayu dikenali sebagai Komponen Sastera (KOMSAS) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001; 2017). Keadaan ini secara tidak langsung mengangkat martabat Bahasa Melayu selaras dengan Dasar Pendidikan Negara (Mohd Isha Awang et al., 2016).

Lanjutan daripada itu, pemilihan KOMSAS sebagai medium untuk mengkaji penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dibuat bagi menyahut seruan kerajaan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dan PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c; 2018d). Melalui pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) KOMSAS, nilai murni, sifat kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan, perasaan bangga dan cinta akan tanah air serta jati diri bangsa dapat dipupuk dan disuburkan dalam diri murid (Husairi Hussin et al., 2020). Hal ini menyebabkan pengajaran KOMSAS sesuai dijadikan wahana untuk penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Namun begitu, kajian lalu menunjukkan kurangnya minat murid untuk mempelajari KOMSAS mahupun kesusasteraan (Peng & Siti Syahirah Yusof, 2021; Intan Mafarrina Omar et al., 2021; Wong & Mas Nida Md. Khambari, 2017; Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod, 2016; Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari, 2017). Sebagai sekolah yang menjalankan program antarabangsa, penyelidikan perlu dijalankan dalam pengajaran KOMSAS atas kesedaran bahawa melalui pengajaran KOMSAS, murid dapat memahami masyarakat dan budaya di Malaysia, seterusnya menjadi tunjang kepada penghayatan nilai dan budaya Melayu walaupun mereka belajar di sekolah yang mengguna pakai sistem antarabangsa seperti *MYPIB*.

Seterusnya, penyelidikan ini memberi fokus kepada guru sebagai peserta kajian selaras dengan hasrat KPM dalam Naratif Baharu Amalan Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b) yang menyatakan bahawa tumpuan diberikan kepada perspektif perubahan pedagogi berpusatkan guru kepada pedagogi berpusatkan pelajar.

Dalam hal ini, guru perlu meningkatkan profesionalisme sebagai amalan terbaik pemudahcaraan (Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa, 2020). Pendapat ini selaras dengan kajian di peringkat global yang dilakukan oleh Forrest (2018) dan Tikok (2018) yang menyatakan bahawa guru merupakan tulang belakang dalam usaha memastikan kejayaan sesuatu program pendidikan di sekolah dan guru perlu bersikap positif terhadap pembelajaran termasuklah berkaitan penggunaan kaedah, teknik, pendekatan serta pemilihan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dari aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi di salah sebuah sekolah *MYPIB* di bawah kelolaan KPM. Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pendidikan negara memandangkan masih terlalu kurang penyelidikan dalam bidang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dijalankan di sekolah *MYPIB* Malaysia. Program *MYPIB* merupakan program antarabangsa yang diharapkan dapat memberi impak yang besar terhadap pendidikan di Malaysia terutamanya dalam usaha pihak guru untuk membentuk modal insan yang mempunyai kemahiran untuk cemerlang dalam pelajaran serta mempunyai kemahiran untuk menempatkan diri dalam masyarakat sama ada pada peringkat nasional mahu pun global.

1.3 Peranan Penyelidik dalam Menjayakan Kajian

Sekolah *MYPIB* telah diperkenalkan di sepuluh buah sekolah terpilih di seluruh Malaysia bermula pada tahun 2013 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Salah sebuah sekolah tersebut merupakan sekolah tempat penyelidik bertugas. Penyelidik merupakan seorang guru Bahasa Melayu yang telah mempunyai pengalaman sebagai guru selama 20 tahun. Penyelidik telah bertugas di sekolah yang menjadi pusat kajian selama 16 tahun. Penyelidik telah dilantik untuk memegang jawatan *Coordinators Educator Network (CEN)* bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan (Bahasa Melayu) pada penghujung tahun 2016. Pelantikan ini dibuat sebagai persediaan untuk membantu pihak sekolah mendapatkan sijil pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* setelah pencalonan kali pertama pada tahun 2016 tidak berjaya. Sebagai *CEN*, penyelidik telah mewakili sekolah untuk ditemu bual dalam lawatan verifikasi pada 4-6 Oktober 2017 oleh wakil *International Baccalaureate World School*. Sesi verifikasi dilakukan oleh panel dari luar negara dengan menggunakan medium Bahasa Inggeris sepenuhnya. Hasil lawatan verifikasi ini, sekolah tempat penyelidik bertugas telah mendapat pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* pada tahun 2017.

Melibatkan diri secara langsung dalam usaha untuk melayakkan pihak sekolah diterima sebagai sekolah *MYPIB*, membuatkan penyelidik sedar bahawa masih terlalu banyak perkara baharu yang perlu dipelajari, disediakan, diinovasikan dan dikaji bagi menyediakan pihak sekolah terutamanya pihak guru yang bakal merealisasikan pendidikan bertaraf global ini.

Sesungguhnya kejayaan mendapatkan pengiktirafan sebagai sekolah antarabangsa ini bukanlah dikecapi dengan mudah, banyak usaha dan pengorbanan yang dilakukan oleh penyelidik dan rakan-rakan guru yang lain. Tambahan pula sekolah yang dicalonkan sebagai sekolah antarabangsa ini ialah sekolah harian bukanlah sekolah berasrama penuh seperti beberapa pencalonan yang lain. Pihak guru berada dalam situasi yang agak tertekan memandangkan kurangnya latihan dan bimbingan yang diterima terutamanya dari aspek perancangan dan pelaksanaan PdPc. Capaian maklumat yang hampir seratus peratus dalam Bahasa Inggeris merupakan kekangan yang dihadapi oleh guru terutamanya guru Bahasa Melayu.

PdPc *MYPIB* berkisar tentang mengimplementasikan konteks global, pembelajaran konsep, perkhidmatan komuniti, bahasa dan identiti, kepelbagaian pembelajaran serta penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Sebagai salah seorang *CEN* bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan, tugas penyelidik adalah untuk merancang pengajaran dan membimbing guru-guru baharu dalam melaksanakan PdPc *MYPIB*. Salah satu tugas utama penyelidik ialah membina *Subject Group Overview (SGO)* yang berfungsi sebagai Rancangan Pengajaran Tahunan dan Rancangan Unit (*Unit Plan*) iaitu rancangan pengajaran yang disusun mengikut tema dan yang paling penting dilengkapi dengan perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi PdPc tingkatan satu hingga lima. Perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini perlulah dirancang dengan baik agar kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan dapat diterapkan secara berterusan dan mempunyai kesinambungan yang akhirnya bakal melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran dan bersedia untuk menempatkan diri dalam dunia global.

Tugasan ini agak mencabar kerana *SGO* dan Rancangan Unit inilah yang bakal digunakan oleh semua guru Bahasa Melayu bagi mencapai keperluan rangka kerja *MYPIB* di samping tidak mengetepikan keperluan peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penyelidik melaksanakan tugas ini berbekalkan kursus persediaan *MYPIB*, kursus khas penulisan refleksi selama dua hari yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan lawatan penanda aras ke sekolah *IB* swasta di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, bukan semua guru berpeluang untuk mengikuti kursus dan lawatan ini. Keadaan ini menyebabkan maklumat tidak diperoleh secara langsung oleh guru lain. Manakala kursus persediaan *MYPIB* kelolaan *IB* yang dilaksanakan di sekolah pada tahun 2013 pula dikendalikan oleh tenaga pengajar antarabangsa dalam bahasa Inggeris sepenuhnya menyebabkan berlakunya keciciran maklumat dan kurang pemahaman dalam kalangan guru.

Disebabkan kesukaran untuk memahami program *MYPIB*, bebanan kerja, ketidaksediaan guru, keterbatasan waktu untuk merancang dan melaksanakan PdPc, kekurangan prasarana serta ketidaksediaan pelajar, sebilangan rakan guru telah memohon untuk berpindah sekolah setiap tahun. Kekosongan jawatan guru ini diisi oleh guru baharu yang tidak mengikuti kursus asas *MYPIB*. Mereka hanya diberi taklimat dalaman oleh penyelaras *MYPIB* dan *CEN*. Situasi ini membangkitkan kesedaran dalam diri penyelidik untuk melaksanakan kajian bagi meninjau pemahaman guru lama dan guru baharu tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan aspek perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan

proses refleksi yang dilakukan oleh guru-guru. Setelah melalui proses penyelidikan empirikal serta analisis data, maka terhasilnya sumbangan dalam bentuk ilmu pengetahuan iaitu Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM berserta panduan terperinci tentang pelaksanaannya.

Justifikasi penyelidikan ini dibuat dalam bentuk kajian kes partikularistik menggunakan kaedah kualitatif adalah supaya penyelidik dapat mengumpul maklumat secara terperinci dan mendalam serta bagi memahami kes guru di sekolah harian berbanding sekolah berasrama penuh yang lain. Penyelidik memilih sekolah tersebut sebagai tempat kajian untuk mencari jalan penyelesaian kepada pihak sekolah kerana sekolah tempat kajian ini merupakan sekolah terakhir yang layak menerima sijil pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* dan satu-satunya sekolah yang perlu melalui proses akreditasi sebanyak dua kali sebelum mendapat pengiktirafan. Atas dasar ini, penyelidik ingin menyumbangkan sesuatu kepada pihak sekolah dan KPM bagi menyokong pelaksanaan program ini dalam memastikan pihak sekolah dapat mematuhi standard dan keperluan pengiktirafan *MYPIB* dari aspek penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran kerana proses verifikasi akan dijalankan setiap lima tahun.

1.4 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakarkan kejayaan yang besar dalam usaha melonjakkan taraf pendidikan kebangsaan ke peringkat antarabangsa apabila semua sekolah *MYPIB* yang dicalonkan oleh KPM telah berjaya mendapat pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* daripada *IB World School* pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b; Nurharani Selamat et al., 2019). Walau bagaimanapun, pengiktirafan ini tidak bersifat kekal dan boleh dibatalkan pengiktirafannya sekiranya pihak sekolah tidak berjaya mematuhi standard dan keperluan yang digariskan dalam dokumen Standard dan Pelaksanaan Program *MYPIB* serta skop yang telah dipersetujui antara KPM dan *IB World School*. Antara syarat yang telah ditetapkan ialah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran subjek Bahasa dan Kesusasteraan (Gillett, 2014; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a; Park et al., 2014) yang dalam penyelidikan ini disesuaikan dengan KOMSAS bagi subjek Bahasa Melayu.

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS kerana terdapat kajian yang menyatakan bahawa Kemahiran Bernilai Tambah (KBT) yang dalam kajian ini merujuk kemahiran pendekatan pembelajaran tidak diserapkan secara sepenuhnya oleh para guru semasa mengajarkan KOMSAS (Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod, 2018) serta KOMSAS hanya diajar bagi memenuhi tuntutan peperiksaan awam (Peng & Shashipriya Nadaraja, 2014; Samaon et al., 2020). Tambahan pula, penyelidikan ini wajar dilakukan berdasarkan Laporan Lawatan Verikasi *IB Asia Pacific* pada 7-8 Mac 2018 di salah sebuah sekolah *MYPIB* di Malaysia yang meminta supaya guru Bahasa Melayu

menunjukkan kesungguhan yang lebih dalam penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan.

Seterusnya, walaupun pada peringkat global, kajian mendapati bahawa bilangan sekolah yang menawarkan *MYPIB* meningkat dari 636 buah sekolah pada tahun 2009 kepada 5,400 sekolah di 159 negara pada Februari 2022 (IBO, 2022) namun masih terdapat kajian yang mempersoal keupayaan guru untuk melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara berkesan (Bunnell, 2011; Castillo-Clark, 2018; Condoleon, 2019; Dabrowski, 2016; Forrest, 2018; Hughes, 2014; Park et al., 2014). Malah kajian Dickson et al. (2019) menunjukkan seriusnya masalah daripada pihak guru apabila kajian yang dilakukan mendapati kurangnya kesediaan guru merupakan faktor utama beberapa sekolah *MYPIB* di Australia menamatkan program *MYPIB*. Guru dinyatakan sebagai masih tidak bersedia untuk melaksanakan transformasi dalam pendidikan (Condoleon, 2019). Hal ini dapat dikaitkan dengan faktor kurangnya pemahaman guru terhadap konsep pengajaran *MYPIB* seperti penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Tahap pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran masih lagi terhad sehingga menimbulkan rasa kekeliruan dan kurangnya keyakinan guru ketika menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran (Condoleon, 2019; Forrest, 2018) terutamanya bagi guru-guru baharu di sekolah *MYPIB* (Roziyah Ramli et al., 2021).

Faktor pemahaman guru dilihat sebagai cabaran yang paling besar dan perlu diberi perhatian kerana gurulah penggerak utama sesuatu program atau perancangan dan guru bertindak sebagai agen perubahan dalam pendidikan (Bustamante et al., 2018; Fullan, 2014; IBO, 2014a; Li, 2012; dan Razza et al., 2015). Oleh itu, teori konstruktivisme yang menerangkan cara seseorang membina pemahaman dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran (Vygotsky, 1978) digunakan sebagai jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah kurangnya pemahaman guru dalam kajian ini.

Proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Dalam aspek perancangan, terdapat sesetengah guru yang kurang membuat perancangan rapi bagi sesi PdPc terutamanya dari aspek penyediaan Rancangan Unit iaitu rancangan pengajaran yang diperkenalkan dalam program *MYPIB*. (Nurharani Selamat et al., 2019). Masalah berkaitan perancangan ini turut diketengahkan dalam laporan PPPM 2013-2025 yang menyatakan bahawa masih terdapat guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam merancang pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Malah, guru juga kurang melakukan perancangan sebelum melaksanakan pengajaran sebaliknya memberi lebih tumpuan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Arumugham, 2019b). Penyelidikan ini perlu dilakukan bagi mengatasi masalah perancangan pengajaran kerana terdapat kajian yang menyatakan bahawa perancangan pengajaran yang tidak sempurna mengurangkan keberkesanan pengajaran guru (Rozani Ahmad, 2017). Penghasilan rancangan pengajaran memerlukan perancangan dan pertimbangan yang teliti (Dabrowski, 2017).

Selanjutnya, terdapat isu berkaitan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang memerlukan penyelidikan seperti yang dilaporkan dalam Kajian Pelaksanaan dan Impak *MYPIB* (2017), sebanyak 29 peratus guru *MYPIB* menilai pelaksanaan pengajaran mereka secara sederhana dan 24 peratus menilai pelaksanaannya sebagai rendah (Azzam et al., 2017). Hal ini menunjukkan lebih 50 peratus guru tidak menilai pelaksanaan pengajaran mereka sebagai baik. Jadi, penyelidikan ini berhasrat mengkaji proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di Malaysia serta memberikan panduan yang sesuai untuk proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Tambahan pula laporan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* (2018) menyatakan bahawa kebanyakan sekolah masih mengamalkan sistem yang sama seperti dahulu iaitu pengajaran secara tradisional yang berpusatkan guru. Guru sering tidak mempraktikkan pengajaran dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan semasa murid. Malah, pengajaran Guru Cemerlang mata pelajaran Bahasa Melayu masih lagi menggunakan pendekatan cara lama seperti pendekatan kuliah menjadi punca murid bosan terhadap pengajaran mereka (Chong et al., 2017; Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub, 2021).

Selain itu, proses PdPc yang masih menjurus kepada peperiksaan menyebabkan guru-guru meminggirkan aspek kemahiran berfikir dalam PdPc dan memberi tumpuan untuk menghabiskan sukatan pelajaran serta penguasaan dalam teknik menjawab semata-mata (Peng & Siti Syahirah Yusof, 2021). Situasi ini menepati kajian (Forrest, 2018) yang menunjukkan bahawa guru yang mengekalkan pendekatan tradisional dan berorientasikan peperiksaan mengalami kesulitan mengintegrasikan kemahiran

pendekatan pembelajaran ke dalam pengajaran mereka. Masalah ini juga dikemukakan oleh Nurharani Selamat et al., (2019) dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa walaupun guru didapati melaksanakan amalan PdPc menggunakan pendekatan *MYPIB*, namun guru tidak mengajukan soalan aras tinggi untuk merangsang pelajar berfikir dengan lebih kreatif dan kritis selaras dengan elemen kemahiran berfikir dalam kemahiran pendekatan pembelajaran.

Dari aspek refleksi, sorotan literatur menunjukkan kemahiran refleksi sendiri dalam kalangan guru masih terhad dan kurang dilakukan (Erdemir & Yesilcinar, 2021; Manurung & Listiani, 2020). Akibat daripada kegagalan melaksanakan dialog refleksi, guru terus menggunakan kaedah pengajaran yang membosankan seperti kaedah kuliah (Alis et al., 2018). Malah, di Malaysia, bilangan Guru Cemerlang yang mampu melaksanakan refleksi kritikal masih sedikit (Rahim & Ihsan, 2016) sedangkan proses refleksi perlu dilakukan oleh guru bagi menentukan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan (Allas, 2020; Nordiana Hamzah et al., 2018). Refleksi yang dilakukan sama ada oleh pelajar, rakan guru mahupun guru itu sendiri akan memberikan maklumat secara langsung dan segera hasil daripada PdPc yang dijalankan. Impaknya, perancangan serta pengubahsuaian segera Rancangan Unit iaitu rancangan pengajaran mengikut tema boleh dilakukan oleh guru bagi tujuan penambahbaikan PdPc (IBO, 2014a; Nurharani Selamat et al., 2019). Oleh itu, masalah berkaitan perancangan, pelaksanaan dan refleksi sesuai dikaji bersandarkan lima langkah yang diperkenalkan dalam pelaksanaan *Lesson Study* iaitu mengenal pasti masalah dan matlamat, merancang pengajaran, melaksanakan pengajaran, membuat refleksi dan membuat penambahbaikan (Confrey & Kazak, 2019).

Setelah mengkaji keseluruhan permasalahan daripada kajian terdahulu serta jurang kajian yang perlu dijawab, maka kajian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM sangat penting dilaksanakan. Sekiranya guru tidak memahami konsep, maka proses penerapan tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Maka, penyelidikan untuk meneroka pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran perlu dilakukan bagi menjawab permasalahan ini.

Kajian ini penting dalam memberi sumbangan penting dalam bentuk pembinaan kerangka berserta panduan yang terperinci tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dari aspek pemahaman guru, perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Usaha ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman guru serta memantapkan profesionalisme guru di sekolah *MYPIB*, KPM. Selain itu, dalam konteks yang lebih besar, KPM boleh menggunakan kerangka ini sebagai panduan untuk mengembangkan pelaksanaan PdPc bercorak antarabangsa kepada sekolah KPM lain supaya hasrat KPM untuk melonjakkan taraf pendidikan kebangsaan ke peringkat antarabangsa tercapai.

1.5 Objektif Kajian

Secara umum, tujuan utama kajian kes ini dijalankan adalah untuk meneroka pemahaman guru terhadap proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM dengan memberi fokus kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- i. Menghuraikan pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*, KPM.
- ii. Memperincikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dari aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan berikut:

- i. Bagaimanakah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*, KPM?
- ii. Bagaimanakah proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilakukan di sekolah *MYPIB*, KPM?

1.7 Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka teoretikal penyelidikan ini adalah berasaskan Teori Konstruktivisme, model *Scaffolding*, model *Lesson Study* dan kerangka kemahiran pendekatan pembelajaran. Teori Konstruktivisme yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978) iaitu seorang ahli psikologi melalui bukunya *Mind in Society* menerangkan cara seseorang pelajar membina pemahaman dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran. Penggunaan teori ini sangat penting kerana terbukti teori ini sangat dominan dalam pendidikan serta menyediakan perubahan paradigma kepada pendekatan yang lebih berasaskan kognitif. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Peter, Abiadun & Jonathan (2010) yang menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme memberi kesan yang positif kepada akademik murid. Proses pembelajaran berlaku secara

berterusan dan berdasarkan pengalaman pembelajaran sebelumnya (Daniels, 2016; Lüddecke, 2016; Phye, 2001; Poonoosamy, 2018; Zhou & Brown, 2017).

Dalam penyelidikan ini, teori konstruktivisme digunakan oleh guru dalam proses membina pemahaman tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*. Hal ini dikatakan demikian kerana guru-guru di sekolah *MYPIB*, KPM masih dianggap baharu dalam proses membina pemahaman tentang kemahiran pendekatan pembelajaran dan proses penerapannya.

Selain itu, Vygotsky juga telah memperkenalkan *Scaffolding* yang memberi fokus kepada peranan yang dimainkan oleh guru dalam proses perkembangan pembelajaran murid (Cingel Bodinet, 2016; Forrest, 2018; Lüddecke, 2016; Steffen dan Villaverde, 2018). Berdasarkan teori *Scaffolding*, guru sebagai pemudah cara menggunakan kaedah pengajaran yang membantu murid untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran belajar serta penguasaan tentang KOMSAS semasa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dilaksanakan. Berdasarkan prinsip *Scaffolding*, pengajaran KOMSAS berfokuskan murid dapat dilaksanakan.

Seterusnya, penyelidikan ini berpandukan model *Lesson Study* yang mengetengahkan lima langkah atau kitaran yang melibatkan penentuan matlamat, merancang pengajaran, pelaksanaan pengajaran, refleksi dan membaiki semula perancangan amat sesuai digunakan dalam penyelidikan ini bagi mengkaji proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

Yang terakhir, penyelidikan ini merujuk Kerangka Kemahiran Pendekatan Pembelajaran yang diguna pakai dalam program *MYP*. Dalam kerangka ini dinyatakan secara jelas tentang lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri serta kemahiran penyelidikan. Melalui Kerangka Kemahiran Pendekatan Pembelajaran ini juga, guru-guru dapat merujuk kemahiran pendekatan pembelajaran secara lebih mendalam melalui paparan sepuluh kluster yang terbina daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran. Hasil gabungan teori, model dan kerangka ini, maka terhasil kerangka teoretikal kajian seperti yang dipaparkan dalam *Rajah 1.1*



Rajah 1.1 Kerangka Teoretikal Kajian (Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada *LCIS MYP*, 2018).

1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini bertujuan meneroka aspek pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang merangkumi proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Seterusnya, kajian ini menjadi perintis dalam bidang penyelidikan berkaitan kemahiran pendekatan pembelajaran dan sekolah *MYPIB* yang masih terlalu kurang kajian tentangnya dilakukan di Malaysia sedangkan telah terbukti penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memberi manfaat yang banyak kepada murid. Menerusi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid dapat menguasai kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan untuk belajar dan menguruskan kehidupan (Azzam et al., 2017; Wright & Lee, 2014). Penyelidikan ini juga dapat memberi input yang lebih meluas kepada khalayak dalam bidang penyelidikan pendidikan mahupun pihak pelaksana iaitu guru, pentadbiran sekolah, bahagian latihan guru mahupun Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM untuk melakukan penambahbaikan dalam pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*. Justeru, dapatan penyelidikan ini diharapkan dapat memberi kepentingan kajian berdasarkan perspektif berikut:

1.8.1 Sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil penyelidikan ini dapat memberi laporan kepada KPM tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*. Selanjutnya, kajian ini dapat memberikan laporan tentang pemahaman guru terhadap amalan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan refleksi. Melalui laporan ini, KPM boleh

mengambil tindakan susulan untuk melakukan penambahbaikan pada masa hadapan. Selain itu, hasil penyelidikan ini dapat memberikan panduan kepada pihak KPM dalam merangka perancangan dan latihan yang diperlukan oleh guru-guru Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB*.

Kerangka berserta panduan pelaksanaan yang dihasilkan daripada penyelidikan ini merupakan kekuatan yang dikenal pasti dan diharapkan dapat dijadikan rujukan oleh bahagian penggubal dasar di KPM untuk meningkatkan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS khususnya dan PdPc secara umumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemahaman guru yang jelas tentang kemahiran pendekatan pembelajaran dan proses penerapannya merupakan teras kepada kejayaan pelaksanaan program *MYPIB* di Malaysia. Impaknya, usaha KPM untuk merealisasikan PPPM 2013-2025, di bawah Inisiatif 20: Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pendidikan akan tercapai.

1.8.2 Sumbangan kepada Pentadbir Sekolah

Dapatan yang dilaporkan ini juga diharap dapat memberi petunjuk dan maklumat kepada pentadbir sekolah khususnya berkaitan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*. Dapatan ini diharap memberi panduan kepada pentadbir sekolah untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan guru-guru tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Pihak pentadbir haruslah memastikan guru-guru Bahasa Melayu memahami dan menguasai setiap aspek yang diperlukan untuk menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS terutamanya dalam proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

1.8.3 Sumbangan kepada Guru-Guru Bahasa Melayu

Penyelidikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini diharapkan dapat memberi panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB*. Kerangka berserta panduan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini diharapkan dapat membantu guru-guru yang mengajarkan KOMSAS khususnya, memandangkan sekolah *MYPIB* di Malaysia merupakan sekolah KPM yang menggunakan silibus kebangsaan.

Kerangka berserta panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh guru-guru di sekolah *MYPIB* khasnya guru-guru Bahasa Melayu untuk memahami proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memandangkan setakat ini masih kurang panduan yang jelas tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Panduan yang diberikan oleh pihak *MYPIB* bersifat umum untuk penggunaan antarabangsa seperti yang terkandung dalam buku *From Principle Into Practice* (Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan). Kandungannya perlu disesuaikan dengan situasi pembelajaran di Malaysia. Tuntasnya, kerangka berserta garis panduan ini diharapkan dapat dijadikan rujukan dan panduan yang berkesan untuk perancangan, pelaksanaan dan refleksi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM.

1.8.4 Sumbangan kepada Teori

Kajian ini dapat memberi manfaat dari aspek teori dan menjadikan penyelidikan mempunyai asas teori kajian yang kuat. Melalui kajian ini, penyelidik telah menggabungkan teori utama iaitu teori konstruktivisme dengan model dan kerangka

seperti model *Scaffolding*, model *Lesson Study* dan kerangka Kemahiran pendekatan pembelajaran. Teori, model dan kerangka yang dipilih telah digabungkan supaya menjadi kerangka teoretikal yang bersifat khusus dalam usaha untuk mengukuhkan pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Hasilnya terbentuklah Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS berserta panduan pelaksanaannya. Kerangka berserta panduan ini secara signifikan dapat memberi sumbangan kepada transformasi pengajaran. Diharapkan sumbangan dari aspek teori ini menjadikan kajian ini bermakna dan berjaya menarik minat para penyelidik yang lain untuk menggunakannya atau melanjutkan penggunaannya dalam penyelidikan akan datang.

1.9 Batasan Kajian

Penyelidikan ini mempunyai batasan tertentu yang telah ditetapkan oleh penyelidik bagi mengelakkan berlakunya salah interpretasi terhadap dapatan kajian. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan kajian kes tunggal atau partikularistik yang menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Creswell (2013), kajian kes tunggal ditakrifkan sebagai penerokaan dalam satu sistem yang terbatas atau satu kes dalam satu jangka waktu yang lama melalui pengumpulan data secara mendalam dan teliti yang melibatkan pelbagai sumber maklumat yang kaya dalam konteks berkenaan. Oleh itu, penyelidikan ini hanya dijalankan di sebuah sekolah menengah kebangsaan bertaraf *MYPIB*, KPM. Tambahan pula, sekolah ini merupakan sekolah harian berbanding kebanyakan sekolah *MYPIB* yang lain yang rata-ratanya merupakan sekolah berasrama penuh. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi penyelidikan berdasarkan situasi sekolah ini yang menjadi sekolah

terakhir yang berjaya diiktiraf sebagai sekolah *MYPIB*, KPM. Keistimewaan sekolah ini ialah usaha guru-gurunya untuk memahami dan mengaplikasikan kerangka *MYPIB* bagi memastikan sekolah ini mendapatkan pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* setelah verifikasi kali pertama menemui kegagalan.

Sampel kajian penyelidikan ini merupakan persampelan bertujuan yang terdiri daripada enam orang guru yang terlibat secara langsung dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di salah sebuah sekolah *MYPIB*, KPM. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan dapatan yang diperoleh benar-benar menjawab soalan kajian dan menepati tajuk penyelidikan iaitu Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Persampelan bertujuan serta lokasi yang tertentu ini dipilih berdasarkan Merriam (1998), yang menyatakan bahawa strategi persampelan bertujuan mengandaikan bahawa penyelidik bermatlamat menemui, memahami dan memperoleh pengertian secara bermakna hasil daripada sumbangan yang diberikan oleh sampel yang dipilih.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang berkaitan dalam kajian ini didefinisikan berdasarkan kepada skop kajian yang dijalankan.

1.10.1 *International Baccalaureate (IB)*

International Baccalaureate (IB) dikenali sebagai *The International Baccalaureate Organization (IBO)* ialah organisasi pendidikan antarabangsa. *IB* telah diasaskan pada tahun 1968 yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland. Program pendidikan *IB* menggalakkan murid di seluruh dunia menjadi pelajar aktif, penyayang, gigih belajar

sepanjang hayat serta menjadi seorang yang memahami dan menghormati perbezaan pandangan. Kini, program *IB* telah diterima di seluruh dunia (IBO, 2014a; Resnik, 2020; Wright et al., 2016).

1.10.2 Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)

Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB) merupakan program *IB* yang dirangka untuk murid antara 11-16 tahun. Namun di Malaysia, program ini disesuaikan dengan sistem persekolahan menengah iaitu murid yang terlibat adalah antara 13-17 tahun iaitu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Sekolah *MYPIB* di Malaysia merupakan sekolah kerajaan yang menggunakan kerangka program *MYPIB* yang digabungkan dengan silibus Malaysia (Hughes, 2014; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a; Storz & Hoffman, 2018).

1.10.3 Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Kemahiran pendekatan pembelajaran merujuk kepada istilah *Approches to Learning Skills* atau istilah yang diguna pakai di sekolah-sekolah *MYPIB* sebagai kemahiran *ATL*. Untuk penyelidikan ini, istilah kemahiran *ATL* diterjemahkan secara keseluruhannya ke dalam bahasa Melayu bagi mengangkat istilah bahasa Melayu. Istilah yang dicadangkan oleh bahagian rujukan DBP ialah kemahiran pendekatan pembelajaran. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini masih mengekalkan istilah kemahiran *ATL* dalam Bab 4 kerana data-data yang diperoleh daripada kaedah temu bual, melengkapkan cerita dan analisis data masih lagi menggunakan istilah kemahiran *ATL*.

Kemahiran pendekatan pembelajaran berkaitan dengan pembangunan kemahiran berfikir, strategi dan sikap serta kebolehan membuat refleksi ke atas pembelajaran sendiri. Kemahiran pendekatan pembelajaran memberi tumpuan kepada proses pembelajaran, membantu murid supaya yakin, berdikari dan boleh menguruskan dirinya sepanjang hayat. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid membangunkan kemahiran yang mempunyai kaitan dalam kurikulum yang membantu mereka untuk belajar cara belajar. Kemahiran pendekatan pembelajaran terbahagi kepada lima kategori iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran penyelidikan, dan kemahiran pengurusan diri. Daripada lima kemahiran ini, terdapat sepuluh pecahan kemahiran yang dipanggil kluster. Kemahiran-kemahiran ini yang perlu dikuasai oleh pelajar (Aktas & Guven, 2015; Beisly, 2020; Bustamante & Hindman, 2020; IBO, 2014a).

1.10.3.1 Kemahiran Komunikasi

Kategori pertama dalam kemahiran pendekatan pembelajaran ialah kemahiran komunikasi. Menerusi penerapan kemahiran komunikasi, guru memberi fokus kepada dua bahagian iaitu pertama cara murid berkomunikasi melalui interaksi sama ada secara bersemuka ataupun melalui media sosial dan kedua, cara murid berkomunikasi melalui bahasa iaitu membaca, menulis dan menggunakan bahasa untuk mengumpulkan dan menyampaikan maklumat. Melalui penerapan kemahiran komunikasi, murid berkebolehan untuk berkomunikasi bersesuaian dengan kumpulan sasaran bukan sahaja melalui lisan atau penulisan malah, murid mahir untuk menggunakan rangkaian media digital untuk berkomunikasi (IBO, 2014a; Jaggil Apak & Muhammad Suhaimi Taat, 2018; Windhiyana, 2020).

1.10.3.2 Kemahiran Sosial

Kemahiran Sosial dalam kemahiran pendekatan pembelajaran memberi fokus kepada kemahiran berkolaboratif iaitu bekerjasama secara efektif dengan orang lain. Melalui penerapan kemahiran sosial, murid mampu berkolaboratif bukan sahaja secara bersemuka, malah murid mampu berkolaboratif menggunakan media sosial bagi mengurus dan menyelesaikan tugas secara pasukan (Bustamante & Hindman, 2020; IBO, 2014a; Razza et al., 2015).

1.10.3.3 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir yang diperkenalkan dalam kemahiran pendekatan pembelajaran terdiri daripada tiga kluster iaitu pertama, kemahiran pemikiran kritis iaitu kebolehan untuk menganalisis dan menilai isu dan idea. Kluster kemahiran berfikir kedua ialah kemahiran pemikiran kreatif iaitu menghasilkan idea baharu dan mempertimbangkan perspektif baharu. Ketiga, kluster kemahiran pemindahan iaitu menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai konteks seperti mengaplikasikan sesuatu kemahiran dan pengetahuan dalam situasi baharu (Bustamante & Hindman, 2020; Hilal, 2018; IBO, 2014a).

1.10.3.4 Kemahiran Pengurusan Diri

Kemahiran pengurusan diri terbahagi kepada tiga kluster iaitu pertama, kemahiran menguruskan masa dan tugas secara efektif. Antaranya merancang tugas jangka pendek dan jangka panjang dan menepati tarikh akhir yang ditetapkan. Kedua, kemahiran efektif atau pengurusan minda yang melibatkan kesedaran seperti pengurusan emosi dengan menggunakan strategi untuk mengurangkan stres serta membina daya tahan seperti melatih diri untuk bangkit semula setelah mengalami

kegagalan. Ketiga, kemahiran refleksi, iaitu proses pembelajaran memilih dan menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran. Antara kemahiran yang diterapkan ialah mencuba kemahiran pendekatan pembelajaran baharu dan menilai keberkesannya, mempamerkan tindakan yang fleksibel dalam pemilihan dan penggunaan strategi pembelajaran dan mempertimbangkan strategi pembelajaran peribadi (Bustamante & Hindman, 2020; Forde, 2017; IBO, 2014a).

1.10.3.5 Kemahiran Penyelidikan

Kemahiran penyelidikan terbahagi kepada dua, pertama kemahiran literasi maklumat yang melibatkan proses mencari, mentafsir, menilai, dan menyediakan maklumat. Antara kemahiran yang diterapkan ialah mengumpulkan, merekodkan dan mengesahkan data yang diperolehi sama ada melalui teknologi mahupun media cetak. Kedua, kluster kemahiran literasi media iaitu proses berinteraksi dengan media untuk menggunakan dan menghasilkan idea dan maklumat. Melalui kemahiran ini, pelajar mampu mengesan, menyusun, menganalisis dan menggunakan maklumat secara beretika daripada pelbagai sumber dan media termasuk media sosial, digital dan rangkaian dalam talian (IBO, 2014a; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a).

1.10.4 Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merangkumi semua aspek tindakan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh seseorang guru dalam merancang, melaksanakan dan memberi refleksi terhadap PdPc yang dapat menyepadukan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan pengetahuan kandungan pelajaran sehingga murid mampu membangunkan pemahaman tentang sesuatu ilmu ataupun konsep. Semua guru

di sekolah *MYPIB* bertanggungjawab untuk mengintegrasikan dan mengajar secara jelas kemahiran pendekatan pembelajaran yang merangkumi sepuluh kluster perkembangan. Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran boleh diintegrasikan dalam pengajaran dan pentaksiran melalui tugas, pembentangan dan projek *Servis As Action* (SAA) yang melibatkan penyelesaian masalah sama ada secara individu dan berkumpulan. Guru akan menggalakkan pelajar menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber secara kritis dengan menggunakan pelbagai media atau teknologi dengan sewajarnya. Kurikulum berpandukan konsep penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara berkesan boleh menjadikan semua murid lebih tabah dan lebih bijak mengawal diri sendiri (Forrest, 2018; IBO, 2013; IBO, 2014a; Levy-Feldman, 2018).

1.10.5 Pemahaman Guru

Pemahaman guru bermaksud guru mempunyai pengetahuan yang mendalam serta menguasai konsep dan ciri-ciri penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru dapat menyepadukan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan pengetahuan kandungan pelajaran, malah mampu mengintegrasikan kemahiran pendekatan pembelajaran dan pengetahuan kandungan dalam perancangan dan pelaksanaan PdP (Rohaida Mazlan, 2017; Forrest, 2018; IBO, 2014a).

1.10.6 Bahasa dan Kesusasteraan

Bahasa dan Kesusasteraan merupakan salah satu subjek wajib yang perlu diajarkan di sekolah *MYPIB*. Enam bidang kemahiran makro perlu dibangunkan dalam PdPc iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis, mengkaji dan menyampaikan. Kandungan

pelajaran yang terkandung dalam subjek Bahasa dan Kesusasteraan merangkumi pelbagai teks seperti fiksyen pendek (cerpen dan drama), fiksyen panjang (novel), serta puisi. Pelbagai genre perlu diajarkan setiap tahun agar pelajar berpeluang mengembangkan sepenuhnya kemahiran genre dalam tempoh lima tahun pengajian. Bagi setiap tahun pengajaran, komponen kesusasteraan dunia wajib diajarkan, contohnya teks atau puisi dari Indonesia, Turki, Korea dan sebagainya (IBO, 2014b).

1.10.7 Komponen Sastera (KOMSAS)

Komponen sastera (KOMSAS) merupakan sebahagian daripada silibus subjek Bahasa Melayu bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di semua sekolah menengah di Malaysia. Jenis karya atau genre yang dipelajari dalam KOMSAS ialah novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden (sajak) dan puisi tradisional. Penggunaan teks KOMSAS Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 adalah sebagai bahan dalam PdPc Bahasa Melayu dan boleh disesuaikan mengikut kemahiran dan aspek yang terkandung dalam DSKP. Dalam konteks penyelidikan ini, ciri-ciri dan objektif subjek Bahasa dan Kesusasteraan amat bersesuaian disamakan dengan KOMSAS iaitu sebahagian daripada komponen silibus Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b).

1.10.8 Pengajaran KOMSAS

Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca dan penghayatan terhadap karya sastera serta menyerapkan ilmu dan kemahiran sastera dalam kalangan murid. Pengajaran KOMSAS menyokong pembentukan individu, pembangunan minda,

sosioemosi, estetik, kreativiti dan nilai diri bersesuaian dengan budaya dan citra masyarakat negara ini. Pengajaran KOMSAS merangsang pembentukan jati diri individu yang seimbang dan menyeluruh. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b).

1.11 Ringkasan Bab

Kesimpulannya, bab satu ini menggambarkan secara ringkas keseluruhan penyelidikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*. Bab ini membincangkan latar belakang *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)* iaitu satu program pendidikan antarabangsa yang baru diperkenalkan di beberapa buah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Satu elemen penting dalam program ini yang menjadi fokus kajian adalah tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Penulisan bab ini membincangkan komponen-komponen penting dalam penyelidikan termasuk pendahuluan dan latar belakang kajian. Pengalaman penyelidik dikemukakan bagi membuktikan penyelidik mempunyai pengetahuan asas tentang kajian yang dilakukan. Seterusnya penulisan dilanjutkan tentang pernyataan masalah kajian yang berkaitan pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) serta menyatakan objektif kajian dan soalan kajian yang menjadi hala tuju kajian. Seterusnya penyelidik mengemukakan kerangka teoretikal kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan kesimpulan kajian. Bagi memahami dengan lebih lanjut tentang penyelidikan ini, penulisan tentang sorotan literatur dibincangkan dalam Bab Dua.

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi perbincangan kajian terdahulu sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun pada peringkat antarabangsa yang relevan dengan kajian yang sedang dijalankan oleh penyelidik. Perbincangan dan penelitian yang dilakukan berorientasikan fokus kajian iaitu penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sebuah sekolah *MYPiB*, KPM. Sorotan kajian terbahagi kepada tiga aspek utama kajian iaitu bahagian pertama akan membincangkan latar belakang dan konsep, bahagian kedua pula membincangkan teori, model dan kerangka yang berkaitan dengan kajian, manakala bahagian ketiga pula memuatkan perbincangan kajian-kajian yang berkaitan objektif dan soalan kajian.

2.2 *International Baccalaureate (IB)*


International Baccalaureate (IB) yang juga dikenali sebagai *The International Baccalaureate Organization (IBO)* beribu pejabat di Geneva, Switzerland. *IBO* merupakan satu organisasi bebas yang bukanlah sebuah badan kerajaan (Bailey & Cooker, 2018). Program *IB* yang mula dibangunkan pada tahun 1968 ini telah pesat berkembang sehingga tertubuhnya lebih daripada 4,786 sekolah di seluruh dunia sehingga tahun 2018 (Bailey & Cooker, 2018; Resnik, 2018). Terkini, menurut laman sesawang utama *IB* yang memaparkan maklumat dan statistik organisasi *IB*, sehingga Februari 2022, terdapat lebih 7,500 program *IB* yang ditawarkan di seluruh dunia meliputi lebih 5,400 sekolah di 159 negara (IBO, 2022). Untuk memudahkan urusan,

IBO telah menubuhkan pejabat yang menguruskan semua hal berkaitan akademik dan kurikulum *IB* yang bertempat di Cardiff, United Kingdom (Wright et al., 2016). Manakala ibu pejabat *IB* bagi Asia Pasifik bertempat di Singapura (IBO, 2014a).

Terdapat empat program pendidikan yang ditawarkan oleh *IB* iaitu *Program Diploma (DP)* (1970), *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYP)* (1994) untuk pelajar 12 hingga 16 tahun, *Primary Year Program (PYP)* (1997) untuk pelajar sekolah rendah, dan yang terakhir, *IB Career-related Certificate* (2012) iaitu Sijil berkaitan kerjaya *IB* (Belal, 2017a; International Baccalaureate Organization (UK) Ltd, 2015). Walau bagaimanapun, penyelidikan yang dilakukan ini hanya memberi tumpuan kepada program *MYP* selaras dengan pelaksanaan program ini di sepuluh buah sekolah terpilih di Malaysia seperti bagi menunaikan hasrat PPPM 2013-2025 yang ingin mengangkat taraf pendidikan yang bertaraf dunia di Malaysia.

Memandangkan *IB* dilihat sebagai program kecemerlangan yang dapat menarik minat pelajar yang cemerlang, program ini semakin berkembang di seluruh Kanada (Resnik, 2018). Menurut Cucchiara (2016), program *IB* terkenal kerana tiga sebab, pertama *IB* menjadi pilihan pelajar cemerlang yang ingin menyambung pelajaran ke universiti, kedua sekolah *IB* menjadi pilihan golongan tertentu seperti diplomat atau tentera untuk anak-anak mereka dan ketiga sekolah *IB* dipilih oleh masyarakat yang ingin mengekalkan penguasaan bahasa Perancis. Manfaat lain apabila pelajar mengikuti program *IB* ialah mereka dapat menjimatkan masa dan wang semasa di universiti kerana pihak universiti mengiktiraf beberapa subjek dalam kredit universiti. Tambahan pula, kemahiran pendekatan pembelajaran yang mereka kuasai membantu mereka untuk lebih cemerlang di universiti (Resnik, 2018).

Program *IB* semakin berkembang di seluruh dunia kerana keistimewaan dan kekuatan misinya. Program ini menyediakan pembelajaran sepanjang hayat melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Program *IB* juga menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 yang menuntut pihak sekolah berupaya melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif serta mampu menyelesaikan masalah, berfikiran kritikal serta terbuka dan global seperti yang dinyatakan dalam panduan utama program ini iaitu Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan. Perkembangan program *IB* di seluruh dunia digambarkan melalui Rajah 2.1



Rajah 2.1 Peta Taburan Program International Baccalaureate di Seluruh Dunia (Sumber: Condoleon, 2019)

2.2.1 Falsafah Pendidikan *MYP**IB*

IB telah menjadi jenama pendidikan yang terkemuka dengan kerana berjaya untuk menggabungkan kemahiran pendekatan-pendekatan progresif seperti kemahiran pendekatan pembelajaran dengan penguasaan akademik pelajar (Lee et al., 2018; Wright et al., 2016). Keadaan ini terbukti kerana semakin banyak sekolah mengamalkan program *IB* di peringkat global terutamanya di rantau *IB* Asia-Pasifik.

Sehingga Februari 2022, terdapat lebih 7,500 program *IB* yang ditawarkan di seluruh dunia meliputi lebih 5,400 sekolah di 159 negara (Wright et al., 2016; IBO, 2022). Selaras dengan itu, sejak belakangan ini, *IB* mula diterima oleh masyarakat dunia termasuk Malaysia kerana keistimewaan falsafah pendidikannya yang kondusif untuk pembangunan kemahiran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Wright & Lee, 2014). Di Malaysia, *IB* akan dibincangkan dalam konteks *MYPiB*.

Falsafah Pendidikan *MYPiB* memberi peluang pelaksanaan PdPc dalam komuniti yang dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman bahasa dan budaya serta meningkatkan penglibatan pelajar secara global. Pendidikan *MYPiB* berhasrat untuk membina minda bertaraf antarabangsa berdasarkan pembangunan persekitaran pembelajaran yang menganggap dunia sebagai konteks paling luas untuk pembelajaran. Sekolah antarabangsa *MYPiB* menggunakan standard dan amalan pendidikan sebagai falsafah organisasi dan kurikulum yang boleh mewujudkan dan mengekalkan komuniti pembelajaran secara global (IBO, 2014a; Walker et al., 2014; Wright et al., 2016).

Di sekolah, pelajar belajar tentang dunia dan berinteraksi dengan orang lain melalui kurikulum dan PdPc. Dalam konteks untuk menyokong misi *MYPiB* bagi membentuk golongan muda yang mempunyai sikap ingin tahu dan berpengetahuan luas, program ini menekankan supaya pelajar mempelajari kemahiran pendekatan pembelajaran yang boleh membantu pelajar berinteraksi secara berkesan dengan persekitaran pembelajaran dan menggalakkan pelajar agar menganggap pembelajaran sebagai bahagian yang utama dan penting dalam kehidupan harian mereka (Hughes, 2014; Levy-Feldman, 2018). Program *MYPiB* menyokong pembelajaran secara aktif sebagai satu proses yang berterusan untuk meningkatkan peluang dan penglibatan dalam pembelajaran kepada

semua pelajar. Komuniti pembelajaran menjadi semakin terangkum apabila pelajar telah dapat mengenal pasti dan menghapuskan penghalang bagi pembelajaran dan menyertai pembelajaran secara aktif.

Penemuan dalam kajian terdahulu menunjukkan bahawa pedagogi *IB*, pendekatan holistik, falsafah dan pemikiran global menjadi faktor paling popular program *MYPIB* diterima di seluruh dunia (Hughes, 2014; Walker et al., 2014; Wright et al., 2016). Namun, kajian di Asia-Pasifik menunjukkan bahawa pemasaran, sijil *MYPIB* dan penilaian berasaskan sekolah menjadikan program *MYPIB* menjadi pilihan ibu bapa dan pelajar (Wright et al., 2016).

Secara ringkasnya, pendidikan *MYPIB* ialah hasil interaksi dinamik antara pelajar, PdPc, konteks global dalam PdPc serta usaha mencari pengetahuan dan pemahaman yang bermakna. Hal ini lebih jelas dinyatakan dalam dirujuk kepada Misi *MYPIB* iaitu untuk membentuk golongan muda yang mempunyai sikap ingin tahu (inkuiri), berpengetahuan luas dan penyayang yang akan membantu mewujudkan dunia yang lebih baik dan lebih aman melalui pemahaman dan rasa hormat terhadap konsep antara budaya (IBO, 2014ab; Onyishi & Sefotho, 2020; Storz & Hoffman, 2018).

Program ini menggalakkan murid di seluruh dunia menjadi pelajar aktif, penyayang dan gigih belajar sepanjang hayat serta menjadi seorang yang memahami dan menghormati perbezaan pandangan dalam diri masing-masing. *IB* merupakan program antarabangsa untuk membangunkan generasi muda yang bersifat ingin tahu, berpengetahuan, pemikir, bijak berkomunikasi, berprinsip, berfikiran terbuka, penyayang, mengambil risiko, seimbang dan reflektif. Prinsip ini dikenali sebagai profil

pelajar *IB* (Hughes 2014; Forrest, 2018; Forrest, 2019; IBO, 2014a; Park et al., 2014; Resnik, 2018; Walker et al., 2014; Wright et al., 2016).

2.2.2 *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB) di Malaysia*

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melaksanakan sistem pendidikan bertaraf antarabangsa, kerajaan Malaysia telah membuat pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan berbanding bidang lain dengan membelanjakan lebih daripada RM42.9 bilion pada tahun 2017, iaitu satu per lima daripada hasil ekonomi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam Transformasi Pendidikan, Malaysia telah menjalankan satu projek rintis terhadap sepuluh buah sekolah terpilih di seluruh negara sebagai sekolah *MYPIB* demi melahirkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekolah-sekolah yang terpilih ialah Kolej Tunku Kurshiah (Negeri Sembilan), Kolej Melayu Kuala Kangsar (Perak), SMK Muhamad Faris Petra (Kelantan), SMK Dato' Sheikh Ahmad (Perlis), SMK Sultanah Bahiyah (Kedah), SMKA Shaikh Abdul Malik (Terengganu), SMK Putrajaya Presint 9 (WP Putrajaya), SMK Seri Tualang (Pahang), SMK Sungai Tapang (Sarawak) dan SMK Pantai (WP Labuan). Sekolah *MYPIB* telah diperkenalkan di Malaysia bermula pada tahun 2013 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a; Nurharani Selamat et al., 2019). *MYPIB* merupakan program pembelajaran yang diperkenalkan di bawah Inisiatif 20: Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam usaha menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 serta dapat melonjakkan taraf pendidikan kebangsaan ke tahap antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Nurharani Selamat et al., 2019).

Sekolah *MYPIB* di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bukanlah merupakan sekolah antarabangsa yang terdiri daripada pelajar-pelajar antarabangsa, tetapi sekolah *MYPIB* di Malaysia menggunakan kaedah dan pendekatan *IB* yang bertaraf dunia dengan menerapkan kurikulum kebangsaan. Semua sepuluh buah sekolah *MYPIB* ini menggunakan kerangka *Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)* iaitu program bagi pelajar berumur 11-16 tahun (Hughes, 2014; Wright et al., 2016) yang disesuaikan dengan umur persekolahan menengah di Malaysia iaitu 13-17 tahun. Walaupun Malaysia memilih untuk menggunakan program *MYPIB* tetapi sekolah-sekolah ini masih menggunakan kurikulum Malaysia dan peperiksaan awam Malaysia. Selain itu, sekolah *MYPIB* di Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mengekalkan para pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia dengan mewajibkan pelajar lulus dalam subjek Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a; 2018c).

Sepuluh buah sekolah yang telah dicalonkan sebagai sekolah *MYPIB* ini telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada *International Baccalaureate Organization (IBO)* pada tahun 2017 kerana berjaya mematuhi garis panduan dan syarat-syarat pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh pihak *IBO*. Antara syaratnya ialah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam PdPc, (Gillett, 2014; IBO, 2012; Park et al., 2014). Secara ringkasnya, kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan satu aspek penting yang perlu ditekankan kepada murid sama ada untuk tujuan kecemerlangan akademik mahu pun kehidupan sepanjang hayat.

Menurut dokumen Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan:

“Melalui program *MYPIB*, PdP dilaksanakan menerusi penerapan kemahiran belajar iaitu kemahiran pendekatan pembelajaran. Kemahiran

pendekatan pembelajaran ialah kemahiran yang diperoleh oleh pelajar apabila mereka belajar cara untuk belajar, berfikir secara berkesan, memproses maklumat dan menguruskan emosi mereka. Kemahiran pendekatan pembelajaran boleh membantu pelajar berinteraksi secara berkesan dalam PdP dan menggalakkan pelajar menganggap pembelajaran sebagai bahagian yang utama dan penting dalam kehidupan harian mereka. Secara tidak langsung, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran membantu pelajar membuat persediaan untuk menghadapi cabaran global yang kompleks melalui pendidikan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan dalam PdP". (IBO, 2014a, Hlm. 23)

Bagi mendapat pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB* bukanlah satu perkara yang mudah. Bermula Mac 2013, guru-guru di sekolah ini wajib menghadiri kursus-kursus *MYPIB* yang berakhir pada Januari tahun 2014. Terdapat dua jenis kursus yang dihadiri oleh guru-guru di sekolah *MYPIB* iaitu kursus secara bersemuka dan kursus secara atas talian. Guru-guru perlu mempelajari kerangka *MYPIB* untuk diaplikasikan dalam PdPc (Hughes, 2014). Pada tahun 2015 kaedah dan teknik *MYPIB* telah digunakan sepenuhnya dalam PdPc. Kursus secara bersemuka dijalankan di bawah bimbingan konsultan *MYPIB* yang didatangkan khas dari luar negara seperti Switzerland dan New Zealand. Kursus secara dalam talian pula dipantau oleh *IB World School*. Program *MYPIB* terangkum dalam kerangka *MYPIB* seperti dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2 Kerangka Middle Years Programme International Baccalaureate (MYP/IB). (Sumber: IBO, 2014)

2.2.3 Kemahiran Pendekatan Pembelajaran (*Approaches to Learning Skills*)

Kemahiran pendekatan pembelajaran berkaitan dengan pembangunan kemahiran, strategi dan sikap serta kebolehan membuat refleksi ke atas pembelajaran sendiri. Kemahiran pendekatan pembelajaran memberi tumpuan kepada proses pembelajaran, membantu murid supaya yakin, berdikari dan boleh menguruskan dirinya sepanjang hayat. Kemahiran pendekatan pembelajaran terbahagi kepada lima kategori iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran penyelidikan, dan kemahiran pengurusan diri. Lima kemahiran pendekatan pembelajaran ini pula merangkumi sepuluh kluster perkembangan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar (IBO, 2014a; Park et al., 2014).

Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, pelajar membangunkan kemahiran yang mempunyai kaitan dalam kurikulum yang membantu mereka untuk belajar cara belajar. Menurut Forrest (2018), penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran secara bebas dan dengan orang lain. Kemahiran pendekatan pembelajaran membantu pelajar mempersiapkan diri untuk pembelajaran yang bermakna. Rajah 2.3 merupakan huraian tentang lima kemahiran pendekatan pembelajaran yang diperincikan kepada sepuluh kluster.


Kategori kemahiran <i>ATL</i>	Kluster kemahiran <i>ATL</i> <i>MYP1B</i>	
1. Kemahiran Komunikasi (KK)	I.	Komunikasi
2. Kemahiran Sosial (KS)	II.	Kerjasama
	III.	Organisasi
	IV.	Afektif
3. Kemahiran Pengurusan diri (KPD)	V.	Refleksi
4. Kemahiran Penyelidikan (KP)	VI.	Literasi maklumat
	VII.	Literasi media
	VIII.	Berfikiran kritis
	IX.	Berfikiran kreatif
5. Kemahiran Berfikir (KB)	X.	Pemindahan

Rajah 2.3 Sepuluh Kluster Kemahiran Pendekatan Pembelajaran. (Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada *IBO* (2014)).

2.2.3.1 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi dalam kemahiran pendekatan pembelajaran berfokus kepada satu kluster kemahiran sahaja iaitu kluster kemahiran komunikasi. Menerusi kluster kemahiran komunikasi, guru memfokuskan penerapan kepada dua perkara iaitu pertama cara murid berkomunikasi melalui interaksi iaitu pertukaran pemikiran, mesej dan maklumat secara berkesan melalui interaksi. Kedua, cara murid berkomunikasi melalui bahasa iaitu membaca, menulis dan menggunakan bahasa untuk mengumpulkan dan menyampaikan maklumat.

Melalui penerapan kemahiran komunikasi, pelajar berkebolehan untuk menggunakan pemahaman antara budaya untuk berkomunikasi secara bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Pelajar berkemahiran untuk berbincang tentang idea dan pengetahuan dengan guru, rakan sebaya mahupun masyarakat bukan sahaja melalui lisan atau penulisan malah pelajar mahir untuk menggunakan rangkaian media digital untuk berkomunikasi (IBO, 2014a). Rajah 2.4 merupakan ringkasan kepada huraian kemahiran komunikasi.




Rajah 2.4 Kemahiran Komunikasi.

Kemahiran komunikasi dalam kemahiran pendekatan pembelajaran selaras dengan kemahiran bernilai tambah dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (DSKP) yang merangkumi kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat yang penting dikuasai oleh pelajar untuk memastikan keberkesanan penyampaian mesej dan makna yang tepat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a). Kemahiran komunikasi yang menggunakan teknologi maklumat memberi peluang kepada murid untuk berkomunikasi walaupun tanpa bersua muka. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Windhiyana (2020) yang menjelaskan bahawa pembelajaran secara dalam talian merupakan satu wahana pembelajaran secara maya melalui capaian Internet untuk membentuk satu komunikasi antara guru dan murid tanpa memerlukan pembelajaran secara bersemuka. Walaupun komunikasi bukan lisan ternyata memberi impak yang baik terutamanya pada era pandemik dan endemik ini, namun masih terdapat isu kurangnya kesedaran guru dan pelajar terhadap keperluan komunikasi bukan lisan dalam pelaksanaan PdPc (Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shaharuddin, 2019; Mohd Rohiman Subri et al., 2020). Keadaan ini memberi kesan dan akibat yang buruk terhadap perkembangan pendidikan (Nordin Halias et al., 2017).

2.2.3.2 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir terbahagi kepada tiga kluster iaitu pertama, kemahiran pemikiran kritis iaitu menganalisis dan menilai isu dan idea. Antara kemahiran yang dikembangkan dalam kluster ini ialah kemahiran pemerhatian yang teliti untuk mengenal pasti masalah. Kluster kemahiran kedua ialah kemahiran pemikiran kreatif iaitu menghasilkan idea baharu dan mempertimbangkan perspektif baharu. Melalui kluster kemahiran pemikiran kreatif ini, kemahiran menggunakan sumbang saran dan

rajah visual untuk menghasilkan idea dan inkuiri baharu diterapkan. Ketiga, kluster kemahiran pemindahan iaitu menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai konteks seperti mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan dalam situasi baharu (IBO, 2014a). Rajah 2.5 menunjukkan tiga kluster kemahiran yang terdapat dalam kemahiran berfikir.



Rajah 2.5 Kemahiran Berfikir.


Menurut Aktas (2015) dan Macrauld (2015), individu yang mempunyai kemahiran berfikir dapat mengenal pasti masalah dan berfikir secara kritis dan kreatif untuk menyelesaikan masalah ini tanpa membelakangkan etika. Selain itu, penerapan kemahiran berfikir yang meliputi kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif membolehkan pemahaman dan pengetahuan dipindahkan kepada masalah baharu atau berlainan (Condoleon, 2019; Ngang & Sulermutyrean, 2015). Kecenderungan pemikiran kritis merupakan sebuah hasil kemahiran yang lahir daripada proses pendidikan kerana pemikiran kritis merupakan pemikiran reflektif yang memberi fokus kepada penilaian dengan pelbagai alternatif (Ennis, 2002). Kemahiran pemikiran kritis merupakan satu kemahiran yang perlu dipupuk dalam minda pelajar. Kemahiran ini amat bernilai bagi merealisasikan hasrat negara dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti serta mampu melahirkan pelajar bertaraf dunia yang mempunyai kemahiran kritis abad ke-21 (Ardiana Aziz et al., 2019).

Kemahiran berfikir telah dijadikan satu daripada elemen utama dalam sistem pendidikan sebagai usaha untuk meningkatkan perkembangan intelek pelajar (Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor, 2019). Kemahiran berfikir juga merupakan elemen terpenting dalam sistem pendidikan di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a). Menurut Kamarudin Abu Hassan (2009), kemahiran berfikir ialah kecekapan menggunakan akal dalam menjalankan proses menyusun maklumat, konsep atau idea secara teratur dan membuat kesimpulan yang tepat untuk tindakan yang terarah dan sewajarnya. Proses berfikir merupakan satu proses mental atau aktiviti mental untuk mencari makna (Nasyimah Ismail & Zamri Mahmod, 2016). Pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran berfikir merupakan teras kepada pembelajaran (McGregor 2007). Pentingnya kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar telah mendorong KPM untuk memantapkan lagi usaha ke arah untuk menghasilkan modal insan yang kreatif dan inovatif (Nasyimah Ismail & Zamri Mahmod, 2016).

Apabila program pendidikan kebangsaan dan program *MYPIB* disepadukan, kesimpulan yang boleh dibuat ialah kemahiran berfikir merupakan kemahiran asas yang perlu diterapkan kepada pelajar. Kemahiran berfikir harus diterapkan sebagai persediaan kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dan menghadapi cabaran dalam perubahan pantas dunia masa hadapan. Oleh itu, penerapan kemahiran berfikir perlu dirancang dengan teliti untuk menyediakan pelajar dari bangku persekolahan lagi (Aktas & Guven, 2015). Sehubungan itu, guru perlu mahir mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam PdPc. Maka, menjadi peranan guru untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk penerapan kemahiran berfikir semasa PdPc.

2.2.3.3 Kemahiran Sosial

Kemahiran Sosial berfokus kepada kluster kemahiran berkolaborasi iaitu bekerja secara efektif dengan orang lain. Penerapan kemahiran sosial mampu melahirkan pelajar yang menggunakan media sosial yang sesuai untuk menjalin dan mengeratkan hubungan, mengamalkan empati, berbincang dan berkongsi tanggungjawab untuk membuat keputusan, bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri serta boleh mengurus dan menyelesaikan konflik dan bekerja secara kolaborasi dalam pasukan (IBO, 2014a). Walau bagaimanapun, kepentingan kemahiran sosial dalam kemahiran kurang dibincangkan dalam kajian terdahulu (Razza et al., 2015). Situasi ini perlu diberi perhatian kerana kemahiran sosial amat penting dalam pembelajaran dan kehidupan masa hadapan pelajar. Rajah 2.6 menunjukkan tiga kluster kemahiran yang terdapat dalam kemahiran sosial




Rajah 2.6 Kemahiran Sosial

2.2.3.4 Kemahiran Penyelidikan

Kemahiran Penyelidikan terbahagi kepada dua, pertama kemahiran literasi maklumat yang melibatkan proses mencari, mentafsir, menilai, dan menyediakan maklumat. Antara kemahiran yang diterapkan ialah mengumpulkan, merekodkan dan mengesahkan data, memproses data dan melaporkan keputusan, memahami dan menggunakan sistem teknologi, memahami dan melaksanakan hak harta intelek, mewujudkan rujukan dan petikan, menggunakan nota kaki serta menyediakan bibliografi berdasarkan kaedah yang diperakui serta mengenal pasti sumber primer dan sekunder.

Kedua, kluster kemahiran literasi media iaitu proses berinteraksi dengan media untuk menggunakan dan menghasilkan idea dan maklumat. Melalui kemahiran ini, pelajar mampu mengesan, menyusun, menganalisis dan menggunakan maklumat secara beretika dan pelbagai sumber dan media termasuk media sosial, digital dan rangkaian dalam talian. Pelajar juga berkemahiran untuk mencari maklumat dan idea secara efektif daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat dan idea tersebut secara efektif kepada pelbagai kumpulan sasaran menerusi pelbagai format dan media. (IBO, 2014a). Selaras dengan kelebihan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diperkenalkan dalam program *MYPIB*, kemahiran penyelidikan mula mendapat perhatian KPM apabila kepentingan kemahiran penyelidikan dinyatakan dalam Laporan Tahunan PPPM 2017 dan Laporan Tahunan PPPM 2018 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; 2019a). Rajah 2.7 menunjukkan dua kluster kemahiran yang terdapat dalam kemahiran penyelidikan.




Rajah 2.7 Kemahiran Penyelidikan

2.2.3.5 Kemahiran Pengurusan Diri

Kemahiran pengurusan diri terbahagi kepada tiga kluster iaitu pertama, kemahiran menguruskan masa dan tugas secara efektif. Antaranya merancang tugas jangka pendek dan jangka panjang, menepati tarikh akhir yang ditetapkan, menetapkan sasaran yang mencabar dan realistik, merancang strategi serta mengambil tindakan untuk mencapai matlamat peribadi dan akademik.

Kedua, kemahiran efektif atau pengurusan minda yang melibatkan kesedaran seperti menggunakan fokus dan tumpuan perhatian, ketabahan seperti menunjukkan kesungguhan dan ketabahan, pengurusan emosi seperti menggunakan strategi untuk mengurangkan stres dan kebimbangan, motivasi diri seperti berlatih berpesan kepada diri sendiri dan daya tahan seperti melatih diri untuk bangkit semula setelah mengalami kegagalan.

Ketiga, kemahiran refleksi, iaitu proses pembelajaran memilih dan menggunakan kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Antara kemahiran yang diterapkan ialah mencuba kemahiran baharu dan menilai keberkesanannya, mempamerkan tindakan yang fleksibel dalam pemilihan dan penggunaan strategi pembelajaran dan mempertimbangkan strategi pembelajaran peribadi (IBO, 2014a). Menurut Bailey (2018) dan Resnik (2009), kurikulum *IB* menyediakan kemahiran pengurusan diri yang diperlukan secara global. Rajah 2.8 menunjukkan tiga kluster kemahiran yang terdapat dalam KPD.



Rajah 2.7 Kemahiran Penyelidikan

2.2.4 Pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Subjek Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB* di Malaysia.

Dalam kurikulum dan disiplin *MYPIB*, salah satu subjek wajib dalam penilaian *MYPIB* ialah subjek Bahasa dan Kesusasteraan (Avalos, 2011; Belal, 2017a; Bustamante et al., 2018; IBO, 2014a). Manakala, dalam sistem pendidikan di Malaysia, subjek Bahasa dan Kesusasteraan ini disesuaikan dengan subjek Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam penyelidikan ini, KOMSAS iaitu sebahagian daripada komponen silibus subjek Bahasa Melayu dipilih sebagai bidang penyelidikan memandangkan ciri-

ciri dan objektif KOMSAS amat bersesuaian dengan silibus subjek Bahasa dan Kesusasteraan dalam *MYPIB*. KOMSAS dilihat sebagai alternatif kepada pembelajaran subjek Kesusasteraan. Melalui pengajaran KOMSAS, semua pelajar sama ada dalam aliran sastera mahupun sains akan berpeluang untuk mengkaji teks sastera kerana tidak ramai pelajar yang mengambil subjek Kesusasteraan terutama sekali pelajar dalam aliran Sains. Melalui teks sastera, pelbagai budaya yang menarik dan unik dapat diperkenalkan dalam bentuk penulisan (Husairi Hussin & Nor Hasimah Ismail, 2020).

Kajian terhadap KOMSAS relevan berdasarkan masalah yang dikenal pasti dan perlu ditangani dalam Laporan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 antaranya, masalah kompetensi guru Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Pemilihan KOMSAS dilihat sebagai satu keperluan memandangkan pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan (KOMSAS) ialah bahagian penting dalam pendidikan setiap pelajar. Melalui subjek ini, pelajar belajar untuk meneroka dan mengekalkan perkembangan peribadi, identiti budaya dan pemahaman antara budaya (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2016; IBO, 2014a; Duggan, 2017; Muhamad Fadhil et al., 2021).

Komponen Sastera (KOMSAS) telah diserapkan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah yang bermula pada tahun 2000. KOMSAS diperkenalkan kepada pelajar tingkatan 1 hingga 5. Sementara untuk tingkatan 3, KOMSAS diperkenalkan bermula pada tahun 2002. Pengajaran KOMSAS di sekolah menengah diperkenalkan dengan tujuan khusus sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000, adalah untuk memupuk dan meningkatkan minat

membaca dalam kalangan pelajar serta memperkukuh kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, pengajaran KOMSAS juga dapat melahirkan pelajar yang mampu memberikan pendapat yang kritis dan rasional dalam berbagai-bagai situasi hasil pembacaan yang digarap dalam bahan sastera.

Di Malaysia, Komponen Sastera (KOMSAS) merupakan sebahagian daripada silibus yang terkandung dalam subjek Bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pelajar Tingkatan 1 hingga 5 di semua sekolah menengah di Malaysia. Pengajaran Bahasa Melayu, khususnya KOMSAS mestilah berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Selaras dengan itu, DSKP Bahasa Melayu digubal sebagai panduan kepada guru untuk melengkapkan murid dengan kemahiran berbahasa dan persediaan melangkah ke bidang pengajian tinggi, alam pekerjaan dan dunia sebenar sebagai seorang dewasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b).

Bagi menjurus kepada objektif penyelidikan, maka kajian literatur difokuskan kepada aspek seni bahasa (KOMSAS). Penumpuan kepada aspek seni bahasa membolehkan murid mengapresiasi, menghayati, menikmati, mencipta dan mempersembahkan karya dalam pengucapan kreatif dengan menggunakan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik persembahan yang santai dan menyeronokkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a). Dalam silibus KOMSAS, pelajar akan belajar novel dan sebuah antologi pada setiap tingkatan. Antologi pula merupakan kumpulan

pelbagai genre seperti puisi moden (sajak) dan puisi tradisional (pantun, syair, gurindam), cerpen, prosa tradisional dan drama. Pengajaran KOMSAS bertujuan mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca, melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera serta menerapkan ilmu dan kemahiran sastera (Syahida Nadia Zakaria, 2015; Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari, 2017).

Pembelajaran KOMSAS memberi manfaat yang besar kepada pelajar kerana selain membina kecekapan berbahasa, pengajaran KOMSAS mampu membina kualiti minda dan keinsanan, menyokong pembentukan individu, pembangunan minda sosioemosi, estetik, kreativiti dan nilai diri bersesuaian dengan budaya dan citra masyarakat negara ini. PdPc KOMSAS juga merangsang pembentukan jati diri individu yang seimbang dan menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a).

Selaras dengan itu, pengajaran KOMSAS yang merangkumi silibus kebangsaan diajarkan dalam PdPc di sekolah *MYPIB* agar pelajar berpeluang mengembangkan sepenuhnya kemahiran genre KOMSAS dalam tempoh lima tahun pengajian. Sebagai tambahan, di sekolah *MYPIB*, komponen kesusasteraan dunia, contohnya teks atau puisi dari Indonesia, Turki, Korea dan sebagainya wajib diajarkan setiap tahun. Selain itu, pelajar-pelajar mendapat kelebihan apabila didedahkan dengan enam bidang kemahiran makro yang perlu dibangunkan semasa PdPc KOMSAS iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis, mengkaji dan menyampaikan (IBO 2014).

Melalui PdPc KOMSAS ini, kemahiran pendekatan pembelajaran pada tahap kesukaran yang bersesuaian perlu diterapkan oleh guru. Sebagai contoh, melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, pelajar boleh membina semula teks untuk mengenal pasti elemen penting dan makna teks tersebut menggunakan kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan. Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran mampu membangkitkan elemen KBAT dalam pengajaran KOMSAS. Hal ini selaras dengan kenyataan Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod (2016) iaitu pembelajaran KOMSAS menjadikan pembelajaran tersebut lebih menarik dan menyeronokkan pelajar.

Pemilihan KOMSAS sebagai medium kajian amat bersesuaian berdasarkan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu merupakan subjek yang mampu dijadikan sebagai landasan untuk membina KBAT pelajar, memberi impak percambahan idea, mempelbagaikan ilmu bahasa serta meningkatkan kecerdasan verbal dan linguistik pelajar. Bagi guru pula, pengajaran KOMSAS boleh dijadikan medium perancangan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran (Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod, 2016; Rozani Ahmad, 2017; Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari, 2017). Walau bagaimanapun, sehingga kini, terlalu kurang kajian tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dijalankan di Malaysia. Kajian yang paling menonjol ialah kajian tentang *MYPIB* yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian tersebut berkaitan *Penilaian Middle Years International Baccalaureate Programme (MYPIB)* yang dijalankan pada tahun 2018.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan *MYPIB* dalam amalan PdPc di sepuluh buah sekolah *MYPIB*, KPM dan tahap penerapan *International Baccalaureate (IB)* berada pada tahap tinggi. Kajian tersebut menyimpulkan pelaksanaan *MYPIB* sebagai program pembelajaran yang dapat menyokong pembudayaan KBAT yang wajar diteruskan memandangkan potensi murid dapat dibangunkan secara menyeluruh dan mampu menyediakan murid dalam menghadapi cabaran global.

Atas faktor kesesuaian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS serta merujuk Laporan Lawatan Verifikasi *IB Asia Pacific* (7-8 Mac 2019) yang mencadangkan agar pihak sekolah menunjukkan kesungguhan dalam pengimplimentasian kemahiran pendekatan pembelajaran bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 terutamanya bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan (KOMSAS), maka timbul keperluan supaya kajian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini dijalankan bagi subjek KOMSAS. Selain itu, penerapan dan penggunaan kemahiran berfikir membantu pelajar mempelajari KOMSAS dengan baik (Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod, 2016). Kemahiran berfikir yang merupakan salah satu daripada kemahiran pendekatan pembelajaran.

Kesimpulannya, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menawarkan pelbagai peluang kepada guru untuk mewujudkan pengajaran yang mampu mencungkil kemampuan pelajar, menerapkan kemahiran pembelajaran dan nilai yang membawa kepada pembelajaran bermakna sepanjang hayat.

2.3 Teori Konstruktivisme

Dalam konteks penyelidikan ini, teori digunakan bertujuan memberi penerangan serta memperjelas sesuatu fenomena dalam situasi tertentu. Konstruktivisme merupakan satu teori besar dalam pendidikan. Teori konstruktivisme ini telah dipelopori oleh beberapa orang sarjana seperti Piaget, Dewey dan Vygotsky. Walaupun ketiga-tiga tokoh pelopor ini membincangkan teori konstruktivisme dari perspektif proses pembelajaran, namun terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan mereka.

Menurut Vygotsky (1978), konstruktivisme dianggap sebagai sebuah teori yang cuba menerangkan cara seseorang murid belajar. Teori konstruktivisme menerangkan cara seseorang murid membina pemahaman dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran. Sebagai contoh, apabila seseorang murid berhadapan dengan sesuatu yang telah dipelajarinya, murid itu akan cuba untuk menyelarkannya dengan pengalaman sedia ada. Proses ini dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku secara berterusan dan berdasarkan pengalaman pembelajaran sebelumnya (Daniels, 2016; Lüddecke, 2016; Phye, 2001; Poonoosamy, 2018; Zhou & Brown, 2017).

Walaupun bagaimanapun, dalam kajian ini, teori konstruktivisme digunakan oleh guru dalam proses membina pemahaman tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun guru sudah mempunyai pengalaman mengajar dan sudah mendapat latihan perguruan secara formal, namun guru masih dianggap baharu dalam proses membina pemahaman tentang cara pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran khususnya dan corak pengajaran mengikut kerangka *MYPIB*.

Dalam konteks ini, berdasarkan teori konstruktivisme, guru meletakkan diri mereka sebagai pelajar dan perlu beriltizam untuk benar-benar memahami dan menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran, memahami dan menguasai kemahiran merancang pengajaran, melaksanakan pengajaran dan menguasai teknik pengajaran di samping mahir menggalakkan muridnya membuat refleksi dan secara sendirinya mampu melakukan refleksi terhadap pengajaran sendiri. Hal ini selaras dengan fokus utama kajian ini iaitu untuk memahami penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dari aspek pemahaman guru, proses pelaksanaan dan isu serta cabaran yang dihadapi oleh guru.

Selain berbincang tentang proses pembelajaran murid, Vygotsky juga telah menyatakan peranan yang dimainkan oleh guru dalam proses perkembangan pembelajaran murid (Cingel Bodinet, 2016; Forrest, 2018; Lüddecke, 2016; Steffen & Villaverde, 2018). Hal ini berbeza dengan teori konstruktivisme oleh Piaget yang lebih tertumpu kepada aspek perkembangan kognitif murid. Piaget berpendapat bahawa pembelajaran mestilah aktif dan autentik (Ackermann, 2001; Lüddecke, 2016; Piaget, 1976). Teori perkembangan kognitif Piaget menyediakan rangka kerja asas untuk membincangkan kekangan pembelajaran berkaitan dengan umur dan pemikiran kanak-kanak. Teori perkembangan kognitif Piaget telah dikritik kerana terlalu memberi tumpuan kepada peringkat perkembangan walaupun teori ini telah menyumbang kepada kerangka asas untuk memahami kekangan berkaitan dengan pembelajaran (Ackermann, 2001; Phye, 2001). Manakala, Dewey (1986) pula melihat konstruktivisme sebagai suatu proses sosial secara lebih meluas. Menurut Dewey, pendidikan sehala seharusnya tidak diamalkan dalam sistem pendidikan, sebaliknya proses pendidikan seharusnya bersifat interaksi dua hala antara guru dan murid (Dewey, 2013; Hickman et al., 2009; Xyst,

2016). Melalui proses ini, pelajar akan belajar melalui pengalaman. Dengan kata lain, pendapat Dewey tentang proses pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial dalam kalangan pelajar hampir sama dengan pandangan Vygotsky yang menyatakan bahawa proses pembelajaran berlaku secara berterusan dan berdasarkan pengalaman pembelajaran (Bustamante et al., 2018; Li, 2012). Walau bagaimanapun, perbincangan Dewey yang agak meluas ini didapati tidak menyentuh tentang peranan guru dalam teori konstruktivisme. Bahagian teori konstruktivisme Vygotsky yang menyentuh tentang peranan guru akan dijelaskan dalam perenggan berikutnya.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh disimpulkan bahawa walaupun ketiga-tiga orang sarjana tersebut membincangkan teori konstruktivisme, namun pandangan mereka terhadap konstruktivisme adalah berbeza. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih pandangan Vygotsky sebagai panduan asas untuk mendasari kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, matlamat kajian ini adalah untuk memahami proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Apabila dikaji pendapat ketiga-tiga orang sarjana tersebut, hanya Vygotsky sahaja yang telah membincangkan peranan guru dalam proses membina ilmu menerusi konsep *Scaffolding* iaitu guru sebagai pembimbing dan pemudah cara. Melalui *Scaffolding*, Vygotsky menyatakan bahawa guru merupakan individu yang dapat memperkembang proses pembelajaran seseorang murid dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan tahap murid yang berbeza (Ragupathi, 2014; Sarikas, 2018; Soysal & Radmard, 2019). Jadi, guru perlu memainkan peranan sebagai pembimbing dan pemudah cara bagi membantu dan membimbing murid untuk membina ilmu sepanjang proses pembelajaran.

Meninjau dari aspek penggunaan teori konstruktivisme dalam pengajaran KOMSAS, kajian-kajian lepas menunjukkan masih kurang kajian yang menggunakan teori konstruktivisme dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam pengajaran KOMSAS (Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod, 2016; Syahida Nadia Zakaria, 2015). Situasi ini memerlukan penyelidikan lanjut memandangkan Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2017) dalam kajian mereka menyatakan bahawa penggunaan teori konstruktivisme memberi kesan yang sangat positif dan signifikan bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Selain itu, hasil kajian lepas mendapati pelajar menunjukkan kesediaan yang tinggi dalam pembelajaran KOMSAS apabila diajar menggunakan pendekatan konstruktivisme. Pencapaian murid juga meningkat apabila guru menggunakan teori konstruktivisme berbanding pendekatan tradisional (Syahida Nadia Zakaria, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa guru yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dapat membantu murid mempelajari KOMSAS dengan baik. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2017) menunjukkan guru kurang memahami pendekatan konstruktivisme seperti yang dikehendaki oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Brunei. Guru masih kurang mengimplementasikan pendekatan konstruktivisme semasa pengajaran dan pembelajaran. Selaras dengan itu, penyelidikan ini perlu dilakukan bagi meneroka pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan teori konstruktivisme.

2.3.1 *Scaffolding*

Model *Scaffolding* yang diperkenalkan oleh Vygotsky membawa maksud bantuan atau bimbingan yang diberikan oleh guru kepada murid bagi menyiapkan sesuatu tugas yang tidak dapat diselesaikan sekiranya tidak dibantu oleh guru atau rakan pelajar yang lebih menguasai ilmu tersebut (Abrahamson & Sánchez-García, 2016; Gleeson, 2015; Ragupathi, 2014; Smagorinsky, 2013). Guru dapat merangsang pembelajaran dengan memberikan peluang yang banyak kepada murid untuk meneroka pembelajaran secara bersendirian dan memberikan rangsangan atau bantuan sekiranya murid memerlukannya (Sarikas, 2018; Zuridah Hanim Akhir, 2018).

Semasa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, penyelidikan ini memanfaatkan teori pengajaran *Scaffolding* oleh Vygotsky bagi mengukuhkan analisis dalam penyelidikan ini. Melalui pengajaran bersandarkan *Scaffolding*, guru menggunakan kaedah pengajaran yang membantu murid menambahkan pengetahuan dan kemahiran belajar mereka. Murid melalui proses pembelajaran dengan dibantu oleh guru ataupun rakan murid yang telah menguasai pengetahuan dan kemahiran pendekatan pembelajaran yang digunakan dalam PdPc KOMSAS. Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilakukan secara terancang atau pun spontan ketika murid mengembangkan sempadan pembelajarannya dan belajar lebih banyak berbanding pembelajaran secara bersendirian.

Rasional utama penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran diperkenalkan adalah untuk membantu murid belajar serta membina ilmu. Penyelidikan ini melihat guru sebagai pemudah cara. Guru bukan lagi secara terus-menerus memberi maklumat kepada murid, tetapi melalui *Scaffolding*, guru membuka peluang supaya murid mampu


dan dapat menemui maklumat dan mengendalikan pembelajaran mereka sendiri (Cheok et al., 2013). Kesimpulannya, melalui teori *Scaffolding*, guru membantu murid untuk menerapkan kemahiran belajar seperti kemahiran pendekatan pembelajaran dalam PdPc. Pendekatan konstruktivisme (*Scaffolding*) berfokus kepada pembelajaran bermakna dan sepanjang hayat.

Selain itu, menurut Vygotsky (1978), kebanyakan proses pembelajaran perlu dibantu oleh guru. Oleh itu, guru boleh menyokong proses pembelajaran dengan memberi bimbingan, tunjuk ajar, menyediakan strategi pembelajaran alternatif, memberi sokongan untuk membolehkan murid menguasai bahan dan mengadakan perbincangan untuk meningkatkan pemahaman murid. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya murid tidak dapat menyelesaikan masalah secara bersendirian, guru boleh memberi bimbingan dan penyeliaan agar murid tersebut berjaya. Selain itu, melalui *Scaffolding*, murid-murid bukan sahaja dibimbing oleh guru malah murid dapat belajar dengan lebih baik ketika berkolaborasi dengan rakan lain yang mempunyai lebih banyak kemahiran. Amalan *Scaffolding* dapat memaksimumkan pembelajaran murid.

Sehubungan dengan itu, Sarikas (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa *Scaffolding* ialah kaedah pengajaran yang dapat membantu pelajar mempelajari lebih banyak maklumat dengan lebih cepat berbanding arahan tradisional. Walau bagaimanapun, *Scaffolding* hanya berkesan jika guru tahu cara melaksanakannya dengan betul. Sekiranya guru tidak menggunakan konsep *Scaffolding* dengan betul, tindakan tersebut boleh menghalang pembelajaran pelajar dan menyebabkan pelajar menjadi pasif (McDonald, 2014).

2.3.2 Lesson Study

Lesson Study merupakan salah satu pendekatan bagi meningkatkan perkembangan profesional keguruan dalam proses PdPc (Zanaton Hj Iksan et al., 2018; Rohaida Mazlan, 2017). *Lesson Study* telah dipelopori di Jepun lebih seratus tahun yang lalu dan telah menjadi sebahagian amalan turun temurun dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di negara tersebut (Nuraini Abu Bakar & Zanaton Hj Iksan, 2015; Rohaida Mazlan, 2017). Di Malaysia, *Lesson Study* telah diperkenalkan oleh KPM sejak tahun 2010 yang melibatkan 14 buah sekolah dan seratus orang guru sebagai perintis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Keperluan tentang pengkongsian amalan terbaik dan pasukan pembimbing ini telah disarankan oleh Nurharani Selamat et al., (2019) dalam kajian mereka di sepuluh buah sekolah *MYPIB*, KPM bagi menambah baik amalan PdPc dalam bilik darjah. Rajah 2.9 menunjukkan kitaran *Lesson Study*.



Rajah 2.9 Kitaran *Lesson Study* (Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada Zanaton Hj Iksan et al., 2018)

Lima langkah ini amat sesuai digunakan dalam penyelidikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini terutamanya bagi menjawab soalan kajian kedua yang merujuk proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Berikut dinyatakan penjelasan tentang proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi berdasarkan kitaran *Lesson Study*.

Berdasarkan kitaran *Lesson Study* ini, langkah pertama yang perlu diambil oleh guru ialah guru berbincang bagi menentukan matlamat yang ingin dicapai dalam pengajaran melalui penggubalan Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek atau *Subject Group Overview (SGO)*. Pada langkah kedua, guru berbincang dan membina *SGO* dan Rancangan Unit iaitu perancangan mengikut tema yang lengkap untuk pengajaran tema tersebut secara bersama-sama. Kerjasama ini dapat menjana idea yang lebih bernas sekali gus menghasilkan *SGO* dan Rancangan Unit yang menepati objektif. Pada langkah ketiga, guru akan melaksanakan pengajaran di dalam kelas sebenar mengikut perancangan *SGO* dan Rancangan Unit yang telah dibina. Pada langkah keempat, rakan guru yang lain akan memantau dan menilai pengajaran guru yang dipilih. Kumpulan guru pemantau ini akan lebih memahami isi pengajaran kerana telah menyiapkan *SGO* dan Rancangan Unit bersama-sama. Langkah terakhir iaitu langkah kelima, penambahbaikan dapat dilakukan dengan menambah baik *SGO* dan Rancangan Unit. Seterusnya, pengajaran kali kedua boleh dilakukan dengan merujuk *SGO* dan Rancangan Unit yang telah dibuat penambahbaikan.

Melalui *Lesson Study*, guru-guru perlu merancang *SGO* dan Rancangan Unit dengan teliti agar semua kemahiran pendekatan pembelajaran dapat diterapkan kepada murid secara terancang dan bersepadu bermula daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Tugas formatif dan sumatif perlu dirancang dengan baik bagi membangkitkan inkuiri murid untuk menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran semasa menyiapkan tugas. Dalam hal ini, guru belajar bersama-sama komuniti pembelajarannya iaitu rakan-rakan guru yang lain bagi merancang, melaksanakan dan menilai (refleksi) proses PdPc.

2.3.3 Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS

Bersandarkan gabungan teori konstruktivisme, *Scaffolding*, *Lesson Study* dan Kerangka Kemahiran pendekatan pembelajaran, penyelidik telah mengadaptasi dan mengubahsuaikannya menjadi kerangka teoretikal kajian ini. Seterusnya, berdasarkan kerangka teoretikal ini, penyelidikan dijalankan sehinggalah terhasilnya Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS. Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS ini dicadangkan oleh penyelidik untuk digunakan sepenuhnya oleh guru untuk memahami konsep kemahiran pendekatan pembelajaran serta melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Dengan merujuk teori konstruktivisme, guru berusaha untuk memperoleh pemahaman yang betul tentang konsep penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran supaya dapat diterapkan dalam pengajaran KOMSAS.


Seterusnya, *Lesson Study* pula memandu guru dalam aspek proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Dalam hal ini, guru belajar bersama-sama komuniti pembelajarannya iaitu rakan-rakan guru yang lain bagi merancang, melaksanakan dan menilai (refleksi) proses PdPc. Pada tahap ini, Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran (Gilstrap, 2019; IBO, 2012; IBO, 2014a) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKP) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; 2018a) perlulah disepadukan untuk memberi fokus kepada pengajaran KOMSAS.

Aspek perancangan perlulah dilakukan dengan teliti dan mengambil kira pengetahuan yang ingin disampaikan dan kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu diterapkan oleh guru semasa PdPc KOMSAS. Semasa PdPc, guru perlu sentiasa mengingatkan pelajar supaya menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran sama ada semasa permulaan kelas, semasa PdPc sedang berlangsung mahupun semasa meminta pelajar menyiapkan tugas. Melalui *Lesson Study*, guru perlu secara kolaboratif merancang SGO dan Rancangan Unit dengan teliti agar semua kemahiran pendekatan pembelajaran dapat diterapkan kepada pelajar secara terancang dan bersepadu bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Tugas formatif dan sumatif perlu dirancang dengan teliti agar pelajar menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran semasa menyiapkan tugas.

Seterusnya, aspek terakhir iaitu proses refleksi yang melibatkan amalan maklum balas sama ada refleksi guru terhadap murid secara individu mahupun secara keseluruhan kelas sebelum, semasa dan selepas PdPc dilaksanakan, refleksi murid terhadap PdPc, refleksi sesama rakan guru atau refleksi sendiri murid dan guru. Proses refleksi ini

mbolehkan guru menilai penguasaan pelajar terhadap kandungan pelajaran KOMSAS mahu pun kemahiran pendekatan pembelajaran. Hal ini penting bagi guru merancang dan melaksanakan pengajaran berikutnya supaya penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilaksanakan sebagai wadah penguasaan kandungan pelajaran KOMSAS dalam kalangan murid. Selain daripada refleksi oleh guru terhadap pelajar, mendasari *Lesson Study*, penyelidikan ini mementingkan refleksi yang dibuat oleh rakan guru mahupun pelajar terhadap PdPc bagi mbolehkan penambahbaikan dalam PdPc dilakukan oleh guru dan objektif yang dirancang mampu dicapai. Refleksi mbolehkan tindakan dari segi pengubahsuaian Rancangan Unit dan perancangan *ATL* diambil (IBO, 2014a; 2014b).

Penyelidikan ini memberi fokus kepada pemahaman guru terhadap konsep penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran yang berkaitan dengan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan refleksi terhadap PdPc KOMSAS. Kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa teori konstruktivisme sesuai dijadikan tunjang kajian di samping penyepaduan *Scaffolding*, *Lesson Study* dan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Untuk lebih mudah memahami amalan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, maka kerangka teoretikal seperti dalam Rajah 2.10 digunakan sebagai dasar kajian ini.



Rajah 2.10 Kerangka Teoretikal Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.

[Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada *LCIS MYP* (2018)]

2.4 Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Pemahaman guru terhadap konsep pengajaran *MYPIB* amat penting bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran berkonsepkan *MYPIB*. Beberapa kajian sama ada kajian dalam mahupun luar negara telah dilakukan bagi meninjau, mengukur dan memahami isu pemahaman guru terhadap sesuatu program baharu (Azzam, 2017; Castillo-Clark, 2018; Condoleon, 2019; Fullan, 2014; Lau, 2016; Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod, 2016; Nurharani Selamat et al., 2019; OECD, 2018; Park et al., 2014).

Namun, kajian berskala besar yang dilakukan oleh Azzam et al. (2017) memberikan gambaran meluas tentang pelaksanaan dan kesan *MYPIB* termasuk pemahaman guru terhadap program *MYPIB* di seluruh dunia.

Kajian Azzam et al. (2017) ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah soal selidik terhadap 419 sekolah, 4488 guru, 435 penyelaras *MYPIB* dan 486 pelajar. Dapatan kajian yang melibatkan pemahaman guru menunjukkan sebanyak 29 peratus guru *MYPIB* menilai pelaksanaan pengajaran mereka secara sederhana, dan 24 peratus menilai pelaksanaannya sebagai rendah. Hal ini menunjukkan lebih 50 peratus guru tidak menilai pelaksanaan pengajaran mereka sebagai baik atau dengan kata lain menilai pengajaran mereka sebagai tidak baik. Keadaan ini agak membimbangkan dan memerlukan penyelidikan selanjutnya bagi memahami isu yang melibatkan para guru.

Manakala di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Nurharani Selamat et al., (2019) di bawah pembiayaan KPM bertujuan untuk menilai pelaksanaan *MYPIB* kohort satu di sepuluh buah sekolah IB melaporkan bahawa guru didapati melaksanakan amalan PdPc berpusatkan murid dalam bilik darjah berdasarkan kerangka pembelajaran *MYPIB*. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan tahap pelaksanaan amalan PdPc menggunakan pendekatan *MYPIB* oleh guru di sekolah tersebut. Usaha perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini dengan memberi pemahaman kepada guru tentang pengajaran *MYPIB* termasuk penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Apabila ditinjau daripada aspek unit analisis, kebanyakan kajian membincangkan isu pelajar. Walau bagaimanapun, apabila merujuk pemahaman konsep pelaksanaan program *MYPIB*, faktor guru perlu diberi perhatian kerana gurulah penggerak utama sesuatu program atau perancangan dan guru bertindak sebagai agen perubahan dalam pendidikan selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Bustamante et al. (2018); IBO (2014); Li (2012); Razza et al. (2015). Pendapat ini selaras dengan kajian Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah, (2017) yang menyatakan bahawa guru merupakan wadah untuk memastikan kejayaan sesuatu program pendidikan di sekolah. Atas dasar ini, kajian ini memberi fokus kepada guru sebagai unit analisis dalam menggerakkan proses PdPc di sekolah *MYPIB* bagi mengisi jurang kajian yang sering berfokuskan pelajar seperti kajian yang dilakukan oleh Aktas dan Guven, (2015) dan Park et al. (2014).

Masalah utama penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah guru masih tidak bersedia untuk melaksanakan transformasi dalam pendidikan (Azhari Mariani & Zaleha Ismail, 2013; Wan Nor Atiqah & Muzirah Musa, 2016). Hal ini bertitik tolak daripada kurangnya pemahaman terhadap transformasi baharu. Masalah pemahaman guru tentang konsep *MYPIB* perlu dikaji kerana masalah ini merupakan masalah global seperti kajian Park et al., (2014), yang mendapati bahawa kemahiran pendekatan pembelajaran sering digambarkan pada nama sahaja tetapi tiada contoh rujukan penerapan yang boleh dijadikan rujukan lengkap.

Dalam kajian lain, Condoleon (2019) menyatakan bahawa kekeliruan dan kurangnya keyakinan sering dinyatakan oleh guru mata pelajaran ketika menerapkan *Theory of Knowledge (TOK)* dalam program Diploma *IB*. *TOK* merupakan elemen wajib bagi Program Diploma *Baccalaureate Antarabangsa (IBDP)* sama seperti kemahiran

pendekatan pembelajaran dalam program *MYPIB*. Semua guru diharapkan dapat menerapkan *TOK* dalam pengajaran mereka, namun guru-guru masih keliru dan kurang keyakinan ketika menerapkan *TOK* sehingga menimbulkan masalah dalam pengajaran. Kajian yang dilakukan oleh Condoleon ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan tiga buah negara iaitu tiga buah kolej di India, sebuah kolej di China dan sebuah kolej di Thailand. Kajian ini menunjukkan peningkatan pesat program *IB* di kawasan Asia iaitu dari 233 sekolah pada tahun 2003 meningkat kepada 1081 buah sekolah pada tahun 2018. Perkembangan program *IB* juga dipandang positif oleh kerajaan Malaysia apabila KPM memilih sepuluh buah sekolah untuk menggunakan program ini bagi melahirkan pelajar berminda antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c).

Selain masalah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran khasnya dan pelaksanaan program *MYPIB* amnya, masalah pemahaman guru juga dihadapi dalam pengajaran KOMSAS. Kajian Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod (2016) mendapati bahawa guru serba salah dan bercelaru dalam mengajarkan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan subjek Kesusasteraan Melayu (Elektif).

Walaupun kebanyakan kajian mengetengahkan masalah pemahaman guru, terdapat juga kajian yang memberi cadangan untuk mengatasi masalah pemahaman guru ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b; OECD, 2018b). Berfokus kepada masalah dalam program *MYPIB*, Lee et al. (2018), menyatakan bahawa pihak *MYPIB* menyediakan peluang untuk pembangunan profesional guru. Sebagai contoh, guru yang mengajar di sekolah *MYPIB* mesti menerima latihan khusus berkenaan *MYPIB*.

Pendapat ini disokong oleh (Azzam et al., 2017) yang menyarankan agar guru sentiasa bekerjasama dengan penyelaras *MYPIB* sekolah masing-masing bagi mengatasi masalah pemahaman guru terhadap pelaksanaan *MYPIB*.

Selanjutnya, kajian Nurharani Selamat et al., (2019) yang dijalankan di Malaysia menyarankan keperluan untuk menubuhkan pasukan pembimbing bagi membantu pihak sekolah meningkatkan keberkesanan program *MYPIB* ini. Melalui kajian ini, cadangan dibuat agar ahli pasukan pembimbing dipilih dalam kalangan guru di sepuluh buah sekolah *MYPIB* KPM. Pasukan pembimbing perlulah mempunyai pemahaman, pengetahuan sedia ada dan tahap kompetensi yang tinggi tentang *MYPIB*. Ahli pasukan pembimbing yang dipilih juga dicadangkan dihantar untuk mengikuti latihan *International Baccalaureate Educator Network (IBEN)* yang dikendalikan oleh *IBO*. Hasil latihan diharapkan ahli pasukan pembimbing dapat mempertingkatkan pemahaman mereka tentang *MYPIB*, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran khususnya dan seterusnya membimbing pihak sekolah dalam melaksanakan *MYPIB* dengan lebih berkesan. Penyelidikan ini mencadangkan agar pasukan pembimbing ini menggunakan *Lesson Study* dalam usaha proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS kerana melalui *Lesson Study*, pemahaman guru akan meningkat apabila berlaku kolaborasi, perbincangan dan refleksi.

Kesimpulannya, pemahaman guru terhadap konsep, kaedah dan isi pelajaran merupakan salah satu kompetensi yang harus dikuasai oleh guru. Amat penting untuk setiap guru memiliki tahap kompetensi yang tinggi bagi menghasilkan pengajaran yang berkualiti, maka guru perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk meningkatkan pemahamannya dalam semua aspek yang berkaitan dengan tugas bagi mencapai

objektif pengajaran dan pembelajaran yang diinginkan. Hal ini selaras dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Fullan (2014) iaitu untuk memahami sesuatu proses pelaksanaan program atau dasar pendidikan, seseorang penyelidik haruslah menyiasat dan meneroka elemen ini.

2.5 Proses Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS

Proses pelaksanaan PdPc di dalam bilik darjah melibatkan penggabungan tiga aspek yang penting, iaitu perancangan, pelaksanaan dan refleksi (Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016; Nurharani Selamat et al., 2019). Apabila seseorang penyelidik ingin memahami proses pelaksanaan sesuatu program pendidikan, maka penyelidik perlu memahami ketiga-tiga fasa pelaksanaan iaitu perancangan, pelaksanaan dan refleksi (Zanaton Hj Iksan et al., 2014). Pada peringkat awal, penyelidik akan membincangkan beberapa kajian yang telah melaporkan tentang perancangan guru, pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan amalan refleksi.

2.5.1 Proses Perancangan

Sebelum meneliti kajian-kajian yang membincangkan proses perancangan, penyelidik akan mendalami beberapa definisi perancangan pengajaran yang telah dinyatakan oleh beberapa orang sarjana. Levy-Feldman (2018) mendefinisikan perancangan pengajaran sebagai suatu proses yang dilakukan sebelum seseorang guru melaksanakan PdPc.

Kajian terkini mendapati bahawa kesedaran, pengetahuan dan pelaksanaan perancangan pengajaran amat penting bagi menjamin proses pengajaran yang berkesan.

Beberapa kajian di negara maju seperti Jepun (Katsuno, 2019) dan Amerika Syarikat (Storz & Hoffman, 2018) telah menekankan aspek kepentingan proses perancangan pengajaran dilaksanakan dengan teliti sebelum sesi PdPc. Malah, dapatan daripada kajian Katsuno (2019) menyatakan bahawa guru-guru di Jepun memperuntukkan masa yang lebih panjang untuk merancang pengajaran berbanding guru di negara lain. Perkembangan di negara maju ni turut mendorong negara-negara Asia seperti Singapura (Saito, 2012) dan Malaysia (Nurahimah Mohd Yusoff et al., 2013; Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman, 2010; Nurharani Selamat et al., 2019; Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang 2012; Zanaton Hj Iksan et al., 2014) turut mengkaji tentang perancangan pengajaran dalam penyelidikan mereka.

Sehubungan dengan itu, perancangan pengajaran yang dilaksanakan dengan sebaik mungkin akan meningkatkan pencapaian objektif dalam pengajaran seperti dapatan penyelidikan oleh Zaharah Che Isa dan Nurulwahida Hj Azid@Aziz (2017) yang melaporkan bahawa kemahiran dari sudut perancangan terhadap persediaan proses pengajaran dapat memastikan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Justeru, perancangan pengajaran yang dilakukan sebelum pengajaran sebenar adalah terbaik bagi menjamin kualiti pengajaran.

Merujuk kepada program *MYPIB*, perancangan pengajaran merupakan aspek yang diberi perhatian utama dalam kerangka pengajaran. Kajian Storz (2018) dilaksanakan bagi meneroka pengalaman guru dan murid yang menerima perubahan kurikulum hasil daripada proses pelaksanaan *MYPIB* di sebuah sekolah bandar di Amerika Syarikat. Kajian yang menggunakan kaedah temu bual ini menyentuh aspek bidang tugas Penyelaras *MYPIB* (pengetua) yang bertanggungjawab untuk mewujudkan kumpulan

guru yang menjadi perancang kepada pengajaran bagi setiap unit (subjek). Dapatan kajian mendapati bahawa setelah pelaksanaan program *MYPIB*, perubahan berlaku apabila guru kerap melakukan perbincangan untuk penambahbaikan terhadap rancangan pengajaran mereka. Seterusnya, dapatan menyatakan bahawa program *MYPIB* telah berjaya mengembangkan kebolehan guru untuk membuat refleksi terhadap perancangan yang telah dilakukan oleh mereka. Sehubungan dengan itu, kebanyakan guru menyatakan bahawa proses perancangan pengajaran dalam program *MYPIB* memberi kesan kepada pengajaran dan menggalakkan kerjasama sesama guru untuk menghasilkan perancangan pengajaran yang lebih teratur dan teliti. Kesimpulannya, dapatan kajian ini melaporkan impak positif terhadap proses perancangan pengajaran hasil daripada pelaksanaan program *MYPIB*.

Di Malaysia, setelah lima tahun pelaksanaan program *MYPIB*, satu kajian penilaian *MYPIB* telah dilakukan pada tahun 2019 oleh sekumpulan penyelidik yang telah dipertanggungjawabkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM. Dapatan kajian Nurharani Selamat et al., (2019) menunjukkan masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan tahap pelaksanaan amalan PdPc menggunakan pendekatan *MYPIB* oleh guru di sekolah-sekolah ini. Kajian ini melaporkan bahawa sesetengah guru masih menyediakan rancangan pengajaran yang kurang rapi bagi sesi PdPc mereka sedangkan guru sepatutnya merancang dan membuat persediaan pengajaran yang merangkumi penentuan objektif pembelajaran, strategi PdPc, sumber PdPc dan teknik penilaian PdPc. Kajian ini juga melaporkan bahawa aspek perancangan pengajaran guru di sepuluh buah sekolah *MYPIB* KPM perlu ditambah baik bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai terutamanya dari aspek penyediaan *SGO* dan Rancangan Unit.

Hal ini dikatakan demikian kerana *SGO* iaitu Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek dan Rancangan Unit iaitu rancangan pengajaran yang berfokus kepada tema merupakan dokumen perancangan PdPc perlu difahami bukan sahaja oleh guru malah murid.

Rancangan Unit sangat penting dalam pelaksanaan amalan PdPc menggunakan pendekatan *MYPIB* kerana dokumen ini merupakan panduan bagi guru untuk menyediakan PdPc yang bermakna dan menyeluruh kepada murid. Penyediaan Rancangan Unit merangkumi semua perkara yang dinyatakan dalam kerangka pembelajaran *MYPIB* iaitu bermula dengan idea atau konsep utama, pernyataan inkuiri, pentaksiran sumatif sehinggalah kepada penulisan refleksi. Tambahan pula, penyelidikan yang diterbitkan oleh *IB* menegaskan bahawa program *MYPIB* meningkatkan pedagogi guru dengan menggalakkan kerjasama sesama guru serta berfokus kepada pengajaran kemahiran (Hughes, 2014; Storz & Hoffman, 2018).

Seterusnya sorotan literatur terus berfokus kepada DSKP Bahasa Melayu yang menjadi panduan utama proses perancangan dan pelaksanaan PdPc Bahasa Melayu. Perancangan pengajaran memerlukan kebijaksanaan guru untuk menentukan proses PdPc dapat dilaksanakan secara bersesuaian dan berkesan. Setiap kemahiran diajar secara berfokus dalam sesuatu PdPc. Aspek perancangan perlulah dilakukan dengan teliti dan mengambil kira pengetahuan yang ingin disampaikan, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan perlulah diterapkan oleh guru semasa PdPc KOMSAS. Semasa PdPc, guru perlu sentiasa mengingatkan murid supaya menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran sama ada semasa permulaan kelas, semasa PdPc sedang berlangsung mahupun semasa meminta murid

menyiapkan tugas. Kesimpulannya, guru perlu mempunyai pengetahuan, pemahaman dan kemahiran dalam perancangan agar penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dapat dilaksanakan di sekolah *MYPIB* di Malaysia.

2.5.2 Proses Pelaksanaan

Teori konstruktivisme merupakan suatu teori yang sering digunakan sebagai panduan dalam pendidikan yang bertujuan untuk menghasilkan PdPc yang bermakna dan berkesan. Dalam teori ini guru bertindak sebagai fasilitator dalam pembinaan pengetahuan pelajar (Zuridah Hanim Akhir, 2018). Teori ini juga mampu melatih daya pemikiran para pelajar dengan memastikan mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada guru untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penggunaan teori tersebut juga melahirkan sikap yang positif dalam kalangan pelajar untuk menimba ilmu.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil cakra tentang pengajaran berteraskan konstruktivisme. Sebuah modul pengajaran telah diterbitkan pada tahun 2001 yang menerangkan ciri pembelajaran konstruktivisme. Antara ciri tersebut ialah guru menggalakkan murid memulakan pembelajaran dengan mengemukakan soalan atau idea yang digunakan sebagai panduan merancang pengajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia 2001). Manakala kajian-kajian berkaitan *MYPIB* turut mengetengahkan peranan guru dalam menggunakan teori konstruktivisme seperti kajian yang dilakukan oleh IBO (2014), Forrest (2018) dan Li (2012).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah dalam proses pelaksanaan pengajaran. Menurut Forrest (2018) dan OECD (2018a), guru masih kurang mengamalkan kaedah pengajaran berpusatkan murid, pembelajaran kolaboratif serta kebanyakan amalan pengajaran lebih berfokus kepada isi kandungan dan pencapaian akademik pelajar dalam pengajaran. Selain itu, guru menghadapi kesukaran untuk melakukan perubahan dalam melaksanakan program antarabangsa seperti *MYPIB* yang memberi fokus kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam PdPc sedangkan guru didapati lebih memberi fokus kepada pencapaian dan mengelakkan kemerosotan keputusan peperiksaan awam (Lau, 2016).

Isu ini juga diketengahkan dalam kajian UNESCO (2011) yang melaporkan guru-guru mengajar bagi memenuhi keperluan peperiksaan. Masalah ini sering berlaku di sekolah *MYPIB* terutamanya di negara-negara sebelah Timur seperti kajian yang dilakukan oleh Lau (2016) di Hong Kong dan Condoleon (2019) yang melakukan kajian melibatkan tiga negara iaitu India, China dan negara jiran iaitu Thailand. Dalam konteks Malaysia, masalah yang sama berlaku apabila program *MYPIB* diperkenalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana guru perlu mengajar mengikut rangka kerja *MYPIB* di samping memberi fokus untuk menyediakan pelajar bagi menduduki peperiksaan awam seperti SPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018c). Kesimpulan daripada dapatan ini, guru yang sudah biasa dengan amalan latih-tubi berasa terbeban dengan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Hakikatnya, guru memberi tumpuan sepenuhnya kepada pencapaian akademik murid dan peningkatan gred pencapaian sekolah sehingga kurang mendedahkan murid kepada kemahiran pembelajaran seperti kemahiran pendekatan pembelajaran.

Perkembangan pendidikan global menuntut agar guru melakukan pelbagai perubahan dari aspek kaedah pengajaran tradisional kepada kaedah yang lebih moden demi menyediakan murid untuk kehidupan pada masa hadapan. Sejalan dengan itu penyelidikan tentang kaedah pengajaran berpusatkan murid semakin berkembang. Antara kajian yang memberi fokus kepada aspek ini ialah kajian Abdull Sukor Shaari et al.(2016); Al-Zoubi dan Younes (2015) dan Tan (2019). Di luar negara, kajian Al-Zoubi dan Younes (2015) dilakukan di Jordan bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid. Dapatan kajian menunjukkan antara puncanya, guru masih menggunakan kaedah tradisional dan bukannya menggunakan kaedah pengajaran moden dalam pengajaran. Dapatan kajian ini dilihat masih relevan memandangkan penyelidikan yang dilakukan oleh Forrest (2018) menunjukkan guru yang mengekalkan pendekatan tradisional dan berorientasikan kandungan akan mengalami kesulitan mengintegrasikan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran mereka.

Di Malaysia, perubahan dalam pendidikan berlaku apabila KPM memperkenalkan pembelajaran abad ke-21 (KPM, 2018). PAK21 menuntut kaedah pembelajaran yang bukan konvensional iaitu pembelajaran berpusatkan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a). Bagi menjayakannya, Kementerian perlu menyediakan guru dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan proses PdPc dan kemenjadian murid ke arah penerapan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Dapatan kajian ini selari dengan hasil pemeriksaan pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti yang mendapati bahawa sesetengah guru menghadapi masalah untuk menyampaikan isi pelajaran bahasa Melayu yang menarik dan sesuai. Hal ini berpunca daripada guru yang masih kurang menguasai kaedah dan strategi pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018d). Kajian Abdull Sukor Shaari et al., (2016) merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis refleksi guru pelatih untuk mendapatkan data. Melalui kajian ini, para penyelidik telah memberi cadangan agar guru mempelbagaikan kaedah dan teknik PdPc yang berpusatkan murid selain hanya tertumpu kepada perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan. Antara kaedah dan teknik PdPc yang dicadangkan ialah main peranan.

Kajian literatur seterusnya berfokus kepada pelaksanaan aktiviti PdPc yang merangsang murid untuk berfikir dengan lebih kritis dan kreatif. Berdasarkan analisis terhadap data pemerhatian di sepuluh buah sekolah *MYPIB* Malaysia oleh Nurharani Selamat et al., (2019), data menunjukkan guru melaksanakan amalan PdPc berpusatkan murid dalam bilik darjah berdasarkan kerangka pembelajaran *MYPIB*. Walau bagaimanapun, murid kurang didorong untuk menggunakan KBAT kerana guru tidak menggunakan sepenuhnya peluang untuk mengajukan soalan beraras tinggi. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar guru perlu melakukan penambahbaikan dari aspek teknik penyoalan mereka semasa sesi PdPc agar lebih bertumpu kepada soalan aras tinggi. Situasi ini dapat dilaksanakan apabila guru merancang terlebih dahulu soalan yang akan dikemukakan. Aspek teknik penyoalan ini turut dibincangkan oleh Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018) yang menyatakan bahawa penyoalan yang berkesan dapat membantu murid untuk menjana pengetahuan mereka sendiri dan bukan hanya dengan mengingati semula pelajaran yang telah dipelajari oleh mereka.

Kajian literatur seterusnya menjadi bertambah menarik apabila penelitian dibuat terhadap kajian yang dilakukan oleh Levy-feldman (2018) yang membincangkan tentang aspek guru yang baik. Penyelidik membandingkan aspek guru yang baik pada zaman dahulu dengan zaman sekarang dan selanjutnya memberi cadangan terhadap aspek guru yang baik untuk masa hadapan. Hasil kajian Levy-feldman (2018) mendefinisikan guru yang baik untuk era baharu ialah guru perlu bersedia dengan kemahiran yang berkaitan dengan heutagogi iaitu pendekatan pedagogi yang menekankan keperluan individu untuk belajar secara autonomi dan bebas. Dalam kajiannya, Levy-feldman (2018) mencadangkan konsep baharu guru yang baik iaitu guru sebagai mentor atau pembimbing yang dilengkapi dengan kemahiran heutagogi bagi tujuan menggalakkan pembelajaran berdikari melalui pengajaran dialog. Konsep ini hampir sama dengan konsep *Scaffolding* yang turut dibincangkan dalam kajian Sarikas (2018), Soysal dan Radmard (2020) dan Zuridah Hanim Akhir, (2018).

Pelaksanaan pengajaran yang dirancang kadang kala tidak dapat dilaksanakan apabila guru berhadapan dengan situasi sebenar. Keadaan ini berkaitan dengan tugas guru yang sebaik mungkin cuba mengelakkan kemerosotan keputusan peperiksaan awam. Beberapa kajian, sama ada kajian dalam atau luar negara membincangkan isu ini seperti kajian Condoleon (2019); Fazli Dahalan (2018); Mohd Ekram Al Hafiz Hashim dan Muhammad Zaffwan Idris. (2016); Lau (2016); Cheok et al., (2013); Zamri Mahamod (2011). Isu ini juga telah dibincangkan oleh Arumugham (2018) yang dalam kajiannya menunjukkan bahawa terdapat terlalu banyak kesan keputusan peperiksaan awam dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana kurikulum mata pelajaran sekolah bertujuan menekankan pencapaian keputusan terbaik sebagai penilaian kepada kejayaan murid.

Dapatan kajian ini masih relevan apabila Lau (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa peperiksaan awam merupakan komponen penting dalam masalah pelaksanaan. Kajian ini memberi tumpuan kepada Diploma *IB* di Hong Kong. Penyelidik mendapati tujuan utama penilaian Diploma *IB* ialah sebagai kelayakan untuk masuk universiti yang diiktiraf secara global. Hal ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa kerajaan, universiti dan majikan masih memberi penekanan terhadap kelayakan akademik. Oleh itu, guru sedapat mungkin cuba mengelakkan kemerosotan keputusan peperiksaan (Lau, 2016). Kesimpulannya, kejayaan sesebuah sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik murid bergantung kepada kejayaan guru dalam menjalankan pengajaran yang berkesan.

2.5.3 Proses Refleksi


Refleksi merupakan bahagian yang penting untuk memastikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam pengajaran KOMSAS. Menurut Allas et al., (2020) dan Forrest (2018), refleksi adalah penting dalam membangunkan kecenderungan guru untuk mempertimbang semula amalan pengajaran serta perkembangan pengajaran guru secara keseluruhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Manakala berdasarkan IBO (2014), konsep refleksi dilihat daripada sudut murid iaitu penilaian murid yang menunjukkan dengan jelas sesuatu yang boleh dicapai oleh mereka. Hal ini disokong oleh Hughes (2014) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa murid sepatutnya dapat menunjukkan pencapaian terhadap objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dan ini berdasarkan teori bahawa pemahaman bukan sesuatu yang kita miliki tetapi sebaliknya sesuatu yang boleh kita lakukan.

Sehubungan dengan itu, refleksi boleh dilakukan secara lisan mahupun bertulis. Merujuk refleksi bertulis, Bailey (2018) menekankan kepentingan refleksi yang berlaku dalam kurikulum bertulis. Dalam pengajaran berkonsepkan *MYPIB*, refleksi dinyatakan secara jelas dalam Rancangan Unit. Bahagian refleksi dalam Rancangan Unit *MYPIB* menghendaki guru supaya merekodkan refleksi mereka dalam tiga situasi penting iaitu sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran (IBO, 2014a).

Kesimpulannya, dalam penyelidikan ini, refleksi melibatkan amalan maklum balas guru terhadap pelajar secara individu mahupun secara keseluruhan kelas dalam tiga masa iaitu sebelum, semasa dan selepas PdPc dilaksanakan. Refleksi membolehkan guru menilai penguasaan murid terhadap KOMSAS dan kemahiran pendekatan pembelajaran. Hal ini penting untuk guru merancang dan melaksanakan pengajaran berikutnya supaya penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain daripada refleksi oleh guru terhadap murid, penyelidikan ini berdasarkan *Lesson Study*, mementingkan refleksi yang dibuat oleh rakan guru mahupun murid terhadap PdPc guru bagi membolehkan penambahbaikan dalam PdPc dilakukan oleh guru dan objektif yang dirancang mampu dicapai. Impak daripada refleksi, tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan dari segi pengubahsuaian *SGO*, Rancangan Unit dan perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran. (Dickson et al., 2019; Hughes, 2014b; IBO, 2014a; Macrauld, 2015b). Guru merupakan salah satu faktor yang penting dalam menjadikan suatu proses PdPc dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini selaras dengan kajian Masyuniza Yunos (2015) yang mendapati bahawa guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi murid terhadap sesuatu mata pelajaran.

2.6 Ringkasan Bab

Bab ini telah membincangkan sorotan literatur yang merangkumi komponen-komponen penting penyelidikan ini seperti falsafah pendidikan *MYPIB*, situasi pelaksanaan *MYPIB* di Malaysia yang berfokus kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan pengajaran komponen sastera (KOMSAS) di sekolah *MYPIB*, KPM, kerangka teoretikal yang digunakan dalam penyelidikan iaitu konstruktivisme, *Scaffolding*, *Lesson Study* dan kerangka kemahiran pendekatan pembelajaran. Bab ini turut membincangkan aspek pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Seterusnya, setelah mengkaji sorotan literatur, penyelidik akan menjelaskan reka bentuk kajian atau metodologi kajian ini secara terperinci dalam Bab Tiga.



BAB TIGA

REKA BENTUK KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan reka bentuk kajian yang diadaptasi dan digunakan oleh penyelidik. Perbincangan merangkumi prosedur kajian, tempat kajian, persampelan kajian, tempoh kajian, kaedah pengumpulan data, instrumentasi, analisis data, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan serta etika-etika yang perlu dipatuhi bagi mencapai objektif penyelidikan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan panduan khusus proses pelaksanaan sesuatu penyelidikan (Creswell & Creswel, 2017). Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk meneroka penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM dengan memberi fokus kepada aspek pemahaman guru dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Oleh itu, sebagai warga pendidik, penyelidikan ini dijalankan sebagai langkah untuk memahami, meneroka dan seterusnya melakukan penambahbaikan terhadap proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif untuk mengumpul dan menganalisis data yang lebih kepada penghuraian ‘makna’ perkara-perkara yang dikaji. Kajian mendalam perlu dilakukan oleh penyelidik (Patton, 2015) dan penjelasan yang meluas (Braun & Clarke, 2013) juga perlu untuk mendapatkan maklumat. Menurut Merriam dan Tisdell (2016), reka bentuk deskriptif adalah bertujuan untuk menghuraikan fakta dan ciri secara sistematik terhadap fenomena tertentu atau hubungan antara peristiwa dan fenomena. Fokusnya ialah berkaitan proses, pemahaman dan makna. Kajian deskriptif boleh menjelaskan dan menghuraikan sesuatu perkara atau keadaan pada sesuatu masa dan membantu menyelesaikan sesuatu masalah melalui pendekatan “sebab dan akibat” (Chen, 1990; Merriam, 2002; Merriam, 2009; Taylor, 2000). Penyelidik juga merupakan instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data. Justeru, reka bentuk kajian deskriptif sesuai dijalankan kerana kajian ini memerlukan penyelidik bekerja dalam situasi sebenar untuk mengumpul data seterusnya menjawab persoalan-persoalan yang timbul.

Selain itu, kajian kualitatif ini merupakan kajian kes tunggal atau partikularistik sesuai dengan cadangan yang dinyatakan oleh tokoh penyelidik kualitatif iaitu kajian partikularistik merujuk kes tertentu, istimewa, unik, baharu serta untuk tujuan kajian mendalam (Stake, 1981; Merriam, 2001; Merriam, 2002; Yin, 2014; Yin 2018). Dalam penyelidikan ini, kajian kes partikularistik dipilih adalah untuk meneroka secara mendalam kes yang berlaku di sekolah tempat kajian.

3.3 Tempat Kajian

Untuk memenuhi keperluan pengumpulan data bagi kajian ini, penyelidik memilih sebuah sekolah *MYPIB* bertaraf Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sebagai tempat kajian. Pemilihan ini dibuat berdasarkan beberapa justifikasi. Pertama, sekolah ini bertaraf SMK iaitu sekolah harian atau sekolah umum kerajaan yang terbuka kepada semua golongan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Walau bagaimanapun, sekolah harian ini istimewa kerana telah berjaya mengharungi cabaran untuk diiktiraf sebagai sekolah *MYPIB* setanding dengan sekolah elit yang lain seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Kolej Tunku Kurshiah yang terdiri daripada pelajar terpilih daripada seluruh negara serta dilengkapi prasarana yang lengkap.

Kedua, sekolah ini pernah gagal dalam verifikasi kali pertama tetapi pihak sekolah telah berusaha dengan lebih gigih bagi mendapatkan maklumat yang lebih banyak tentang *MYPIB* sehingga akhirnya sekolah ini telah berjaya mendapat pengiktirafan sebagai sekolah antarabangsa pada tahun 2017 (Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, 2017). Situasi ini membangkitkan keinginan penyelidik untuk menjadikan sekolah ini sebagai tempat kajian sesuai dengan objektif kajian dan soalan kajian yang ingin meneroka pemahaman guru tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dijalankan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah tempat kajian.

Ketiga, asbab kejayaan sekolah ini, pihak MRSM telah menjadikan sekolah ini sebagai sekolah rujukan untuk mendapatkan pementoran berkaitan pelaksanaan *MYPIB* yang menggunakan kurikulum Malaysia.

Selain itu, terdapat beberapa perkara yang dipertimbangkan oleh penyelidik dalam memilih tempat kajian ini iaitu, pertama untuk mensasarkan tujuan utama kajian ini iaitu meneroka pemahaman guru dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Kedua, tempat kajian ini dipilih kerana mudah dan tidak kompleks seperti yang dicadangkan oleh Spradley (1979) bagi menjimatkan masa penyelidikan. Ketiga, kesanggupan dan sikap kerjasama oleh pentadbir dan peserta kajian. Keempat, kemudahan, peluang mendapatkan data daripada peserta kajian merupakan kriteria dalam menjayakan penyelidikan ini.

Bagi mendapatkan data yang tepat dan lengkap, penyelidik perlu berdamping dengan peserta kajian dan berada di tempat yang dipilih seperti di bilik mesyuarat, di bilik guru, di pejabat atau di mana-mana tempat yang sesuai dalam kawasan sekolah. Pengalaman penyelidik yang pernah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB* telah membuka peluang kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan yang mendalam di tempat kajian yang dipilih sesuai dengan saranan Marohani (2016) iaitu menentukan pilihan tempat kajian amat mustahak bagi kejayaan sesebuah kajian.

Penyelidikan kualitatif ini tidak berhasrat untuk membuat perbandingan atau generalisasi (Lincoln & Guba, 1985; Patton, 1990; Taylor & Bogdan, 1984) bagi sekolah-sekolah *MYPIB* yang lain tetapi ingin meneroka situasi setempat dan mencadangkan penyelesaian kepada masalah kajian. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini penting kerana hasil kajian dapat memberi sumbangan dalam bentuk kerangka dan panduan lengkap proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang faedahnya bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh

guru-guru di sekolah *MYPiB* ini, malah kerangka dan panduan lengkap ini boleh diguna pakai oleh KPM untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah aliran perdana selaras dengan hasrat KPM untuk meningkatkan pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa dan global.

3.4 Persampelan Kajian

Penyelidikan kualitatif memfokuskan kajian secara mendalam yang melibatkan bilangan sampel yang agak kecil kerana dipilih untuk tujuan yang cukup spesifik (Patton, 2015). Oleh itu, sampel kajian untuk penyelidikan ini dipilih secara persampelan bertujuan atau 'purposive sampling'. Persampelan bertujuan yang dipilih dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bagi menjamin data yang diperoleh dapat menjawab soalan kajian dan objektif kajian dapat dicapai. Kriteria peserta kajian yang ditetapkan dalam penyelidikan ini ialah pertama, peserta kajian mestilah berpengalaman melebihi sepuluh tahun sebagai guru, kedua peserta kajian terlibat secara langsung dalam dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS serta mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang kemahiran pendekatan pembelajaran dan *MYPiB*, ketiga, kesediaan guru untuk menjadi peserta kajian tanpa paksaan. Pemilihan ini selaras dengan cadangan Patton (1990), iaitu strategi pemilihan persampelan bertujuan adalah untuk memahami dengan lebih baik tentang sesuatu kajian kes. Selain itu, menurut Braun dan Clarke (2013), persampelan bertujuan melibatkan pemilihan peserta atau data berdasarkan ciri atau pengalaman tertentu yang dimiliki oleh mereka.

Penyelidikan ini tidak memerlukan sampel kajian yang ramai kerana penyelidik menggunakan kaedah temu bual mendalam atau *in depth interview* serta disokong oleh kaedah analisis dokumen dan melengkapkan cerita yang membantu proses pemerolehan data yang tepu. Hal ini selaras dengan pendapat Merriam dan Tisdell (2016) bahawa bilangan sampel kajian bukan menjadi keutamaan tetapi pemilihannya berdasarkan soalan yang ditanya, data yang diperoleh dan dikumpul serta sumber yang ada untuk menyokong sesuatu kajian. Pemilihan peserta kajian terhenti apabila data yang tepu diperoleh dan jawapan peserta kajian adalah sama, tingkah laku mereka sama dan tiada pandangan atau idea yang baharu. Guest et al. (2006) menegaskan bahawa bukan bilangan enam hingga dua belas peserta kajian sudah mencukupi untuk menjawab persoalan kajian, tetapi pemilihan sampel kajian secara persampelan bertujuan perlu dilakukan secara teliti agar peserta kajian yang dipilih menepati kriteria yang telah ditetapkan. Selain itu, menurut Othman Lebar (2018), keputusan untuk menamatkan proses persampelan mestilah mengambil kira matlamat kajian dan keperluan untuk mencapai objektif kajian melalui triangulasi sumber-sumber data. Oleh itu, bagi penyelidikan ini, pemilihan enam orang guru sebagai peserta kajian adalah relevan kerana mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan serta mampu memberi maklumat yang tepu bertepatan soalan dan objektif kajian.

3.4.1 Peserta Kajian

Dalam penyelidikan ini, peserta kajian terdiri daripada guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun serta terlibat secara langsung sama ada dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS mahupun guru yang mengetuai proses penguatkuasaan dan perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah

tempat penyelidikan dilaksanakan. Enam orang guru dipilih sebagai peserta kajian. Empat daripadanya ialah guru Bahasa Melayu, seorang guru yang memegang jawatan Penyelaras *MYPIB* dan seorang guru yang memegang jawatan Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Pemilihan peserta kajian yang terdiri daripada pelbagai variasi tetapi sangat bertepatan dengan soalan dan objektif kajian membantu penyelidik untuk memahami serta memperoleh data yang berguna untuk penyelidikan (Lincoln & Guba, 1985; Patton, 1990; Taylor & Bogdan, 1984).

Empat orang daripada enam peserta kajian yang dipilih ialah guru Bahasa Melayu yang mengajarkan KOMSAS di peringkat tingkatan satu hingga tingkatan lima. Hal ini dikatakan demikian kerana penyelidik ingin memahami proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang berlaku secara terancang bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Penyelidik tiada pilihan untuk memilih guru yang mengajar kelas bukan peperiksaan sahaja kerana sistem penyusunan jadual waktu di sekolah ini yang mewajibkan setiap guru untuk mengajar kelas peperiksaan dan bukan peperiksaan. Walau bagaimanapun, guru-guru ini bersetuju untuk menjadi peserta kajian dan telah memberikan kerjasama yang sangat baik untuk menjayakan penyelidikan ini.

Seterusnya, bagi mengukuhkan data serta mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, dua orang guru lagi dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan tanggungjawab dan kapasiti tugas mereka terhadap program penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Keputusan ini bersandar kepada ketepuan data yang diperoleh dalam kajian Forrest (2018) yang menggabungkan data yang diperoleh daripada peserta kajian yang terdiri daripada guru

dan juga pentadbir. Walaupun peserta kajian kelima dan keenam ini bukan terdiri daripada guru Bahasa Melayu, dua orang guru ini terlibat secara langsung dalam perancangan dan penguatkuasaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Mereka ialah guru yang memegang jawatan sebagai Penyelaras *MYPIB* dan Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran yang bertanggungjawab membangunkan dan menyelaras penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah tempat kajian. Pemilihan dua orang guru pentadbir ini berdasarkan kemahiran mereka dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan pelaksanaan program *MYPIB*. Hal ini bertepatan dengan pendapat Creswell dan Poth (2017) bahawa penyelidik perlu memaksimumkan variasi persampelan untuk mewakili pelbagai perspektif dalam kajian. Hasilnya, maklumat yang tepat dan cukup dapat diperoleh daripada peserta kajian.

Seterusnya, bagi memenuhi kriteria persampelan kajian yang baik, penyelidik memilih peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Dalam penyelidikan ini, lima peserta kajian telah bertugas atau mengajar di sekolah *MYPIB* lebih daripada tiga tahun, manakala seorang peserta kajian telah bertugas di sekolah *MYPIB* hampir dua tahun. Walaupun pengalamannya bertugas di sekolah *MYPIB* kurang daripada dua tahun, peserta kajian ini merupakan Guru Cemerlang Bahasa Melayu. Peserta kajian ini mampu memberi sudut pandang sebagai guru baharu bagi menjawab soalan kajian pertama yang menjurus kepada pemahaman tentang kemahiran pendekatan pembelajaran.

Berdasarkan kriteria pemilihan peserta kajian ini, penyelidik dapat memastikan bahawa peserta kajian memiliki kepakaran dan ilmu pengetahuan tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS mahupun proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Semua enam orang guru yang dipilih sebagai peserta kajian mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun. Latar belakang, pengalaman serta sijil-sijil pentauliahan mereka dinyatakan secara lengkap dalam bab 4 iaitu pada bahagian 4.2 Demografi peserta kajian.

Kesimpulannya, pemilihan peserta kajian ini membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat terperinci terhadap kes yang dikaji. Maklumat yang diperoleh daripada pihak yang terlibat secara langsung dengan sesuatu penyelidikan dapat membantu penyelidik untuk merungkaikan maklumat bagi membantu penyelidikan (Merriam dan Tisdell, 2015).

3.5 Etika Penyelidikan

Pematuhan kepada etika penyelidikan merupakan isu yang penting yang perlu diambil perhatian oleh penyelidik sebelum sesuatu penyelidikan dijalankan (Anita & Priyank, 2021). Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah mematuhi etika penyelidikan dengan mengikuti prosedur-prosedur berikut. Pertama, memperoleh kebenaran daripada pihak berwajib, kedua memperoleh persetujuan daripada peserta kajian, ketiga mematuhi prosedur semasa melaporkan analisis serta interpretasi data dan keempat berpegang kepada prinsip kerahsiaan.

Bagi menepati prosedur kajian yang melibatkan pemerolehan kebenaran daripada pihak berwajib, penyelidik menjalankan beberapa langkah seperti berikut. Pertama, penyelidik memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM bagi menjalankan kajian di sekolah terpilih. Setelah mendapat kelulusan daripada BPPDP, langkah kedua yang dilakukan oleh penyelidik ialah memohon kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan kajian di sekolah *MYPIB* terpilih. Langkah ketiga, penyelidik memohon kebenaran daripada pengetua atau pihak pentadbir sekolah tempat kajian.

Seterusnya, bagi melengkapkan prosedur kedua, penyelidik telah mendapatkan persetujuan dan kesanggupan peserta kajian untuk terlibat dalam penyelidikan ini. Hal ini sangat penting memandangkan peserta kajian perlu memberi komitmen yang tinggi serta tempoh pengumpulan data yang lama bagi menjawab soalan temu bual dan melengkapkan cerita. Peserta kajian juga perlu bersedia memberi dokumen-dokumen berkaitan untuk dianalisis. Dalam situasi ini, penyelidik telah berusaha membina hubungan baik dan hubungan kepercayaan antara penyelidik dengan peserta kajian. Hal ini dilakukan dengan penyelidik menerangkan secara terperinci reka bentuk kajian serta tujuan penyelidikan ini dijalankan.

Penyelidik menjelaskan kepada peserta kajian bahawa penyelidikan ini tidak bertujuan untuk menguji pemahaman mereka tentang konsep penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran atau menghakimi proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan oleh mereka. Malah, penyelidik memberi maklumat yang jelas bahawa data yang dikongsikan oleh mereka bakal membantu penyelidik untuk menghasilkan kerangka dan panduan terperinci tentang proses penerapan kemahiran

pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang bukan sahaja penting untuk penyelidikan ini tetapi hasil kajian ini sebenarnya akan membantu mereka untuk lebih memahami dan melaksanakan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan lebih berstruktur dan sistematik. Sebagai tanda kesepakatan dan persetujuan antara pihak penyelidik dan peserta kajian, penyelidik meminta peserta kajian untuk menandatangani borang persetujuan untuk menjadi peserta kajian.

Sepanjang menjalankan kajian ini penyelidik telah berusaha mematuhi prosedur semasa melaporkan interpretasi dan analisis data. Prosedur ini bermula dengan proses merakam semua temu bual yang telah dijalankan untuk memastikan data yang diperoleh adalah jelas dan boleh didengar secara berulang semasa proses interpretasi dan transkripsi. Penyelidik mengikut etika dalam menjalankan kajian seperti yang telah gariskan oleh Resnik et al. (2009) iaitu kejujuran, integriti, keterbukaan dan menghormati pendapat yang dicetuskan oleh peserta kajian. Penyelidik bersifat terbuka dengan pelbagai reaksi yang dicetuskan oleh peserta kajian dan menerima semua pandangan dan pendapat yang diberi oleh peserta kajian. Penyelidik jujur dalam melaporkan data dan hasil dapatan kajian. Pengesahan dan persetujuan tentang interpretasi data yang tepat diperoleh daripada peserta kajian bagi menjamin penyelidik tidak memanipulasikan data untuk kepentingan diri sendiri dan memastikan laporan yang diberikan asli dan tulen berdasarkan data yang diperoleh.

Yang terakhir, penyelidik mematuhi etika penyelidikan dengan berpegang kepada prinsip kerahsiaan. Penyelidik amat mengambil berat tentang menjaga kerahsiaan peserta kajian semasa membuat laporan penyelidikan. Maklumat-maklumat seperti nama, nombor telefon dan lokasi sebenar kajian tidak akan dinyatakan. Nama-nama

peserta kajian dirahsiakan seperti yang disarankan oleh Guillemin dan Gillam (2004). Oleh itu, penyelidik telah menggunakan nama samaran seperti berikut untuk menamakan peserta kajian iaitu Cikgu Umar, Cikgu Dina, Cikgu Insyirah, Cikgu Solehah dan Cikgu Ain.

Penyelidik tidak mendedahkan data tanpa keizinan penyelidik. Terdapat data berbentuk gambar dan dokumen rasmi yang diambil kira sebagai data kajian, namun penyelidik tidak memasukkan gambar dan dokumen tersebut ke dalam laporan kajian kerana tidak mendapatkan kebenaran daripada peserta kajian. Penyelidik berusaha mematuhi etika ini agar laporan yang diberikan dalam penyelidikan ini tidak membawa sebarang masalah kepada peserta kajian yang sanggup meluangkan masa dan tenaga mereka sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi menjayakan kajian kes, maklumat perlulah diperolehi daripada pelbagai sumber yang berbeza (Braun & Clarke 2013; Cresswell, 2013; Merriam 1998). Berpandukan maklumat ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pengumpulan data yang berbeza bagi mengumpulkan seberapa banyak data deskriptif tentang gambaran sebenar pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen.

Pada asalnya penyelidik merancang untuk menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen semasa pengumpulan data. Namun, penyelidik telah menggantikan kaedah pemerhatian dengan kaedah melengkapkan cerita yang diperoleh daripada Braun dan Clarke (2013) bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh bahagian BPPDP iaitu tidak membenarkan pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian di sekolah KPM.

Melalui kaedah melengkapkan cerita, penyelidik berjaya membina hubungan kepercayaan antara penyelidik dan peserta kajian. Kaedah melengkapkan cerita menjadi medium awal pemerolehan data dalam kajian ini. Seterusnya, maklumat awal yang diperoleh dikukuhkan lagi menerusi data yang diperoleh melalui kaedah temu bual berstruktur. Yang terakhir, kaedah analisis dokumen dilakukan bagi memastikan data yang diperoleh melalui kaedah melengkapkan cerita dan temu bual selaras dengan data dokumentasi ataupun kajian empirikal. Dokumen-dokumen perancangan pengajaran seperti *SGO* dan Rancangan Unit, dokumen rasmi seperti laporan akreditasi, sijil, DSKP dan minit mesyuarat serta hasil kerja pelajar dalam bentuk penulisan projek individu serta tugas dikumpulkan dan dianalisis bagi mengukuhkan laporan dapatan kajian. Kaedah-kaedah ini digunakan selaras dengan cadangan Lincoln and Guba (1985) yang menyatakan bahawa temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan isyarat tanpa suara sebagai teknik mengumpul data untuk penyelidikan kualitatif. Pemerolehan data daripada sumber yang berbeza boleh memberikan pelbagai maklumat yang membantu penyelidik untuk melakukan penyelidikan yang mendalam sehingga suatu laporan yang lengkap dapat dihasilkan (Merriam & Tisdell, 2016).

Sepanjang tempoh pengumpulan data, penyelidik berada di sekolah semasa sesi persekolahan bagi tujuan pengumpulan data. Penyelidik merancang janji temu dengan peserta kajian terlebih dahulu bagi memastikan pengumpulan data berjalan lancar. Selain itu, semasa proses pengumpulan data, penyelidik berada bersama-sama peserta kajian sepanjang waktu persekolahan dalam usaha untuk mendapatkan kepercayaan dan membentuk hubungan baik dengan peserta kajian. Keadaan ini selaras dengan saranan Glesne (1999) dan Nasir (2014) yang menyatakan bahawa dalam kajian kualitatif, hubungan baik antara penyelidik dan peserta kajian adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan membina kepercayaan. Penyelidik juga meluangkan masa berada di bilik guru, kantin, pejabat sekolah dan kawasan sekolah yang lain bagi merasai pengalaman sebenar berada di tempat kajian.

Penyelidikan ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk meneroka pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Bagi memenuhi tujuan itu, penyelidik memberitahu peserta kajian bahawa perbincangan serta pendapat peserta kajian sentiasa dialu-alukan untuk menghasilkan penyelidikan yang yang terbaik. Salinan protokol temu bual, dan transkripsi temu bual diberikan kepada peserta kajian untuk memberi keyakinan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan. Penyelidik juga menjelaskan kepada peserta kajian tentang perancangan pengumpulan data serta kaedah yang bakal digunakan seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Pengumpulan Data dan Analisis

Soalan Kajian	Kaedah	Analisis
1. Bagaimanakah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran <i>ATL</i> di sekolah <i>MYPIB</i> ?	Melengkapkan cerita Temu bual separa berstruktur <ul style="list-style-type: none"> ● Bersemuka ● Atas talian ● Analisis dokumen 	Analisis Tematik
2. Bagaimanakah proses penerapan kemahiran <i>ATL</i> dalam pengajaran KOMSAS di sekolah <i>MYPIB</i> KPM yang merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi?	Temu bual separa berstruktur <ul style="list-style-type: none"> ● Bersemuka ● Atas talian ● Analisis dokumen 	Analisis Tematik

3.6.1 Instrumentasi

Instrumentasi yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah tugas melengkapkan cerita, protokol temu bual separa berstruktur dan senarai dokumen yang dianalisis. Dalam memastikan tiada kecaciran data, penyelidik merakam audio temu bual dan membuat catatan peribadi semasa pengumpulan data. Penyelidik berperanan sebagai instrumen utama dalam kajian (Braun & Clarke, 2013; Cresswell, 2013; Merriam & Tisdell, 2016; Othman Lebar, 2018).

3.6.1.1 Melengkapkan Cerita

Idea untuk menggunakan instrumen melengkapkan cerita timbul apabila penyelidik membaca penulisan Braun dan Clarke (2013). Walaupun instrumen ini kurang popular, namun penyelidik mendapati instrumen ini menarik, bersesuaian dan praktikal untuk dikemukakan kepada guru Bahasa Melayu, malah guru-guru yang mengajarkan subjek yang lain juga. Melalui tugas melengkapkan cerita, peserta kajian iaitu guru dapat meluahkan isi hati dalam bentuk penulisan kreatif dan santai. Bentuk instrumen ini

memberi keselesaan kepada peserta kajian memandangkan instrumen ini digunakan semasa fasa pertama iaitu semasa sesi membina hubungan antara penyelidik dan peserta kajian. Instrumen melengkapkan cerita ini hanya digunakan untuk menjawab soalan kajian pertama.

3.6.1.2 Temu Bual Separa Berstruktur

Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mengukuhkan data yang diperolehi melalui kaedah melengkapkan cerita bagi soalan kajian yang pertama. Manakala untuk soalan kajian kedua, temu bual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama untuk pengumpulan data. Instrumen temu bual separa berstruktur ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk mendapatkan maklumat tentang dua soalan kajian seperti dinyatakan sebelum ini. Menurut Schensul et al., (1999) dan Yin (2018) temu bual ialah kaedah pengumpulan data utama yang sering digunakan dalam penyelidikan kajian kes. Oleh itu, penyelidik amat menitikberatkan penyediaan protokol temu bual dengan mendapatkan kepakaran semakan dan pengesahan daripada dua orang pakar iaitu pertama pakar dari aspek kandungan berkaitan *MYPiB* khasnya penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan pakar kedua pula dari aspek kajian kualitatif.

Sebelum pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual, janji temu dirancang terlebih dahulu. Temu bual separa berstruktur yang dijalankan adalah untuk meneroka perspektif peserta kajian tentang pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi fasa pertama dan meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS bagi fasa kedua.

3.6.1.3 Analisis Dokumen

Data daripada dapatan melengkapkan cerita dan temu bual diperkuatkan lagi dengan data analisis dokumen. Disebabkan objektif kedua penyelidikan ini adalah untuk meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, maka fokus utamanya ialah menganalisis dokumen-dokumen berkaitan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Semasa proses pengumpulan data, penyelidik mengumpul dan meneliti semua dokumen berkaitan seperti minit mesyuarat, laporan akreditasi, SGO, Rancangan Unit, Rancangan Harian, Rancangan kemahiran pendekatan pembelajaran, DSKP Bahasa Melayu dan tugas pelajar. Menurut Othman Lebar (2018), maklumat yang diperoleh daripada analisis dokumen boleh menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang diperoleh daripada kaedah lain seperti temu bual.

3.6.2 Fasa Pengumpulan Data

Terdapat tiga fasa dalam proses pengumpulan data bagi penyelidikan ini. Penyelidik menjalankan pengumpulan data dalam fasa-fasa ini berdasarkan rasional ini:


Fasa 1 - penyelidik memulakan pengumpulan data melalui kaedah melengkapkan cerita. Kaedah ini digunakan untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu untuk mendapatkan perspektif awal tentang pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Rasional untuk memulakan pengumpulan data melalui kaedah melengkapkan cerita ialah penyelidik berpotensi untuk mengumpul data tentang topik sensitif atau tabu serta mengakses tanggapan sosial yang tidak diingini oleh peserta kajian (Braun & Clarke 2013). Kaedah ini diharapkan dapat mengelakkan

perasaan kurang selesa peserta kajian kerana bimbang penyelidik sedang menguji pemahaman mahupun pengetahuan mereka tentang profesionalisme mereka. Selain itu, kaedah ini sesuai untuk membina kepercayaan antara peserta kajian dan penyelidik kerana penulisan melengkapkan cerita bersifat santai serta penulis boleh meluahkan perasaan dalam bentuk penulisan kreatif.

Fasa 2 - Setelah mendapatkan perspektif awal tentang pemahaman guru, selanjutnya, penyelidik bersedia untuk mendapatkan data yang lebih mendalam melalui kaedah temu bual berstruktur. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual berstruktur untuk mengukuhkan data yang telah diperoleh melalui kaedah melengkapkan cerita untuk soalan kajian yang pertama. Manakala untuk soalan kajian kedua, temu bual berstruktur digunakan sebagai kaedah utama untuk pengumpulan data. Proses temu bual berstruktur dilakukan terhadap peserta kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu dan pentadbir yang mempunyai kaitan langsung dengan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Fasa 3 - Penyelidik mengumpul dan meneliti semua dokumen berkaitan seperti minit mesyuarat, laporan, buku rekod pengajaran, Rancangan Unit, Rancangan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran, DSKP Bahasa Melayu, soalan tugas serta dokumen rujukan utama semasa proses pengumpulan data. Dalam fasa 3 ini penyelidik menganalisis dokumen-dokumen untuk menyokong dan melengkapkan data yang diperoleh dalam fasa 1 dan fasa 2.

Ketiga-tiga fasa pengumpulan data ditunjukkan dalam Rajah 3.1



Rajah 3.1 Fasa Pengumpulan Data


3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

3.7.1 Kesahan

Menurut Yin (2013), kesahan adalah berkaitan dengan soal ketepatan atau kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, atau laporan sesuatu penyelidikan. Kesahan merujuk kepada ketekalan pada data yang diperoleh iaitu ketekalan berlaku antara peserta kajian dengan peserta kajian yang lain atau antara kaedah pengumpulan data dengan kaedah pengumpulan data yang lain (Braun & Clarke, 2013). Gay et al. (2012) mencadangkan penyelidik menggunakan pelbagai kaedah dalam pengumpulan data bagi menguatkan kesahan data. Oleh itu, dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu melengkapkan cerita, temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Dalam penyelidikan ini juga penyelidik memanfaatkan beberapa teknik untuk menguji kesahan seperti membuat triangulasi dan mendapatkan pengesahan daripada peserta kajian.

3.7.1.1 Triangulasi

Satu cara yang penting untuk mengukuhkan dapatan penyelidikan ialah melalui triangulasi (Siti Uzairiah, 2017; Yin, 2013). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan beberapa cara untuk meningkatkan kesahan. Antaranya, triangulasi pelbagai sumber data antaranya peserta kajian yang berbeza dan triangulasi pelbagai kaedah pengumpulan data untuk mengesahkan dapatan seperti data yang diperoleh. Rajah 3.2 menjelaskan triangulasi kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan ini.



Rajah 3.2 Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data. Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada Yin (2018).

3.7.1.2 Pengesahan Peserta Kajian

Seterusnya, penyelidik juga memberi penekanan terhadap maklum balas dan pengesahan daripada pihak yang paling sesuai sebagai sumber pengesahan data iaitu peserta kajian. Menurut Yin (2013), peserta kajian layak membuat pengesahan data kerana mereka mempunyai pengetahuan sebenar tentang situasi yang dikaji. Dalam penyelidikan ini, penyelidik meminta peserta kajian untuk memeriksa dapatan kajian sebaik sahaja interpretasi dilakukan. Hal ini bagi memastikan dapatan yang terhasil adalah tepat. Proses mendapatkan maklum balas dan pengesahan data daripada peserta kajian ini dilakukan secara berterusan mengikut fasa pengumpulan data, bermula daripada data yang diperoleh daripada kaedah melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen bagi mengelakkan penyelidik tersalah menginterpretasikan data yang diperoleh. Menurut Miles dan Huberman (1994) pula,

meminta peserta kajian untuk memeriksa semula dapatan kajian merupakan usaha telus yang dilakukan oleh penyelidik dalam kajian kualitatif.

3.7.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan amat penting untuk kajian kualitatif. Kebolehpercayaan berkait rapat dengan ketekalan (Siti Uzairiah, 2017). Dalam penyelidikan ini, penyelidik berusaha untuk mencapai tahap ketekalan bermula dari awal proses penyelidikan iaitu merujuk literatur dan pakar utama dalam pengendalian kajian kualitatif. Penyelidik menunjukkan kebolehpercayaan dalam penyelidikan ini melalui pemilihan peserta kajian secara teliti dan mengikut prosedur, penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data serta proses pengumpulan data yang dilakukan secara bersemuka dengan peserta kajian menjamin kebolehpercayaan dalam penyelidikan ini.

Seterusnya, bagi meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan ini, penyelidik menunjukkan dengan jelas langkah atau prosedur pengumpulan data dilaksanakan. Penyelidik bersedia secara rapi untuk mengumpul data seperti bersedia dengan alat perakam dan buku catatan lapangan, protokol kajian serta minda yang berfokus. Penyelidik menjalankan sesi melengkapkan cerita secara terancang untuk mendapatkan maklumat awal serta mewujudkan kepercayaan peserta kajian sebelum sesi temu bual dijalankan. Akhir sekali, penyelidik menganalisis dokumen yang diperlukan seperti buku rekod pengajaran yang mengandungi Rancangan Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*), Rancangan Unit, soalan tugas pelajar, tugas pelajar, laporan akreditasi, sijil, DSKP Bahasa Melayu, fail panitia serta minit mesyuarat. Semua langkah yang digunakan oleh penyelidik adalah untuk memastikan tiada keraguan kepada data yang diperoleh.

Kehadiran penyelidik sedikit sebanyak mempengaruhi tingkah laku peserta kajian. Oleh itu, penyelidik berusaha menyesuaikan diri dan memupuk hubungan dengan peserta kajian. Bagi mendapatkan data sebenar, penyelidik telah berusaha untuk mengurangkan kesan kehadiran penyelidik terhadap peserta kajian (Braun & Clarke, 2013). Beberapa langkah yang telah diambil oleh penyelidik adalah seperti berada di sekolah dalam jangka masa yang lama, bergaul mesra dengan peserta kajian dan warga sekolah dan mematuhi etika penyelidikan.

3.8 Kajian Rintis

Menurut Yin (2014) untuk memastikan penyelidikan kajian kes dilaksanakan dengan baik, penyelidik harus menjalankan kajian rintis sebagai persiapan untuk pengumpulan data. Penyelidik menjalankan kajian rintis untuk menguji protokol temu bual serta analisis dokumen melalui semakan Rancangan Unit dua orang guru Bahasa Melayu yang bukan merupakan peserta kajian dalam penyelidikan sebenar. Penyelidik menerima komen dan idea yang membina daripada peserta kajian dalam kajian rintis untuk melakukan penambahbaikan dalam penyelidikan sebenar.

Antara penambahbaikan yang dilakukan oleh penyelidik ialah penambahan kaedah melengkapkan cerita untuk soalan kajian pertama. Pada awalnya, penyelidik merancang untuk melaksanakan kaedah temu bual berstruktur sahaja sebagai kaedah pengumpulan data. Akan tetapi, penyelidik mendapati peserta kajian agak kurang selesa apabila soalan pertama yang dikemukakan dalam sesi temu bual berstruktur adalah berkaitan pemahaman guru Bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Peserta kajian berasa kurang selesa kerana beranggapan penyelidik sedang menguji pemahaman mahupun pengetahuan mereka

tentang profesionalisme mereka. Sebagai penambahbaikan, kajian literatur telah dilakukan dan penyelidik mendapati kaedah melengkapkan cerita yang terdapat dalam buku Braun dan Clarke (2013) amat sesuai untuk memberi keselesaan kepada peserta kajian kerana data yang diberikan dalam bentuk tulisan yang santai. Untuk penyelidikan sebenar, penyelidik telah membuat perubahan dengan terlebih dahulu mengemukakan soalan melengkapkan cerita bagi mewujudkan keselesaan dan mengurangkan tekanan kepada peserta kajian.

Berikut disertakan soalan melengkapkan cerita yang berjaya mewujudkan kepercayaan peserta kajian untuk menjawab soalan.

“Tahniah cikgu, sekali lagi cikgu terpilih sebagai wakil untuk ditemu duga bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan dalam lawatan verifikasi *MYPIB* pada tahun 2021” Aku mengangguk sambil fikiranku menerawang jauh, “Sekali lagi aku terpilih? Lawatan verifikasi kali ini amat bermakna untuk aku, anak-anak muridku, sekolahku mahupun negaraku. Setelah bertahun-tahun mencurahkan keringat di sekolah tercinta ini, maka tarikh keramat itu muncul lagi. Tarikh yang akan menentukan sama ada sekolahku yang tercinta berjaya atau sebaliknya untuk meneruskan program *MYPIB* yang kami usahakan sejak tahun 2013. Aku terkenangkan soalan yang ditujukan kepadaku lima tahun yang lalu semasa lawatan verifikasi kali pertama iaitu apakah yang aku fahami tentang penerapan kemahiran *ATL* dalam pengajaran? Jika soalan itu ditanya kepadaku sekali lagi, maka inilah jawapanku....”.

Berdasarkan stimulasi yang diberikan dalam tugas melengkapkan cerita, peserta kajian dapat menjawab soalan dengan santai tanpa perlu menyusun ayat secara formal. Mereka tidak menganggap aktiviti melengkapkan cerita ini akan menguji tahap pemahaman mereka tentang kemahiran pendekatan pembelajaran mahupun profesionalisme mereka sebagai guru.

Kajian rintis yang dibuat juga memberi faedah dari aspek penambahbaikan protokol temu bual separa berstruktur. Perubahan kepada versi protokol temu bual adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Protokol Temu Bual

Sebelum	Selepas
1. Apa yang anda faham tentang penerapan kemahiran <i>ATL</i> ?	1. Apakah penerapan kemahiran <i>ATL</i> ? Apakah ciri-cirinya?
2. Adakah anda menerapkan kemahiran <i>ATL</i> dalam pengajaran KOMSAS?	2. Bagaimanakah cikgu menerapkan kemahiran <i>ATL</i> dalam pengajaran KOMSAS?
3. Bolehkah anda berkongsi bagaimanakah perasaan anda apabila diminta mengajar kemahiran <i>ATL</i> semasa mengajarkan KOMSAS?	3. Adakah cara pengajaran guru sama dengan sebelum pelaksanaan program <i>MYPIB</i> ?
4. Apakah faedah penerapan kemahiran <i>ATL</i> ?	4. Adakah terdapat perubahan dalam pengajaran apabila cikgu melaksanakan penerapan kemahiran <i>ATL</i> ? Bagaimana?
	5. Adakah penerapan <i>ATL</i> baik untuk diterapkan? Mengapa? Jika tidak, mengapa?
	6. Bagaimana penerapan <i>ATL</i> boleh membantu meningkatkan kemahiran belajar pelajar cikgu?
	7. Apakah perubahan yang ditunjukkan oleh pelajar setelah diterapkan dengan kemahiran <i>ATL</i> ?

3.9 Analisis Data

Merriam (2002) menyatakan bahawa analisis data merupakan proses kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, penaakulan induktif dan deduktif serta deskripsi. Dengan kata lain analisis data merupakan proses mengatur, menstrukturkan dan menginterpretasikan data yang telah dikumpul.


3.9.1 Analisis Tematik

Rasional penyelidik memilih analisis tematik adalah kerana analisis tematik fleksibel atau mudah lentur seperti diterangkan oleh Braun dan Clarke (2013). Mereka menyatakan bahawa analisis tematik adalah kaedah terbaik bagi penyelidik yang baharu dalam penyelidikan kualitatif.

Melalui analisis tematik, penyelidik dapat mengenal pasti idea-idea utama, mengkod, mengkategorikan data dan yang terakhir menghasilkan tema yang menjawab soalan kajian serta objektif kajian tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPiB*. Braun dan Clarke (2013) mengemukakan enam fasa dalam analisis tematik yang diikuti oleh penyelidik dalam kajian ini iaitu :

1. Mengenal dan memahami data melalui semakan, bacaan, mengedit, bacaan semula dan mencatatkan idea awal.
2. Pengekodaan ciri menarik, menyusun data yang berkaitan dengan setiap kod.
3. Mengenal pasti tema melalui analisis kod, mengatur semua data yang berkaitan dengan setiap tema.
4. Meneliti tema, menghasilkan peta analisis tematik.
5. Mendefinisikan dan menamakan tema melalui analisis berterusan untuk menghasilkan tema yang jelas untuk penyelidikan.

6. Menghasilkan laporan analisis akhir yang menjawab soalan penyelidikan. Enam fasa fasa analisis tematik ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3 Ringkasan Enam Fasa Analisis Tematik. Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada Braun dan Clarke (2013).

3.9.2 Analisis Data Kualitatif Menggunakan *ATLAS.ti*

Selaras dengan perkembangan teknologi perisian komputer yang semakin pesat, pelbagai perisian telah dibangunkan bagi membantu mengembangkan kapasiti pemprosesan data kajian kualitatif. Silverman (2001) menamakan dua perisian pemprosesan data kualitatif berbantuan komputer atau '*computer-aided qualitative data analysis software*' (CADQA) yang paling meluas digunakan dalam kajian kualitatif iaitu *Nvivo* dan *ATLAS.ti*.


Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik mengguna pakai perisian *ATLAS.ti* Versi 8. Penyelidik memilih perisian *ATLAS.ti* kerana perisian ini sangat praktikal untuk membantu penyelidik memproses jumlah data yang besar dalam masa yang singkat

serta lebih sistematik berbanding pengurusan data secara manual. Penyelidik dapat menggunakannya dengan selesa dan memudahkan data yang dianalisis dirujuk dengan cepat. Selain itu, Ani Munirah (2017) dan Mohd Zairul (2020) menyatakan bahawa perisian *ATLAS.ti* menyediakan pelbagai kemudahan dalam proses merekod data, mengekod data, menghasilkan tema dan mendapatkan akses kepada rekod data dengan cepat dan tepat. Penyelidik telah menghadiri beberapa bengkel menggunakan *ATLAS.ti* yang yang dianjurkan oleh kedua-dua pakar ini bagi membantu proses menganalisis data kualitatif.

Penyelidik telah mengikuti beberapa langkah yang dianjurkan semasa melaksanakan analisis data berbantuan perisian *ATLAS.ti*. Sebagai langkah awal, penyelidik menaip data yang telah ditranskripsi melalui melengkapkan cerita, temu bual dan analisis dokumen terlebih dahulu dalam perisian *MS Word* dan menamakan fail-fail tersebut dengan nama yang bersesuaian. Kemudian penyelidik membina satu unit projek penyelidikan dalam perisian *ATLAS.ti* yang menggunakan nama Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS. Seterusnya penyelidik memuat naik fail-fail data yang telah ditranskripsikan dalam bentuk *MS Word* itu melalui menu *project* dan *add document(s)*. Penyelidik kemudiannya membaca, memahami data secara mendalam, menganalisis data sebelum membina kod-kod yang relevan melalui menu *codes* dan *free codes* yang disediakan.

Langkah seterusnya, penyelidik membina perkaitan atau link antara kod-kod yang telah dihasilkan. Penyelidik menggunakan menu *code manager* dan melakukan proses pertindihan melalui *Open Relation Editor* yang membolehkan penyelidik membuat pautan yang boleh mengaitkan antara kod-kod atau *quotation* yang telah dikenal pasti.

Langkah terakhir adalah membina rangkaian yang terhasil daripada kombinasi kod, kategori yang akhirnya membina tema. Proses analisis data menggunakan perisian *ATLAST.ti* ini ditunjukkan secara ringkas rajah 3.4.



Rajah 3.4 Ringkasan Proses Analisis Tematik Menggunakan perisian *ATLAST.ti*. Sumber diadaptasi dan diubah suai daripada Mohd Zairul (2020).

3.10 Ringkasan Bab

Bab Tiga ini membincangkan secara terperinci langkah demi langkah yang dilaksanakan oleh penyelidik bagi menjayakan kajian kes penyelidikan kualitatif. Tiga kaedah utama pengumpulan data yang digunakan ialah melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Instrumen utama kajian ialah penyelidik sendiri yang bertindak sebagai penemu bual dan penganalisis data. Dalam usaha untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam penyelidikan ini, prosedur dan etika penyelidikan dipatuhi bermula daripada pemerolehan kebenaran kajian, pemilihan persampelan kajian, penggunaan teknik triangulasi kaedah pengumpulan data, triangulasi data yang berfokus kepada ketekalan dan ketepuan data serta pengesahan daripada peserta kajian terhadap penulisan analisis. Penyelidik memilih perisian *ATLAS.ti* bagi memproses data. Seterusnya dapatan kajian berdasarkan analisis tematik dijelaskan secara terperinci dalam Bab 4

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Penulisan Bab Empat membincangkan dapatan kajian hasil daripada metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik seperti yang diterangkan dalam Bab Tiga. Dapatan kajian diperoleh daripada tiga kaedah pengumpulan data iaitu penulisan melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Penyelidik telah menyaring data yang telah mencapai tahap ketepuan secara berulang kali. Kaedah ini seiring dengan analisis tematik yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2013) dan Saldaña (2021).

Penyelidik membentangkan dapatan kajian dalam bentuk penulisan yang jelas tentang proses penghasilan tema yang bermula daripada proses pengekodan kod awalan, seterusnya pembentukan kategori sehinggalah terhasilnya 13 tema. Selain menyaring data secara berulang kali, penyelidik telah merujuk sorotan karya lepas dan berbincang dengan pakar untuk tujuan pembentukan tema akhir. Laporan dapatan kajian disusun secara berturutan bagi menjawab soalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimanakah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*, KPM?
2. Bagaimanakah proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilakukan di sekolah *MYPIB* KPM?

4.2 Demografi Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan enam orang peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu empat orang guru Bahasa Melayu, seorang guru yang memegang jawatan penyelar *MYPIB* dan seorang guru yang memegang jawatan penyelar kemahiran pendekatan pembelajaran. Enam orang guru ini dipilih berdasarkan pendekatan persampelan bertujuan iaitu mereka mempunyai perkaitan dengan objektif kajian iaitu untuk meneroka pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*.

Guru-guru ini dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS sama ada sebagai guru yang mengajar KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu mahupun guru yang bertanggungjawab dalam pentadbiran bagi memastikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh *MYPIB* dan KPM.

Guru-guru ini terdiri daripada pelbagai latar belakang yang merangkumi jantina, umur, pengkhususan, penglibatan dalam tugas-tugas di sekolah serta pengalaman mengajar sama ada guru yang mendapat latihan khas sejak awal pelaksanaan *MYPIB* di sekolah tempat kajian atau guru baharu tetapi merupakan guru cemerlang dan guru berpengalaman yang dipindahkan ke sekolah tempat kajian atas dasar pengalaman dan kepakaran mereka. Para guru ini diberi nama samaran untuk menjaga kerahsiaan

identiti mereka dan juga mematuhi pertimbangan etika dalam menjalankan penyelidikan kualitatif (Merriam, 2009; Thomas & Hodges, 2010). Enam orang guru ini dinamakan sebagai Cikgu Umar, Cikgu Dina, Cikgu Insyirah, Cikgu Wardah, Cikgu Solehah dan Cikgu Ain.

4.2.1 Cikgu Umar

“Bermula dari tahun 2001, 19 tahun saya mengajar subjek Bahasa Melayu di sini dan kalau dilihat dari sudut perkhidmatan, saya telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun. Bermakna lebih separuh daripada kehidupan dalam bidang perguruan, saya curahkan bakti di sekolah ini,” (Temu bual 1: Cikgu Umar)

Peserta kajian pertama, seorang guru lelaki berusia 58 tahun berasal dari Johor. Beliau mendapat latihan perguruan pada peringkat Diploma Perguruan dari Maktab Perguruan Ipoh (MPI), Perak (1984-1986) major dalam bidang Bahasa Melayu dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sastera), pengkhususan Pendidikan Sastera pada tahun 2001. Beliau berpengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu selama 33 tahun. Cikgu Umar merupakan guru berpengalaman di sekolah tempat kajian ini yang bakal menamatkan perkhidmatan pada usia 60 tahun pada awal tahun 2022.

Dari aspek penguasaan sukatan pelajaran dan teknik jawab, cikgu Umar merupakan seorang pakar kerana telah beberapa tahun memikul tanggungjawab sebagai Ketua Pemeriksa untuk Subjek Bahasa Melayu peringkat SPM dan PT3. Walaupun lebih berfokus kepada pencapaian pelajar dalam akademik, namun cikgu Umar berlapang dada untuk menerima corak pengajaran baharu yang diperkenalkan dalam program *MYPIB*. Beliau telah menerima latihan dan kursus persediaan secara langsung berkenaan pengajaran mengikut kerangka *MYPIB* daripada pihak *IB World School*

sejak tahun 2013. Pernah memegang jawatan sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu membuatkan Cikgu Umar sentiasa cakna akan perubahan dalam sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Proses analisis data daripada temu bual dengan beliau adalah agak mudah dan sangat membantu kerana beliau sering menggunakan bahasa baku dengan ayat yang tersusun.

4.2.2 Cikgu Dina

Peserta kajian kedua, seorang guru perempuan berusia 42 tahun berasal dari Perlis. Beliau mempunyai kelayakan akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan telah bergraduat pada tahun 2002. Berperwatakan penyabar dan penyayang, Cikgu Dina amat disenangi oleh anak-anak muridnya. Cikgu Dina mempunyai pengalaman bekerja sebagai guru selama 18 tahun dan telah berkhidmat di tiga buah sekolah sebelum mula mengajar di tempat kajian pada tahun 2015. Pengalaman mengajar di tiga buah sekolah yang melibatkan tiga negeri iaitu Selangor, Perlis dan Perak, Cikgu Dina mudah membiasakan diri dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan seperti *MYPIB*. Walaupun tidak berpeluang mengikuti latihan dan kursus berkenaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran daripada pihak *IB World School*, Cikgu Dina mendapat pendedahan tentang perancangan dan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran melalui latihan dan perkongsian dalam program perancangan kolaboratif yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

“Pada pendapat saya, kepentingan proses perancangan dalam *collaborative planning* membolehkan guru merancang PdP sebelum mengajar supaya pengajaran menjadi lancar dan berkesan kepada murid. Perkongsian dalam *collaborative planning* memang banyak membantu guru-guru dalam perancangan dan pelaksanaan penerapan *ATL* ni.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Bagi Cikgu Dina, kesepakatan serta sikap positif guru untuk menerima perubahan sangat penting bagi menjayakan setiap program yang dianjurkan oleh sesebuah sekolah mahupun KPM.

4.2.3 Cikgu Insyirah

Peserta kajian ketiga, seorang guru perempuan berusia 45 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera, major dalam Pengajian Media dan minor dalam Pengajian Melayu daripada Universiti Malaya (UM) pada tahun 2001. Seterusnya, beliau mendapat latihan perguruan menerusi Kursus Pendidikan Lulusan Ijazah (KPLI) daripada Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), major dalam Pengajian Kesusteraan Melayu dan minor dalam Pengajian Melayu. Beliau berpengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu selama 16 tahun iaitu 14 tahun di sekolah menengah harian sebelum berpindah ke sekolah tempat kajian pada tahun 2018. Cikgu Insyirah ialah Guru Cemerlang subjek Bahasa Melayu yang sangat aktif pada peringkat negeri dan kebangsaan dan telah menerima anugerah Jasamu Dikenang pada tahun 2019 dan anugerah Calon Ikon Guru Negeri pada tahun 2020. Sebagai Guru Cemerlang Bahasa Melayu, beliau dipertanggungjawabkan untuk membantu Panitia Bahasa Melayu negeri untuk melonjakkan pencapaian murid. Beliau telah mendapat arahan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk berpindah daripada sekolah harian ke sekolah *MYPIB* pada tahun 2019.

“Saya mendapat cabaranlah daripada rakan-rakan dan juga pegawai-pegawai JPN untuk berpindah ke sekolah *MYPIB* ini. Saya sahut cabaran tersebut dan memanglah pada mulanya saya mengalami trauma dan juga kemurungan kerana banyak perkara baru yang perlu dipelajari. Tapi bila saya boleh susun kerja mengikut kehendak *MYPIB*, pada saya tak ada masalahlah. Saya gembira dan positif dapat bekerja di sini.” (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

Walaupun pada awalnya beliau tidak gembira menerima arahan untuk berpindah masuk ke sekolah *MYPIB*, namun akhirnya Cikgu Insyirah menerima arahan ini dengan positif dan bersemangat untuk terus memberi sumbangan yang terbaik sebagai seorang Guru Cemerlang Bahasa Melayu. Cikgu Insyirah belum menerima latihan dan kursus secara langsung di bawah anjuran *IB World School* sebaliknya pemahaman dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan berdasarkan taklimat dan latihan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Walaupun masih baharu, cara pengajarannya telah mendapat pujian semasa lawatan persediaan verifikasi dilakukan oleh jawatankuasa sekolah *MYPIB*, KPM pada tahun 2020. Sekarang, beliau dilantik sebagai Ketua Panitia subjek Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB* ini.

4.2.4 Cikgu Wardah

Peserta kajian keempat, seorang guru perempuan berusia 48 tahun berasal dari Sarawak. Beliau mempunyai kelayakan akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), major dalam Bahasa Melayu dan minor dalam Sejarah daripada Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1997. Cikgu Wardah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu kerana telah berkhidmat selama 23 tahun iaitu 20 tahun berpengalaman mengajar di sebuah sekolah yang ternama sebelum berpindah masuk ke sekolah *MYPIB* ini pada tahun 2018. Cikgu Wardah belum berpeluang mengikuti kursus secara langsung daripada *IB World School* sebaliknya

menerima latihan berkenaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara berkala melalui perkongsian oleh Penyelaras *MYPIB* dan Penyelaras *ATL* dalam Perancangan Kolaboratif yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

“Setakat ni saya terlibat dalam penghasilan rancangan mengajar. Walaupun saya baru dua tahun masuk ke sekolah ini, saya terlibat dalam pemurnian *SGO* dan *Unit Plan* dari semasa ke semasa. Pada awal tahun kita sentiasa murnikan *SGO* dan *Unit Plan* untuk tingkatan yang kita mengajarlah. Ada sedikit persamaan dan ada sedikit perbezaan perancangan di sekolah biasa dan *MYPIB* terutama dari segi istilah dan dokumen.”
(Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Walaupun pada peringkat awal menjalankan tugas, Cikgu Wardah mengalami sedikit kesukaran dan kekeliruan melibatkan istilah-istilah *MYPIB*, kini Cikgu Wardah amat positif untuk terus menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu untuk menengah rendah di samping mengajar pelajar tingkatan 4. Pengetahuan Cikgu Wardah tentang program *MYPIB* amnya dan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran khususnya telah terbukti apabila Cikgu Wardah juga terlibat dalam proses pemurnian kurikulum bertulis iaitu Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*) dan Rancangan Unit (*UP*). Atas dasar keyakinan terhadap program *MYPIB*, Cikgu Wardah mendaftarkan anaknya untuk menjadi salah seorang pelajar di sekolah *MYPIB* ini.

4.2.5 Cikgu Solehah

“Sebagai Penyelaras *MYPIB*, saya dipertanggungjawabkan untuk memastikan sekolah ini melaksanakan setiap aspek program *MYPIB* dan saya merupakan penghubung antara pihak sekolah dan pihak *IB World School*” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Peserta kajian kelima, seorang guru perempuan berusia 50 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), Biologi daripada Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1994. Seterusnya beliau mendapat latihan perguruan menerusi KPLI dalam jurusan Sains di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim (MPSAH), Sungai Petani, Kedah (1997). Cikgu Solehah antara guru yang paling lama bertugas di sekolah tempat kajian iaitu selama 23 tahun. Tanggungjawabnya bertambah apabila beliau juga telah dilantik sebagai Penyelaras *MYPIB* pada tahun 2016 iaitu satu tugas yang diiktiraf oleh pihak *IB World School* sebagai pentadbir sekolah *MYPIB*. Tugas sebagai Penyelaras *MYPIB* merupakan satu tugas yang benar-benar mencabar kerana memerlukan tahap pemikiran tinggi, berpengetahuan luas serta perlu sentiasa berhubung, bersedia dan terbuka dengan sistem pendidikan bertaraf global. Walaupun bertubuh kecil, Cikgu Solehah menerima amanah tersebut dengan jiwa yang besar.

Cikgu Solehah telah mengikuti kursus dan latihan daripada pihak *IB World School* sejak awal diperkenalkan iaitu pada tahun 2013. Antara kursus dan seminar yang pernah dihadiri oleh beliau ialah *MYP Science Category 1 Workshop*, Kuala Lumpur (9-11 Jun 2014), *IB Asia Pacific Annual Conference 2015 Macau* (19-21 March 2015), *Head of School/IB Coordinators: Implementing the MYP Curriculum Cat 1 Hong Kong* (14-16 Feb 2016) dan 4 '*Creating authentic units*'. *Pedagogical Leadership Workshops*, Perlis

(27-29 Feb 2016). Kursus-kursus dan seminar yang dihadiri menjadikan beliau seorang pentadbir sekolah yang sangat berpengetahuan, menguasai perjalanan program *MYPIB* serta banyak membantu dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu. Beliau menjadi rujukan utama untuk guru-guru melaksanakan proses perancangan dan pelaksanaan program *MYPIB* ini malah sangat membantu bagi menjayakan kajian ini.

Cikgu Solehah amat percaya bahawa program *MYPIB* yang memberi fokus kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan satu program yang bakal melahirkan murid yang mempunyai kemahiran bukan sahaja terhadap pelajaran tetapi lebih penting lagi untuk kelangsungan hidup pada masa hadapan. Walaupun beliau sedar masih banyak usaha daripada guru-guru, murid-murid, keluarga serta pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan matlamat sekolah *MYPIB* KPM tercapai, Cikgu Solehah amat positif bahawa program *MYPIB* akan membawa perubahan yang besar untuk melahirkan modal insan berguna pada masa hadapan. Cikgu Solehah seorang guru yang berwawasan, berpengetahuan serta sangat komited terhadap tugas.

4.2.6 Cikgu Ain

Peserta kajian keenam, seorang guru perempuan berusia 50 tahun berasal dari Kedah. Beliau mendapat pendidikan pada peringkat diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan dari UiTM pada tahun 1991. Seterusnya beliau berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di *Oklahoma State University* pada tahun 1994. Beliau mendapat latihan perguruan menerusi KPLI dalam jurusan Bahasa Inggeris di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (MPPPP) pada

tahun 1996. Atas dasar cinta akan ilmu pengetahuan, Cikgu Ain melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Sarjana Pengurusan dan memperoleh Sarjana pada tahun 2006.

Cikgu Ain yang telah 19 tahun mengajar di sekolah tempat kajian merupakan seorang guru yang berpengalaman. Atas dasar pengalaman kerja serta kelulusan akademik, beliau telah dilantik sebagai Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran iaitu satu jawatan yang penting dalam proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi setiap subjek sehinggalah terbina satu carta pemetaan lengkap kemahiran pendekatan pembelajaran untuk dijadikan rujukan dalam pelaksanaan pengajaran di sekolah *MYPiB* ini. Tugas sebagai Penyelaras pendekatan pembelajaran memerlukan beliau mahir dalam pemetaan dan perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi semua mata pelajaran di sekolah tempat kajian. Tugas ini amat penting kerana melalui perancangan yang baik serta merentas kurikulum, murid yang menamatkan pengajian di sekolah *MYPiB* akan mempunyai kelebihan bukan sahaja dari aspek akademik malah mempunyai kemahiran yang tinggi dari aspek kemenjadian murid.

“Kemahiran *ATL* sebenarnya sangat penting. Bila kita tengok betul-betul, sangat penting kemahiran ni dipupuk daripada pelajar tu mula-mula masuk ke sekolah ni sehingga dia keluar. Jika kita ikut betul-betul *framework* yang diberikan, seseorang pelajar tu akan dapat menguasai semua kemahiran tersebut dan akan menjadi seorang yang serba boleh, berfikiran terbuka, berkemahiran untuk membuat *research*. Jadi sangat baik sebagai persediaan dia memasuki universiti.” (Temu bual 1: Cikgu Ain)

Sebagai Penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran, Cikgu Ain telah mengikuti kursus dan latihan daripada pihak *IB World School* sejak awal diperkenalkan iaitu pada tahun 2013. Antara kursus dan seminar yang pernah dihadiri oleh beliau ialah *MYP Workshop*, Kuala Lumpur (9-11 jun 2014) dan 4 *Creating Authentic Units. Pedagogical Leadership Workshops*, Perlis (27-29 feb 2016). Kursus-kursus dan seminar yang dihadiri menjadikan beliau seorang pentadbir sekolah yang sangat berpengetahuan, menguasai perjalanan program *MYP*IB serta banyak membantu dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu. Beliau menjadi rujukan utama untuk guru-guru melaksanakan proses perancangan dan pelaksanaan program *MYP*IB ini malah sangat membantu menjayakan kajian ini.



Jadual 4.1

Rumusan Latar Belakang Peserta Kajian

Kod Peserta	Jantina/ Umur	Kelulusan Akademik /Perguruan	Jawatan	Pengalaman	Sijil /Latihan <i>MYPIB</i>
1. Cikgu Umar	Lelaki 58 Tahun	Diploma Perguruan MPI, Perak (1986) Pengkhususan: Bahasa Melayu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sastera), USM Pengkhususan: Pendidikan Sastera 2001	Guru Bahasa Melayu	33 tahun mengajar subjek Bahasa Melayu Ketua Pemeriksa SPM	Sijil Pengenalan <i>MYPIB</i> (<i>Accessing an International Education: A Supplementary Programme of Professional Development for School in Malaysia from 2013-2014</i>)
2. Cikgu Dina	Perempuan 42 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa, UPSI (2002).	Guru Bahasa Melayu Guru Cemerlang Bahasa Melayu, Ketua Panitia Bahasa Melayu	18 tahun mengajar subjek Bahasa Melayu	Kursus Dalaman
3. Cikgu Insyirah	Perempuan 45 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Sastera, UM Pengkhususan: Pengajian Media Minor: Pengajian Melayu Latihan Perguruan KPLI, IBMM 2001. Pengkhususan: Pengajian Kesusteraan Melayu Minor: Pengajian Melayu.	Ketua Panitia Bahasa Melayu	16 tahun mengajar subjek Bahasa Melayu	Kursus Dalaman

Kod Peserta	Jantina/ Umur	Kelulusan Akademik /Perguruan	Jawatan	Pengalaman	Sijil /Latihan <i>MYPIB</i>
4. Cikgu Wardah	Perempuan 48 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) USM Pengkhususan: Bahasa Melayu Minor: Sejarah pada tahun 1997.	Guru Bahasa Melayu, Ketua Panitia Bahasa Melayu	23 tahun mengajar subjek Bahasa Melayu	Kursus Dalaman <i>MYP Science Category 1 Workshop, Kuala Lumpur (9-11 jun 2014)</i> <i>IB Asia Pacific Annual Conference 2015 Macau (19-21 Mac 2015)</i> <i>Head of School / IB Coordinators: Implementing the MYP Curriculum Cat 1 Hong Kong (14-16 Februari 2016)</i> <i>Creating Authentic Units. Pedagogical Leadership Workshops, Perlis (27-29 Februari 2016).</i>
5. Cikgu Solehah	Perempuan 50 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) UPM, 1994. Latihan Perguruan KPLI, MPSA, 1997. Pengkhususan: Sains Minor: Pengajian Melayu.	Penyelaras <i>MYPIB</i> Penolong Kanan Kokurikulum	23 tahun mengajar subjek Sains	<i>Creating Authentic Units. Pedagogical Leadership Workshops, Perlis (27-29 Februari 2016).</i>
6. Cikgu Ain	Perempuan 50 Tahun	Diploma: Pengajian Perniagaan UiTM 1991. Ijazah: Pentadbiran Perniagaan <i>Oklahoma State University</i> 1994. Latihan Perguruan: KPLI Pengkhususan: Bahasa Inggeris (MPPP), 1996. Sarjana Pengurusan UUM pada tahun 2006	Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Ketua Panitia Bahasa Inggeris	19 tahun	Sijil Pengenalan <i>MYPIB (Accessing an International Education: A Supplementary Programme of Professional Development for School in Malaysia from 2013-2014)</i> <i>Creating Authentic Units. Pedagogical Leadership Workshops, Perlis (27-29 Februari 2016).</i>

4.3 Analisis Data Secara Bersilang

Pada bahagian sebelumnya, penyelidik meneliti dan memahami latar belakang peserta kajian yang mempunyai kaitan secara langsung dengan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Pada bahagian ini, penulisan tesis berfokus kepada penulisan laporan berdasarkan tema utama yang terbentuk hasil daripada analisis bersilang data kajian. Pada akhir laporan tema, penyelidik menyediakan rajah yang menunjukkan proses analisis tematik yang bermula daripada kod awalan, kategori dan tema utama yang akan menjawab soalan kajian.

4.4 Soalan kajian 1: Bagaimanakah Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran di Sekolah *MYPIB*, KPM?

Bagi menjawab soalan kajian pertama yang ingin meneroka pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB* KPM, tiga tema utama telah terbentuk iaitu Pemahaman Guru Tentang Konsep Kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Pemahaman Guru Tentang Kategori dan Kluster Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Pemahaman Guru Tentang Kepentingan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.

4.4.1 Tema 1: Pemahaman Guru tentang Konsep Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Bahagian ini akan membincangkan tema utama 1 iaitu Pemahaman Guru Tentang Konsep Kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Tema ini terbentuk daripada pengulangan kod awalan yang membentuk dua kategori yang terhasil daripada analisis rujuk silang data kajian. Dua kategori tersebut ialah Kemahiran Pembelajaran dan Kemahiran untuk Kehidupan Sepanjang Hayat.

4.4.1.1 Kemahiran Pembelajaran

Berdasarkan analisis data temu bual dan coretan guru dalam tugas melengkapkan cerita yang diperoleh daripada Cikgu Umar, Cikgu Ain, Cikgu Wardah dan Cikgu Solehah, dapataannya adalah seperti berikut:

“Pada fahaman saya, penerapan kemahiran *ATL* ini kita panggil sebagai kemahiran pembelajaran.” (Temu bual 1: Cikgu Umar)

“Secara ringkasnya, aku mendapati *ATL* ini merupakan suatu kemahiran pembelajaran.” (Melengkapkan Cerita: Cikgu Ain)

“Kemahiran yang saya faham ialah kemahiran untuk pelajar belajar cara belajar ataupun kemahiran pembelajaran” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“Kemahiran *ATL* ialah kemahiran pembelajaran iaitu kemahiran-kemahiran yang menyokong pembelajaran murid.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Analisis secara bersilang kod awalan bagi data yang dinyatakan sebelum ini iaitu kemahiran belajar, belajar cara belajar dan kemahiran yang menyokong pembelajaran murid dikategorikan sebagai kemahiran pembelajaran yang menunjukkan pemahaman peserta kajian tentang konsep kemahiran pendekatan pembelajaran.

Pemahaman peserta kajian ini selaras dengan pengertian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dinyatakan dalam dokumen rujukan utama pengajaran *MYPIB* iaitu *From Principles into Practice* (Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan). Kandungan dokumen ini menjelaskan konsep kemahiran pendekatan pembelajaran seperti berikut:

Kemahiran *ATL* ialah set strategi dan teknik yang digunakan untuk meneroka kandungan pelajaran. Kemahiran *ATL* memberi fokus kepada kedua-dua aspek iaitu kandungan dan proses, menggalakkan penglibatan pelajar, pemahaman yang mendalam, pemindahan kemahiran dan kejayaan akademik (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 61)

Kemahiran *ATL* ialah cara belajar yang dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus pelajar dan sekolah. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 61)

Berdasarkan analisis data daripada dokumen *MYPIB* dan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian, dapatlah disimpulkan bahawa peserta kajian memahami maksud kemahiran pendekatan pembelajaran seperti yang terkandung dalam dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan *MYPIB*. Guru-guru sependapat bahawa dari segi konsep, penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dianggap sebagai satu proses kemahiran pembelajaran.

4.4.1.2 Kemahiran Untuk Kehidupan Sepanjang Hayat

Selain itu, terdapat data-data yang menunjukkan persepsi yang lebih meluas tentang pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran. Dapatan daripada penulisan melengkapkan cerita Cikgu Dina dan Cikgu Ain, temu bual dengan Cikgu Solehah serta analisis dokumen menunjukkan kemahiran pendekatan pembelajaran bukan sahaja kemahiran yang digunakan untuk pembelajaran, malah boleh diimplementasikan dalam kehidupan seharian sepanjang hayat:

“Aku tahu, kemahiran *ATL* ini bukan hanya sekadar dipraktikkan di sekolah sahaja, bahkan meliputi semua aspek dan pembelajaran yang berkonsepkan jangka masa panjang.” (Melengkapkan Cerita: Cikgu Dina)

“Kemahiran yang begitu meluas mencakupi pelbagai segi dan bidang yang boleh diimplementasikan dalam kehidupan seharian.” (Melengkapkan Cerita: Cikgu Ain)

“... *MYP* fokus *long-life learner*. Sebab tu pengetahuan yang budak belajar daripada *content* tu mestilah boleh guna untuk kehidupan dia pada masa depan. (Temu bual 1: Cikgu Solehah).

Fokus *ATL* dalam *MYP* adalah untuk membantu murid membangunkan pengetahuan dan kemahiran sendiri yang mereka perlukan untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 61)

Berdasarkan analisis rujuk silang yang dikemukakan sebelum ini, kemahiran pendekatan pembelajaran meliputi semua aspek kehidupan dan berkonsepkan jangka masa panjang. Pengetahuan dan kemahiran sendiri daripada kemahiran pendekatan pembelajaran boleh diimplementasikan dalam kehidupan harian serta diperlukan untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat.

Berikut dikemukakan Rajah 4.1 yang menunjukkan proses pembentukan tema 1 berdasarkan kategori dan kod awalan seperti yang dihuraikan sebelum ini.



Rajah 4.1 Tema 1: Pemahaman guru terhadap konsep kemahiran pendekatan pembelajaran.

Secara umumnya, rangkuman kedua-dua kategori dapatan kajian ini melaporkan bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran amat penting untuk membantu pembelajaran murid malah kemahiran pendekatan pembelajaran amat berguna untuk kehidupan sepanjang hayat. Jadi, berdasarkan maklum balas yang diberi oleh peserta kajian melalui kaedah temu bual dan melengkapkan cerita serta pengertian yang terkandung dalam dokumen yang dianalisis, dapatlah disimpulkan bahawa tema pertama yang terbina daripada analisis silang ini ialah pemahaman guru terhadap konsep kemahiran pendekatan pembelajaran.

4.4.2 Tema 2: Kategori dan Kluster Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Tema kedua terhasil apabila penyelidik menyemak data yang diperoleh daripada analisis dokumen Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan, temu bual dengan peserta kajian serta penulisan guru berdasarkan tugas melengkapkan cerita. Data berikut digunakan oleh penyelidik sebagai rujukan:

“Program *IB* mengenal pasti lima kategori kemahiran *ATL* yang dipecahkan kepada kluster kemahiran yang sesuai dan boleh dibangunkan.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 61)

Seterusnya perbincangan data berfokus kepada pemahaman peserta kajian tentang kategori kemahiran pendekatan pembelajaran. Cikgu Dina, Cikgu Umar, Cikgu Solehah, Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah telah memperincikan pemahaman mereka seperti berikut:

"Kemahiran-kemahiran yang perlu diterapkan dalam pelajaran ialah kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan. (Temu bual 1: Cikgu Dina)

"... mengikut kepada apa yang saya faham, dalam *ATL* itu sendiri sebenarnya terdapat lima kemahiran. Yang pertama ialah kemahiran sosial. Yang kedua ialah kemahiran pengurusan diri. Yang ketiga, kemahiran penyelidikan. Yang keempat ialah kemahiran komunikasi dan yang kelima ialah kemahiran berfikir. (Temu bual 1: Cikgu Umar)

"Okay, jadi untuk *MYP* ni, kemahiran dia kita bahagikan kepada lima kategori kemahiran yang kita kena terapkan iaitu *communication skills, social skills, research skills, thinking skills dan management skill*. Daripada lima kategori ni terbahagi pulak kepada sepuluh kluster.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Kemahiran *ATL* ni ada lima kemahiran yang berkait rapat dan bertindih antara satu sama lain, kemahiran komunikasi, sosial, berfikir dan yang baru di sekolah *MYPiB* ni kemahiran penyelidikan dan pengurusan diri.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Kesimpulannya, peserta kajian faham tentang kategori kemahiran pendekatan pembelajaran dengan memberi jawapan yang sama iaitu kemahiran pendekatan pembelajaran terbahagi kepada lima kemahiran asas iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan. Maklumat tambahan, Cikgu Solehah menyebut tentang sepuluh kluster kemahiran yang diperincikan daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran seperti yang akan dihuraikan secara terperinci dalam kategori berikut:

4.4.2.1 Kemahiran Komunikasi

Apabila merujuk data pemahaman peserta kajian tentang kemahiran komunikasi, peserta kajian menunjukkan pemahaman terhadap perincian atau kluster yang terkandung dalam kemahiran komunikasi. Berikut merupakan data yang diperoleh:

“Kemahiran untuk komunikasi ni, sebenarnya ada satu saja kluster iaitu kluster komunikasi. Bila nak berkomunikasi, kita guna *languagelah* iaitu bahasa. Orang panggil kemahiran untuk berbahasa sama ada dalam bentuk percakapan atau penulisan. Satu lagi komunikasi secara interaksi. Contohnya dia nak menyampaikan maklumat, boleh guna pelbagai media. Maksudnya dia ada interaksi dengan orang lain lah. Dia meng*interprete* data dan menyampaikannya kepada orang lain, dia ada interaksilah.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

"Kalau macam interaksi melalui bahasa, boleh berinteraksi melalui bacaan, membaca, membuat kesimpulan atau mentafsir bahan apa yang mereka baca tu. Itu dari segi interaksi dan bahasalah.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah).

Data daripada Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah menunjukkan pemahaman mereka tentang kemahiran komunikasi yang terdiri daripada satu kluster sahaja iaitu kluster komunikasi. Menerusi kluster komunikasi ini murid diajar untuk berinteraksi menggunakan bahasa iaitu melalui percakapan, penulisan dan pembacaan. Murid juga diajar untuk berkomunikasi melalui interaksi yang menggunakan pelbagai media.

Seterusnya, peserta kajian menjelaskan tentang tindakan dan aktiviti murid semasa penerapan kemahiran komunikasi dilaksanakan:

"Kalau macam dalam kemahiran komunikasi, pelajar belajar bertukar-tukar pendapat atau maklumat. Maknanya dengan komunikasi, dia berinteraksi antara satu sama lain jadi apa yang nak diinteraksi tu, data atau maklumat atau idea, depa memberi maklumat. Macam kita minta sumbang saran, depa bagi maklumat dan mereka juga menerima maklumat. Jadi, mereka ada interaksi sama ada dengan guru ataupun dengan kawan-kawan. Itu komunikasi lah." (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

"Okey, murid boleh berkomunikasi melalui interaksi dan bahasa. Contohnya seperti berkongsi idea dengan pelbagai kumpulan sasaranlah. Haa jadi, mereka boleh kongsi idea dengan kawan-kawan, daripada kumpulan lain kan? Kemudian, membincangkan idea dan pengetahuan dengan guru dan rakan sebaya." (Temu bual 1: Cikgu Dina)

"Bila dalam aktiviti berkumpulan tu, mereka boleh menyatakan idea masing-masing untuk genre novel pun boleh dalam cerpen pun boleh. Kalau dalam cerpen katalah kita dalam satu kumpulan ni bincang pasal nilai satu kumpulan bincang pasal tema contohlah kan jadi kumpulan tu mereka akan masing-masing mereka akan menyuarakan pendapat mereka ok nilai ni apa contoh dia jadi mereka masing-masing akan menyatakan pendapat mereka idea mereka. Jadi, ada yang mendengar ada yang meluahkan pendapat mereka jadi bagi saya di situ ada kemahiran komunikasi lah." (Temu bual 2: Cikgu Umar)


Dapatan data daripada Cikgu Insyirah, Cikgu Dina dan Cikgu Umar menunjukkan bahawa melalui penerapan kemahiran komunikasi dalam pengajaran KOMSAS, murid belajar untuk bertukar-tukar pendapat, berkongsi idea dengan kumpulan sasaran, menyatakan idea masing-masing dengan nada yang menjadi pendengar dan ada yang meluahkan pendapat. Manakala Cikgu Ain selaku penyelarass kemahiran pendekatan pembelajaran pula secara tekal menyatakan peranan guru untuk menerapkan kemahiran komunikasi sama ada dalam data temu bual mahupun data melengkapkan cerita seperti yang dipaparkan dalam data berikut:

"Jadi untuk contohnya dalam *communication skill*, kita sebagai guru perlulah lebih melatih pelajar supaya boleh berkomunikasi. Contoh khususnya masa dalam kelas berkomunikasi sesama rakan sewaktu PdPc dan boleh bercakap contohnya dalam perhimpunan. Jadi kita nak latih pelajar supaya boleh menyusun idea dan menyampaikan sesuatu dengan penyampaian yang baik." (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

"Sebagai guru, aku harus menerapkan kemahiran komunikasi untuk membentuk individu berkeyakinan dalam memberikan pendapat, berkongsi idea dan menjadi seorang yang dapat menerima pandangan orang lain dengan sebaiknya." (Melengkapkan Cerita: Cikgu Ain)

Dapatan data daripada Cikgu Ain menunjukkan guru perlu memainkan peranan untuk melatih murid berkomunikasi dengan baik sama ada di dalam kelas mahupun dalam aktiviti luar seperti bercakap dalam perhimpunan. Melalui penerapan kemahiran komunikasi juga, guru perlu melatih murid supaya boleh menyusun dan menyampaikan sesuatu dengan penyampaian yang baik, membentuk individu berkeyakinan dalam memberikan pendapat, boleh berkongsi idea dan menjadi seorang yang dapat menerima pandangan orang lain.

Rajah 4.2 menunjukkan pembinaan kategori kemahiran komunikasi berdasarkan transkripsi yang membentuk kod awalan.



Rajah 4.2 Kemahiran Komunikasi

Kesimpulannya, pada tahap ini penyelidik memperlihatkan cara data transkripsi dianalisis sehingga membentuk kod awalan dan kategori. Kategori yang terbentuk ialah kemahiran komunikasi.

4.4.2.2 Kemahiran Sosial

Dapatan data tentang kemahiran sosial adalah seperti berikut:

“Okay, dalam kemahiran sosial ni kita ada kemahiran kolaboratif, biasanya kita buat contoh kerja berkumpulanlah. Jadi, ahli-ahli kumpulan tu dia boleh berkongsi dari segi idea dan pengetahuan. Kesimpulannya, kerja berkumpulanlah.”
(Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Kalau dari segi kemahiran sosial, mereka berbincang dalam kumpulan, mereka membantu orang lain. Maksudnya, kalau mereka menjadi pemimpin atau ketua dalam kumpulan, dia ada kemahiran, dia boleh tolong kawan dia, dia ajar kawan dia macam mana nak buat, macam mana nak cari bahan, dia share bahan-bahan, dia *share* idea dia, jadi di situ ada kolaboratif kan.”
(Temu bual 1: Cikgu Wardah)


Menyentuh tentang kemahiran sosial, Cikgu Solehah menyatakan bahawa terdapat satu kluster sahaja dalam kemahiran sosial iaitu kemahiran kolaboratif. Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah sebulat suara menyatakan bahawa penerapan kemahiran sosial berlaku apabila murid diberi tugas berkelompokan. Melalui tugas berkelompokan, murid-murid boleh membantu orang lain, berkongsi idea, membina sifat kepimpinan dan membantu rakan sekumpulan dalam menyiapkan tugas.

Data temu bual dengan Cikgu Dina memberi informasi baharu bahawa murid juga boleh berkolaboratif melalui media sosial:

“Murid boleh berkolaborasi dengan menggunakan rangkaian media sosial yang sesuai. Jadi, apabila mereka menggunakan media sosial yang sesuai, jadi membantulah. Membantu mereka untuk meneruskan pembelajaran sehingga murid dapat apa yang mereka cari.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Dapatan data daripada Cikgu Dina menunjukkan bahawa proses kolaboratif bukan sahaja boleh dibuat secara berdepan, malah murid boleh berkolaboratif menggunakan rangkaian media sosial yang sesuai.

Rajah 4.3 menunjukkan pembinaan kategori kemahiran sosial berdasarkan kod awalan dan data transkripsi.



Rajah 4.3 Kategori 2: Kemahiran Sosial

Rajah 4.3 menunjukkan proses analisis data sehingga menghasilkan kategori kedua iaitu kemahiran sosial.

4.4.2.3 Kemahiran Berfikir

Untuk menjelaskan tentang kemahiran berfikir, data diperoleh daripada temu bual dan analisis dokumen seperti berikut:

"Kemahiran berfikir ni ada tiga kluster iaitu, *creative thinking*, lepas tu kita ada *critical thinking* dan kita ada *transfer*." (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Kemahiran berfikir terdiri daripada tiga kluster iaitu pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan pemindahan. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 103)

Berdasarkan data daripada Cikgu Solehah dan analisis dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, kemahiran berfikir dalam program *MYPIB* terdiri daripada tiga kluster iaitu pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan pemindahan. Walau bagaimanapun, pemahaman peserta kajian yang lain tidak mencapai tahap pemahaman seperti yang digariskan dalam kemahiran *MYPIB*. Contoh data adalah seperti berikut:

"Kemahiran berfikir ni biasanya dualah satu kritis, satu lagi kreatif." (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

"Kluster dalam kemahiran berfikir, antaranya ialah kemahiran berfikir secara kritis dan satu lagi mungkin berfikir secara kreatif. (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

Data yang diperoleh daripada Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah menunjukkan mereka hanya faham bahawa kemahiran berfikir terdiri daripada tiga kluster iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif.

a) Kluster Kemahiran Berfikir Secara Kritis

Apabila menghuraikan tentang kemahiran berfikir secara kritis, peserta kajian begitu bersemangat dan menunjukkan pemahaman masing-masing. Berikut merupakan pemahaman Cikgu Wardah, Cikgu Umar, Cikgu Dina dan Cikgu Solehah terhadap kluster kemahiran berfikir secara kritis:

"Kalau kritis ni maksudnya dia boleh menganalisis maklumat bukannya dia terima sahaja, dia telan terus. Dia boleh buat rumusan atau inferens daripada maklumat yang diperoleh. (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

"Secara kritis bermaksud pelajar ini dia dapat memberi pendapat dia, ataupun menerima pandangan orang lain, dan dia dapat berfikir menilai sesuatu pandangan itu, dan mungkin dia boleh menambah baik atau memberi sesuatu idea yang lain. Jadi, mungkin ini yang dikatakan sebagai kritis bermaksud dia bukan hanya menerima pandangan dia saja, dia juga boleh menerima pandangan orang lain. Di samping itu, dia dapat menilai mana-mana pandangan ataupun idea yang sesuai yang boleh yang tidak boleh pada pandangan dia." (Temu bual 1: Cikgu Umar)

"Seorang pelajar dikatakan boleh berfikir secara kritis apabila mereka dapat mentafsir data dan menilai bukti dan hujah." (Temu bual 1: Cikgu Dina)

"Kalau tengok kepada kritis ni, dia lebih kepada *the way of thinking* contoh dia boleh menilai satu-satu maklumat tu. Dia boleh menilai, secara logik, secara rasional. Itu kritislah." (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Kemahiran Berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. (Analisis Dokumen 4: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 11)

Secara kesimpulannya, peserta kajian menyatakan bahawa kemahiran berfikir secara kritis merujuk kepada kebolehan murid untuk menganalisis maklumat, menilai mana-mana pandangan ataupun idea, mentafsir data, menilai bukti dan hujah serta kebolehan menilai sesuatu maklumat secara logik dan rasional. Pemahaman peserta kajian ini selaras dengan maksud kemahiran berfikir yang diperoleh daripada data analisis dokumen yang bersumberkan DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, 2017.

b) Kluster Kemahiran Berfikir Secara Kreatif

Peserta kajian menunjukkan pemahaman tentang kemahiran berfikir secara kreatif melalui dapatan data berikut:

"Baik, dia berbeza dengan pemikiran kritis tadi. Kreatif ini dia lebih kepada para pelajar ataupun murid itu dapat menghasilkan sesuatu yang baharu daripada apa yang telah dipelajari, kemungkinan dia dapat mengubah suai, kemungkinan dia dapat mewujudkan sesuatu hasil yang lain daripada yang diperoleh sama ada oleh rakan dia atau diri sendiri. Saya rasa itulah yang dimaksudkan sebagai kreatiflah." (Temu bual 1: Cikgu Umar)

"Kalau kreatif ni, tak semestinya benda yang sama. dia kena berfikir di luar kotak, sesuatu yang mustahil pun mungkin boleh diutarakan. Bincang-bincang, mungkin ada pelajar tu dia kreatif, benda yang tak ada tu, yang tak terfikir oleh kawan-kawannya dia boleh fikir. Jadi, masing-masing cari jalan penyelesaian sebab benda tu di luar kotak kan." (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman. (Analisis Dokumen 4: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 11)

Peserta kajian menyatakan bahawa kemahiran berfikir secara kreatif merujuk kebolehan murid dapat menghasilkan sesuatu yang baharu daripada perkara yang telah dipelajari oleh mereka, kemungkinan murid dapat mengubah suai atau dapat mewujudkan sesuatu hasil yang lain daripada rakan. Seterusnya berfikir secara kreatif didefinisikan sebagai berfikir di luar kotak. Pemahaman peserta kajian ini juga selari dengan kenyataan yang diperoleh daripada analisis dokumen DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, 2017.

c) **Kluster Kemahiran Pemindahan**

Kluster pemindahan merupakan kluster ketiga dalam kemahiran berfikir. Berikut merupakan pemahaman tentang kluster pemindahan oleh Penyelaras *MYPIB* iaitu Cikgu Solehah dan Cikgu Dina selaku guru yang sudah mengajar selama lima tahun di sekolah *MYPIB*:

"Pemindahan tu macam pindahkan, pindahkan satu ilmu tu, dia gunakan balik *knowledge* atau *skill* yang dia dapat tu untuk satu perkara yang baru lah. Jadi, ilmu tu dia gunakan pada situasi yang lain, *transfer*." (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

"Kemahiran pemindahan ni ialah menghubungkan kait pengetahuan, pemahaman dan kemahiran untuk menghasilkan produk atau penyelesaian bagi masalah yang lain." (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Berdasarkan data temu bual Cikgu Solehah dan Cikgu Dina, maksud kluster kemahiran pemindahan ialah murid-murid memindahkan atau menggunakan pengetahuan sedia ada untuk menyelesaikan tugas atau masalah yang berbeza atau baharu. Selain itu, kemahiran pemindahan ini didefinisikan sebagai kebolehan murid untuk menghubungkan kait pengetahuan, pemahaman dan kemahiran untuk menghasilkan produk atau penyelesaian bagi masalah yang lain.

Apabila dianalisis data berkaitan pemahaman peserta kajian yang lain tentang kluster kemahiran pemindahan, data menunjukkan terdapat peserta kajian yang kurang terdedah dengan kluster kemahiran pemindahan. Berikut merupakan hasil temu bual tersebut:

“Cuma yang satu tu kemahiran pemindahan tu memang saya tak berapa nak jelaslah, memang tak jelaslah yang kemahiran pemindahan tu.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

"Pemindahan? Saya tak pastilah. Yang saya tau macam dia boleh mengaplikasikan." (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah menunjukkan mereka kurang jelas tentang kemahiran pemindahan memandangkan mereka berdua baru berpindah ke sekolah *MYPIB* ini.

Rajah 4.4 menunjukkan pembinaan kategori kemahiran berfikir berdasarkan kod awalan kluster pemikiran kritis, kluster pemikiran kreatif dan kluster pemindahan.



Rajah 4.4 Kategori 3: Kemahiran Berfikir

Kesimpulannya, berdasarkan data terdapat sedikit tambahan dalam kemahiran berfikir bagi program *MYPIB* berbanding yang diamalkan oleh guru-guru sebelum ini. Dalam kemahiran berfikir *MYPIB*, terdapat kemahiran pemindahan yang menjadikan kemahiran berfikir lebih meluas penggunaannya.

4.4.2.4 Kemahiran Pengurusan Diri

Kemahiran pengurusan diri merupakan satu set kemahiran yang perlu diketahui dan diamalkan oleh murid-murid sekiranya mereka ingin cemerlang dalam pelajaran mahupun kehidupan. Walau bagaimanapun, bagi sistem pendidikan biasa, kemahiran ini tidak diajar secara eksplisit sebaliknya diajar secara implisit sahaja semasa PdPc. Berbeza dengan program *MYPiB*, semua kemahiran termasuk kemahiran pengurusan diri perlu diajar secara jelas dalam pengajaran. Berikut merupakan pemahaman guru-guru tentang kemahiran pengurusan diri:

"Terdapat tiga kluster dalam kemahiran pengurusan diri iaitu kemahiran organisasi, kemahiran afektif dan kemahiran refleksi." (Temu bual 1: Cikgu Ain)

"Kluster yang terkandung dalam kemahiran pengurusan diri ialah organisasi, efektif dan refleksi." (Temu bual 1: Cikgu Dina)

"...*self-management* tu yang ada *organization skill*, kita ada *effective skill* and *reflective skills*." (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Cikgu Ain, Cikgu Dina dan Cikgu Solehah memberikan jawapan yang sama iaitu kemahiran pengurusan diri mengandungi tiga kluster seperti yang dinyatakan dalam penulisan berikut:

a) **Kluster Kemahiran Kemahiran Organisasi (Pengurusan Masa dan Tugas)**

Berikut merupakan pemahaman guru-guru terhadap kluster organisasi yang banyak menyentuh tentang pengurusan masa murid seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Umar, Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah:

“Perincian yang terdapat dalam kluster kemahiran menyusun masa dan tugas membolehkan murid menguruskan masa dan tugas dengan efektif. Contohnya merancanglah. Merancang tugas jangka pendek, jangka panjang. Lepas tu, menepati tarikh akhir cikgu bagi tugas. Jadi, mereka menepati masa tu lah.” (Temu bual 1: Cikgu Umar)

"Kalau macam pengurusan diri seperti dapat menguruskan masa dan tugas. Seperti dia tahu macam mana nak susun bahan-bahan yang dia dapat dari segi sistem *failing*. Kemudian dari segi pengurusan masa tu, pelajar tersebut, dia tahu *deadline* bila nak kena hantar, bila nak kena siapkan, hantar hari tu jugakah dalam minggu tu jugakah. Jadi dia tahu macam mana nak uruskan masa dia itu dari segi pengurusan masa dan tugas” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Pengurusan diri ni juga berkaitan dengan murid belajar bagaimana menguruskan masa untuk membuat jadual harian, untuk lebih memberi tumpuan kepada pelajaran.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Dapatan data daripada Cikgu Umar, Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah menunjukkan bahawa melalui kluster pertama dalam kemahiran pengurusan diri iaitu kluster kemahiran organisasi, guru membina kemahiran murid untuk menguruskan masa dan tugas dengan efektif, merancang tugas jangka pendek dan jangka panjang, menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan, menyusun maklumat menggunakan sistem fail serta merancang jadual harian.

b) Kluster Afektif

Data seterusnya menunjukkan pemahaman peserta kajian berkenaan kluster pengurusan diri yang kedua iaitu kluster afektif yang merujuk kepada pengurusan minda, emosi, motivasi dan ketahanan diri seperti yang dinyatakan di bawah:

"Afektif ni pengurusan minda, emosi, motivasi diri...lebih pada yang tulah. Kita panggil *mindfulness* atau fokus. Kemahiran itu yang diterapkan untuk dipraktikkan macam mana nak fokus sesuatu, terutamanya dalam pembelajaran murid." (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

"Kalau kluster kemahiran afektif ni, dia kaitkan dengan mindalah. Maksudnya, murid boleh fokus dalam pelajaran. Macam mana dia boleh fokus itu juga kemahiran kan? Nak fikirkan satu-satu jalan penyelesaian, itu juga melibatkan minda pelajar tersebut." (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

"Mmm...kemahiran afektif ialah pengurusan keadaan minda, kesedaran, ketabahan dan pengurusan emosi." (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Dapatan data daripada temu bual Cikgu Solehah, Cikgu Wardah dan Cikgu Dina menunjukkan bahawa kluster afektif berkaitan pengurusan minda, pengurusan emosi, motivasi diri, fokus terutamanya dalam pelajaran serta mampu memikirkan jalan penyelesaian bagi masalah atau cabaran yang dihadapi.


c) Kluster Refleksi

Kluster ketiga dalam kemahiran pengurusan diri ialah kluster refleksi. Cikgu Wardah dan Cikgu Dina menjelaskan bahawa kluster refleksi merujuk kepada kemahiran murid mempertimbang sesuatu seperti dalam data temu bual berikut:

“Kalau refleksi atau reflektif ni maksudnya dia nak pertimbangkan sesuatu. Maksudnya kalau di akhir pelajaran tu, apa yang murid dapat, macam mana, apa kesannya, apa pembelajaran dia pada hari itu. Yang itulah yang saya faham.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“Kemahiran reflektif iaitu mempertimbangkan proses pembelajaran iaitu memilih dan menggunakan kemahiran untuk diri dan melihat kesannya.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Berdasarkan temu bual Cikgu Wardah dan Cikgu Dina, dapatan menunjukkan kemahiran refleksi amat penting diterapkan kepada murid supaya mereka boleh belajar untuk memberi pertimbangan terhadap sesuatu hal. Dalam konteks pembelajaran di dalam kelas, refleksi dilaksanakan pada akhir waktu pengajaran untuk mengenal pasti pengetahuan yang dipelajari oleh murid, cara pengetahuan diperoleh serta kesan daripada pengetahuan tersebut. Refleksi juga merupakan proses pembelajaran iaitu murid berupaya memilih dan menggunakan kemahiran serta melihat kesannya. Rajah 4.5 menunjukkan pembinaan kategori kemahiran pengurusan diri.



Rajah 4.5 Kategori 4: Kemahiran Pengurusan Diri

Rajah 4.5 menunjukkan proses pembinaan kategori keempat iaitu kemahiran pengurusan diri yang bermula daripada kod awalan yang terdiri daripada kluster pengurusan organisasi (masa dan tugas) kluster afektif, dan kluster refleksi.

4.4.2.5 Kemahiran Penyelidikan

Apabila dikaji data berkaitan kemahiran penyelidikan, pemahaman Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah adalah seperti berikut:

“Kalau saya apa yang saya faham tentang researchlah, lebih kepada macam mana budak tu mendapatkan sumber tu, dengan cara apa, melalui apa atau sebagainya. Tu, termasuk dalam kemahiran membuat *research*, kita *acknowledge* balik penyelidikan yang sebelumnya.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

"Kalau macam kemahiran penyelidikan, bila kita bagi satu satu tugas tu, murid mencari bahanlah sama ada melalui *Google*, *Internet*. Jadi, murid menyelidik melalui media, melalui bahan elektronik atau bahan bercetak ka. Jadi murid tahu macam mana nak menyelidik, nak cari sumber mana, kena cari sumber yang sah. Dia kena tahulah.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Berikut merupakan dapatan daripada analisis dokumen:

Pelajar perlu belajar kemahiran seperti mengumpul data dan membuat rujukan. Pelajar harus diberi peluang untuk melakukan kesilapan dan belajar daripada kesilapan tersebut sehingga mereka bersedia untuk melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian *MYPIB*. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 62)

Kesimpulannya, pemahaman peserta kajian tentang kemahiran penyelidikan merujuk kepada cara murid mendapatkan sumber maklumat antaranya melalui media, melalui bahan elektronik atau bahan bercetak. Selain itu, murid didedahkan dengan cara mencari sumber yang sahih dan memberi penghargaan kepada penyelidikan atau penulis asal. Dapatan ini selaras dengan data dokumentasi iaitu Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan yang menyatakan bahawa menerusi penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran, murid belajar cara mengumpul data dan membuat rujukan. Guru perlu memberi peluang kepada murid untuk melakukan kesilapan dan belajar daripada kesilapan sehingga murid bersedia untuk melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian di *MYPIB*.

Seterusnya, Cikgu Solehah dan Cikgu Dina menyatakan tentang dua kluster yang terdapat dalam kemahiran penyelidikan. Berikut merupakan data berkenaan:

“Sebenarnya kemahiran penyelidikan ni, ada dua kluster iaitu literasi maklumat dengan satu lagi literasi media.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Kluster yang terdapat dalam kemahiran penyelidikan ialah kemahiran literasi maklumat dan literasi media.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Jelas di sini bahawa peserta kajian faham bahawa terdapat dua kluster yang perlu mereka ajar dan terapkan dalam pengajaran. Dua kluster tersebut ialah kluster literasi maklumat dan kluster literasi media.

a) Kluster Literasi Maklumat

Melalui analisis data temu bual dengan Cikgu Ain, Cikgu Dina dan Cikgu Solehah didapati pemahaman peserta kajian tentang kluster literasi maklumat adalah seperti berikut:

“Kluster literasi maklumat, lebih kepada dia punya perkongsian maklumatlah, contoh cara pelajar tu merekod data, kemudiannya, macam mana cara dia nak sampaikan maklumat tu kepada orang lain.” (Temu bual 1: Cikgu Ain)

“Murid boleh menunjukkan literasi maklumat dengan mengumpulkan, merekodkan dan mengesahkan data yang diperolehlah.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Melalui penerapan literasi maklumat, murid dilatih untuk membuat penyelidikan dengan mendapatkan sumber menggunakan pelbagai cara, mengumpulkan data, merekod data dan mengesahkan data yang diperolehi dengan cara menyatakan rujukan. Guru juga mengajar cara untuk perkongsian maklumat.

b) Kluster Literasi Media


Analisis data melalui temu bual dan melengkapkan cerita adalah seperti berikut:

“Literasi media ni memang menggunakan medialah. kalau ikutnya di sini dia lebih kepada macam mana murid mendapatkan sumber melalui media.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Murid boleh berinteraksi dengan media untuk menggunakan dan menghasilkan idea dan maklumat.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

“Pelajar pun, pandai mencari maklumat menggunakan media elektronik dan sebagainya. (Melengkapkan Cerita: Cikgu Ain)


Analisis data tentang kluster literasi media juga menunjukkan peserta kajian faham bahawa melalui penerapan kemahiran penyelidikan merujuk kluster literasi media, murid dapat menggunakan pelbagai media untuk mencari maklumat dan menghasilkan idea dan maklumat. Rajah 4.6 menunjukkan pembinaan kategori kemahiran penyelidikan berdasarkan kod awalan kluster literasi maklumat dan kluster literasi media.



Rajah 4.6 Kategori kemahiran Penyelidikan

Kesimpulannya, rajah 4.6 menunjukkan kategori kemahiran penyelidikan terbentuk daripada dua kod iaitu kluster literasi maklumat dan kod kluster literasi media.

Secara keseluruhannya, analisis bersilang daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran akhirnya membentuk tema kedua iaitu pemahaman guru terhadap kategori dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran. Rajah 4.7 menunjukkan proses pembentukan tema ini.



Rajah 4.7 Pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran

Berdasarkan rajah 4.7, dapatan kajian menunjukkan, peserta kajian faham tentang sepuluh kluster yang membentuk lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran. Daripada analisis tematik yang dibuat, terbentuklah tema kedua iaitu pemahaman guru terhadap kategori dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran.

4.4.3 Tema 3: Kepentingan Penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran

4.4.3.1 Kemahiran Pendekatan Pembelajaran membantu pembelajaran murid peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi.

Temu bual dengan Cikgu Umar, Cikgu Solehah dan Cikgu Wardah menunjukkan peserta kajian faham bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memberi faedah yang sangat banyak kepada murid seperti yang disampaikan dalam paparan data berikut:

"Kalau kita lihat kepada kebaikan, apa yang terkandung dalam kemahiran *ATL* itu, kelima-lima kemahiran *ATL* ini sebenarnya dia memberi banyak kebaikan kepada pelajar, di mana dalam kelima-lima kemahiran *ATL* itu, para pelajar dapat mempelajari bagaimana mereka untuk berinteraksi dan bersosial dengan rakan-rakan, bagaimana para pelajar dilatih untuk menguruskan pembelajaran mereka, pengurusan diri, pengurusan bahan-bahan yang diberi oleh guru. Mungkin para pelajar mendapat pengetahuan bagaimana untuk mereka membuat penyelidikan melalui kemahiran penyelidikan. Di samping itu, para pelajar juga dilatih bagaimana untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan juga dengan guru dan yang paling penting ialah bagaimana kita dapat melatih para pelajar itu untuk berfikir yang dalam konteks sekarang ini, dia tekankan tentang berfikir aras tinggi. Jadi, itu memberi banyak manfaat kepada para pelajar." (Temu bual 1: Cikgu Umar)

"Kemahiran *ATL* sebenarnya sangat penting. Bila kita tengok betul-betul kemahiran *ATL* sangat penting dipupuk daripada pelajar tu mula-mula masuk ke sekolah ni sehingga dia keluar. Jika kita ikut betul-betul *framework* yang diberikan, seseorang pelajar tu akan dapat menguasai semua kemahiran tersebut dan akan menjadi seorang yang serba boleh, berfikiran terbuka, berkemahiran untuk membuat *research*. Contoh macam depa masuk kolej lah, depa tak dak risau dah, cara depa sesuilah dengan silibus depa yang dah tinggi untuk kolej, maksudnya depa dah kira boleh bersedia. (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

"Pelajar, dia tidak jemu, dia lebih aktif kalau kita gunakan kemahiran *ATL* ini. Mereka lebih faham apa yang dipelajari mereka buat sendiri, mereka cari sendiri mereka *explore* sendiri jadi lebih faham dan saya rasa objektif tu dalam 70% boleh tercapailah sebab budak-budak seronok dan lebih faham." (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Peserta kajian faham akan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang memberi faedah yang banyak kepada murid-murid bukan sahaja di sekolah, malah untuk pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara kebaikan hasil penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran ialah murid dapat mempelajari cara untuk berinteraksi dan bersosial, berkomunikasi dengan rakan-rakan dan guru serta menguruskan diri dan pembelajaran mereka. Selain itu, menerusi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid mendapat pengetahuan tentang cara untuk membuat penyelidikan serta melatih mereka untuk berfikir aras tinggi. Murid juga dilatih untuk menjadi seorang yang serba boleh serta berfikiran terbuka. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid tidak jemu, lebih aktif dan lebih menguasai pelajaran kerana kebanyakan aktiviti dilakukan oleh mereka sendiri. Jadi, semua kemahiran yang terbina daripada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini sangat baik sebagai persediaan murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kepentingan dan faedah yang bakal diperoleh murid apabila guru menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran terdapat dalam kategori yang diuraikan dalam kes Cikgu Solehah, Cikgu Umar, Cikgu Dina dan Cikgu Wardah.

4.4.3.2 Kepentingan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Dalam fasa pertama soalan temu bual lebih berfokus kepada pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara umum. Bagi menjawab soalan kajian secara berfokus kepada pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, dapatan lebih mendalam diperoleh daripada temu bual fasa 2 seperti berikut:

“Pengajaran KOMSAS menggunakan penerapan kemahiran *ATL* ni saya lihat berkesanlah. Yang penting murid berminatlah untuk belajar KOMSAS dan bila mereka menunjukkan minat tu kita rasa okay lah.” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

“Kesan penerapan kemahiran *ATL* kepada pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, murid jadi lebih berminat dengan KOMSAS.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

“...lebih menarik sebab KOMSAS ni dia ada jalan cerita, melibatkan masyarakat, dekat dengan jiwa. Bila cerita masyarakat ni kemungkinan kena dengan kisah hidup, latar belakang dia, jadi murid lebih seronok lah, pastu dia ada plot, murid boleh kaitkan dengan pengalaman sendiri. Jadi, murid seronoklah belajar KOMSAS menggunakan kemahiran *ATL*, jadi menariklah untuk belajar.” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“Kalau drama murid boleh berlakon, kalau sajak saya akan minta mereka bersajak kemudian ada yang akan tukar sajak tu jadi lagu-lagu. Kemudian kalau novel ada lagu yang sesuai dengan novel tersebut supaya mereka ingat jalan cerita, jadi aktiviti tu lebih dekatlah dengan mereka, tambahan pula diajar menggunakan penerapan kemahiran *ATL*.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Pada bahagian ini, data temu bual menunjukkan peserta kajian faham bahawa pengajaran KOMSAS sebagai medium penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memberi kesan positif kepada pembelajaran murid. Menurut Cikgu Umar, Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah, Pengajaran KOMSAS menggunakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran berkesan, murid menunjukkan minat untuk belajar KOMSAS, pengajaran menjadi lebih menarik kerana KOMSAS ada jalan cerita, melibatkan masyarakat dan dekat dengan jiwa. Murid lebih seronok belajar kerana boleh mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman sendiri tambahan pula pengajaran

menggunakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan aktiviti yang menarik.

Pemahaman peserta kajian tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran menerusi pengajaran KOMSAS memberi kesan yang positif dan menimbulkan minat serta keseronokan belajar murid adalah seiring dengan panduan yang dinyatakan dalam DSKP iaitu berkaitan dengan didik hibur:

“Keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar”. (Analisis Dokumen 8: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 62)

Seterusnya data temu bual yang analisis menunjukkan bahawa peserta kajian faham akan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran melalui pengajaran KOMSAS. Cikgu Dina, Cikgu Wardah dan Cikgu Solehah memberikan data berikut:

“Penerapan kemahiran *ATL* melalui pengajaran KOMSAS adalah amat penting untuk membantu murid belajar.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)


"Kepentingan penerapan kemahiran *ATL* ini yang pertamanya untuk membantu pencapaian objektif pengajaran KOMSAS secara langsung kemudian untuk mengkaji isi kandungan KOMSAS". (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“Kemahiran *ATL* ni kemahiran yang nak bantu murid untuk belajar segala *content* yang nak disampaikan. Kemahiran *ATL* ni kena ajar dahulu sebelum kemahiran itu digunakan oleh murid untuk faham KOMSAS.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

Analisis data menunjukkan peserta kajian faham bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran adalah amat penting untuk membantu pencapaian objektif pengajaran KOMSAS. Selain itu, peserta kajian faham bahawa kemahiran pendekatan pembelajaran perlu diajar dahulu kepada murid bagi membantu murid untuk belajar, memahami KOMSAS serta mengkaji isi kandungan KOMSAS yang dipelajari.

4.4.3.3 Kepentingan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran Sebagai Syarat Pengiktirafan *MYPIB*.

Analisis data temu bual yang dilakukan terhadap Cikgu Solehah dan Cikgu Umar menunjukkan peserta kajian faham tentang kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran sebagai syarat pengiktirafan *MYPIB*. Data tersebut adalah seperti berikut:



“Apabila kita melaksanakan program *MYPIB* ni, kita tidak boleh lari daripada memenuhi *standard and practice* yang ditetapkan oleh pihak *MYPIB*. Orang kata jaminan kualitilah untuk pihak *MYPIB* sendiri, yang kedua dari segi syarat pengiktirafan yang kita terima. Jadi, dari segi pengiktirafan yang kita terima, *MYPIB* meletakkan syarat-syarat tertentulah antaranya penerapan kemahiran *ATL* untuk memenuhi kehendak program ini. Kemahiran *ATL* ini perlu diajar kepada murid.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Sangat pentinglah untuk guru terapkan kemahiran *ATL* yang mencapai tahap *MYPIB*. Maklum balas yang diberi oleh pihak *MYPIB* sendiri menyatakan bahawa penerapan kemahiran *ATL* yang disampaikan oleh guru sekolah ini menepati apa yang dikehendaki oleh pihak *MYPIB* sendiri. Maknanya kita dapat sampaikanlah pengajaran macam yang dikehendaki oleh pihak *MYPIB* tu.” (Temu bual 1: Cikgu Umar)


Melalui temu bual yang dilakukan dengan Penyelaras *MYPIB* iaitu Cikgu Solehah, beliau menekankan bahawa pihak sekolah perlu memenuhi standard amalan yang ditetapkan oleh pihak *MYPIB* iaitu pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran yang merupakan syarat wajib bagi pengiktirafan sekolah tersebut sebagai sekolah *MYPIB*. Manakala, Cikgu Umar selaku guru yang paling senior dan menerima latihan secara langsung daripada *IB World School* turut menyatakan bahawa sangat penting untuk guru menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut standard yang ditetapkan oleh *MYPIB*. Analisis data menunjukkan peserta kajian faham bahawa guru perlu menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran sebagai syarat pengiktirafan sekolah *MYPIB* dan guru-guru telah berjaya melaksanakan penerapan yang telah diiktiraf oleh pihak *MYPIB*.

Apabila disemak beberapa dokumen *MYPIB* iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan dan *Guide to Authorization*, terdapat fasal yang menunjukkan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran sebagai syarat pengiktirafan sekolah sebagai sekolah *MYPIB*:

“Sekolah yang mengikuti kurikulum kebangsaan, negeri atau setempat perlu menyelaraskan standard pelaksanaan dengan keperluan *MYPIB*.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 65)

“*The school’s organizational structures support the implementation of all subject groups offered by the school, approaches to learning, service and the personal project.*” (Analisis dokumen: *Guide to school authorization: Middle Years Programme* 2014, Hlm. 18)


Jadi, jelaslah bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan syarat penting yang perlu dipatuhi bagi menjamin pihak sekolah terus diiktiraf sebagai salah sebuah sekolah *MYPIB*. Rajah 4.8 menunjukkan proses terbentuknya tema pemahaman guru terhadap kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.



Rajah 4.8 Tema 3: Pemahaman guru terhadap kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran

Rajah 4.8 menunjukkan pembentukan tema ketiga iaitu pemahaman guru terhadap kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Tema ini terbina apabila kod awalan yang dianalisis, dapat dikategorikan kepada tiga kategori iaitu guru faham bahawa kemahiran pendekatan pembelajaran membantu murid pada peringkat sekolah dan universiti, kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran sebagai syarat pengiktirafan sebagai sekolah *MYPIB*.

Proses analisis data ini ditunjukkan dalam Rajah 4.9



Rajah 4.9 Analisis Tematik Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Rajah 4.9 memaparkan proses analisis data yang sistematik menggunakan perisian *ATLAS.ti*. Analisis tematik menggunakan perisian *ATLAS.ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk tiga tema bagi menjawab soalan kajian pertama iaitu bagaimanakah pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran? Tiga tema yang terbentuk ialah pemahaman guru terhadap konsep kemahiran pendekatan pembelajaran, pemahaman guru terhadap kluster dan kategori kemahiran pendekatan pembelajaran dan pemahaman guru terhadap kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

4.5 Soalan Kajian 2: Bagaimanakah Proses Perancangan, Pelaksanaan dan Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Dilakukan dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM?

Bagi menjawab soalan kajian kedua ini, analisis secara rujuk silang dilakukan oleh penyelidik terhadap data temu bual secara mendalam yang melibatkan dua fasa, penelitian terhadap penulisan guru dalam tugas melengkapkan cerita dan penelitian terhadap dokumen seperti rujukan utama iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan, Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan, Laporan Verifikasi Tahun 2017, Laporan Verifikasi Tahun 2019, Minit Mesyuarat Panitia, DSKP Tingkatan 4, Rancangan Pengajaran dan tugas murid.

Penyelidik akan melaporkan dapatan kajian berkenaan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini secara mendalam berdasarkan urutan soalan kajian kedua iaitu didahului dengan bahagian perancangan, diikuti dengan pelaksanaan dan yang terakhir refleksi.

4.5.1 Proses Perancangan

Disebabkan Program *MYPIB*, masih baharu di Malaysia dan objektif penyelidikan ini adalah untuk meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM maka pada peringkat perancangan, penyelidikan ini menganalisis data berkaitan proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara teliti dan berulang sehingga terbentuknya empat tema iaitu proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menerusi kurikulum bertulis, proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan rujukan utama, proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dilaksanakan semasa perancangan kolaboratif dan proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dirancang secara terperinci.

4.5.1.1 Tema 1: Perancangan Menerusi Kurikulum Bertulis

Perancangan kurikulum *MYPIB* perlu didokumentasikan untuk tujuan penggunaan guru dan syarat untuk memperoleh akreditasi. Melalui analisis data secara rujuk silang didapati peserta kajian faham akan kepentingan perancangan kurikulum bertulis. Berikut antara data yang diperoleh melalui temu bual dengan Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah:

"Kita memang perlu merancang la, sebab perancangan itu yang membantu kita melaksanakan apa-apa. Memang saya rasa perlulah buat perancangan bertulis." (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“Pada saya, perancangan kurikulum bertulis ni merupakan satu keutamaan untuk memastikan proses PdPc kita berjalan dengan lancar.” (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

Berdasarkan data-data tersebut, didapati bahawa guru-guru di sekolah *MYPIB* ini cakna akan kepentingan perancangan bertulis yang disarankan oleh *MYPIB*.

Antara dokumen yang perlu disediakan oleh guru-guru ialah Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*), Rancangan Unit (*UP*) dan Carta Pemetaan *ATL* seperti yang dinyatakan dalam data analisis dokumen berikut:

“Dokumen yang diperlukan dalam *MYPIB* untuk kurikulum bertulis terdiri daripada Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*), Rancangan Unit (*UP*) dan Carta Pemetaan *ATL*” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 46)

Perancangan bertulis perlu dibuat selaras dengan panduan yang diberikan oleh pihak *IB World School* dalam dokumen panduan Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan.

Dalam dapatan kajian, kebanyakan jawapan peserta kajian menggunakan istilah Bahasa Inggeris seperti *SGO*, *Unit Plan* dan *ATL Chart*, maka dalam sesetengah keadaan, penyelidik juga menggunakan istilah tersebut untuk diselaraskan dengan data tersebut. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan keadaan, penyelidik akan menggunakan istilah yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh ITJM. Data yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Kita kena plan *SGO* atau *Subject Group Overview*, kita ada *Unit Plan*, dan jugak kalau *ATL* ni kita ada *chart* dia lah. *Chart* atau yang saya panggil Pemetaan *ATL* untuk keseluruhan.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Berdasarkan temu bual dan data analisis dokumentasi yang dinyatakan sebelum ini, terdapat beberapa dokumen yang perlu disediakan oleh guru-guru sebagai dokumen kurikulum bertulis bagi menjayakan program *MYPIB*. Dokumen tersebut ialah *Subject Group Overview (SGO)* atau diterjemahkan sebagai Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek, *Unit Plan (UP)* atau diterjemahkan sebagai Rancangan Unit, dan *ATL Chart* atau diterjemahkan sebagai Carta Pemetaan *ATL*.

4.5.1.1.1 Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek

Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek atau *Subject Group Overview (SGO)* merupakan dokumen kurikulum bertulis bagi perancangan subjek sepanjang tahun. Dalam Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek terdapat bahagian yang menunjukkan Pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu diterapkan sepanjang tahun untuk sesuatu subjek. Berikut merupakan data berkaitan Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek:

“*Subject group overview* ini ialah perancangan keseluruhan, sukatan yang perlu diajar sepanjang tahun.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

“*SGO* ni, saya jawab secara umumlah, ialah rancangan pengajaran tahunan. Cuma, dibahagikan kepada tema. Daripada tema, kita bahagi pula kepada minggu. Jika dalam *DSKP* ni ada 16 tajuk, jadi saya agihkan 16 tajuk tu kepada sekurang-kurangnya 4 tema (*UP*) yang dimuatkan dalam *SGO*.” (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

“*Decision* apa kita nak buat, daripada *Unit Plan* yang mana, apa *ATL* skill nak terap tu. Semua tu kena buat dekat *SGO*. Kita kena bincang apa nak buat, aktiviti dalam PdP, *ATL* Skills yang kita nak kembang. Yang tu yang patutnya cikgu buat semasa merancang *SGO*. Daripada *SGO* kemudiannya barulah kita merancang untuk *Unit Plan*” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

Analisis data yang diperoleh daripada Cikgu Dina, Cikgu Insyirah dan Cikgu Solehah menjelaskan bahawa Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*) ialah rancangan pengajaran tahunan yang disusun oleh guru mata pelajaran mengikut tema yang diperoleh daripada DSKP. Perbincangan perlu dilakukan oleh guru untuk menghasilkan satu perancangan Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek yang lengkap dengan kemahiran pendekatan pembelajaran yang akan diterapkan. Guru-guru akan merujuk Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek untuk merancang Rancangan Unit.

Penjelasan tentang perancangan Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek juga dijelaskan dalam dokumen *Guide to school authorization: Middle Years Programme* dan *From Principal Into Practice* dan yang dibekalkan kepada pihak sekolah sebagai rujukan:

“Melalui perancangan yang dibuat secara usaha sama dan sepanjang tahun pelaksanaan program tersebut, sekolah mestilah memastikan kurikulum itu telah... membangunkan semua kategori kemahiran *ATL* dengan sewajarnya.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 55)

"Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek untuk setiap kumpulan subjek mengenal pasti unit yang akan diajar pada setiap tahun *MYPIB*, menunjukkan tajuk unit, konsep utama dan berkaitan, konteks global, pernyataan pertanyaan, objektif kumpulan subjek *MYPIB*, kemahiran *ATL* dan kandungan.” (Analisis dokumen3: Panduan Pengiktiran *MYPIB*, Hlm. 28)

Unit plan (UP) dan *subject-group overviews (SGO)* mesti dirancang oleh guru subjek itu sendiri. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 55)

Penjelasan dalam dokumen-dokumen ini selaras dengan analisis data yang diperoleh daripada peserta kajian iaitu Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*) merupakan dokumen kurikulum bertulis untuk perancangan sepanjang tahun program tersebut. Gambaran keseluruhan ini terdiri daripada tajuk unit, konsep utama dan konsep berkaitan, konteks global, pernyataan inkuiri, objektif serta kemahiran pendekatan pembelajaran dan kandungan. Selain itu, Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek dan Rancangan Unit mestilah dirancang oleh guru subjek itu sendiri. Contoh *SGO* yang dirancang dikepilkan pada bahagian lampiran.

4.5.1.1.2 Rancangan Unit

Apabila data berkaitan perancangan Rancangan Unit atau *Unit Plan (UP)* dianalisis, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru faham konsep asas penghasilan Rancangan

Unit seperti dinyatakan dalam data berikut:

“*Unit Plan* ni rancangan pengajaran lah, di mana rancangan pengajaran ini dirancang lebih awal, setiap tahun sebelum mula persekolahan untuk satu unit pengajaran. Tidak seperti kebiasaanya, guru hanya merancang untuk satu PdP harian. Tapi, *Unit Plan* yang dirancang mengikut program *MYPIB* ni dirancang untuk satu unit pengajaran dan sentiasa ditambahbaik.” (Temu bual 1: Cikgu Insyirah)

“Okay, untuk satu tahun yang melibatkan 36 minggu persekolahan, biasanya setiap subjek ni dia tidak sama dari segi bilangan *Unit Plan*. Tapi, kita menetapkan bilangan *Unit Plan* ini mestilah antara 4 hingga 6 *Unit Plan*.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

“Dalam satu unit pengajaran biasanya kita akan sama ada, buat satu unit, satu tema ataupun merupakan satu unit yang merupakan gabungan beberapa tajuk bagi tema yang sama.”
(Temu bual 2: Cikgu Dina)

“*Unit Plan* lebih kepada perancangan pengajaran yang dirancang mengikut tema. Dalam *Unit Plan* tu dah terkandung tugas pelajar, iaitu *assessment* lah. Kemudian, dalam setiap minggu tu sudah ada kemahiran *ATL* yang dinyatakan dan dirancang sejak awal. Kita sesuaikan dengan aktiviti sebab dalam *Unit Plan* pun kita dah tetapkan kemahiran apa yang ada”
(Temu bual 1: Cikgu Wardah)

Menurut Cikgu Insyirah, Cikgu Solehah, Cikgu Dina dan Cikgu Wardah, Rancangan Unit ialah rancangan pengajaran mengikut tema yang dirancang setiap tahun sebelum sesi persekolahan bermula. Dalam setiap Rancangan Unit terkandung tugas pelajar, kemahiran pendekatan pembelajaran yang dirancang sejak awal serta disesuaikan dengan aktiviti. Guru-guru perlu merancang antara empat hingga enam Rancangan Unit untuk setiap tahun. Setiap unit mewakili satu tema ataupun merupakan satu unit yang merupakan gabungan beberapa tajuk bagi tema yang sama.

Secara umumnya, guru-guru faham tentang konsep Rancangan Unit, namun terdapat beberapa teguran berkaitan Rancangan Unit yang perlukan penambahbaikan berdasarkan laporan daripada konsultan semasa lawatan verifikasi seperti data berikut:

Pihak *IBO* mohon guru-guru subjek untuk membuat penambahbaikan kepada semua *UP* dengan merujuk kepada contoh laporan *BQC* (Analisis dokumen: telegram *MYP1B*)

Unit Plan Review

Komen daripada konsultan tentang sampel *Unit Plan* sekolah kita:

1. Masa untuk satu unit, jika lebih daripada 20 jam tidak relevan.
2. Terlalu banyak tajuk dalam 1 *UP*.
3. *ATL skills* lebih daripada 2 tidak relevan

(Analisis dokumen 7: Minit Mesyuarat Laporan Verifikasi 2019)

Dapatan ini menyokong data Cikgu Insyirah bahawa sentiasa ada penambahbaikan dalam *Unit Plan*.

4.5.1.1.3 Rancangan Harian

Berdasarkan dokumentasi *MYPIB*, tidak terdapat arahan untuk membuat rancangan harian, namun guru-guru *MYPIB* di Malaysia tetap perlu menulis rancangan harian seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Insyirah:

“Jadi, berdasarkan *Unit Plan* tersebut, kita kena ikutlah setiap hari tu kita perlu tulis rancangan harian berdasarkan *Unit Plan* yang kita buat tu, tapi bukan macam sekolah biasa, tapi kita fokus kepada refleksi pengajaran, sebelum dan semasa. Refleksi selepas dibuat setelah tamat belajar satu-satu tema.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Menurut Cikgu Insyirah, Rancangan Harian yang di tulis di sekolah *MYPIB* berbeza daripada Rancangan Harian di sekolah KPM yang lain. Guru-guru *MYPIB* KPM menulis Rancangan Harian berdasarkan Rancangan Unit. Rancangan Harian ini memberi fokus kepada penulisan refleksi sebelum dan semasa pengajaran.

4.5.1.1.4 Carta Pemetaan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

Berdasarkan analisis data rujuk silang, penjelasan tentang carta pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran seperti berikut:

“Catatan: ...sekolah mesti menunjukkan bahawa perancangan carta kemahiran *ATL* didokumentasikan. (Analisis dokumen 3: Panduan Pengiktiran *MYPIB*, ms 28)

“... untuk kemahiran *ATL* ni kita lantik Penyelaras *ATL* untuk memastikan pemetaan *ATL* dirancang dan dilaksanakan di sekolah. Kita buat Pemetaan Kemahiran *ATL* ni sebab kita nak pastikan setiap murid kita tu diterapkan dengan sepuluh kluster *ATL* tu. Pemetaan Kemahiran *ATL* dibuat mengikut kesesuaian subjek. Maksudnya kalau tengok dari segi kemahiran *ATL* ni, sesetengah kemahiran ditekankan oleh subjek-subjek tertentu. Macam kalau BM, komunikasilah” (Temu bual: Cikgu Solehah)

“Pemetaan kecil kemahiran *ATL* bagi KOMSAS tu, dibuat oleh ahli panitia Bahasa Melayu dan digabungkan kepada pemetaan subjek BM, seterusnya diserahkan kepada Penyelaras kemahiran *ATL* untuk pemetaan yang besar dengan melibatkan semua subjek.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

“Rujuk *subject guide* kerana dalam setiap subjek itu sendiri telah disenaraikan *skill-skill* yang perlu diterapkan. Guru-guru perlu rujuk petunjuk kemahiran *ATL* yang ditetapkan, rancang dan laksanakan pengajaran. Pihak saya akan kumpulkan cadangan kluster kemahiran setiap subjek dan hasilkan carta keseluruhan yang kami panggil *ATL Chart* bagi memastikan setiap kluster kemahiran *ATL* diterapkan secara keseluruhan untuk semua murid. Untuk subjek BM, perlu rujuk *subject guide Language and Literature* lah” (Temu bual 2: Cikgu Ain)

Analisis dapatan menunjukkan bahawa pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran wajib dilaksanakan di sekolah *MYPIB* seperti yang terkandung dalam Panduan Pengiktirafan *MYPIB*. Pihak sekolah menunjukkan pelaksanaannya apabila dapatan daripada temu bual dengan Cikgu Solehah iaitu Penyelaras *MYPIB* menunjukkan bahawa pihak sekolah melantik seorang penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran untuk memastikan carta pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran dirancang dan dilaksanakan di sekolah. Beliau juga menjelaskan kepentingan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran ini adalah untuk memastikan setiap murid diterapkan dengan sepuluh kluster kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut kesesuaian subjek.


Manakala, Cikgu Insyirah selaku Ketua Panitia Bahasa Melayu menjelaskan bahawa pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi KOMSAS dibuat oleh ahli panitia Bahasa Melayu mengikut tingkatan, kemudian digabungkan untuk menghasilkan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu. Seterusnya perancangan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran untuk subjek Bahasa Melayu diserahkan kepada penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran untuk pemetaan yang besar dengan melibatkan semua subjek.

Cikgu Ain selaku penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran pula menjelaskan bahawa pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran dibuat berdasarkan cadangan guru-guru mengikut subjek. Seterusnya, penambahbaikan dilaksanakan melalui perancangan kolaboratif, sehinggalah terhasil satu carta pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran yang lengkap.

Data yang dinyatakan sebelum ini menunjukkan bahawa perancangan dilakukan oleh pihak sekolah, namun beberapa penambahbaikan perlu dibuat berdasarkan data yang diperoleh daripada laporan lawatan verifikasi berikut:

“Sekolah ini telah membuat carta kemahiran *ATL* yang diajarkan mengikut unit, tetapi mereka tidak mempunyai laporan perkembangan tentang penerapan kemahiran *ATL* yang telah dilakukan pada tahun sebelumnya dan bagaimana pengetahuan ini dapat digunakan oleh para guru untuk pengajaran sekarang. (Analisis dokumen 5: Laporan Verifikasi *MYPiB* 2019, Hlm. 17)

Menurut laporan ini, penambahbaikan perlu dilakukan dari aspek perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran daripada pengajaran sebelumnya dan cara kemahiran pendekatan pembelajaran ini digunakan untuk pengajaran selanjutnya. Rajah 4.10 menunjukkan proses analisis tematik dilakukan bagi mendapatkan tema 1 bagi soalan kajian kedua ini iaitu Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Menerusi Kurikulum Bertulis.



Rajah 4.10 Tema 1: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Menerusi Kurikulum Bertulis

4.5.1.2 Tema 2: Perancangan Berdasarkan Rujukan Utama

Untuk mendokumentasikan perancangan dan memastikan objektif penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS tercapai semasa guru-guru membuat perancangan, beberapa dokumen perlu dirujuk:

“Subject guide dengan Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, dua ni la yang mustahak untuk cikgu rujuk dalam MYPiB. Kemudian untuk silibus, kita rujuk DSKP. (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Analisis data temu bual daripada Cikgu Solehah selaku peneraju utama sekolah *MYPIB* menunjukkan bahawa guru-guru membuat perancangan berdasarkan tiga rujukan utama iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan (*From Principles into Practice*), Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (*Subject Guide Language and Literature*) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan (DSKP). Penulisan seterusnya akan menjelaskan tentang ketiga-tiga rujukan ini.

4.5.1.2.1 Dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan

Berikut merupakan penjelasan Cikgu Solehah berkenaan rujukan utama untuk perancangan:

“From Principles into Practice merupakan rujukan utama yang mengandungi rangka kerja pelaksanaan *MYPIB* termasuk penerapan kemahiran *ATL* (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran amat dititikberatkan dalam program *MYPIB*. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini telah dinyatakan dalam rujukan utama *MYPIB* iaitu Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan:

“Tanggungjawab untuk merancang ATL selama bertahun-tahun di MYPIB merangkumi: • memastikan bahawa guru memahami kemahiran ATL dan peranan mereka dalam program • membantu memutuskan bagaimana ATL dapat disepadukan dengan kandungan subjek dan aktiviti khas • mengembangkan rancangan untuk artikulasi menegak kemahiran ATL sepanjang tahun program • menyokong guru dalam mengembangkan strategi pengajaran untuk kemahiran ATL.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, Hlm. 62)

“Cikgu perlu rancang aktiviti untuk ajar *ATL* tersebut. Rujuk kepada *From Principles into Practice*.” (Temu bual 1: Cikgu Ain)

Berdasarkan data temu bual Cikgu Solehah dan Cikgu Ain selaku guru yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran, dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan adalah rujukan utama guru-guru di sekolah *MYPiB*.

4.5.1.2.2 Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan

Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan atau dalam istilah Inggerisnya *Subject Guide Language and Literature* ialah rujukan khas yang digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk merancang perancangan kurikulum bertulis. Data temu bual dan analisis dokumen menjelaskan perkara berikut:

“Matlamat semua kumpulan subjek *MYPiB* menekankan perkara yang sepatutnya diajar oleh guru dan perkara yang sepatutnya dialami dan dipelajari oleh murid. Objektif bagi setiap subjek *MYPiB* menetapkan sasaran khusus dalam pembelajaran subjek tersebut. Objektif ini menentukan perkara yang boleh dicapai oleh murid apabila mempelajari subjek tersebut. Setiap objektif dihuraikan oleh beberapa elemen; elemen ialah aspek atau petunjuk bagi jangkaan pembelajaran.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan 2014, ms 62)

“*UP* dibuat dengan merujuk kepada *subject guide* yang terkini.” (Temu bual 1: Cikgu Ain)

“*Subject guide* pula rujukan khas yang berbeza bagi setiap subjek. Bagi BM, guna *Subject Guide Language and Literature* lah. (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

Berdasarkan analisis rujuk silang data-data tersebut, menunjukkan guru-guru perlu merujuk Panduan Subjek untuk menghasilkan perancangan kurikulum bertulis. Bagi subjek Bahasa Melayu, guru-guru menggunakan Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan, *MYPIB*.

Analisis data mendalam tentang Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan mendapati bahawa terdapat satu bahagian khas yang menjelaskan kluster tertentu dalam lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu dimasukkan ke dalam perancangan kurikulum bertulis Bahasa Melayu (KOMSAS) iaitu merujuk kepada petunjuk kemahiran perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran:

Rujuk *ATL* skills yang dicadangkan dalam *subject guide*, bahagian petunjuk kemahiran *ATL* perlu *visible* dalam *students' work* (Analisis Dokumen 6: Rancangan Tindakan 2019)

“...sebab *MYPIB* dia bagi penekanan, dia bagi panduan, macam kita kata kemahiran tu pecah-pecah tu, kita boleh tau kan, kalau kemahiran komunikasi melalui bahasa ni apa kemahiran dia, kita boleh rujuk petunjuk kemahiran. Kalau macam dulu, kita ingat bercakap guna bahasa baku boleh dah la. Aku buat tu betoi dah, takat tu ja. Tapi *MYPIB* ni dia bagi panduan.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

Analisis mendalam tentang Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan menjelaskan bahawa guru perlu merujuk petunjuk penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran untuk membuat perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Peserta kajian menjelaskan bahawa terdapat satu bahagian dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan yang memberi panduan khas tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu (KOMSAS).

Dapatan data adalah seperti berikut:

“Kalau ikut pihak *IBO* tidak perlu dilaksanakan semua beratus-ratus perincian dalam kluster *ATL skills*, sebaliknya fokus kepada lima kategori utama dan petunjuk kemahiran mengikut *subject guide* setiap subjek. Pihak *MYPIB* ni dia bukan menekankan kepada kuantiti tapi dia menekankan kepada kualiti kemahiran yang diperoleh oleh murid. Jadi macam mana kita nak menerapkan kemahiran ni ialah kita kena rujuk *subject guide*. Kita terap kemahiran *ATL* yang telah dicadangkan dalam *subject guide* subjek masing-masing. Kalau BM atau KOMSAS, kena rujuk *Language and Literature* punya *subject guidelah*”
(Temu bual 2: Cikgu Solehah)

“... tak semestinya semua sekali kluster diterapkan. Dulu, kita ingat semua. Tapi rupanya yang kami buat tu tak memenuhi lagi kehendak *MYPIB*. *IB World School* nak tengok lagu lain. Kami kena rujuk *subject guide* kerana setiap *subject* itu sendiri disenaraikan *skill-skill* yang perlu diterapkan. BM rujuk *Language and Literature*, ada dah fokus *ATL Skills* dalam tu.”
(Temu bual 2: Cikgu Ain)

Setelah menganalisis data temu bual penyelaras *MYPIB* dan penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran berkaitan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, penyelidik mendapati bahawa terdapat data penting yang sangat membantu kajian ini iaitu guru-guru Bahasa Melayu perlu merujuk petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan semasa merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Berikut disertakan jadual petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan:

Jadual 4.2

Petunjuk kemahiran ATL bagi lima kategori kemahiran untuk subjek Bahasa dan Kesusasteraan.

Kategori	Petunjuk Kemahiran
Kemahiran Berfikir	Menilai bukti dan hujah
Kemahiran Sosial	Mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain
Kemahiran Komunikasi	Menggunakan pelbagai media untuk berhubung dengan pelbagai kumpulan sasaran
Kemahiran Pengurusan Diri	Menyimpan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik
Kemahiran Penyelidikan	Mencari pelbagai perspektif daripada sumber yang pelbagai dan berbeza

(Analisis Dokumen 2: Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan, *MYPIB*)

Analisis data dokumentasi ini menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu perlu merancang dan melaksanakan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut cadangan petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang dinyatakan dalam dokumen *MYPIB* iaitu Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan yang dalam konteks Pendidikan Malaysia diguna pakai untuk subjek Bahasa Melayu khususnya KOMSAS.

Jadual 4.2 menunjukkan data petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran untuk subjek Bahasa Melayu yang perlu dirujuk oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam proses perancangan dan pengajaran. Dalam proses perancangan, guru-guru Bahasa Melayu perlu merujuk Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan yang mencadangkan

penerapan kelima-lima kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan tetapi hanya memberi fokus kepada kluster-kluster seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.2.

Apabila temu bual berkenaan perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu diterapkan dijalankan terhadap guru Bahasa Melayu, data yang diperoleh adalah seperti berikut:

“... rasanya kita boleh merujuk kepada senarai *ATL Skill* la kot sebab takutnya nanti orang ni pun merancang *ATL* yang sama. Jadi bertindan la, tapi macam yang kami buat ni berdasarkan yang sebelum ni. Tak tahu la yang sebelum ni memang dah bincang dan rancang dah siap-siap jadi kami cuma murnikan la kan, bukan buat lain, kita nak murnikan sahaja. Jadi, kita ikut la kalau nak ada perubahan pun berdasarkan *ATL* maps tu la.”
(Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“... rujuk kepada senarai kemahiran tu kemudian kita carilah dalam media-media sosial apa semua untuk menambah baik lagilah perancangan tersebut.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

“... Petunjuk Kemahiran? Saya tak pasti pulak, saya ikut senarai kemahiran yang diberikan oleh pihak sekolah. Murnikan *SGO* dan *UP* yang dah buat sebelum ni dan saya tambah dengan aktiviti abad 21. Cikgu-cikgu yang buat sebelum ni dah pindah sekolah.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Analisis data temu bual daripada Cikgu Wardah, Cikgu Dina dan Cikgu Insyirah menunjukkan bahawa mereka kurang terdedah dengan penggunaan Petunjuk Kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan. Peserta kajian merujuk senarai kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam buku panduan Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan. Tambahan

pula Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah baharu sahaja berpindah ke sekolah tersebut dan Cikgu Dina pula tidak pernah mendapat latihan secara terus daripada pihak *MYPIB*.

Pengkaji mendapati bahawa perlu membuat analisis dokumen terhadap petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan bagi menghasilkan satu panduan yang lengkap untuk guru-guru Bahasa Melayu yang mengajarkan KOMSAS.

4.5.1.2.3 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Dokumen ketiga yang perlu dirujuk oleh guru-guru Bahasa Melayu semasa menghasilkan perancangan kurikulum bertulis ialah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Data berikut menjelaskan hal ini:

“Disebabkan kita sekolah *MYPIB* kerajaan dan bukan seperti sekolah *MYPIB* swasta, cikgu masih kena rujuk DSKP, ikut sistem pendidikan kerajaan. Kita kena ikut kalendar KPM” (Temu bual 2: Cikgu Umar)


“... untuk kes *MYPIB* KPM, isi kandungan pelajaran mesti rujuk DSKP. Apabila nak merancang, tajuk, isi yang nak diajar, rujuk DSKP, apabila nak bagi murid faham, semua pakai *ATL skills*. Nak bawak budak berfikir tentang kandungan pelajaran tu guna *ATL Skills*.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

“... kita menggunakan kurikulum yang kita dapat daripada DSKP.” (Temu bual 2: Cikgu Ain)

"Caranya, kita menggunakan kurikulum yang kita dapat daripada DSKP dan semasa kita rancang *SGO*, kita ambil kurikulum daripada DSKP dan kita sesuaikan dengan *ATL skill*, lepas tu, kita gabungkanlah." (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Analisis rujuk silang Cikgu Umar, Cikgu Ain, Cikgu Solehah dan Cikgu Dina menunjukkan bahawa sekolah *MYPiB* yang dikaji ialah sekolah di bawah pentadbiran KPM, maka untuk merancang kurikulum bertulis, guru perlu merujuk isi kandungan pelajaran berdasarkan DSKP untuk disesuaikan dengan *ATL skill*.

Berikut disertakan data berdasarkan analisis dokumen terhadap DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4 yang merujuk kepada memahami dan mengapresiasi karya sastera (KOMSAS):




"Menghasilkan skrip drama, seloka dan mempersembahkan sketsa, puisi dan cerpen menggunakan idea yang kreatif, bahasa yang indah dan bertatasusila." (Analisis dokumen 8: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 3)

"Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai". (Analisis dokumen 8: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 5)

"Menghasilkan seloka, gurindam dan skrip drama, serta mempersembahkan sedutan novel menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila." (Analisis dokumen 8: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 6).


Analisis dokumen DSKP menunjukkan bahawa objektif dan aktiviti yang disarankan dalam DSKP yang perlu disesuaikan dengan petunjuk kemahiran yang dinyatakan dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan bagi menghasilkan kurikulum bertulis Bahasa Melayu (KOMSAS).

Berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual dan analisis dokumen, terbinalah tema kedua dalam proses perancangan iaitu tema 2: proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan rujukan utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.11:



Rajah 4.11 Tema 2: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Rujukan Utama.

Melalui analisis ini menunjukkan bahawa terdapat tiga rujukan utama untuk proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang dikelompokkan dalam tiga kategori rujukan. Kategori pertama, Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan iaitu rujukan utama yang mengandungi rangka kerja pelaksanaan *MYPIB* termasuk penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, kategori kedua, Panduan Subjek (*Subject Guide*) iaitu rujukan khas yang berbeza bagi setiap subjek. Bagi subjek Bahasa Melayu (KOMSAS), guru perlu merujuk Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (*Subject Guide Language and Literature*), kategori ketiga DSKP iaitu rujukan untuk kurikulum dan silibus bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS). Guru-guru perlu rujuk DSKP. Guru perlu rujuk DSKP dan sesuaikan dengan panduan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan dan Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan kerana sekolah *MYPIB* yang dikaji ialah sekolah kerajaan bukan seperti sekolah *MYPIB* swasta.



4.5.1.3 Tema 3: Perancangan Kolaboratif

Setelah mengetahui keperluan rujukan, analisis data berikutnya membincangkan cara perancangan dilakukan. Data yang dianalisis menunjukkan bahawa perancangan dilakukan secara kolaborasi melalui perancangan kolaboratif:

“Biasanya, untuk pelaksanaan program *MYPIB* ni satu aspek yang ditekankan oleh *MYPIB* ialah *Collaborative Planning*. *Collaborative planning* tu perbincangan berkumpulan untuk merancang aktiviti, merancang *Unit Plan*, *SGO* dan lain-lainlah.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah,)

“*Collaborative Planning* atau kat tempat lain dipanggil *PLC* memang banyak membantu guru-guru dalam merancang penerapan kemahiran *ATL* ni. (Temu bual 2: Cikgu Dina)

“Sebagai seorang guru di sekolah *MYPIB*, aku membudayakan perancangan kolaboratif dan membuat perancangan terlebih dahulu bersama-sama guru-guru yang lain.” (Melengkapkan cerita: Cikgu Umar)

Analisis temu bual dengan peserta kajian memberi maklumat bahawa perancangan kolaboratif atau peserta kajian lebih selesa menggunakan istilah *collaborative planning* merupakan aspek yang ditekankan oleh *MYPIB*. Cikgu Solehah menyatakan bahawa perancangan kolaboratif merupakan perbincangan berkumpulan untuk merancang aktiviti, merancang *Unit Plan*, *SGO* dan lain-lain. Cikgu Dina pula menjelaskan tentang fungsi perancangan kolaboratif yang hampir sama dengan Komuniti Pembelajaran Profesional (*PLC*) yang banyak membantu guru-guru dalam proses merancang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Manakala data melengkapkan cerita daripada Cikgu Umar menunjukkan bahawa perancangan kolaboratif atau membuat perancangan terlebih dahulu bersama-sama guru-guru yang lain telah menjadi budaya yang diamalkan di sekolah tersebut.

4.5.1.3.1 Kepentingan Perancangan Kolaboratif

Perancangan kolaboratif amat penting dalam proses perancangan. Melalui perancangan kolaboratif, guru-guru dapat berkumpul mengikut subjek dan berbincang bagi memastikan perancangan yang dibuat menepati kehendak *MYPIB* dan KPM. Beberapa kepentingan perancangan kolaboratif yang dikemukakan oleh peserta kajian adalah seperti berikut:

“Kebaikan kolaborasi ni, kita boleh sama-sama check *SGO* dan *UP. Coordinator* akan memberitahu cara sebenar dan di mana salah dan kita akan ubah, perancangan yang kita buat akan sentiasa berubah, tidak seperti sebelum ni, kita terima sahaja perancangan tahunan yang sama daripada JPN dan laksanakan. Tapi, *MYPIB* lain, kita yang rancang sendiri mengikut tahap dan keperluan sekolah kita dengan merujuk kepada *From Principal Into Practice, Subject guide* dan *DSKP*.” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

“Walaupun perancangan tu mengambil masa, tapi bila buat sendiri, lebih faham la kan.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

“... bagi saya yang baru di sekolah ni, kita *follow*lah *collaborative planning* ni sebab kita boleh tahu banyak perkara dan yang mana kita tak tahu boleh bincang sama-sama. (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“*Collaborative planning and reflection address vertical and horizontal articulation. Recommendation ATL* tidak menunjukkan *progression (novince/practitioner...)* daripada *Y1-Y5* Rujuk *ATL skills* yang dicadangkan dalam *subject guide -ATL* perlu *visible* dalam *student's work*” (Analisis Dokumen 6: Rancangan Tindakan 2019)

Analisis data daripada Cikgu Umar menunjukkan bahawa melalui perancangan kolaboratif, guru-guru boleh berbincang dan memeriksa perancangan *SGO* dan Rancangan Unit yang telah dirangka. Semasa perbincangan tersebut Penyelaras *MYPIB* akan memberi tunjuk ajar dan teguran bagi membetulkan kesalahan yang terdapat dalam dokumen perancangan kurikulum memandangkan dalam sistem *MYPIB* guru subjek membuat perancangan sendiri mengikut tahap dan keperluan sekolah dengan merujuk dokumen Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan, Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan serta *DSKP*. Situasi ini masih baharu kerana sebelum ini, guru-guru

menerima sahaja perancangan tahunan daripada JPN. Perubahan ini turut dirasai oleh Cikgu Wardah yang merupakan guru baharu. Walau bagaimanapun, Cikgu Wardah menerima hal ini secara positif dan menyatakan bahawa melalui perancangan kolaboratif, beliau boleh belajar dan berbincang tentang perkara yang kurang difahami. Cikgu Dina pula menyatakan bahawa perancangan kolaboratif mengambil masa yang lama, namun guru-guru lebih faham kerana mereka sendiri yang membuat perancangan kurikulum tersebut.

4.5.1.3.2 Jadual Pelaksanaan Perancangan Kolaboratif

Dalam analisis data temu bual seterusnya, kategori peruntukan masa pelaksanaan perancangan kolaboratif dikenal pasti apabila lima daripada peserta kajian iaitu Cikgu Solehah, Cikgu Umar, Cikgu Insyirah, Cikgu Ain dan Cikgu Wardah memberi maklumat berkenaan peruntukan masa untuk pelaksanaan perancangan kolaboratif. Data yang diperolehi adalah seperti berikut:


"Jadi, di sini untuk sekolah ni, guru-guru terlibat dalam perancangan kolaboratif, dua kali dalam satu bulan. Ataupun setiap dua minggu sekali. Jadi, semasa sesi perancangan kolaboratif ni, mula dulu akan berbincang untuk membuat penambahbaikan lah. Okay, penambahbaikan kepada perancangan PdP yang dibuat termasuklah semua aspek, semua komponen yang dalam perancangan pengajaran, yang kita panggil sebagai *SGO* dan *Unit Plan* tu. (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

Kalau dari segi jadual tu kita dekat sini diadakan pada setiap petang Selasa ataupun kadang-kadang buat pada hari Sabtu yang pertama dan ketiga mengikut kesesuaian masa. (Temu bual 1: Cikgu Umar)

Ada juga, tapi tahun ni sebab kekangan covid ni, jadi kami jaranglah nak buat *collaborative planning* ni. Tapi kalau sebelum ni ada. Setiap bulan tu akan jumpa lah. Dalam dua minggu sekali. Petanglah selalunya. (Temu bual 1: Cikgu Insyirah).

“Okay, kita ada taklimat dalam *collaborative planning* dari semasa ke semasa. Collaborative planning tu, kita ada jadual dua minggu sekali. Pada awal dan hujung tahun khususnya, diberi penekanan suruh cikgu semak semula *SGO* dan *Unit Plan* yang dilakukan dan adakah *ATL* yang dicadangkan tu diterapkan kepada pelajar.” (Temu bual 2: Cikgu Ain)

Untuk jangka masa yang dekat tu yalah kita sama-sama cikgu Tingkatan 4 berbincang tapi kalau jangka masa panjang tu awal-awal tahun ka awal penggal ka kita bincanglah biasanya kalau cikgu menengah atas kita bincang sama-sama menengah atas la. (Temu bual 2: Cikgu Wardah)




“Waktu perjumpaan yang diperuntukkan digunakan untuk merancang dan membuat refleksi terhadap perancangan kemahiran *ATL* dalam kurikulum bertulis. (Analisis dokumen 3: Panduan Pengiktiran *MYPIB*, Hlm. 28)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, peserta kajian sependapat menyatakan bahawa terdapat jadual perancangan kolaboratif yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah iaitu pertemuan diadakan sebanyak dua kali sebulan ataupun setiap dua minggu sekali. Kebiasaannya perancangan kolaboratif diadakan pada setiap petang Selasa. Dalam keadaan tertentu, perancangan kolaboratif diadakan pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga. Pada awal dan hujung tahun khususnya, perancangan kolaboratif merupakan agenda yang penting diberi penekanan kerana guru-guru akan menyemak semula *SGO*, *Unit Plan* dan kemahiran pendekatan pembelajaran yang akan dilaksanakan pada keseluruhan tahun tersebut.

Perancangan kolaboratif juga menjadi medan untuk Penyelaras *MYPiB* untuk memberi taklimat dan maklumat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, peserta kajian menyatakan bahawa kekangan covid-19 menyebabkan perancangan kolaboratif tidak dapat dijalankan seperti dalam jadual iaitu dua minggu sekali. Terdapat dua jenis perancangan kolaboratif yang diamalkan di sekolah ini iaitu perancangan kolaboratif mengikut panitia iaitu perbincangan sesama guru Bahasa Melayu dan perbincangan antara guru yang mengajar tingkatan yang sama contohnya guru-guru tingkatan empat yang dijalankan pada hari Selasa dua minggu sekali serta perancangan kolaboratif untuk keseluruhan guru biasanya dibuat pada awal pembukaan sekolah atau setiap awal semester. Keperluan kepada peruntukan masa untuk melakukan perancangan kolaboratif dinyatakan dalam Panduan Pengiktirafan *MYPiB* juga.

Berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual, melengkapkan cerita dan analisis dokumen, terbinalah tema ketiga dalam proses perancangan iaitu tema 3: proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS Dilaksanakan Semasa Perancangan Kolaboratif seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.12:



Rajah 4.12 Tema 3: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dilaksanakan Semasa Perancangan Kolaboratif

4.5.1.4 Tema 4: Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Dirancang Secara Terperinci

4.5.1.4.1 Perancangan Berdasarkan Pemeringkatan

Menurut data temu bual Cikgu Insyirah selaku Ketua Panitia Bahasa Melayu dan Cikgu Solehah sebagai Penyelaras *MYPIB*, perancangan yang dibuat mestilah terperinci dan mengikut pemeringkatan:

“Perancangan, maksudnya kita tidak boleh ambil mudah, buat saja apa sahaja yang terkandung, pada saya tanpa perancangan yang teliti, dia sangat mengganggu kelancaran proses penerapan kemahiran *ATL*. Saya dah maklumkan dalam perjumpaan panitia sebagainya, kita kena rancang awallah, maknanya perancangan kena teliti.” (Temu bual 1: Cikgu Insyirah).

“Semasa verifikasi, dia tanya jugak macam mana kita ajar *ATL* tu, Dia bagi *recommendation*, ya betoi cikgu buat macam ni, tapi dia nak kita perinci lagi, yang nak mai pulak ni, dia nak tengok perincian tu, perancangan tu mesti terperinci contohnya kepada cikgu bahasa, dari tingkatan satu dia nak tengok perkembangan, tengok pemeringkatan. (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

Dalam temu bual tersebut, Cikgu Insyirah menyatakan bahawa guru-guru tidak boleh mengambil mudah proses perancangan. Ahli panitia Bahasa Melayu perlu melakukan perancangan awal dan dilakukan dengan teliti supaya tidak mengganggu kelancaran proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Seterusnya, Cikgu Solehah menjelaskan tentang laporan verifikasi 2017 yang meminta pihak sekolah membuat perancangan lebih terperinci dan memberi fokus kepada perkembangan dan pemeringkatan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran termasuk untuk subjek Bahasa Melayu.

4.5.1.4.2 Perancangan Mengikut Tahap Murid

Seterusnya, berdasarkan analisis data temu bual, kategori yang muncul daripada tema proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran berbeza mengikut tahap murid:

"Kena ada perancangan yang berbeza. Tak boleh perancangan yang samalah untuk setiap kelas tu. Ada pelajar yang lemah, ada pelajar yang pandai, pelajar yang sederhana. Jadi, kena adakan perbezaanlah dari segi aktiviti-aktiviti tulah. Kumpulan memang kena bezakanlah." (Temu bual 2: Cikgu Dina)

"Kemahiran *ATL* yang diterapkan tu, kalau kita tak buat perancangan, kita tak nampak adakah kita merancang aktiviti tu sesuai dengan tahap. Kalau kita tak duduk dan tengok betul-betul, dia punya kemahiran tu, mungkin kemahiran yang sama juga diterap dan diulang. Sepatutnya perlu rancang ikut tahap yang berbeza." (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

"... dalam setiap *Unit Plan*, memang kita ada perancangan kemahiran *ATL*, tetapi perancangan yang kita nak rancang dalam setiap tingkatan tu perlu jugak mengambil kira setiap aras murid." (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

Perancangan yang berbeza mengikut tahap murid amat penting bagi memastikan semua murid dapat menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan. Cikgu Dina berpendapat sedemikian kerana terdapat kelas yang mewakili murid yang lemah, yang pandai dan yang sederhana. Perbezaan yang dimaksudkan oleh Cikgu Dina merujuk kepada aktiviti-aktiviti penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Maklumat yang disampaikan oleh Cikgu Solehah menyokong perancangan yang berbeza untuk tahap murid yang berbeza. Cikgu Solehah juga menekankan bahawa proses perancangan amat penting untuk merancang aktiviti yang sesuai dengan tahap murid.


Berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual, melengkapkan cerita dan analisis dokumen, terbinalah tema ketiga dalam proses perancangan iaitu proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dilaksanakan semasa perancangan kolaboratif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.13:



Rajah 4.13 Tema 4: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dirancang Secara Terperinci.

Berdasarkan rajah 4.13, tema yang terhasil ialah proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dirancang secara terperinci. Tema ini terhasil berdasarkan analisis kod-kod awalan yang membentuk dua kategori iaitu perancangan berdasarkan pemeringkatan dan perancangan mengikut tahap murid.

Seterusnya, rajah 4.14 memaparkan analisis tematik keseluruhan proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.



Rajah 4.14 Analisis Tematik Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Rajah 4.14 menunjukkan proses analisis tematik yang menyeluruh tentang perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS. Proses analisis data yang sistematik menggunakan perisian *ATLAS.ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk empat tema iaitu pertama, proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menerusi kurikulum bertulis, kedua proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan rujukan utama, ketiga proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dilaksanakan semasa perancangan kolaboratif dan keempat proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dirancang secara terperinci.

Empat tema yang terhasil ini berjaya menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM? Walau bagaimanapun, disebabkan laporan dapatan kajian ini dibuat secara terperinci, maka huraian dan jadual dibuat secara berasingan antara perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Huraian dan jadual pada bahagian ini hanya menunjukkan proses perancangan. Manakala proses pelaksanaan dan refleksi akan dihuraikan secara terperinci dalam penulisan berikutnya.

4.5.2 Proses Pelaksanaan

Seterusnya, pada bahagian ini penyelidik melaporkan dapatan kajian berkaitan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang memberi fokus kepada bahagian pelaksanaan.

4.5.2.1 Tema 1: Pelaksanaan Berdasarkan Perancangan Kurikulum Bertulis

4.5.2.1.1 Pengajaran Berdasarkan Kurikulum Bertulis

Apabila merujuk kepada pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, guru sebenarnya sudah bersedia kerana mereka telah melalui proses perancangan kurikulum bertulis yang teliti dan berjadual seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Wardah dan Cikgu Insyirah:


“...Ya, penerapan kemahiran *ATL* ni kita laksanakan berdasarkan perancangan kurikulum bertulis, cuma kena sesuaikan dengan aktiviti sebab dalam *Unit Plan* pun kita dah tetapkan kemahiran apa yang nak diajar.” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

"Okay, saya merancang untuk menerapkan kemahiran *ATL* ni dengan menyatakan terlebih dahulu aktiviti dalam *Unit Plan* tersebut. Kemudian, saya telah memasukkan aktiviti *gallery walk* jadi di situ kita dapat ada kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, contoh lagi kerusi panas, kemahiran komunikasi tu ada jadi murid antara murid berkomunikasi yang tu lah. Dan ada lakonan, itu kemahiran sosial kan, jadi yang itulah, maksudnya saya tulis dulu aktiviti tu dan kita masukkan dalam *Unit Plan* untuk setiap minggu. Jadi, sekurang-kurangnya apabila kita nak adakan PdPc tu bukak yang tu, oh yang ni tau dah. Untuk KOMSAS ni, apa dia, kemahiran apa, aktiviti apa, macam itulah.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

“...berdasarkan perancangan tersebut, saya pun melaksanakanlah proses PdP sebagaimana yang dirancang.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Berdasarkan analisis data temu bual Cikgu Wardah, Cikgu Insyirah dan Cikgu Dina sebelum ini, proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran menjadi lebih mudah dan terancang kerana guru telah bersedia awal dengan menghasilkan perancangan kurikulum bertulis seperti Rancangan Unit.

Melalui proses analisis data secara tematik menggunakan perisian *ATLAST-ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk tema pertama bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Proses analisis data ini ditunjukkan dalam Rajah 4.15 berikut:



Rajah 4.15 Tema 1: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Perancangan Kurikulum Bertulis

4.5.2.2 Tema 2: Pelaksanaan Secara Eksplisit

4.5.2.2.1 Penjelasan Tentang Kemahiran Pendekatan Pembelajaran pada Awal Sesi Pengajaran

Apabila temu bual berkaitan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dijalankan, peserta kajian menyebut tentang pengajaran secara eksplisit iaitu murid dimaklumkan tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan dalam pengajaran. Berikut data yang menyebut tentang tema ini:

“Baik, untuk penerapan kemahiran *ATL* ini, guru-guru diminta untuk untuk memaklumkan kepada murid terlebih dahulu *ATL* yang akan diterapkan, begitu juga dengan komponen-komponen lain, yang ada dalam *Unit Plan* seperti *key concept*, *related concept*, *global context* dan juga *statement of inquiry*. Jadi, perkara ini perlu dimaklumkan kepada murid dan kita juga mohon kepada guru untuk mencatatkan perkara-perkara ni di *whiteboard*, di papan putih.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Jadi guru boleh kata “hari ni kemahiran *ATL* yang saya nak tekankan ialah kemahiran berfikir” jadi, guru terangkan sedikit apa maksud kemahiran berfikir dan gunakan dalam pdp. Pelajar akan faham, dalam pengajaran hari ni, cikgu melaksanakan penerapan kemahiran berfikir. (Temu bual 1: Cikgu Ain)

Data yang dianalisis menunjukkan proses pertama dalam pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah guru perlu memberitahu murid tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang akan diterapkan sebelum memulakan sesi pengajaran. Selain memberitahu murid secara lisan, guru juga perlu mencatatkan kemahiran pendekatan pembelajaran di papan putih bagi memastikan murid fokus kepada kemahiran pendekatan pembelajaran yang ingin diterapkan dalam sesi PdPc tersebut.

4.5.2.2.2 Kepentingan Pengajaran Secara Eksplisit

Tema pengajaran secara eksplisit juga ada dinyatakan dalam DSKP KSSM Bahasa Melayu Tingkatan Empat seperti berikut:

“KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan KBAT dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid.” (Analisis Dokumen 4: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 11)

Seterusnya peserta kajian melanjutkan maklumat dengan menjelaskan kepentingan pengajaran secara eksplisit dilaksanakan seperti yang dicatatkan dalam data berikut:

“Dia *specialnya* kemahiran *ATL* ni, benda ini diterap, wajib diterap kepada murid, dan murid-murid mengetahui tentang kemahiran-kemahiran yang diterap kepada mereka. Itu yang *specialnya*, murid diberitahu. Okay, kalau banding dengan sebelum ini, murid tidak sedar bahawa kemahiran tu diterapkan kepada mereka, tapi untuk *MYPIB*, murid diberitahu. Dan kemahiran *ATL* ini dirancang terlebih dahulu. Perlu ada satu perancangan yang rapi seperti yang saya katakan tadi tu.” (Temu bual 1: Cikgu Solehah)

“Bagi saya, memberi kesedaran awal tentang kemahiran *ATL* sebelum memulakan pengajaran sangat membantu sebab kalau pelajar sedar dan dapat kuasai kemahiran tersebut, pelajar boleh bergerak sendiri untuk *explore* sendiri bahan maklumat.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“Okay “harini kita nak belajar kemahiran berkomunikasi dalam kumpulan, ni contoh-contoh komunikasi.” Sepatutnya pada masa tersebut murid dah tahu menilai diri dia sendiri dari semasa ke semasa. Adakah dia sudah menguasai kemahiran tersebut atau masih pada peringkat pembelajaran? Semua ni ditekanlah semasa mengajar.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

“Semua guru di sekolah *MYPIB* bertanggungjawab untuk mengintegrasikan dan mengajar kemahiran *ATL* secara eksplisit. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 64)

Kesimpulannya, peserta kajian faham akan kepentingan memaklumkan atau memberi tahu murid tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang ingin diterapkan sebelum memulakan setiap sesi pengajaran. Cikgu Solehah menjelaskan bahawa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB* sangat istimewa kerana proses pengajaran secara eksplisit ini wajib dilaksanakan oleh guru dan murid

mengetahui tentang kemahiran-kemahiran yang diterap kepada mereka kerana sebelum ini, murid tidak sedar akan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan kepada mereka. Bagi Cikgu Wardah pula, tindakan guru memberi kesedaran awal tentang kemahiran pendekatan pembelajaran sebelum memulakan pengajaran sangat membantu kerana apabila murid sedar dan dapat menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran tersebut supaya mereka boleh bergerak sendiri untuk mencari bahan atau maklumat. Seterusnya, Cikgu Dina menjelaskan bahawa melalui pengajaran secara eksplisit ialah murid boleh menilai tahap penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran masing-masing. Kewajipan untuk melaksanakan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara eksplisit telah dinyatakan dalam dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan juga.

Melalui proses analisis data secara tematik menggunakan perisian *ATLAST-ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk tema kedua bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Proses analisis data ini ditunjukkan dalam Rajah 4.16.



Rajah 4.16 Tema 2: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Secara Eksplisit

4.5.2.3 Tema 3: Pelaksanaan Secara Berpusatkan Murid

4.5.2.3.1 Murid Menggunakan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran Secara Aktif dalam Aktiviti Pembelajaran

Dalam analisis data seterusnya, peserta kajian menyatakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang memberi fokus kepada pengajaran berpusatkan murid.

Dapatan kajian adalah seperti berikut:

“Melalui penerapan kemahiran *ATL*, guru-guru melaksanakan pdpc dalam kelas yang berpusatkan pelajar. Jadi guru melibatkan semua pelajar, dan pelajar diberi peluang untuk berbincang dan berkolaboratif sesama rakan. Kemudian melalui aktiviti-aktiviti juga boleh membantu pelajar dalam kelas. Contohnya aktiviti *gallery walk*, jadi pelajar boleh berkomunikasi sesama rakan antara kumpulan atau individu dan individu melalui *think and share*. Jadi ini boleh menjana idea pelajar dan boleh meningkatkan daya pemikiran pelajar yang kreatif sebab mereka boleh bertukar pendapat atau pandangan sesama rakan.” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

“Cara paling berkesan untuk membangunkan kemahiran *ATL* ialah melalui penglibatan pelajar dalam pembelajaran ataupun pengajaran berpusatkan pelajar. Jadi, pelajar melibatkan dirilah dalam pembelajaran mereka melalui penyelidikan, komunikasi jadi pelajar itu sendiri terlibat. Kemudian melalui pentaksiran formatif.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Pelajar dia tidak jemu, dia lebih aktif, kalau kita fokus kepada pelajar yang buat. Mereka lebih faham apa yang dipelajari, mereka buat sendiri, mereka cari sendiri, mereka *explore* sendiri jadi lebih faham dan saya rasa objektif tu dalam 70 peratus boleh tercapailah sebab budak- budak seronok dan lebih faham. (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“Saya bagi peluang kepada mereka untuk berpantun, bersajak, bersyair secara individu atau berkumpulan.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Data temu bual yang diperoleh daripada Cikgu Umar, Cikgu Insyirah, Cikgu Wardah dan Cikgu Dina menunjukkan bahawa guru-guru melaksanakan pengajaran berpusatkan murid dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran mereka. Pengajaran berpusatkan murid dikatakan sebagai cara paling berkesan untuk membangunkan kemahiran pendekatan pembelajaran dan meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran. Semasa pengajaran berpusatkan murid dilaksanakan, guru-guru mementingkan penglibatan murid. Murid diberi peluang untuk berbincang dan berkolaboratif sesama rakan, menjana idea, melibatkan diri dalam penyelidikan dan berkomunikasi untuk pembelajaran sendiri. Murid juga berpeluang untuk berpantun, bersajak, bersyair secara individu atau berkumpulan. Secara keseluruhannya, pengajaran berpusatkan murid dapat meningkatkan daya pemikiran yang kreatif, murid menjadi lebih aktif, lebih faham, tidak jemu dan lebih seronok untuk belajar.

Pelaksanaan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran berpusatkan murid juga selaras dengan panduan yang tercatat dalam DSKP seperti berikut:

“PdP dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid. Pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.” (Analisis dokumen 8: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4, Hlm. 18)

Berdasarkan data analisis dokumen DSKP, PdP mestilah dilaksanakan secara berpusatkan murid yang akan membolehkan murid berinteraksi dan menguasai pendekatan pembelajaran mengikut keupayaan sendiri serta dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.

4.5.2.3.2 Guru sebagai Fasilitator

Bagi menjayakan pengajaran berpusatkan murid, guru harus berperanan sebagai fasilitator dengan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka kemahiran pendekatan pembelajaran yang diperkenalkan dalam pengajaran. Berikut data yang telah dianalisis:

“Proses pengajaran berpusatkan muridlah. Maksudnya, murid sendiri yang akan cari maklumat, tetapi isu dan cabarannya apabila maklumat yang mereka peroleh tu salah. Jadi, sebagai fasilitator, guru akan memberi panduan dan juga tunjuk ajarlah, dan betulkan maklumat-maklumat yang salah. Semuanya kita beri kelonggaran kepada murid untuk mencari maklumat, menyampaikan maklumat, dan menentukan dan juga membuat refleksi. Kesimpulannya berpusatkan muridlah dan cikgu sebagai fasilitator.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“Okay, contohnya kalau untuk aktiviti yang melibatkan mereka memberi pendapat, menyatakan idea dan jika saya dapati mereka gagal untuk berbuat demikian, jadi saya akan merangsang mereka melalui soalan supaya mereka sekurang-kurangnya boleh berfikir secara dipandu oleh seorang guru..” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah)

"Okay, sebut tentang kemahiran menyusun masa, murid-murid dapat mematuhi masa yang ditetapkan sesuailah untuk tempoh satu jam, bagi satu-satu masa tu setelah dipandu oleh guru. Jadi, untuk melakukan penyelidikan atau mencari maklumat, kita tetapkan masa.” (Temu bual 1: Cikgu Dina)

Setelah proses analisis kod awalan dilakukan, kategori guru sebagai fasilitator muncul apabila Cikgu Wardah menyebutkan dengan jelas bahawa dalam proses pengajaran berpusatkan murid, guru berperanan sebagai fasilitator iaitu memberi peluang kepada murid mencari maklumat sendiri. Sekiranya terdapat cabaran dari segi kesalahan maklumat, sebagai fasilitator, guru akan memberi panduan, tunjuk ajar dan membetulkan maklumat-maklumat yang salah. Data daripada Cikgu Insyirah dan Cikgu Dina walaupun tidak disebutkan dengan jelas perkataan fasilitator, namun proses yang dilakukan menunjukkan mereka berperanan sebagai fasilitator iaitu guru akan merangsang murid melalui soalan supaya murid boleh berfikir secara dipandu oleh seorang guru. Sebagai fasilitator, guru berperanan untuk membimbing murid untuk merancang penggunaan masa yang baik.

4.5.2.3.3 Belajar dalam Kumpulan

Secara umumnya, selain memainkan peranan sebagai fasilitator, guru-guru juga sering melaksanakan pengajaran secara dalam kumpulan seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

"Saya selalu melaksanakan aktiviti berkumpulan, contohnya aktiviti berkumpulan di mana pelajar perlu berinteraksi dan memberi pendapat dalam kumpulan, melantik ketua dan memilih wakil untuk membuat perkongsian dengan kumpulan lain. Itu satu contoh mudah untuk menerapkan kemahiran komunikasi." (Temu bual 1: Cikgu Ain)

"Kadang-kadang saya mintak pelajar yang agak cerdas atau pandai tu masuk dalam kumpulan yang lemah. Jadi, dia sebagai tutorlah, pemudah caralah, bantu rakan-rakan yang lain." (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Menurut Cikgu Ain dan Cikgu Dina, melalui aktiviti berkumpulan murid dilatih untuk berinteraksi dan memberi pendapat dalam kumpulan, melantik ketua dan memilih wakil untuk membuat perkongsian dengan kumpulan lain. Kadang kala murid yang lebih cerdas dilantik sebagai tutor untuk membantu rakan sekumpulan. Melalui aktiviti sebegini penerapan kemahiran komunikasi dilaksanakan.

Seterusnya data menunjukkan cara guru-guru membina kumpulan:

"Kalau ikut keperluan *MYPIB* ni, kumpulan tu sentiasa diubah-ubah, bukan kumpulan yang sama, sebaiknya kumpulan pelajar tu kita kena sesuaikan dengan aktiviti yang kita buat. Biasanya ada kumpulan yang kita pilih secara rawak, ada yang berdasar kepada dia punya minat, ada berdasarkan dia punya pencapaian, kita bahagi mengikut tahaplah." (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

"Dia ada banyak caralah kalau dari segi kumpulan tu dia sama ada kita buat kumpulan ni untuk kita nak menilai dari segi bakat, ok kumpulan ni berbakat melukis kita buat satu kumpulan. Kumpulan ni, dia berbakat untuk bentang, berkomunikasi dengan baik, kita buat satu kumpulan, boleh juga macam tu ataupun dengan cara lain kita campur dalam satu kumpulan, kita campur ada yang pandai melukis ada yang pandai bentang ada yang pandai memimpin ada yang pandai berkarya, boleh jugalah banyak caralah untuk kita nak atasi perbezaan mereka tu kan." (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“Ok, saya mengikut latar belakang pelajar kemudian mengikut bakat yang ada contoh pelajar ada bakat apa-apa kita bagilah ikut bakat. Jadi di situ ada perbezaanlah kalau pelajar tu berbakat dalam deklamasi sajak ka, berlakon kita bagi kat dia macam tulah tu dari segi perbezaan dialah dari segi kepimpinan kalau kita nampak dia ada bakat memimpin kita bagilah dia jadi pemimpin atau ketua dalam kumpulan, kalau dia tu berbakat dalam berkarya kita bagilah dia buat sajak bagi satu tema yang lebih kurang sama dengan yang ini suruh dia buat sajak yang mudah-mudah la.” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

Menurut data yang telah dinyatakan, guru-guru melaksanakan pengajaran *MYPIB* ini melalui aktiviti berkumpulan. Guru-guru akan sentiasa mengubah kedudukan ahli kumpulan berdasarkan beberapa kesesuaian aktiviti yang dilaksanakan. Ada ahli kumpulan dipilih secara rawak dan pilihan tertentu berdasarkan minat, bakat, pencapaian, tahap, kepimpinan dan latar belakang murid.

4.5.2.3.4 Pengajaran di Luar Bilik Darjah

Analisis data seterusnya menghasilkan kategori tiga iaitu pengajaran di luar bilik darjah. Data tersebut adalah seperti berikut:

“Kita juga ada menerapkan pembelajaran KOMSAS dalam aktiviti-aktiviti luar seperti *Service As Action (SAA)*. Sebagai contoh, kita mengadakan aktiviti deklamasi sajak, bersyair dan berdrama di rumah anak yatim. Ada juga aktiviti atau persembahan yang dilakukan semasa perhimpunan atau di sudut pengucapan awam dan pameran seperti yang diwajibkan oleh pihak *MYPIB*. Di situ, para pelajar diberi pendedahan untuk menggunakan kemahiran *ATL* di luar daripada bilik darjah malah juga di luar daripada sekolah.” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

“Aktiviti luar bilik darjah juga dijalankan seperti bersyair, bersajak, drama dan berpantun, banyak melibatkan kemahiran komunikasilah.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Berdasarkan data yang diberikan oleh Cikgu Umar dan Cikgu Dina menunjukkan bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS bukan sahaja dilaksanakan di dalam kelas, malah pengajaran dilaksanakan di luar kelas. Cikgu Umar menjelaskan bahawa aktiviti pengajaran KOMSAS di luar bilik darjah menyediakan peluang besar untuk murid memperoleh dan mengembangkan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Hal ini selaras dengan data yang diperolehi daripada analisis dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan dan Laporan Verifikasi 2017 seperti berikut:

“Pendidikan di luar bilik darjah menyumbang kepada pelbagai matlamat sosial penting yang dapat menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan, tingkah laku prososial dan perpaduan komuniti.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, ms 75)

“Guru mestilah merangka pengalaman pembelajaran yang menyediakan murid dengan pelbagai keperluan bagi mencapai matlamat dan objektif kumpulan subjek.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, ms 75)

Recommendations: Teachers should further adapt learning experiences to develop student attitudes and skills that allow for meaningful student action that is connected to the curriculum and goes beyond the local community. (Analisis Dokumen 4: MYP Authorization, 30 Oktober 2017)

Data daripada analisis dokumen ini menunjukkan bahawa *MYPIB* mementingkan pelaksanaan pengajaran yang menyumbang kepada pelbagai matlamat sosial, merangka pengalaman pembelajaran yang menyediakan murid dengan pelbagai keperluan bagi mencapai tujuan pembelajaran subjek malah persediaan mereka untuk bermasyarakat.


Selain itu, Cikgu Umar menyatakan bahawa aktiviti penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di luar bilik darjah memberi kelebihan kepada murid di sekolah *MYPIB* berbanding sekolah biasa. Hal ini dikatakan demikian berdasarkan data berikut:

“Pada pandangan sayalah jika dilihat kepada perkembangan pelajar-pelajar sekolah ini, ada perubahanlah. Ada sedikit kelainan berbanding sekolah-sekolah biasa dari segi kemahiran-kemahiran yang mereka peroleh semasa aktiviti di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah.” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

Jelaslah di sini bahawa keseluruhan data daripada kategori pengajaran di luar bilik darjah menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu di sekolah *MYPIB* ini bukan hanya menumpukan kepada pengajaran di dalam bilik darjah, malah guru-guru secara kreatif merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi pengajaran KOMSAS menerusi medium aktiviti di luar kelas. Pelaksanaan pengajaran sebegini memberi kelebihan kepada murid berbanding sekolah harian.

Melalui proses analisis data secara tematik menggunakan perisian *ATLAST-ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk tema ketiga bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam

pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM? Proses analisis data ini ditunjukkan dalam Rajah 4.17



Rajah 4.17 Tema 3: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Secara Berpusatkan Murid.

4.5.2.4 Tema 4: Pelaksanaan Berdasarkan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan

Seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian perancangan, merujuk kepada Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan, terdapat petunjuk kemahiran khas yang disarankan

oleh pihak *MYPIB* untuk diterapkan semasa pengajaran. Data berikut menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dilakukan oleh guru-guru berdasarkan petunjuk kemahiran:

4.5.2.4.1 Kemahiran Komunikasi Menggunakan Pelbagai Media untuk Berhubung dengan Pelbagai Kumpulan Sasaran

Berikut data temu bual yang menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran komunikasi menggunakan pelbagai media untuk berhubung dengan pelbagai kumpulan sasaran dalam pengajaran KOMSAS:

“Kemahiran berkomunikasi, emm maksudnya menggunakan pelbagai media. Tak kiralah media apa, media sosial ka, literasi maklumat untuk berhubung dengan pelbagai pembelajaran. Kalau macam mereka nak mencari maklumat tu contohnya dalam prosa tradisional mereka menggunakan rangkaian media sosial, contohnya mereka nak cari perkataan yang mereka tak faham dalam prosa tradisional tu, mereka sama ada cari dalam laman web atau pun mereka berbincang dalam laman sosial, tak semestinya dengan kawan-kawan sekolah yang sama sahaja. Mereka boleh berhubung dengan pelajar sekolah lain juga. Mereka berbincang” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“Ada waktu-waktu tertentu, murid akan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti bersyair, bersajak, drama dan berpantun. Mereka akan merakam tugas dan dihantar melalui WhatsApps kelas. Murid yang lain akan memberi komen. Aktiviti ni melibatkan kemahiran komunikasi melalui media.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Temu bual dengan Cikgu Wardah dan Cikgu Dina menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran komunikasi dalam pengajaran KOMSAS dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai media seperti rangkaian media sosial dan aplikasi *WhatsApp*.

4.5.2.4.2 Kemahiran Sosial - Mendengar Secara Aktif Perspektif dan Idea Orang Lain

Berikut data temu bual yang menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran sosial berfokus kepada mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain berfikir dalam pengajaran KOMSAS:

"Kemahiran sosial mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain ni maksudnya apabila kita meminta murid membuat pembentangan, contoh untuk aktiviti *gallery walk*, jadi dari situ ada murid yang mampu membuat penerangan, dan ada yang memberi refleksi. Maksudnya mereka boleh nyatakan alasan dan mereka dapat memberi refleksi tersebut tepatlah. Maksudnya mereka saling membantu secara aktif dan juga melibatkan kemahiran sosial. (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

"Dalam KOMSAS contohnya, baru ni saya ajar seloka, Berbuat Istana Zaman Dahulu. Jadi, dari situ target saya nak mereka ni diterapkan dengan kemahiran sosial. Bila, melibatkan kemahiran sosial, saya mintak mereka berseloka. Jadi masalah timbul, cikgu seloka tu macam mana. Jadi, saya bagitau, apa yang cikgu pelajari semasa di Institut Bahasa tu, macam ni lah cara seloka, jadi saya tunjuk lah saya berseloka dalam dua tiga baris macam tu, okay baik. Kemudian dari situ, mereka cuba untuk berseloka. Seterusnya, saya bagi peluang untuk mereka berbincang dan boleh tukar melodi. Kita boleh melagukan seloka tadi ikut kreativiti masing-masing. Jadi, kemahiran sosial diterapkan dan murid belajar mendengar pendapat orang lain dan kawan-kawan yang lain pun memberi perangsang untuk murid berkarya. okay dari situ, kemudian saya suruh mereka tutup buku dan ceritakan maksud berdasarkan seloka yang mereka pelajari." (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

"Dari segi kemahiran sosial murid juga sangat terbuka iaitu *open-minded*. Apabila kita meminta mereka membuat aktiviti berkumpulan dan mereka boleh bercampur antara satu sama lain, mereka berkomunikasi dengan baik. Seterusnya mereka juga boleh interaksi secara sopan sekiranya tidak bersetuju dan dia juga boleh mendengar dan menerima idea orang lain." (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

Apabila menganalisis data berkaitan pelaksanaan pengajaran KOMSAS, Cikgu Insyirah selaku Guru Cemerlang dan Ketua Panitia Bahasa Melayu sangat aktif menceritakan penerapan kemahiran sosial mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain yang telah dilakukan oleh beliau. Antara aktiviti pengajaran yang dilaksanakan oleh beliau ialah gallery walk dan berseloka. Selain itu, Cikgu Wardah juga berkongsi impak penerapan kemahiran sosial yang dilaksanakan iaitu murid sangat terbuka, boleh bergaul dengan baik antara satu sama lain, boleh berinteraksi secara sopan sekiranya tidak bersetuju dan dia juga boleh mendengar dan menerima idea orang lain semasa aktiviti pengajaran dilaksanakan.

4.5.2.4.3 Kemahiran Berfikir - Menilai Bukti dan Hujah

Berikut data temu bual yang menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran berfikir berfokus kepada menilai bukti dan hujah dalam pengajaran KOMSAS:

"Berpikir secara kritis. Okay, baik kalau merujuk kepada aspek pembelajaran KOMSAS, contoh soalan pemahaman, yang mengkehendaki pelajar untuk memberi idea sendiri. Soalan, kalau tajuk Burung Terbang Dipipiskan Lada, dia berkait dengan kebijaksanaan pemimpin, jadi apabila kita mahu merangsang atau membangkitkan inkuiri murid, kita boleh memberi soalan di luar daripada cerita tadi. Contohnya apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin yang disegani? Jadi, berdasarkan soalan tersebut murid akan berfikir dan berhujah. Jawapan tidak terikat dengan isi cerita tersebut sebaliknya murid boleh kaitkan dengan pemimpin di Malaysia atau skop yang lebih kecil, pemimpin di sekolah macam itulah. Jadi, kita mahu merangsang pemikiran murid untuk beri bukti dan hujah masa mengajar KOMSAS lah." (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Melalui contoh pengajaran KOMSAS yang diberikan oleh Cikgu Insyirah menunjukkan guru berusaha untuk menerapkan kemahiran berfikir yang berfokus kepada menilai bukti dan hujah. Murid dilatih untuk mengaitkan kandungan pelajaran dengan situasi sebenar dan perlulah boleh memberikan bukti dan hujah semasa menjawab soalan guru.

4.5.2.4.4 Kemahiran Pengurusan Diri - Menyimpan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik.

Berikut data temu bual dan melengkapkan cerita yang menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran pengurusan diri yang berfokus kepada menyimpan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik dalam pengajaran KOMSAS:

“Kalau macam pengurusan diri seperti dapat menguruskan masa dan tugas seperti dia tahu macam mana nak susun bahan-bahan yang dia dapat dari segi sistem *failing*.” (Temu bual 1: Cikgu Wardah)

“...kita terapkanlah kemahiran pengurusan diri semasa kita mengkaji novel, murid dilatih bagaimana menguruskan bahan itu sendiri macam mana menyediakan fail ataupun sebagainya. Jadi pengurusan bahan pun masuk jugalah dalam pengurusan diri” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

Cikgu Wardah dan Cikgu Dina melaksanakan penerapan kemahiran pengurusan diri dengan meminta murid menyusun bahan-bahan pelajaran dalam bentuk fail dan menyimpan maklumat secara tersusun.

4.5.2.4.5 Kemahiran Penyelidikan - Mencari pelbagai perspektif daripada sumber yang pelbagai dan berbeza.

Berikut data temu bual dan melengkapkan cerita yang menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran penyelidikan yang berfokus kepada mencari pelbagai perspektif daripada sumber yang pelbagai dan berbeza dalam pengajaran KOMSAS:


“Pelajar biasanya menggunakan Internet untuk mencari bahan. Sekarang ni pelajar bukan malas tapi kurang menggunakan buku macam zaman kita dulu, sekarang mereka lebih suka Internet.”
(Temu bual 2: Cikgu Dina)

Apabila menjawab soalan berkenaan kemahiran penyelidikan, saya dengan yakin akan memberitahu perkembangan pelajar saya yang apabila diberi assessment pun, murid dah makin pandai cari maklumat daripada pelbagai sumber. Mereka tampak lebih mahir dan bersedia sekarang. (Melengkapkan Cerita: Cikgu Wardah)

“Pelajar pun, pandai mencari maklumat menggunakan bahan bercetak, media elektronik dan sebagainya untuk menyiapkan tugas KOMSAS” (Temu bual 2: Cikgu Umar)

Cikgu Dina menjelaskan bahawa murid biasanya menggunakan Internet untuk mencari bahan dan sudah kurang menggunakan buku. Cikgu Wardah dan Cikgu Umar sependapat bahawa murid sudah semakin pandai mencari maklumat daripada pelbagai sumber bahan bercetak dan media elektronik untuk menyiapkan tugas KOMSAS.


Bagi memudahkan penyampaian dapatan kajian yang merujuk tema keempat iaitu proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menggunakan petunjuk kemahiran bahasa dan kesusasteraan, dapatan kajian dipaparkan dalam Rajah 4.18.



Rajah 4.18 Tema 4: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Menggunakan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan.

Apabila dianalisis secara teliti, dapatan kajian menunjukkan guru-guru melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan buku Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan yang dibekalkan oleh pihak *IB World School*.

Seterusnya, melalui rajah 4.19, penyelidik memaparkan keseluruhan analisis tematik yang menunjukkan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.



Rajah 4.19 Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Kesimpulannya, pada peringkat pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, penyelidik berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis secara teliti membentuk kategori yang akhirnya membentuk empat tema bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM? Empat tema yang terbentuk daripada analisis tematik ini ialah pertama, proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan perancangan kurikulum bertulis, kedua proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara eksplisit, ketiga proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara berpusatkan murid dan keempat proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menggunakan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan. Proses analisis data ini ditunjukkan dalam Rajah 4.19.

4.5.3 Proses Refleksi

Bagi menjawab soalan kajian berkaitan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang berfokus kepada refleksi, dua tema telah terbentuk iaitu refleksi dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dan kedua refleksi dilaksanakan untuk penambahbaikan terhadap perancangan dan pelaksanaan pengajaran.

4.5.3.1 Tema 1: Refleksi Dilaksanakan untuk Mendapatkan Maklum Balas

4.5.3.1.1 Refleksi Murid Terhadap PdPc

Apabila analisis data temu bual dan dokumen dilakukan berkenaan pelaksanaan refleksi, didapati peserta kajian menyatakan tentang refleksi yang diminta daripada murid terhadap pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang telah dipelajari dan digunakan oleh murid dalam sesi PdPc. Data temu bual berikut telah dijadikan rujukan:

“...masa akhir kita tanya apa kemahiran yang kamu dapat? Jadi, pelajar tahulah kan kemahiran *ATL* yang diterapkan.” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

“...misalannya selepas masa akhir PdP. Guru akan buat refleksi atau bertanyalah kepada murid sama ada secara verbal atau gunakan struktur tertentu lah seperti traffic light ataupun sticky note.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

Cikgu Wardah menyatakan dalam jawapan temu bual bahawa akan mendapatkan refleksi daripada murid melalui soalan-soalan yang dikemukakan selepas aktiviti pengajaran. Cikgu Insyirah juga menyatakan bahawa refleksi dilaksanakan sama ada secara verbal ataupun menggunakan aktiviti yang menunjukkan refleksi terhadap pengajaran.

4.5.3.1.2 Refleksi Murid Secara Kendiri

Refleksi digunakan untuk melatih murid menilai pencapaian dan perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran secara sendiri. Berikut data berkaitan hal ini:

“...pelajar tu sendiri sepatutnya ada dia punya *handbook* untuk tengok tahap pencapaian dia.” (Temu bual 2: Cikgu Ain)

Seterusnya data yang dipersembahkan dalam bentuk jadual di bawah menunjukkan beberapa data tentang refleksi yang dilakukan oleh murid semasa menyiapkan tugas projek individu:

Jadual 4.3

Analisis data berdasarkan refleksi murid semasa menyiapkan tugas.

Sumber : Analisis dokumen 10: Tugas Individu Murid

Refleksi Murid	Kemahiran ATL
<p>Saya juga menghadapi masalah semasa menghasilkan puisi, kerana tidak mempunyai idea untuk menghasilkan puisi dengan lebih banyak dan berkualiti. Di sini, saya perlu berfikir secara kritis dan kreatif dan menangani masalah dari sudut yang baru untuk mencari penyelesaian dan mencari idea-idea di media sosial. Kemahiran berfikir dapat membantu saya menjalankan projek semasa dalam peringkat penghasilan produk...untuk mencari idea-idea untuk menghasilkan produk saya.</p>	Kemahiran Berfikir
<p>Untuk menjayakan lagi projek yang dijalankan, saya telah menggunakan beberapa <i>ATL skills</i>. Kemahiran pengurusan diri dapat membantu mengurus perkara-perkara seperti masa dan tenaga... saya dapat menyusun masa dan tenaga saya dengan berkesan Saya telah membuat jadual kerja seperti di lampiran 2A, di mana saya merancang tentang kajian yang perlu saya selesaikan berdasarkan tarikh akhir. Secara keseluruhannya, saya fikir projek ini akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap keupayaan pembelajaran masa depan saya kerana pengajaran yang saya dapat. Saya kini lebih menghargai pentingnya membuat perancangan disebabkan pengalaman saya semasa menyiapkan projek ini. Apabila buku saya siap, saya dapat membuat refleksi terhadap proses dan hasilnya.</p>	Kemahiran Penyediaan Diri
<p>Kemahiran penyelidikan perlu dilaksanakan semasa membuat projek ini kerana dapat membantu saya mencari, mengumpul dan menganalisis maklumat yang telah dicari. Kemahiran penyelidikan akan digunakan untuk menunjukkan bukti saya membuat penyelidikan dengan adanya lampiran dan rujukan. Saya menggunakan penyelidikan untuk mencari puisi-puisi yang lebih bagus dan kreatif yang belum pernah saya baca. Saya sedar bagaimana saya boleh menggunakan teknologi dengan berkesan dan produktif.</p>	Kemahiran Penyelidikan

Data yang dianalisis, menunjukkan pemahaman, pelaksanaan dan refleksi bertulis yang dilakukan oleh murid bagi menunjukkan penguasaan terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran yang telah dipelajari.

Refleksi daripada murid ini juga dinyatakan dalam dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan seperti berikut:

“Apabila kemahiran *ATL* menjadi fokus eksplisit untuk pengajaran dan pembelajaran, pelajar dapat mula bertanggungjawab terhadap perkembangan mereka sendiri.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 65)

“Selepas satu tempoh, murid seharusnya mempunyai pemahaman yang jelas dan *sofistikated* tentang cara belajar terbaik dan bagaimana mereka boleh membuat refleksi terhadap pembelajaran sendiri.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 65)

Berdasarkan analisis data yang dilakukan terhadap temu bual dan analisis dokumen didapati murid sepatutnya dapat menilai pencapaian atau penguasaan terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran secara sendiri.

4.5.3.2 Tema 2: Refleksi Dilaksanakan untuk Penambahbaikan Terhadap Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran.

4.5.3.2.1 Refleksi Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran

“Kalau untuk refleksi ni, satu kita melihat daripada catatan harian guru lah, dapatan guru lah sebab guru jugak menulis refleksi harian daripada PdP yang dijalankan. Itu jugak sebagai sumber rujukan untuk guru membuat refleksi.” (Temu bual 2: Cikgu Insyirah).

“Refleksi ni ada tiga yang kita buat, sebelum pengajaran kita dah beritahu kemahiran *ATL* yang kita nak gunakan dalam PdP hari tu. Masa buat aktiviti PdP, kita reflect penguasaan pelajar kita, guna tak kemahiran *ATL*, dan akhirnya kita nilai setelah tamat pengajaran. Yang ini kita buat setiap hari untu rancangan harian. (Temu bual 2: Cikgu Wardah)

Cikgu Insyirah menjelaskan bahawa guru menulis refleksi dalam rancangan harian., manakala Cikgu Wardah menyatakan dalam jawapan temu bual bahawa beliau memberitahu terlebih dahulu kemahiran pendekatan pembelajaran yang akan diterapkan sebelum memulakan pengajaran, menilai penguasaan murid semasa pengajaran dan beliau mendapatkan refleksi daripada murid melalui soalan-soalan yang dikemukakan selepas aktiviti pengajaran. Tindakan ini bertepatan dengan pelaksanaan refleksi daripada dapatan yang diperoleh melalui analisis dokumen yang dilakukan terhadap rujukan utama iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan, refleksi didefinisikan seperti berikut:

“Refleksi: mempertimbangkan perancangan, proses dan impak inkuiri sebelum mengajar unit, semasa mengajar dan selepas mengajar unit” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 65)

Proses analisis data juga menemukan dapatan tentang tindakan yang dilakukan oleh guru setelah melakukan refleksi:

“Refleksi ini membolehkan tindakan dari segi ubah suai unit dan perancangan *ATL* diambil. (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 65)

“Dari segi aktiviti, mungkin kalau saya lakukan sesuatu aktiviti kepada pelajar tu tak berkesan dan menarik, saya akan baiki lagi. Saya akan cari apakah punca aktiviti saya tu tidak berkesan.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

Berdasarkan data yang diperoleh, setelah refleksi dilaksanakan, guru perlu mengambil tindakan penambahbaikan sekiranya pengajaran kurang berkesan.

4.5.3.2.3 Refleksi Guru Terhadap Murid

Selain mencatatkan refleksi dalam rancangan harian dan melakukan penambahbaikan unit, guru juga memaklumkan perkembangan penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran murid melalui refleksi. Hal ini boleh dirujuk kepada data berikut:

“*Meaningful feedback*, jadi kita pun kaitkan dengan kemahiran yang sepatutnya budak dapat. Ada panduan *ATL*, apa yang patut diikuti. Itu beza dia. Pasai *MYPIB*, dia bagi panduan. Kalau kita guna *MYPIB*, budak kita ni lebih menguasai. Kalau kita buat betoi, budak akan menguasai kemahiran berbahasa lebih daripada budak sekolah biasa. Yang tu yang berbeza, dia ada perincian kemahiran tu.” (Temu bual 2: Cikgu Solehah)

“Kemahiran *ATL* ni tidak ditafsir secara rasmi dan biasanya kita tafsir secara tidak langsung.” (Temu bual 2: Cikgu Wardah)


“Bagi saya, guru memberi maklum balas tentang perkembangan kemahiran *ATL* pelajar melalui refleksi.” (Temu bual 2: Cikgu Dina)

“Guru merekod perkembangan kemahiran *ATL* murid” (Temu bual 2: Cikgu Ain)

Berdasarkan data yang telah dianalisis, guru-guru memberi pelbagai pandangan berkaitan refleksi guru terhadap murid. Cikgu Solehah menyifatkan refleksi kepada murid sebagai maklum balas yang bermakna. Guru perlu memberi refleksi berkaitan

kemahiran pendekatan pembelajaran yang sepatutnya murid peroleh berdasarkan panduan dan perincian kemahiran pendekatan pembelajaran yang telah ditetapkan. Sekiranya amalan refleksi ini dipatuhi, murid akan mendapat faedah yang lebih besar berbanding murid di sekolah biasa. Seterusnya, Cikgu Dina memaklumkan bahawa guru memberi maklum balas tentang perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran pelajar melalui refleksi. Cikgu Wardah pula menyatakan bahawa penilaian penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran murid tidak ditaksir secara rasmi sebaliknya dilaksanakan secara tidak langsung. Manakala Cikgu Ain pula menyatakan bahawa guru perlu merekod perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran murid.


Apabila analisis dokumen dilaksanakan, data berikut diperoleh:



“Perancangan dan refleksi dimaklumkan melalui penilaian tugas dan pembelajaran pelajar.” (Analisis Dokumen 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Hlm. 65)

Menurut dapatan yang diperoleh daripada dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, guru perlu memberi refleksi kepada murid melalui penilaian terhadap tugas dan pembelajaran murid.

Proses analisis data bagi yang berfokus kepada refleksi ini ditunjukkan dalam rajah 4.20 berikut:



Rajah 4.20 Proses Pelaksanaan Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Kesimpulannya, melalui proses analisis data secara tematik menggunakan perisian *ATLAST-ti* ini berjaya mengenal pasti kod awalan yang apabila dianalisis membentuk kategori iaitu kategori pertama, refleksi murid terhadap pengajaran dan kategori kedua, refleksi murid terhadap pencapaian dan perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran secara sendiri yang membentuk tema 1 iaitu refleksi dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Seterusnya, tema 2 iaitu refleksi dilaksanakan untuk penambahbaikan terhadap perancangan dan pelaksanaan pengajaran terbentuk daripada dua kategori iaitu refleksi guru terhadap keberkesanan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan refleksi guru terhadap murid. Kedua-dua tema ini menjawab soalan kajian bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi dilaksanakan dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPiB*, KPM?

4.6 Ringkasan Bab

Bab ini memaparkan dapatan data yang diperoleh daripada data temu bual, melengkapkan cerita, dan data analisis dokumen. Secara ringkasnya, laporan dapatan penyelidikan ini dilaporkan secara berstruktur yang dimulai dengan profil peserta kajian, laporan berdasarkan soalan kajian 1 iaitu pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dan laporan berdasarkan soalan kajian 2 iaitu proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang merangkumi a) perancangan, b) pelaksanaan dan c) refleksi.

Jadual 4.4

Jadual Analisis Tematik (Dapatan Kajian Bab 4)

Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah <i>Middle Years Programme International Baccalaureate</i> , KPM?					
Soalan Kajian	Kod Deduktif	Kod Induktif			Kod Terbitan
		Kod Awalan	Kategori	Tema Akhir	
1) Bagaimanakah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran?	Pemahaman guru	Kemahiran belajar, Belajar cara belajar, Kemahiran yang menyokong pembelajaran murid Boleh diimplimentasikan dalam kehidupan harian, Pembelajaran berkonsepkan jangka masa panjang, Pembelajaran sepanjang hayat	Kategori 1: Kemahiran Pembelajaran Kategori 2: Kemahiran untuk Kehidupan Sepanjang Hayat	Tema 1: Pemahaman Guru Terhadap Konsep Kemahiran Pendekatan Pembelajaran	Keperluan Kepada Kursus dan Latihan Guru
	Penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran	Kluster komunikasi	Kategori 1: Kemahiran Komunikasi	Tema 2: Pemahaman Guru Terhadap Kategori dan Kluster Kemahiran Pendekatan Pembelajaran	
		Kluster kolaboratif Kluster pemikiran kritis, Kluster pemikiran kreatif, Kluster pemindahan	Kategori 2: Kemahiran Sosial Kategori 3: Kemahiran Berfikir		

		<p>Kluster pengurusan organisasi (masa dan tugas) Kluster afektif (pengurusan minda), Kluster refleksi</p> <p>Kluster literasi maklumat, Kluster literasi media</p>	<p>Kategori 4: Kemahiran Pengurusan Diri</p> <p>Kategori 5: Kemahiran Penyelidikan</p>		
		<p>Kepentingan belajar ke IPT, Kepentingan pencapaian akademik</p> <p>Murid lebih berminat terhadap KOMSAS, Aktiviti pembelajaran KOMSAS lebih menarik</p> <p>Memenuhi syarat pelaksanaan program <i>MYPIB</i>, Syarat lulus verifikasi, Menepati kehendak <i>MYPIB</i></p>	<p>Kategori 1: Kemahiran membantu pembelajaran murid pada peringkat sekolah dan universiti</p> <p>Kategori 2: Kepentingan penerapan kemahiran dalam pengajaran KOMSAS</p> <p>Kategori 3: Kepentingan penerapan kemahiran sebagai syarat pengiktirafan <i>MYPIB</i></p>	<p>Tema 3: Pemahaman Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran</p>	

<p>2) Bagaimanakah proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS?</p>	<p>Perancangan</p>	<p>Rancangan lengkap sepanjang tahun, Rekod keseluruhan Rancangan Unit</p> <p>Perancangan mengikut unit/tema, Bilangan 4-6 Unit perlu dirancang dalam tempoh setahun, Setiap Rancangan Unit lengkap dengan kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Aktiviti dan tugas dirancang oleh guru subjek sendiri,</p> <p>Fokus kepada refleksi, Berbeza daripada sekolah biasa</p> <p>Kepentingan perancangan pemetaan kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Dirancang mengikut kesesuaian subjek Bahasa Melayu, Tugas Penyelaras <i>ATL</i></p>	<p>Kategori 1: Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (<i>SGO</i>)</p> <p>Kategori 2: Rancangan Unit (<i>UP</i>)</p> <p>Kategori 3: Rancangan Harian</p> <p>Kategori 4: Carta Pemetaan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran</p>	<p>Tema 1: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Menerusi Kurikulum Bertulis</p>	<p>Tiada Kerangka atau Rujukan untuk Proses Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS</p>
--	--------------------	--	--	---	---

		<p>Rujukan utama <i>MYPiB</i>, rujukan <i>ATL</i> Petunjuk kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Kepentingan merujuk panduan, Dokumen panduan subjek,</p> <p>Rujuk panduan subjek Bahasa dan Kesusasteraan</p> <p>Kurikulum BM, Rujukan perancangan</p>	<p>Kategori 1: Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan</p> <p>Kategori 2: Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (<i>Language and Literature Subject Guide</i>)</p> <p>Kategori 3: Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4</p>	<p>Tema 2: Proses Perancangan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Rujukan Utama</p>	
		<p>Pertemuan untuk penambahbaikan, Membudayakan perancangan kolaboratif, Pertemuan untuk merancang, Pertemuan untuk penyampaian maklumat dan latihan dalaman</p> <p>Pertemuan berjadual mengikut panitia, ditetapkan oleh pihak sekolah, Perancangan kolaboratif wajib dilaksanakan</p>	<p>Kategori 1: Kepentingan Perancangan Kolaboratif</p> <p>Kategori 2: Jadual Pelaksanaan Perancangan Kolaboratif</p>	<p>Tema 3: Perancangan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dilaksanakan Semasa Perancangan Kolaboratif</p>	

		<p>Penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut peringkat, perancangan pemeringkatan, permulaan, perkembangan, penguasaan</p> <p>Tugasan dan aktiviti mengikut tahap, berbeza mengikut tahap murid dan kelas</p>	<p>Kategori 1: Perancangan Berdasarkan Pemeringkatan</p> <p>Kategori 2: Perancangan Mengikut Tahap Murid</p>	<p>Tema 4: Perancangan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Dirancang Secara Terperinci</p>	
Pelaksanaan		<p>Pelaksanaan pengajaran berdasarkan perancangan, Aktiviti yang dirancang</p>	<p>Kategori 1: Pelaksanaan Pengajaran Mengikut Perancangan Kurikulum Bertulis.</p>	<p>Tema 1: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Berdasarkan Perancangan Kurikulum Bertulis</p>	
		<p>Memaklumkan kemahiran sebelum memulakan pengajaran, Catatkan kemahiran pendekatan pembelajaran di papan putih, Maklumkan murid tentang kemahiran Pendekatan Pembelajaran</p> <p>Kepentingan Pengajaran Secara Eksplisit, Murid mengetahui kemahiran pendekatan</p>	<p>Kategori 1: Penjelasan Tentang Kemahiran pendekatan pembelajaran pada Awal Sesi Pengajaran.</p> <p>Kategori 2: Kepentingan Pengajaran Secara Eksplisit</p>	<p>Tema 2: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Secara Eksplisit</p>	

		<p>pembelajaran yang diterapkan, Murid sedar tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan.</p>			
		<p>Murid menggunakan kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Murid mencari maklumat dan berkolaboratif, Memanfaatkan pengetahuan sedia ada</p> <p>Guru memberi panduan dan peluang kepada murid, Guru merangsang melalui soalan, Guru pantau kelancaran masa</p> <p>Aktiviti berkumpulan, Ahli kumpulan sentiasa berubah, Penubuhan kumpulan secara rawak, Kumpulan mengikut bakat dan pengalaman</p>	<p>Kategori 1: Murid Menggunakan Kemahiran pendekatan pembelajaran Secara Aktif dalam Aktiviti Pembelajaran.</p> <p>Kategori 2: Guru Sebagai Fasilitator</p> <p>Kategori 3: Murid Belajar dalam Kumpulan</p>		<p>Tema 3: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS Secara Berpusatkan Murid</p>

		Guru merangka pengalaman pembelajaran murid, Persembahan, Aktiviti di luar kelas, Aktiviti bersajak, bersyair, Berdrama	Kategori 4: Pengajaran KOMSAS di Luar Bilik Darjah		
		Berkomunikasi menggunakan media sosial, Berbincang dan mencapai persetujuan	Kategori 1: Pengajaran Penerapan Kemahiran Komunikasi Menggunakan Pelbagai Media untuk Berhubung dengan Kumpulan Sasaran	Tema 4: Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran Menggunakan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan	
		Mendengar secara aktif perspektif orang lain, Melatih kepimpinan murid dan berkolaboratif	Kategori 2: Pengajaran Penerapan Kemahiran Sosial Mendengar Secara Aktif Perspektif dan Idea Orang Lain		
		Mengaitkan KOMSAS dengan isu semasa, Melatih murid untuk berfikir dan memberi idea	Kategori 3: Pengajaran Penerapan Kemahiran Berfikir Menilai Bukti dan Hujah		
		Menyusun nota KOMSAS, Menyediakan fail	Kategori 4: Pengajaran Penerapan Kemahiran Pengurusan Diri Menyimpan Fail dan Nota Maklumat dalam Sistem yang Tersusun dan Logik		

		Pengajaran berbantuan Internet, Murid pandai mencari maklumat, Penyelidikan menggunakan Internet	Kategori 5: Pengajaran Penerapan Kemahiran Penyelidikan Mencari Pelbagai Perspektif daripada Sumber yang Pelbagai dan Berbeza	
Refleksi		Refleksi pada akhir pelajaran, Refleksi verbal atau berstruktur Catatan perkembangan kemahiran Pendekatan Pembelajaran, Penilaian sendiri	Kategori 1: Refleksi Murid Terhadap Pengajaran Kategori 2: Refleksi Murid Terhadap Pencapaian dan Perkembangan Kemahiran pendekatan pembelajaran Secara Kendiri	Tema 1: Refleksi Dilaksanakan untuk Mendapatkan Maklum Balas Segera tentang Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS
		Menulis refleksi dalam rancangan harian, Refleksi sebelum, semasa dan selepas pengajaran, Tindakan penambahbaikan Memenuhi keperluan kurikulum bertulis	Kategori 1: Refleksi Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran	Tema 2: Refleksi Dilaksanakan untuk Penambahbaikan Terhadap Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran.

BAB LIMA

PERBINCANGAN IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi empat bahagian iaitu ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian serta cadangan kajian lanjutan. Pada bahagian ringkasan kajian, penyelidik menjelaskan secara ringkas tentang objektif kajian, reka bentuk kajian, peserta kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data untuk memudahkan pemahaman tentang rumusan dan perbincangan kajian. Seterusnya, pada bahagian perbincangan, penyelidik membincangkan dapatan kajian serta perkaitannya dengan kajian-kajian lepas. Pada bahagian implikasi kajian, penyelidik mengemukakan beberapa sumbangan dan cadangan. Antara sumbangan utama kajian ini, penyelidik mengemukakan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM berserta garis panduan pelaksanaannya. Akhirnya, penyelidik mencadangkan beberapa kajian lanjutan berdasarkan kajian ini.

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapannya di sekolah *MYPIB*, KPM. Objektif kajian ini ialah:

1. Menghuraikan pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB*, KPM.
2. Memperincikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dari aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes tunggal ataupun partikularistik seperti yang dinyatakan dalam kajian Fàbregues dan Fetters, (2019) dan Yin (2018). Kajian kes sesuai digunakan dalam unit yang kecil seperti sekolah, institusi atau unit sosial yang kompleks secara keseluruhan dan mendalam (Merriam 1998, Yin 2009). Dalam kajian ini, kes merujuk pemilihan sebuah sekolah *MYPIB* sebagai lokasi kajian berdasarkan beberapa ciri tersendiri, antaranya sekolah ini bertaraf SMK iaitu sekolah menengah harian kategori luar bandar yang berjaya mengharungi cabaran untuk diiktiraf sebagai sekolah *MYPIB* setanding dengan sekolah elit yang lain. Sekolah ini pernah gagal dalam verifikasi kali pertama tetapi warga sekolah telah berusaha dengan lebih gigih untuk memperoleh maklumat yang lebih banyak sama ada dari pihak *IB World School* ataupun sekolah *MYPIB* Malaysia yang lain sehingga berjaya diiktiraf sebagai sekolah *MYPIB* pada tahun 2017. Asbab kejayaan ini, pihak MRSM telah menjadikan sekolah ini sebagai sekolah rujukan untuk tujuan pementoran. Seramai enam orang guru telah dipilih sebagai peserta kajian menerusi persampelan bertujuan yang merujuk pengetahuan dan pengalaman mereka tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB* ini.

Kajian kualitatif ini mengemukakan dapatan secara mendalam hasil triangulasi tiga kaedah pengumpulan data iaitu jawapan bertulis dalam melengkapkan cerita, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Huraian dan pentafsiran data dilakukan secara terperinci menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2013) dan Saldaña (2021). Laporan analisis data berbantuan perisian *ATLAS.ti* versi 8 ini sangat membantu proses pembentukan tema serta dilengkapi rajah bagi memudahkan proses pembentangan dapatan kajian dalam bab

Empat. Dapatan daripada triangulasi data ini bersesuaian dengan objektif kajian dan menjawab soalan kajian melalui tema yang dihasilkan.

Akhirnya, dalam bab Lima, penyelidikan ini bertumpu kepada perbincangan dapatan kajian sehinggalah menghasilkan beberapa sumbangan kajian terutamanya pembentukan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS berserta panduan pelaksanaannya. Kerangka dan panduan pelaksanaan ini terhasil daripada dapatan kajian yang didasari teori Konstruktivisme, *Scaffolding*, *Lesson Study* dan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran serta dikaitkan dengan kajian-kajian sebelumnya.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian dapat menjawab soalan kajian dan objektif kajian yang berfokus kepada pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan kajian ini juga dapat memberi sumbangan dan cadangan bagi mengatasi permasalahan kajian yang dikemukakan dalam bab satu. Berikut dikemukakan perbincangan mengikut empat dapatan utama iaitu pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang berfokus kepada perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

5.3.1 Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran di Sekolah *MYPIB*, KPM

Aspek pemahaman guru sangat penting dikaji kerana gurulah penggerak utama sesuatu program dan guru bertindak sebagai agen perubahan dalam pendidikan. Dapatan penyelidikan ini menunjukkan guru di sekolah *MYPIB* ini faham tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang merupakan salah satu tonggak utama kerangka pelaksanaan program *MYPIB* di seluruh dunia.

Dapatan yang diperoleh menunjukkan guru faham konsep asas kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran pendekatan pembelajaran ialah kemahiran pembelajaran atau cara belajar yang dapat meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Disebabkan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan elemen penting dalam program *MYPIB*, jadi amatlah penting untuk guru-guru faham tentang konsep kemahiran pendekatan pembelajaran ini. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian IBO (2014b), IBO (2020) dan Nurharani Selamat et al. (2019) iaitu kemahiran pendekatan pembelajaran ialah kemahiran pembelajaran atau cara belajar yang akan menyediakan murid untuk menguasai kandungan pelajaran serta dapat meningkatkan pencapaian akademik. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Nor Azlin et al. (2019) yang menunjukkan bahawa melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid bersedia untuk menguasai kandungan pelajaran serta dapat meningkatkan pencapaian akademik.

Selain itu, guru faham bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang berjaya diterapkan dengan baik oleh guru ini dapat membina karakter seorang murid yang bukan sahaja berjaya dalam pembelajaran malah berguna untuk kelangsungan hidup murid sepanjang hayat. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Cucchiara (2016), Forrest (2018) dan Resnik (2018) yang menyatakan bahawa penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran membantu pelajar bersedia untuk pembelajaran yang bermakna dan berguna sepanjang hayat.

Dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan pemahaman guru tentang kategori dan kluster yang terdapat dalam kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru-guru di sekolah ini mampu menyatakan pemahaman mereka bahawa kemahiran pendekatan pembelajaran ini terdiri daripada lima kategori iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan berserta sepuluh pecahan kluster daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru faham bahawa kelima-lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran ini wajib diterapkan semasa pengajaran seperti yang dinyatakan dalam kajian. Malah, sebahagian daripada kategori dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran ini turut ditekankan dalam PAK21 seperti komunikasi, kolaboratif dan penyelesaian masalah.

Menurut Rabi'atul Athirah Muhamad Isa et al. (2021) PAK 21 telah membawa banyak perubahan dalam bidang pendidikan. Murid-murid dilatih untuk memiliki kemahiran pendekatan pembelajaran yang boleh digunakan pada masa akan datang yang melibatkan komunikasi, kolaborasi dan penyelesaian masalah berdasarkan realiti kehidupan sebenar.

Dapatan ini juga bersesuaian dengan kajian Nor Azlin et al., (2019) yang menyatakan bahawa antara kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan dalam pengajaran ialah murid dapat mempelajari cara untuk berinteraksi dan bersosial, berkomunikasi dengan rakan-rakan dan guru serta murid mampu menguruskan diri dan pembelajaran mereka. Selain itu, menerusi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, murid mendapat pengetahuan tentang cara untuk membuat penyelidikan serta melatih mereka untuk berfikir pada aras yang tinggi. Murid juga dilatih untuk menjadi seorang yang serba boleh serta berfikiran terbuka.

Walau bagaimanapun terdapat dapatan yang menunjukkan bukan semua guru faham dan menguasai sepuluh kluster yang perlu dikembangkan daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran ini terutamanya guru-guru yang baru berpindah ke sekolah *MYPiB*. Dalam hal ini, dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020) dan Nurharani Selamat et al. (2019) yang melaporkan bahawa tahap pemahaman dan kesediaan guru di sekolah *MYPiB* Malaysia berada pada tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa guru-guru perlu diberi latihan dan kursus yang berfokus kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang kemahiran pendekatan pembelajaran. Hal yang sama turut disuarakan oleh Mohd Hasrul Kamarulzaman et al. (2015) yang menyatakan bahawa guru memerlukan latihan dan pembangunan profesional untuk meningkatkan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran.

Selain daripada pemahaman tentang konsep dan kategori kemahiran pendekatan pembelajaran, dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan guru-guru faham akan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran dapat membantu murid bukan sahaja pada peringkat sekolah malah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Dapatan penyelidikan ini menyimpulkan bahawa hasil daripada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran akan membantu murid untuk lebih berjaya semasa belajar di peringkat yang lebih tinggi serta membantu mereka menjadi pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran dan berdaya saing pada peringkat nasional dan global. Dapatan ini sejajar dengan hasrat KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti pendidikan sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa yang memberi fokus kepada pembelajaran yang menerapkan kemahiran secara berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a; 2018b; 2019). Pada peringkat antarabangsa, dapatan penyelidikan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Beisly (2020), Bustamante dan Hindman (2020), Bryant et al. (2016), Forrest (2018) dan Gilstrap (2019).

Penyelidikan ini melaporkan pemahaman guru dari aspek kaca mata guru-guru Malaysia yang mengajarkan KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu. Bagi program *MYPIB*, KOMSAS termasuk dalam subjek Bahasa dan Kesusasteraan. Dapatan penyelidikan ini, menunjukkan guru-guru faham bahawa menerusi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, pengajaran KOMSAS menjadi lebih bermakna serta berjaya menarik minat murid untuk belajar. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS, murid tidak jemu, lebih aktif

dan lebih menguasai pelajaran kerana kebanyakan aktiviti dilakukan secara berkumpulan dan berpusatkan murid. Kajian luar negara yang mengkaji tentang subjek Bahasa dan Kesusasteraan ialah kajian yang dilakukan oleh Condoleon (2019). Dapatan daripada kajian Condoleon (2019) melaporkan bahawa guru masih keliru tentang pengajaran berkonsepkan *IB*. Walau bagaimanapun, kajian beliau adalah secara umum dan hanya melibatkan sebahagian kecil daripada aspek subjek Bahasa dan Kesusasteraan.

Dapatan penyelidikan ini juga mengemukakan pemahaman guru tentang kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran sebagai syarat pengiktirafan *MYPIB*. Dapatan menunjukkan guru-guru faham bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran merupakan elemen penting dalam pelaksanaan program *MYPIB* serta menjadi syarat wajib untuk lulus verifikasi yang dilakukan oleh pihak *IB World School* dalam tempoh setiap lima tahun. Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran merupakan aspek yang dinilai untuk melayakkan pihak sekolah dan KPM mengekalkan taraf sekolah tempat kajian sebagai sekolah *MYPIB*. Kewajipan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran juga dinyatakan dalam kajian Gillett (2014), IBO (2012), Park et al. (2014) dan Park dan Ramaprasad (2018). Kurangnya kesediaan guru untuk memahami dan menerapkan konsep asas program *MYPIB* seperti penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran telah menyebabkan beberapa sekolah di Australia terpaksa menarik diri daripada program *MYPIB* ini seperti yang dinyatakan dalam kajian Condoleon (2019).

Berdasarkan perbincangan di atas, kebanyakan kajian sedia ada lebih banyak mengkaji pemahaman guru dari aspek keseluruhan program *IB*. Analisis kajian literatur juga mendapati kadar literatur yang menyoroti perspektif pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran sama ada di Malaysia atau di luar negara adalah sangat terhad. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian daripada dapatan penyelidikan ini hampir sama dengan kajian-kajian yang lalu, namun terdapat perbezaan dalam dapatan penyelidikan ini yang menunjukkan penyelidikan ini berupaya memberi sumbangan baharu khususnya kepada kajian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Malah, penyelidikan ini berupaya mengisi kelompongan kajian berkaitan sekolah *MYPIB* di Malaysia kerana kajian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM belum pernah dibincangkan dalam mana-mana dapatan lepas. Kajian ini menunjukkan pemahaman guru yang lebih menghusus kepada sukatan pelajaran Malaysia khasnya dalam pengajaran KOMSAS bagi subjek Bahasa Melayu.

Penyelidikan ini penting sebagai maklum balas dan laporan kepada KPM berkaitan situasi pemahaman guru di salah sebuah sekolah *MYPIB*, KPM dan memberi keyakinan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah *MYPIB* ini bahawa pemahaman mereka tentang beberapa aspek kemahiran pendekatan pembelajaran pendekatan pembelajaran berada pada tahap yang baik dan pada landasan yang betul. Pemahaman guru terhadap konsep, kategori dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan salah satu kompetensi yang harus dikuasai oleh guru. Amat penting untuk setiap guru mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap penerapan kemahiran

pendekatan pembelajaran bagi menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Hal ini membuktikan dapatan penyelidikan ini memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan di Malaysia mahupun di peringkat global.

Dapatan menunjukkan pemahaman guru perlu merangkumi pemahaman tentang konsep *ATL* dan pemahaman kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dirancang dan dilaksanakan bagi menimbulkan kesedaran dalam kalangan guru untuk bersungguh-sungguh memahami dan melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Hal ini selaras dengan pendekatan teori konstruktivisme yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978) yang menyarankan pembinaan pemahaman dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran dan menyelaraskannya dengan pengetahuan sedia ada.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menyesuaikan teori ini dengan situasi guru-guru di sekolah *MYPIB* Malaysia yang masih dalam proses pembelajaran dan pemahaman tentang pelaksanaan program *MYPIB* ini. Guru perlu meletakkan diri mereka sebagai pelajar dalam usaha menguasai sistem *MYPIB*. Guru-guru perlu beriltizam untuk benar-benar memahami dan menguasai konsep, kandungan dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan menggabungkan pengetahuan sedia ada mereka dari aspek pedagogi dengan pengetahuan baharu mereka tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru perlu menjadikan teori konstruktivisme ini sebagai dasar dalam proses membina pemahaman yang kukuh tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*.

Proses ini dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku secara berterusan dan berdasarkan pengalaman pembelajaran, selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Daniels (2016), Lüddecke (2016), Phye (2001), Poonoosamy (2018), dan Zhou dan Brown (2017). Guru yang mempunyai pemahaman mendalam terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta melaksanakan proses penerapan yang betul akan memberi impak yang sangat besar kepada penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam kalangan murid-murid. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Rabi'atul Athirah Muhamad Isa et al. (2021) yang menyatakan persediaan dan kefahaman guru tentang PdPc membantu dalam menentukan strategi pengajaran berkesan dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, pemahaman guru-guru tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran adalah baik. Guru-guru boleh menjelaskan pengertian penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, menjelaskan tentang kategori *ATL* secara terperinci, walaupun bukan semua guru menguasai sepuluh kluster yang terkandung dalam lima kategori utama kemahiran pendekatan pembelajaran. Selain itu, guru-guru faham tentang kepentingan penerapan dilakukan sama ada untuk murid mahupun pihak sekolah. Apabila diimbangi kembali perbincangan-perbincangan yang telah dilakukan dalam kajian lalu, tema utama kategori kemahiran pendekatan pembelajaran telah dibincangkan dalam rujukan utama *MYPiB* iaitu *From Principles Into Practice* (IBO, 2014ab) dan artikel yang ditulis oleh Park et al. (2014) serta Forrest (2018). Tema kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran terhadap murid-murid pula telah dibincangkan oleh Resnik (2018) dan Cucchiara (2016), manakala tema penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS

merupakan satu tema yang belum pernah dibincangkan dalam mana-mana dapatan lepas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru dalam kajian ini mempunyai pemahaman yang lebih mengkhusus kepada sukatan pelajaran Malaysia khasnya subjek Bahasa Melayu (KOMSAS). Pemahaman guru-guru ini dapat dilihat dalam perbincangan seterusnya berkaitan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam subtopik seterusnya.

5.3.2 Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM.

Proses pertama dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah perancangan. Perancangan yang teliti dan komprehensif boleh memberi kesan yang positif kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid. Guru merupakan individu yang dapat memperkembang proses pembelajaran seseorang pelajar dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan tahap pelajar yang berbeza. Dapatan ini selari dengan kajian Birdsall (2015) dan Ain Nur Atika Agus (2021) yang menyatakan gabungan beberapa faktor seperti pengetahuan guru yang baik dan terperinci tentang kandungan mata pelajaran yang diajar serta kaedah penerapan pengajaran yang bersesuaian membantu guru untuk melakukan perancangan dan persediaan mengajar mengikut keperluan semasa murid sekali gus meningkatkan potensi murid.

Dapatan daripada penyelidikan ini menunjukkan guru-guru membuat perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS menerusi kurikulum bertulis. Terdapat tiga kurikulum bertulis yang dihasilkan oleh guru iaitu

pertama, Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek atau istilah yang digunakan oleh *MYPIB* iaitu *Subject Group Overview (SGO)*. Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru menggunakan singkatan atau akronim *SGO* bagi merujuk kurikulum bertulis ini. Guru-guru menjelaskan *SGO* merupakan rancangan pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun yang salah satu aspeknya merangkumi perancangan lengkap kemahiran pendekatan pembelajaran yang ingin diterapkan dalam pengajaran pada tahun atau sesi persekolahan tersebut. Dalam kata lain, *SGO* ialah rekod keseluruhan beberapa Rancangan Unit. Dapatan ini selari dengan Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020) yang menjelaskan bahawa guru-guru perlu merancang *SGO* sebelum sesi pengajaran pada tahun tersebut bermula.

Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru sudah berhasil menyediakan perancangan kurikulum secara bertulis. Walau bagaimanapun, dapatan merekodkan bahawa guru-guru meluahkan rasa terbeban dengan tugas penghasilan *SGO* di sekolah *MYPIB* berbanding sebelum program *MYPIB* diperkenalkan di sekolah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, guru-guru perlu meluangkan masa yang banyak untuk merancang proses pengajaran dan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru-guru menyatakan bahawa sebelum ini mereka hanya menerima rancangan pengajaran tahunan yang disediakan oleh pihak KPM. Bebanan ini bukan sahaja dirasakan oleh guru-guru dalam kajian ini, malah kajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar juga menunjukkan guru-guru berasa terbeban apabila berlaku pertembungan kurikulum tempatan dan kurikulum *MYPIB* (Nor Azlin et al., 2019). Situasi yang sama dilaporkan dalam kajian di luar negara seperti kajian Wolanin dan Wade (2012) yang turut menyatakan tentang cabaran kekangan masa yang dihadapi oleh para guru. Malah,

menurut soal selidik yang dijalankan oleh pihak Azzam, et al (2017), 88 peratus responden setuju atau sangat setuju bahawa guru sangat terbeban dengan *MYPIB*. Daripada peratusan berikut, 33 peratus bersetuju bahawa bebanan tersebut berpunca daripada perancangan persediaan mengajar yang perlu dilakukan oleh mereka.

Selain merancang *SGO*, kurikulum bertulis kedua yang perlu dirancang oleh guru ialah Rancangan Unit ataupun *Unit Plan (UP)*. Menurut guru-guru ini, Rancangan Unit ialah rancangan pengajaran yang dihasilkan berdasarkan tema kandungan pelajaran. Setiap Rancangan Unit mestilah lengkap dengan perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran, aktiviti, tugas dan refleksi. Dapatan ini selari dengan dokumen yang disediakan oleh pihak *IBO* (*IBO*, 2014a). Walau bagaimanapun, menurut peserta kajian, Rancangan Unit berbeza daripada rancangan mingguan yang dihasilkan oleh guru-guru KPM yang lain kerana untuk menghasilkan Rancangan Unit, guru-guru perlu meneliti seluruh *DSKP* dan memilih tajuk-tajuk yang sesuai untuk digabungkan dalam tema yang sama.

Tindakan perancangan yang dilakukan oleh guru-guru peserta kajian ini selari dengan *IBO* (2014b) yang menyatakan bahawa guru-guru subjek perlu merancang Rancangan Unit mengikut tema. Setiap tema akan diajar selama 4-6 minggu mengikut kandungan pelajaran. Walaupun dapatan menunjukkan guru-guru berasa terbeban dengan proses perancangan kurikulum bertulis *MYPIB*, namun hasil jangka panjangnya adalah lebih baik kerana guru sendiri yang tahu tahap murid dalam kelas masing-masing dan guru boleh merancang aktiviti pengajaran terbeza selaras dengan *DSKP* bagi memastikan setiap murid dapat menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran dan kandungan

pelajaran yang diajar. Isu bebanan tugas guru ini dinyatakan juga dalam kajian yang dilakukan di sekolah *MYPIB* lain seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (Nor Azlin et al., 2019).

Kurikulum bertulis ketiga ialah Rancangan Harian. Menurut data, Rancangan Harian perlu ditulis berfokus kepada refleksi semasa pengajaran selaras dengan dapatan kajian Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi (2020). Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan perkara-perkara yang ditulis dalam rancangan harian di sekolah arus perdana yang antara kandungannya merangkumi tajuk, objektif, HPU, HPK dan refleksi (Noorzailiza Zainal Abidin et al., 2020) sedangkan butiran perancangan tersebut telah dirancang dan ditulis secara teliti oleh guru mata pelajaran dalam Rancangan Unit kelas masing-masing.

Data menunjukkan dokumen perancangan kurikulum bertulis terakhir yang perlu dihasilkan oleh guru ialah carta pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran. Pada peringkat ini, guru-guru perlu merancang kemahiran pendekatan pembelajaran yang ingin diterapkan agar murid dapat menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran secara holistik yang dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik mahupun keperluan dalam kehidupan. Dapatan ini selari dengan saranan yang terdapat dalam IBO (2014b). Kepentingan perancangan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah perancangan dibuat sendiri oleh guru subjek mengikut kesesuaian subjek Bahasa Melayu dan Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan. Kemudian, senarai kemahiran pendekatan pembelajaran ini diserahkan kepada penyelaras kemahiran pendekatan pembelajaran untuk membentuk perancangan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran secara keseluruhan.

Dapatan ini menyumbang informasi yang baharu bagi KPM memandangkan DSKP hanya menyatakan kepentingan penerapan kemahiran berfikir, kemahiran sosial dan komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a) tetapi tidak dinyatakan secara terperinci cara untuk guru merancang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran tersebut. Sedangkan dapatan kajian ini menunjukkan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran merangkumi lima kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi dan ditambah dengan dua lagi kemahiran iaitu kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan.

Seterusnya, dapatan menunjukkan proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS merangkumi beberapa langkah, dirancang secara berkala, perlu merujuk rujukan tertentu serta melibatkan guru-guru panitia Bahasa Melayu, Penyelaras *ATL* dan Penyelaras *MYPIB*. Melalui dapatan ini didapati, guru-guru membuat perancangan berdasarkan tiga rujukan utama iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan (*From Principles into Practice*), Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (*Subject Guide Language and Literature*) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 4 (*DSKP*). Penulisan seterusnya akan menjelaskan tentang ketiga-tiga rujukan ini. Hal ini selaras dengan IBO (2014a) dan Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020) yang menyatakan bahawa perancangan *SGO* dan *UP* mestilah merujuk kepada dokumen rujukan utama *MYPIB* iaitu Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan. Seterusnya, rujukan perlu dibuat berdasarkan subjek yang diajar. Dalam kajian ini, disebabkan kajian berfokus kepada pengajaran KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu, maka rujukan wajib yang perlu digunakan oleh guru ialah Panduan Subjek

Bahasa dan Kesusasteraan. Manakala, bagi memenuhi syarat sekolah *MYPiB* di bawah kendalian KPM, maka DSKP mestilah dirujuk.

Analisis dokumentasi yang merujuk Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan menjelaskan bahawa guru perlu merujuk petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran untuk membuat perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut IBO (2014b), terdapat beberapa kluster kemahiran pendekatan pembelajaran berkaitan subjek Bahasa dan Kesusasteraan yang perlu difokuskan oleh guru untuk diterapkan kepada murid-murid. Penyelidik mendapati bahawa terdapat data penting yang sangat membantu kajian ini iaitu guru-guru Bahasa Melayu perlu merujuk petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan semasa merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Walau bagaimanapun, apabila penyelidik meneliti dapatan daripada temu bual dan melengkapkan cerita, didapati bukan semua peserta kajian, sama ada guru-guru Bahasa Melayu yang baharu mahupun yang sudah menyertai *MYPiB* sejak awal, tahu bahawa mereka perlu merujuk petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran yang terdapat dalam Panduan Subjek semasa merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Maka, hal ini membuatkan penyelidik lebih bersemangat untuk menghasilkan kerangka dan garis panduan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini bagi memberi panduan kepada guru-guru tersebut untuk melaksanakan perancangan dengan lebih baik dan memberi impak positif yang maksimum kepada penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam kalangan murid-murid.

Berikut dipaparkan dapatan daripada analisis dokumen tentang kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang merangkumi lima kategori iaitu kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan yang perlu diterapkan oleh guru-guru bagi subjek Bahasa dan Kesusasteraan yang dalam kajian ini merujuk KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu:

- a. Kemahiran Berfikir - Menilai bukti dan hujah.
- b. Kemahiran Sosial - Mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain.
- c. Kemahiran Komunikasi - Menggunakan pelbagai media untuk berhubung dengan pelbagai kumpulan sasaran.
- d. Kemahiran Pengurusan Diri - Menyimpan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik.
- e. Kemahiran Penyelidikan - Mencari pelbagai perspektif daripada sumber yang pelbagai dan berbeza.

Dapatan ini menunjukkan murid akan menguasai kluster kemahiran pendekatan pembelajaran tertentu apabila mempelajari sesuatu subjek kerana setiap subjek memberi fokus kepada kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan subjek tersebut. Untuk KOMSAS, senarai yang dinyatakan dalam dapatan data dokumentasi di atas amat sesuai untuk diterapkan oleh guru. Gabungan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan dalam subjek-subjek yang diajar di sekolah *MYPIB* akan menghasilkan murid yang menguasai keseluruhan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang sepatutnya dikuasai oleh mereka. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Gilstrap (2019) dan Hoon et al. (2020).

Seterusnya, dokumen ketiga yang perlu dirujuk oleh guru-guru Bahasa Melayu semasa menghasilkan perancangan kurikulum bertulis ialah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Dapatan menunjukkan bahawa objektif dan aktiviti yang disarankan dalam DSKP perlu disesuaikan dengan petunjuk kemahiran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dinyatakan dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan bagi menghasilkan kurikulum bertulis Bahasa Melayu (KOMSAS).

Seterusnya perbincangan berfokus kepada kepentingan perancangan kolaboratif untuk menjayakan proses perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Berdasarkan dapatan daripada Bab 4, peruntukan masa untuk perancangan kolaboratif amat penting dalam membantu guru bergerak secara berkolaboratif ke arah perancangan yang lengkap bagi menghasilkan kurikulum bertulis. Data menunjukkan pihak sekolah menyediakan masa khusus untuk guru-guru berkolaboratif bagi menghasilkan perancangan dan proses refleksi. Semasa perancangan kolaboratif, guru-guru berkumpul mengikut subjek dan berbincang bagi memastikan perancangan yang dibuat menepati kehendak *MYPIB* dan KPM. Tindakan guru-guru menjalankan perancangan kolaboratif adalah selaras dengan saranan yang dinyatakan dalam IBO (2014b). Dapatan menunjukkan semasa perbincangan dalam perancangan kolaboratif, guru-guru akan berbincang untuk menambah baik kesalahan yang terdapat dalam dokumen perancangan kurikulum bertulis memandangkan dalam sistem *MYPIB*, guru subjek membuat perancangan sendiri mengikut tahap dan keperluan sekolah dengan merujuk dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan, Panduan Subjek dan DSKP.

Situasi ini masih baharu kerana sebelum ini, guru-guru menerima sahaja perancangan tahunan daripada JPN atau KPM. Walaupun pada awalnya terdapat rungutan daripada guru-guru tentang bebanan kerja yang melibatkan perancangan seperti yang dinyatakan dalam kajian ini dan kajian Nor Azlin et al. (2019), namun guru-guru mengakui bahawa mereka lebih faham tentang perancangan kerana mereka sendiri yang membuat perancangan kurikulum tersebut.

Selain itu, kajian ini menunjukkan, perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS perlu dirancang dengan teliti agar guru-guru dapat memastikan murid-murid daripada pelbagai tahap mendapat pendedahan kemahiran pendekatan pembelajaran yang sewajarnya. Perancangan yang teliti ini selaras dengan konsep pedagogi terbeza iaitu merapatkan jurang pencapaian dalam kalangan murid-murid yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memenuhi objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Perancangan yang berbeza mengikut tahap murid amat penting bagi memastikan semua murid dapat menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap murid-murid tidak sama. Ada murid yang lemah, yang sederhana dan yang cepat menguasai sesuatu kemahiran pendekatan pembelajaran dan isi pelajaran. Oleh itu, proses perancangan yang teliti amat penting untuk merancang aktiviti yang sesuai dengan tahap murid.

Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Chong et al. (2017) dan Nor Azlin et al. (2019) yang menyatakan bahawa proses perancangan yang memberi fokus kepada penguasaan murid pelbagai peringkat amat penting dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam merancang pengajaran terbeza seperti yang dinyatakan dalam kajian Marsha Lavania dan Faizah Mohamad Nor (2021), Lunsford (2017), Turner et al. (2017) serta Woldu (2020). Kajian-kajian ini mendapati cabaran utama guru dalam melaksanakan perancangan terbeza adalah kurangnya penguasaan dan salah faham terhadap konsep perancangan terbeza yang sebenar. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Rosidah Ramli dan Nurahimah (2020) yang menyatakan bahawa guru perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi untuk menjayakan pembelajaran terbeza.

Selain itu, perancangan pengajaran yang dihasilkan mestilah berdasarkan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam DSKP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Guru-guru perlu menguasai Pengetahuan Pedagogi Kandungan untuk membolehkan mereka merancang aktiviti dengan teliti. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Onyishi dan Sefotho (2020) yang menyatakan penguasaan guru dalam Pengetahuan Pedagogi Kandungan adalah elemen paling penting bagi guru untuk merancang kaedah pengajaran yang paling bersesuaian dengan murid. Menyentuh tentang perancangan yang bersesuaian dengan murid, Stollman et al. (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru didapati hanya memberikan fokus terhadap tahap kesediaan murid dalam merancang pengajaran dan mengabaikan minat dan gaya pembelajaran murid. Hal ini perlu dielakkan oleh guru agar perancangan yang dibuat memberi impak yang besar terhadap proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.

Seterusnya, dapatan menunjukkan, perancangan yang dibuat perlulah mengikut pemeringkatan, iaitu tahap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang sesuai mengikut tingkatan juga. Perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dihasilkan perlulah melibatkan perancangan jangka masa panjang iaitu sejak murid berada di Tingkatan Satu sehinggalah Tingkatan Lima. Walaupun hal ini tidak dinyatakan secara jelas dalam IBO (2014b), namun dapatan kajian ini menunjukkan perancangan mengikut pemeringkatan amat penting berdasarkan dapatan analisis dokumen yang merujuk komen yang diterima semasa proses verifikasi yang meminta agar guru membuat perancangan awal dan menganggarkan penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran murid secara berperingkat sejak mereka di Tingkatan Satu hinggalah mereka menamatkan pengajian di Tingkatan Lima.

Kesimpulannya, empat tema yang berkaitan perancangan yang telah dibincangkan sebelum ini menunjukkan proses yang lengkap serta teliti tentang perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Proses perancangan yang berkesan memerlukan guru memahami dan melaksanakan beberapa langkah perancangan, memerlukan rujukan tertentu serta dirancang secara berkala yang melibatkan semua guru panitia, penyelaras *ATL* dan penyelaras *MYPIB*.

Proses perancangan yang dilaksanakan oleh guru-guru ini bertepatan dengan langkah pertama dan kedua yang disarankan dalam kerangka teori kajian ini yang merujuk pendekatan *Lesson Study*. Penyelidik memilih pendekatan *Lesson Study* dalam mendasari kerangka teori kajian ini adalah kerana telah terbukti sistem pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan di negara Jepun ini telah meletakkan pendidikan di

negara Jepun sebagai salah satu sistem Pendidikan terbaik dunia. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Balachandran dan Wan Muna Ruzanna (2021), Nuraini Bakar Abu & Zanaton H Iksan (2015), Rohaida Mazlan (2017), Arani (2017), (Skultety et al., 2017) dan Zanaton Hj Iksan et al. (2018). Mereka sependapat mengatakan bahawa *Lesson Study* merupakan satu kaedah yang penting dalam Komuniti Pembelajaran Profesional yang mampu menganalisis keberkesanan pelaksanaan pengajaran di sekolah. Melalui pelaksanaan *Lesson Study* di sekolah, guru-guru dapat mengenal pasti tahap kelemahan dan kekuatan dan aktiviti pengajaran PdPc serta mampu meningkatkan pengetahuan pedagogi masing-masing. Malah, menurut McSweeney dan Gardner (2018), pemimpin di setiap sekolah juga disarankan supaya menekankan amalan *Lesson Study* dalam kalangan guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran supaya mampu memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar.

Lima langkah yang telah diperkenalkan dalam kitaran *Lesson Study*, amat bersesuaian diguna pakai oleh peserta kajian bagi menjawab soalan kajian kedua yang merujuk kepada proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Walau bagaimanapun, untuk bahagian proses perancangan, penyelidik memberi fokus kepada langkah pertama dan kedua terlebih dahulu manakala langkah ketiga akan dibincangkan dalam proses pelaksanaan dan langkah keempat dan kelima dibincangkan dalam proses refleksi.

Langkah pertama pendekatan *Lesson Study* memberi fokus kepada penentuan matlamat pengajaran. Dalam hal ini, guru perlu berbincang bagi menentukan matlamat yang ingin dicapai dalam pengajaran. Seterusnya, untuk langkah kedua iaitu merancang

pengajaran, guru-guru membina *SGO*, Rancangan Unit dan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran yang lengkap untuk proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara bersama-sama. Kerjasama dan perbincangan ini yang dilaksanakan dapat menjana idea yang lebih bernas sekali gus menghasilkan perancangan kurikulum bertulis yang menepati matlamat pengajaran. Dalam kajian ini, perbincangan dilaksanakan semasa sesi perancangan kolaboratif yang telah dijadualkan oleh pentadbir sekolah. Perbincangan antara guru ini amat penting selaras dengan dapatan kajian Marweni (2013) yang menyatakan melalui perbincangan seperti yang disarankan dalam amalan *Lesson Study*, pengetahuan guru tentang kandungan mata pelajaran yang diajar semakin meningkat. Situasi ini secara langsung dapat meningkatkan tahap motivasi guru dalam menjalankan pengajaran dengan berkesan di sekolah.

5.3.3 Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM.

Seterusnya, perbincangan menjurus kepada proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan daripada peserta kajian menunjukkan guru-guru sebenarnya sudah bersedia untuk proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS kerana mereka telah melalui proses perancangan kurikulum bertulis yang teliti dan berjadual seperti yang dihuraikan secara terperinci dalam perbincangan bahagian perancangan sebelum ini. Hasil dapatan adalah selari dengan kajian (Eflanili, 2021) yang menunjukkan proses pelaksanaan pengajaran merangkumi beberapa tindakan bagi memastikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memberi kesan kepada murid-murid.

Berdasarkan dapatan kajian, satu kelebihan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB* ialah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan secara eksplisit. Penyelidikan ini menunjukkan guru memainkan peranan yang besar dalam usaha menerapkan kemahiran khususnya kemahiran pendekatan pembelajaran. Dapatan menunjukkan, proses awal yang dilaksanakan oleh guru-guru untuk menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ialah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilakukan secara eksplisit. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan kepentingan pengajaran secara eksplisit, antaranya menurut Shi (2021), pengajaran secara eksplisit sangat penting untuk membantu murid memahami pelajaran dengan lebih baik.

Dalam kajian ini, tindakan guru-guru menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran secara eksplisit adalah melalui penjelasan awal sebelum sesi pengajaran bermula. Guru-guru menjelaskan kepada murid bahawa mereka akan belajar atau menggunakan salah satu atau beberapa kategori dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang ditulis pada papan putih pada hari tersebut. Guru-guru menjelaskan kepada murid-murid secara eksplisit tentang penggunaan kemahiran-kemahiran tersebut supaya murid-murid lebih memahami dan menguasai kandungan pelajaran KOMSAS serta menjayakan aktiviti mahupun menyiapkan tugas formatif mahupun sumatif menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan. Apabila penjelasan tentang kemahiran pendekatan pembelajaran dilakukan secara eksplisit setiap kali guru ingin memulakan pengajaran, murid-murid akan sedar dan lebih fokus bahawa mereka perlu menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran yang diajarkan oleh guru bagi membolehkan mereka menguasai isi pelajaran serta terlibat secara aktif

dalam sesi pembelajaran. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Forrest (2019). Dalam kajiannya, Forrest menyatakan bahawa penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran secara eksplisit menyokong pengajaran berpusatkan pelajar serta dapat membangunkan potensi pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa proses pengajaran melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran telah mengubah landskap pendidikan yang berfokus kepada guru dan akademik semata-mata kepada pembelajaran berfokuskan murid. Pedagogi pembelajaran berfokuskan murid ini selaras dengan pernyataan dalam DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a) yang menyatakan bahawa pembelajaran berfokuskan murid seperti pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan inkuiri dan pembelajaran berasaskan projek perlu dilaksanakan bagi melahirkan murid yang berketerampilan. Dapatan kajian ini dapat menterjemahkan dasar KPM ini melalui penghasilan projek individu yang dihasilkan oleh setiap murid bagi melayakkan mereka memperoleh sijil *MYPIB*.

Selain itu, dapatan kajian ini memaparkan guru-guru secara kreatif dan positif melaksanakan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS. Guru-guru menggunakan pelbagai teknik seperti lakonan drama, penghasilan karya yang dibukukan serta menggunakan persekitaran pembelajaran maya untuk menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran. Selain itu, teknik didik hibur yang digunakan oleh guru untuk menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berjaya menarik minat murid untuk terlibat

secara aktif dalam pembelajaran KOMSAS. Dapatan kajian ini menunjukkan amalan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru ini bertepatan dengan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016–2025 yang memberi penekanan kepada pendekatan didik hibur, penghayatan dan apresiasi aspek kesusasteraan Melayu bagi memantapkan kemahiran bahasa, penguasaan tatabahasa dan seni bahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Dapatan kajian ini juga selari dengan panduan KPM dalam DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 yang menyatakan bahawa pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kajian Lenz et al. (2015) juga turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa pendidikan dan mendidik ialah perkara yang serius tetapi lebih berkesan sekiranya dapat dilaksanakan dengan cara yang menyenangkan dan menghiburkan.

Sehubungan dengan itu, menurut kajian Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2016), hubungan baik antara guru dan murid serta penerimaan tanpa syarat yang terbina daripada pengajaran berasaskan murid khususnya didik hibur dapat membina kecerdasan emosi murid. Guru perlu bijak menanamkan kemahiran sosial agar murid dapat mengawal emosi dalam suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seperti kemahiran kesedaran sendiri, empati, pemantauan diri dan dorongan diri bagi memujuk, berunding dan memimpin. Saranan ini dapat disesuaikan dengan dapatan kajian ini malah proses pelaksanaannya adalah lebih jelas kerana melalui kajian ini,

guru menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut kategori dan kluster kemahiran yang lengkap dan terpandu.

Seterusnya, dapatan daripada proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini menuntut agar guru berperanan sebagai fasilitator yang akan membimbing murid menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran yang sesuai untuk menjayakan PdPc. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2017) yang menyatakan PdPc perlu dirancang supaya berfokuskan murid dan memberi banyak ruang dan peluang kepada murid mendapatkan sendiri ilmu sementara guru perlu menjadi pendamping atau fasilitator. Hal ini bertepatan dengan teori konstruktivisme yang dikemukakan oleh Vygotsky (1978) melalui amalan *Scaffolding*. PdPc akan terjejas apabila guru tidak menguasai pengetahuan sebagai fasilitator dalam menentukan kaedah penyampaian yang terbaik. Dapatan ini selaras dengan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) serta Mohd Rohiman Subri dan Rohizani Yaakub (2021) yang menyatakan kaedah pembelajaran berpusatkan murid dilihat sebagai pendekatan yang membantu untuk membangunkan murid secara holistik dengan pengaplikasian pembelajaran abad ke-21.

Dapatan juga menunjukkan bahawa antara aktiviti yang dapat mencungkil serta membina potensi kemahiran pendekatan pembelajaran murid ialah pembelajaran di luar kelas. Pembelajaran di luar kelas merupakan sebahagian daripada aktiviti yang disukai oleh murid. Pengalaman murid-murid yang mendapat kepercayaan daripada guru-guru untuk menjalankan aktiviti di luar kelas memberi peluang kepada murid-murid untuk

menggunakan dan meneroka kemahiran pendekatan pembelajaran yang sesuai untuk digunakan oleh mereka bagi menjayakan projek atau tugas mereka. Dapatan ini selari dengan saranan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016) dalam Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri yang menyatakan bahawa pembelajaran di luar kelas disarankan untuk mencungkil inkuiri murid. Manakala kajian yang dilakukan oleh Genc (2015) pula menunjukkan pengajaran di luar kelas mampu memberi impak besar dalam perkembangan kemahiran sosial murid.

Jadi, para guru perlu memberi fokus yang lebih kepada aktiviti pengajaran yang kaya dengan penggunaan pelbagai kemahiran pendekatan pembelajaran. Apabila murid didedahkan dengan pengalaman dan kemahiran pendekatan pembelajaran, secara tidak langsung mereka akan menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan dalam pembelajaran mereka untuk digunakan dalam fasa kehidupan seterusnya sama ada semasa melanjutkan pelajaran ke universiti, semasa melaksanakan pekerjaan mahupun dalam kehidupan mereka sebagai ahli masyarakat. Hal ini juga dinyatakan dalam kajian yang dilakukan oleh Forrest (2019) yang menunjukkan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah elemen yang penting untuk kejayaan pelajar *IB* pada peringkat Program Diploma.

Seterusnya, dapatan menunjukkan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran membawa satu perubahan kepada amalan pengajaran iaitu sebelum ini guru mengajar kandungan pelajaran dan memasukkan aktiviti yang boleh membina kemahiran berfikir, komunikasi dan lain-lain (Littlefield, 2012). Walau

bagaimanapun, dalam program *MYPIB*, kemahiran pendekatan pembelajaran menjadi pemacu kepada pemerolehan pengetahuan dan kecemerlangan murid. Guru menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran kepada murid dan merancang aktiviti yang memerlukan murid menggunakan kemahiran yang telah diterapkan untuk menyelesaikan aktiviti atau tugas yang diberikan.

Dapatan kajian ini memberi maklumat yang jelas cara penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran digunakan dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran komunikasi menggunakan pelbagai media untuk berhubung dengan pelbagai kumpulan sasaran diterapkan dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan juga menunjukkan penerapan kemahiran komunikasi tidak terhad kepada komunikasi secara verbal atau bersemuka sahaja, malah kemahiran komunikasi diterapkan melalui penggunaan media dan secara maya. Kajian ini mengetengahkan penerapan komunikasi yang lebih luas iaitu menggunakan pelbagai media untuk berhubung. Murid dilatih untuk berbincang dalam laman sosial, bukan sahaja dengan rakan-rakan mereka, malah murid dilatih untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan daripada sekolah yang lain, guru-guru serta pakar-pakar dalam bidang yang dikaji oleh mereka sama ada dalam mahu pun luar negara.

Kemampuan murid untuk memberi dan menerima pandangan akan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Dapatan ini dilihat dapat memenuhi teori pembelajaran konstruktivisme yang menggalakkan pembinaan makna dalam kalangan pelajar menerusi interaksi sosial seperti yang dinyatakan dalam kajian Schunk (2008). Hal ini menunjukkan kemahiran

komunikasi yang diperoleh oleh murid sangat membantu pembelajaran mereka bahkan menjadi aset untuk mereka meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi mahupun dalam kerjaya atau kehidupan seharian mereka. Dapatan kajian berkaitan kepentingan kemahiran komunikasi ini turut dinyatakan dalam kajian Rohani Arbaa et al. (2017) dan Fadzli Dahalan (2018). Dapatan mereka menunjukkan pelajar perlu diterapkan dengan kemahiran interpersonal dan komunikasi yang tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja serta berupaya bersosialisasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Dari aspek lain, dapatan kajian ini selaras dengan kajian Asmawati Mohamad Ali et al.(2018) , Fadzli Dahalan (2018) dan Chong et al.(2017) apabila mereka menyatakan kepentingan peranan guru sebagai fasilitator dan penyuntik semangat kepada murid dengan memberi peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dalam menyelesaikan tugas. Guru wajar menggunakan peluang untuk menerapkan kemahiran komunikasi melalui proses penerapan yang menggunakan pelbagai bahan pembelajaran, kaedah pengajaran serta strategi penilaian.

Seterusnya, dapatan kajian berfokus kepada pelaksanaan penerapan kemahiran sosial dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan menunjukkan guru memberi fokus kepada kemahiran sosial mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain selaras dengan cadangan yang diberikan dalam Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan seperti yang tercatat dalam IBO (2014a). Kemahiran mendengar secara aktif perspektif dan idea orang lain akan memberi peluang kepada murid untuk belajar pelbagai ilmu dengan cara yang cepat dan mudah, sangat terbuka, boleh bergaul dengan baik antara

satu sama lain, boleh berinteraksi secara sopan sekiranya tidak bersetuju dan dia juga boleh mendengar dan menerima idea orang lain semasa aktiviti pengajaran dilaksanakan.

Dapatan seterusnya merujuk pelaksanaan penerapan kemahiran berfikir berfokus kepada menilai bukti dan hujah dalam pengajaran KOMSAS. Dapatan menunjukkan guru berusaha untuk menerapkan kemahiran berfikir yang berfokus kepada menilai bukti dan hujah serta melatih murid untuk mengaitkan kandungan pelajaran dengan situasi sebenar. Murid dilatih memberi bukti dan hujah semasa menjawab soalan guru dan menyelesaikan tugas. Tindakan guru-guru ini selaras dengan panduan yang dinyatakan dalam Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) yang meminta guru mengemukakan soalan yang mencabar pemikiran murid. Farah Azian Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) dalam kajian mereka juga menegaskan bahawa guru Bahasa Melayu perlu mengemukakan soalan dalam pelbagai aras pemikiran supaya murid terbiasa dengan soalan-soalan yang menjurus ke arah KBAT serta boleh memberi hujah. Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020) yang menunjukkan guru-guru di sekolah *MYPiB* yang lain tidak menggunakan sepenuhnya peluang untuk mengajukan soalan beraras tinggi sehingga menyebabkan murid kurang didorong untuk menggunakan kemahiran berfikir. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada guru-guru untuk menggunakan panduan subjek untuk merancang dan melaksanakan penerapan kemahiran berfikir secara lebih berpandu dan berimpak.

Seterusnya, dapatan menunjukkan pelaksanaan penerapan kemahiran pengurusan diri yang berfokus kepada penyimpanan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik dalam pengajaran KOMSAS. Kemahiran pengurusan diri yang berfokus kepada menyimpan fail dan nota maklumat dalam sistem yang tersusun dan logik amat penting bukan sahaja kepada murid sekolah malah, amat berguna dalam alam pekerjaan (Abdullah Ibrahim, 2004; Callens, 2021 dan Intan Marfarrina Omar et al., 2021).

Beralih kepada penerapan kemahiran penyelidikan, dapatan menunjukkan guru-guru melaksanakan penerapan kemahiran penyelidikan yang berfokus kepada mencari pelbagai perspektif daripada sumber yang pelbagai dan berbeza dalam pengajaran KOMSAS. Guru-guru juga sependapat bahawa murid sudah semakin pandai mencari maklumat daripada pelbagai sumber bahan bercetak dan media elektronik untuk menyiapkan tugas KOMSAS. Dapatan ini menunjukkan pihak sekolah melaksanakan pengajaran bersesuaian dengan saranan program *MYPIB* yang menegaskan pencapaian akademik yang unik dan pembangunan peribadi murid. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Gilstrap (2019), murid perlu bertanggungjawab untuk pembelajaran mereka sendiri dan digalakkan untuk mencuba yang berbeza dengan mengembangkan kemahiran penyelidikan. Dapatan lain yang turut sependapat dengan kajian ini ialah kajian Jesinta Macsie Jaimis dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) yang menyatakan bahawa pelajar perlu berusaha untuk mengembangkan pengetahuan mereka sendiri melalui kemahiran penyelidikan.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS merangkumi beberapa tindakan bagi memastikan penerapan kemahiran ini memberi kesan kepada murid-murid. Dapatan menunjukkan guru melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara terancang, eksplisit, berfokuskan murid serta mengimplementasikan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang membawa satu perubahan kepada amalan pengajaran iaitu sebelum ini guru mengajar kandungan pelajaran dan memasukkan aktiviti yang boleh membina kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bersosial, tetapi berdasarkan kajian ini, guru-guru menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran sebagai pemacu kepada pemerolehan pengetahuan dan peningkatan penguasaan isi kandungan pelajaran dalam kalangan murid.

Jelaslah di sini, tindakan guru-guru ini menjurus ke arah penggabungan teori konstruktivisme yang berfokuskan *Scaffolding* iaitu guru sebagai fasilitator atau pemudah cara yang membimbing murid-murid menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran dan kandungan pembelajaran. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Sarikas (2018) dan Zuridah Hanim Akhir (2018). Guru dapat merangsang pembelajaran dengan memberikan peluang yang banyak kepada pelajar untuk meneroka pembelajaran secara bersendirian dan memberikan rangsangan atau bantuan sekiranya pelajar memerlukannya. Melalui *Scaffolding*, murid-murid membina pengetahuan sedia ada supaya lebih berkembang di samping membuat penyelidikan untuk mendapatkan pengetahuan sama ada dari dalam negara mahupun luar negara. Walaupun murid belajar secara akses sendiri menggunakan kemahiran penyelidikan di

laman sosial, guru berperanan sebagai pemudah cara. Rasional utama penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran diperkenalkan adalah untuk membantu pelajar belajar serta membina ilmu. Penyelidikan ini melihat guru sebagai pemudah cara. Guru bukan lagi secara terus-menerus memberi maklumat kepada pelajar-pelajar, tetapi melalui *Scaffolding*, guru membuka peluang supaya pelajar mampu dan dapat menemui maklumat dan mengendalikan pembelajaran mereka sendiri.

Kesimpulannya, melalui teori *Scaffolding*, guru membantu pelajar untuk menerapkan kemahiran belajar seperti kemahiran dalam PdPc. Pendekatan konstruktivisme (*Scaffolding*) berfokus kepada pembelajaran bermakna dan sepanjang hayat. Selain itu, proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran melengkapkan Langkah ketiga kitaran *Lesson Study*.

5.3.4 Proses Refleksi Terhadap Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah MYPIB KPM.

Seterusnya perbincangan berfokus kepada proses terakhir penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu amalan maklum balas yang dinamakan refleksi. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan amalan refleksi dilaksanakan secara aktif melalui empat kaedah iaitu pertama refleksi guru terhadap pengajaran sendiri. Kedua, refleksi sesama rakan guru. Ketiga, refleksi yang dilakukan oleh murid terhadap pengajaran guru dan keempat, refleksi sendiri murid terhadap penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran semasa mempelajari KOMSAS. Terdapat dua sebab utama refleksi perlu dilaksanakan oleh guru ataupun guru mendapatkan refleksi daripada murid. Pertama, refleksi dilaksanakan supaya proses penambahbaikan dapat dilakukan terhadap

perancangan dan pelaksanaan pengajaran. Kedua, refleksi dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Dapatan kajian pertama menunjukkan proses refleksi dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Pengkaji memasukkan aspek refleksi dalam objektif kajian dan soalan kajian memandangkan melalui refleksi, maklum balas atau tindakan susulan dapat dilakukan dalam kadar segera berbanding jenis pentaksiran yang lain. Hal ini turut dipersetujui oleh Arumugham (2019a), Eflanili (2021) dan Hanifah Mahat et al., (2021) yang dalam kajian mereka mendapati pentaksiran pada dasarnya lebih berfokus kepada pencapaian murid berbanding amalan refleksi yang merangkumi pelbagai aspek maklum balas.

Dapatan kajian ini menunjukkan amalan refleksi dilaksanakan secara aktif dalam PdPc. Memandangkan refleksi merupakan salah satu kluster yang terdapat dalam kategori Kemahiran Pengurusan Diri, maka guru telah menerapkan amalan refleksi dalam PdPc. Guru telah membiasakan murid untuk memberi refleksi atau maklum balas segera sama ada semasa PdPc berlangsung mahu pun setelah selesai waktu pengajaran. Antara aktiviti refleksi yang diterapkan secara eksplisit kepada murid ialah aktiviti murid memberi maklum balas secara lisan atau secara bertulis. Maklum balas bertulis murid biasanya ditampal pada sudut yang telah ditetapkan di dalam kelas. Murid juga boleh memberi maklum balas dengan mengangkat kad berwarna hijau menunjukkan murid faham, kad berwarna kuning menunjukkan kurang faham, mahupun kad berwarna merah menunjukkan tidak faham semasa PdPc berlangsung.

Tindakan yang dilakukan oleh guru dalam kajian ini turut disarankan oleh Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2017). Dalam kajian tersebut, mereka mencadangkan agar guru menggunakan kaedah penulisan sendiri, perbincangan kumpulan dan catatan peribadi murid untuk meneliti atau memantau tahap pemahaman murid-muridnya. Dalam kajian sebelumnya, Rafiza Abdul Razak (2013) juga menyatakan bahawa pelajar seharusnya diberikan peluang untuk membuat refleksi terhadap aktiviti yang dijalankan untuk pembentukan pengalaman bermakna dan mengukur tahap pemahaman sendiri murid. Hal ini amat penting dilakukan bagi membolehkan guru mendapat maklum balas segera tentang tahap keberkesanan pengajaran pada hari tersebut. Kesannya, guru akan mengekalkan corak pengajaran sedia ada sekiranya maklum balas positif diterima dan guru akan melakukan penambahbaikan sekiranya refleksi yang diberikan oleh murid menunjukkan hal yang sebaliknya. Tindakan guru ini menepati cadangan langkah keempat iaitu menilai pengajaran dan langkah kelima membuat penambahbaikan berdasarkan model *Lesson Study* yang dilaksanakan oleh sistem Pendidikan Jepun sejak 1900 (Zanaton Hj Iksan et al., 2014).

Amalan refleksi ini juga selari dengan kehendak sistem pendidikan negara yang menitikberatkan kemahiran abad ke-21 untuk melahirkan murid yang mampu menyoal, menjawab, membuat refleksi dan bertanggungjawab atas pembelajaran masing-masing (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Dalam panduan ini, guru bukan sahaja perlu melatih murid untuk mengajukan soalan, memberi pendapat dan cadangan, malah guru perlu melatih murid untuk membuat refleksi terhadap PdPc. Dengan cara ini kemahiran inkuiri murid meningkat dan guru mendapat maklum balas segera terhadap pengajaran pada hari tersebut.

Seterusnya, murid juga dilatih untuk melakukan refleksi terhadap pencapaian dan perkembangan kemahiran secara sendiri. Melalui proses ini, murid dapat belajar untuk menilai pencapaian sendiri serta berusaha untuk menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan pencapaian masing-masing. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Allas et al., (2020), Eflanili (2021) serta Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2017). Kajian menunjukkan murid perlu dilatih untuk membuat refleksi supaya murid dapat membandingkan pengetahuan asal dengan pengetahuan baharu dan merenung kembali proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan kepada pengetahuan sedia ada mereka. Murid juga boleh membuat refleksi untuk melihat sejauh manakah idea asal mereka telah berubah. Malah melalui penerapan amalan refleksi, murid diberi pendedahan dan pengetahuan tentang kemahiran membuat keputusan, memantau keupayaan menggunakan sesuatu strategi dan membuat penambahbaikan serta tindakan susulan terhadap sesuatu tugas. Refleksi sendiri murid ini penting untuk guru mendapat maklum balas awal untuk penambahbaikan perancangan dan pelaksanaan pengajaran.

Dapatan seterusnya menunjukkan refleksi yang dilaksanakan oleh guru sendiri untuk menilai keberkesanan pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Dengan melakukan refleksi, guru dapat berfikir secara analitik, kritis dan kreatif semasa menilai semula pengajarannya. Melalui amalan refleksi, guru-guru menilai kejayaan dan kegagalan setiap aktiviti, malah guru dapat membuat penambahbaikan untuk pengajaran akan datang. Keperluan untuk melaksanakan refleksi dinyatakan dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Dalam panduan ini guru dapat melihat,

mengkaji dan menentukan alternatif-alternatif dalam membuat keputusan. Antara peranan utama refleksi dalam amalan seorang guru ialah dapat menentukan justifikasi untuk mengubah tingkah laku atau amalannya. Hasil daripada refleksi sendiri ini, guru akan melakukan penambahbaikan terhadap perancangan dan pelaksanaan pengajaran masing-masing.

Umumnya, guru-guru di Malaysia melaksanakan refleksi melalui penulisan dalam rancangan harian (Chong et al., 2017; Nor Hasniza Ibrahim et al., 2006). Hal ini berbeza dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan guru-guru menulis refleksi bermula dari proses perancangan. Guru menulis refleksi dalam tiga aspek iaitu pertama, guru menulis refleksi sebelum pengajaran iaitu refleksi ditulis semasa proses perancangan. Kedua, refleksi semasa pengajaran iaitu refleksi ditulis dalam rancangan harian selepas setiap sesi pengajaran dan ketiga, refleksi selepas pengajaran iaitu refleksi ditulis setiap kali selesai pengajaran bagi sesuatu tema. Tindakan yang dilakukan oleh guru-guru dalam kajian ini selari dengan saranan yang terdapat dalam *IBO* (2014a). iaitu refleksi dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas pengajaran.

Selain itu, dapatan menunjukkan guru melakukan refleksi terhadap pengajaran rakan dalam panitia. Hal ini selaras dengan cadangan yang terdapat dalam model *Lesson Study* iaitu refleksi daripada rakan sekerja akan membantu rakan guru untuk bertindak melakukan penambahbaikan dalam perancangan mahupun pengajaran. Hal ini sepatutnya tidak memberi tekanan kepada rakan guru kerana pelaksanaan pengajaran tersebut dilakukan berdasarkan perancangan *SGO* dan Rancangan Unit yang dilakukan bersama-sama. Penambahbaikan terhadap perancangan kurikulum bertulis dan aktiviti akan dibuat semasa perancangan kolaboratif.

Dapatan kajian ini menunjukkan kepentingan dan cara pelaksanaan refleksi yang lebih teratur serta mengikut proses sehingga boleh menimbulkan impak baik penambahbaikan sama ada terhadap guru, murid, perancangan, mahupun pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati ada ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh guru untuk menilai tahap penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini. Guru perlu menyediakan senarai semak kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang lengkap berserta skala penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran untuk tujuan refleksi sendiri murid dan juga guru.

5.3.5 Rumusan Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian dapat menjawab soalan kajian dan objektif kajian yang berfokus kepada pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan guru-guru faham tentang kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru faham tentang konsep kemahiran pendekatan pembelajaran apabila dapat menjelaskan pengertian kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru dapat menghuraikan kategori dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran serta dapat menyenaraikan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran sama ada terhadap murid mahupun pihak sekolah.

Seterusnya, bagi menjawab soalan kajian kedua, dapatan menunjukkan bahawa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS merangkumi perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Secara tidak langsung, data

\menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara pemahaman guru dan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Pemahaman guru amat penting untuk memastikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan terancang dan teliti. Kajian ini menunjukkan pemahaman guru di sekolah *MYPIB* ini bukan sekadar pada teori, malah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini telah dibuktikan apabila guru dapat memberi maklumat secara terperinci tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS. Kajian menunjukkan bahawa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB* ini dilaksanakan secara terancang serta anjal untuk menerima penambahbaikan berdasarkan refleksi.

Selain itu, dapatan menunjukkan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini menepati standard pelaksanaan yang telah disepakati oleh pihak IB World School dan KPM. Hal ini dapat dibuktikan apabila sekolah *MYPIB* ini telah sekali lagi berjaya dalam proses verifikasi yang dijalankan pada 22 Oktober 2021. Impaknya, hasil dapatan kajian ini telah berjaya disusun atur untuk pembinaan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS berserta panduan pelaksanaannya. Hasil kajian ini memberi sumbangan baharu dari aspek teoretikal dan praktikal memandangkan masih terlalu kurang kajian dijalankan tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran khususnya dalam pengajaran KOMSAS walaupun sudah lebih daripada lima tahun sekolah *MYPIB* diperkenalkan di Malaysia. Jadi, kajian ini merupakan kajian rintis untuk meneroka pemahaman guru serta proses penerapan kemahiran pendekatan

pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Perbincangan secara lebih terperinci akan dimasukkan dalam topik dan subtopik seterusnya.

5.4 Implikasi Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini menghasilkan beberapa implikasi terhadap teori dan praktis bagi penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Cadangan terhadap implikasi ini dibincangkan pada bahagian ini bagi menyempurnakan hasil kajian.

5.4.1 Implikasi Teori


Implikasi teori dalam penyelidikan ini merujuk perbincangan tentang dapatan kajian yang membantu ahli akademik dalam mengukuhkan bidang ilmu berkaitan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran berdasarkan teori-teori yang mendasari kajian. Dapatan kajian lepas membuktikan teori konstruktivisme, model *Scaffolding* (pecahan daripada teori Konstruktivisme), model *Lesson Study* dan kerangka Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran membantu guru dalam proses PdPc. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan teori-teori ini dijalankan secara berasingan dan kajian empirikal yang menggabungkan teori-teori ini secara teoritikal sebagai satu kerangka adalah sangat terhad terutamanya dalam konteks penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran di sekolah *MYPIB* di Malaysia. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan dalam bidang ilmu melalui pembinaan Kerangka Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Kombinasi teori konstruktivisme, model *Scaffolding* yang juga merujuk teori konstruktivisme, model *Lesson Study* dan Kerangka Kemahiran Pendekatan Pembelajaran yang menjadi asas kepada kerangka teoretikal kajian ini didapati selari dengan hasil kajian. Hasil analisis dan perbincangan dapatan kajian ini telah membentuk satu kerangka yang dinamakan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

5.4.1.1 Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

Dapatan penyelidikan ini memberi gambaran berkaitan pemahaman tentang kemahiran pendekatan pembelajaran yang perlu dikuasai oleh guru dan seterusnya proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi yang perlu diikuti oleh guru bagi memastikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dapat dilaksanakan dengan baik serta memenuhi keperluan program *MYPIB*. Dapatan penyelidikan ini menemukan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, Malaysia. Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS ini terhasil daripada pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran, proses penerapan kemahiran yang diamalkan oleh guru serta gabungan maklumat yang diperoleh melalui analisis dokumentasi.

Secara ringkasnya kerangka ini digambarkan dalam Rajah 5.1 Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM ini dihasilkan daripada dapatan kajian yang dijalankan ke atas peserta kajian.



Rajah 5.1 Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS.

5.4.1.2 Panduan Pelaksanaan

5.4.1.2.1 Langkah Pertama (Pemahaman Guru Terhadap Kemahiran Pendekatan Pembelajaran)

Kerangka ini bermula daripada pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran. Sebagai asas, guru perlu benar-benar faham tentang tiga aspek penting berkaitan kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu:

- a. Guru perlu faham tentang pengertian kemahiran pendekatan pembelajaran.
- b. Guru perlu faham tentang konsep kemahiran pendekatan pembelajaran.
- c. Guru perlu faham tentang kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan.

Guru-guru perlu memahami pengertian kemahiran pendekatan pembelajaran iaitu kemahiran belajar, belajar cara belajar dan kemahiran yang menyokong pembelajaran murid. Selain itu, kemahiran pendekatan pembelajaran ini boleh diimplementasikan dalam kehidupan harian, pembelajaran berkonsepkan jangka masa panjang serta berguna sepanjang hayat.

Selain itu, guru-guru perlu memahami konsep kemahiran pendekatan pembelajaran yang merujuk lima kategori besar iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran berfikir, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran penyelidikan. Guru-guru perlu faham bahawa terdapat pecahan kluster kemahiran daripada lima kategori kemahiran pendekatan pembelajaran ini yang perlu diterapkan kepada murid-murid.

Terakhir, guru perlu memahami kepentingan atau impak positif hasil pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran terutamanya pengajaran KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu.

Kesimpulannya, pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran perlulah berlandaskan teori konstruktivisme. Guru-guru perlu beriltizam untuk benar-benar memahami dan menguasai konsep, kandungan dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan menggabungkan pengetahuan sedia ada mereka dari aspek pedagogi dengan pengetahuan baharu mereka tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru perlu mendasari teori konstruktivisme ini dalam proses membina pemahaman yang kukuh tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*. Proses ini dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku secara berterusan berlandaskan kesungguhan dan pengalaman sedia guru. Apabila guru dapat memahami konsep kemahiran pendekatan pembelajaran, memahami kandungan kemahiran pendekatan pembelajaran dan memahami kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran, proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna dan impak positif hasil penerapan ini dapat dirasakan oleh murid-murid.

5.4.1.2.2 Langkah Kedua (Proses Perancangan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS)

Setelah guru faham tentang kemahiran pendekatan pembelajaran, proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan refleksi dapat dilaksanakan. Proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini bermula daripada proses perancangan. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat empat panduan yang perlu diikuti oleh guru bagi memastikan perancangan yang dilakukan oleh guru dapat memenuhi keperluan pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*.

Empat panduan tersebut ialah:

- a. Guru perlu menghasilkan dokumen perancangan kurikulum bertulis.
- b. Guru perlu merujuk rujukan utama yang ditetapkan oleh *MYPIB* dan KPM dalam menghasilkan dokumen perancangan kurikulum bertulis.
- c. Guru perlu memanfaatkan aktiviti perancangan berkolaboratif untuk bekerjasama sesama rakan panitia bagi menghasilkan dokumen perancangan.
- d. Guru perlu merancang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara terperinci.

a) Guru perlu menghasilkan dokumen perancangan kurikulum bertulis.

Guru mata pelajaran perlu merancang sendiri dokumen perancangan kurikulum bertulis bagi subjek masing-masing. Dalam kajian ini, guru Bahasa Melayu perlu betul-betul mengikuti proses perancangan kerana bermula daripada proses perancangan, proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang melibatkan pelaksanaan dan refleksi dapat dijalankan dengan sempurna. Semasa proses perancangan, guru-guru

perlu menyediakan dokumen perancangan kurikulum bertulis yang lengkap untuk subjek Bahasa Melayu. Dokumen perancangan kurikulum bertulis ini terdiri daripada:

1. Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (*SGO*)
2. Rancangan Unit
3. Rancangan Harian
4. Rancangan Pemetaan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.

SGO ialah dokumen perancangan kurikulum bertulis utama yang perlu dirancang oleh guru. *SGO* yang dirancang perlulah lengkap untuk kegunaan sepanjang tahun serta mengandungi maklumat lengkap tentang keseluruhan Rancangan Unit untuk pengajaran tahun semasa.

Setelah *SGO* yang lengkap disiapkan, guru-guru perlu menyiapkan dokumen perancangan kurikulum bertulis yang kedua iaitu Rancangan Unit. Rancangan Unit ialah perancangan yang dihasilkan mengikut unit yang merujuk kepada tema kandungan pelajaran. Kebiasaannya, untuk setahun pengajaran, guru perlu menyediakan empat hingga enam Rancangan Unit setahun tertakluk kepada kandungan pelajaran yang ditetapkan dalam DSKP. Guru-guru perlu merancang setiap Rancangan Unit yang lengkap dengan kemahiran pendekatan pembelajaran, aktiviti dan soalan tugas. Perancangan yang dilakukan oleh guru subjek sendiri akan memberi impak yang sangat baik kepada pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memandangkan guru membuat perancangan berdasarkan tahap, latar belakang dan keperluan anak murid mereka sendiri.

Seterusnya, dokumen ketiga yang perlu dirancang oleh guru ialah Rancangan Harian. Rancangan Harian yang dirancang di sekolah *MYPIB* berbeza daripada rancangan harian di sekolah arus perdana yang lain kerana Rancangan Harian *MYPIB* hanya memberi fokus kepada refleksi. Dalam Rancangan harian ini, guru Bahasa Melayu perlu menulis refleksi semasa yang berlaku pada masa pengajaran dilaksanakan sementara refleksi sebelum pengajaran dirancang dan ditulis dalam *SGO* dan refleksi selepas pengajaran ditulis dalam Rancangan Unit sebaik sahaja guru selesai mengajarkan setiap satu Rancangan Unit.

Dokumen perancangan kurikulum bertulis terakhir yang perlu dirancang oleh guru ialah rancangan pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran. Guru perlu merancang kemahiran pendekatan pembelajaran dan kluster kemahiran pendekatan pembelajaran yang ingin diterapkan bagi subjek Bahasa Melayu. Perancangan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dibuat perlulah berpandukan buku Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan agar apabila pemetaan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi semua subjek dilakukan oleh penyelaras *ATL*, hasilnya menunjukkan murid-murid dapat menguasai keseluruhan kluster dalam kategori kemahiran pendekatan pembelajaran. Keberkesanan perancangan ini dapat melahirkan murid yang menguasai kemahiran belajar dan seterusnya kemahiran ini dapat digunakan dalam kehidupan sepanjang hayat.

Berdasarkan Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS ini, guru Bahasa Melayu perlu betul-betul mengikuti empat panduan proses perancangan yang dijelaskan sebelum ini kerana disebabkan proses perancangan yang teliti, proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang melibatkan pelaksanaan dan refleksi dapat dijalankan dengan sempurna.

b) Guru perlu merujuk rujukan utama yang ditetapkan oleh *MYPIB* dan KPM dalam menghasilkan dokumen perancangan kurikulum bertulis.

Dalam proses merancang pengajaran, guru perlu berpandukan dokumen rujukan utama yang ditetapkan oleh *MYPIB* dan KPM. Rujukan tersebut ialah:

1. Dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan
2. Dokumen Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (*Language and Literature Subject Guide*)
3. Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4

Dokumen Daripada Prinsip kepada Pelaksanaan ialah dokumen yang mengandungi maklumat lengkap tentang keseluruhan program *MYPIB*. Guru-guru perlu merujuk dokumen ini bagi memastikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dirancang dan dilaksanakan mengikut kerangka *MYPIB* yang telah ditetapkan oleh *IBO*.

Dokumen kedua yang perlu dirujuk oleh guru ialah Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan (*Language and Literature Subject Guide*). Dokumen ini dihasilkan khas untuk guru-guru yang mengajarkan subjek Bahasa dan Kesusasteraan di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, bagi sekolah *MYPIB* KPM, Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan ini digunakan sebagai rujukan untuk subjek Bahasa Melayu. Guru-guru perlu merujuk dokumen ini bagi memastikan perancangan yang dibuat mencakupi panduan yang telah ditetapkan dalam kerangka *MYPIB*. Menjurus kepada perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, bahagian petunjuk kemahiran pendekatan pembelajaran perlu dirujuk oleh guru kerana pihak *MYPIB* telah memfokuskan kategori kemahiran pendekatan pembelajaran dan kluster yang bersesuaian untuk diterapkan dalam subjek Bahasa dan Kesusasteraan.

Dokumen ketiga yang wajib dirujuk oleh guru semasa membuat perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ialah Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4. DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4 merupakan dokumen yang dihasilkan oleh KPM untuk dirujuk dan dipatuhi pelaksanaannya dalam PdP Bahasa Melayu Tingkatan 4 di Malaysia.

c) Guru perlu bekerjasama dan berbincang sesama rakan panitia untuk menghasilkan dokumen perancangan semasa perancangan berkolaboratif.

Seterusnya, guru perlu bekerjasama sesama rakan panitia dalam perancangan berkolaboratif untuk menghasilkan dokumen perancangan kurikulum bertulis. Perancangan kolaboratif ialah masa pertemuan untuk guru-guru membuat perancangan, membuat penambahbaikan terhadap perancangan yang telah dihasilkan serta pertemuan untuk penyampaian maklumat dan latihan dalaman berkaitan kerangka pengajaran *MYPIB*. Guru-guru perlu membudayakan perancangan kolaboratif selaras dengan lima

Langkah yang disarankan dalam *Lesson Study*. Guru-guru wajib menyertai perancangan kolaboratif yang jadualnya ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah.

d) Guru perlu merancang penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara terperinci.

Guru perlu membuat perancangan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara teliti. Fokus perlu diberikan untuk menghasilkan perancangan yang membolehkan murid-murid menguasai kemahiran pendekatan pembelajaran mengikut pemingkatan, iaitu permulaan, perkembangan dan penguasaan. Tugas dan aktiviti yang dirancang juga perlu mengikut tahap murid, bakat serta pengetahuan sedia ada murid bagi memastikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran memberi kesan yang maksimum kepada murid.

5.4.1.2.3 Langkah Ketiga (Proses Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS)

Langkah ketiga yang disarankan dalam Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS ini ialah proses pelaksanaan penerapan kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Guru-guru perlu melaksanakan perkara-perkara berikut semasa proses pelaksanaan dijalankan:

- a. Guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berdasarkan dokumen perancangan kurikulum bertulis.
- b. Guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara eksplisit.
- c. Guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara berpusatkan murid.

- d. Guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran menggunakan Petunjuk Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan.

Semasa melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, guru mestilah melaksanakannya berdasarkan dokumen perancangan kurikulum bertulis yang telah dirancang secara teliti semasa proses perancangan. Proses pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dilakukan secara eksplisit. Guru memaklumkan kemahiran pendekatan pembelajaran sebelum memulakan pengajaran serta mencatatkan kemahiran pendekatan pembelajaran di papan putih agar murid mengetahui dan sedar akan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diterapkan semasa PdPc.

Seterusnya, guru melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS secara berpusatkan murid. Guru melaksanakan aktiviti yang memerlukan murid aktif menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran seperti mencari maklumat, berkolaboratif dan memanfaatkan pengetahuan sedia ada. Pada peringkat ini, guru berfungsi sebagai fasilitator atau pemudah cara sesuai dengan pendekatan *Scaffolding* dalam teori Konstruktivisme. Semasa proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan, guru memberi peluang kepada murid untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran. Sebagai fasilitator, guru memberi panduan, merangsang melalui soalan, memantau kelancaran masa serta memberi refleksi terhadap pembelajaran murid-murid.

Seterusnya, guru melaksanakan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dengan memberi fokus kepada kerja berkumpulan. Guru perlu menimbulkan suasana yang membuatkan murid-murid berkolaboratif dengan ahli berkumpulan. Penentuan ahli kumpulan dilakukan dengan pelbagai cara bagi memastikan ahli kumpulan sentiasa berubah dan murid-murid membina kemahiran sosial dan komunikasi. Antara cara pelaksanaannya adalah penentuan ahli ditentukan secara rawak dan adakalanya penubuhan kumpulan dilakukan mengikut bakat dan pengalaman murid.

Bagi memastikan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dilaksanakan secara maksimum, guru-guru perlu merancang pengajaran KOMSAS di luar bilik darjah. Guru disarankan untuk merangka pengalaman pembelajaran murid dengan menggunakan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi menjayakan persembahan seperti bersajak, bersyair dan berdrama yang bukan sahaja untuk tontonan warga sekolah, malah digunakan dalam aktiviti kebajikan seperti persembahan di rumah kanak-kanak dan orang-orang tua.

5.4.1.2.4 Langkah Keempat (Proses Refleksi Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS)

Menerusi Kerangka Penerapan Kemahiran pendekatan pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS, langkah keempat dan terakhir yang perlu dilaksanakan oleh guru dalam proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah refleksi. Proses refleksi ini amat penting dilaksanakan bagi memastikan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS berjalan lancar dan memberi impak yang positif kepada penguasaan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam kalangan murid-murid. Proses refleksi ini melibatkan murid-murid dan guru-guru.

Proses refleksi yang perlu dilaksanakan ialah:

- a) Proses refleksi yang berfokuskan murid untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS.
- b) Proses refleksi yang berfokuskan guru untuk mendapatkan maklumat bagi membuat penambahbaikan terhadap perancangan dan pelaksanaan pengajaran.

Guru perlu melaksanakan proses refleksi untuk mendapatkan maklum balas segera tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS dengan meminta murid-murid untuk melakukan dua perkara iaitu:

1. Murid memberi refleksi terhadap penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran KOMSAS semasa atau seurus sebelum PdPc ditamatkan. Refleksi yang dilakukan oleh murid boleh secara lisan ataupun bertulis.
2. Murid membuat refleksi sendiri terhadap pencapaian dan perkembangan kemahiran pendekatan pembelajaran mereka. Guru menyediakan buku laporan atau rekod kemahiran pendekatan pembelajaran untuk diisi oleh murid-murid.

Kedua-dua proses refleksi yang dilakukan oleh murid ini amat membantu guru dan murid untuk melakukan penambahbaikan terhadap proses pengajaran guru dan usaha meningkatkan kemahiran pendekatan pembelajaran murid sehingga mereka mampu menguasai kandungan pelajaran KOMSAS dengan baik.

Seterusnya, proses refleksi yang dilaksanakan oleh guru untuk mendapatkan maklumat supaya guru dapat membuat penambahbaikan terhadap perancangan dan pelaksanaan pengajaran. Proses ini memerlukan guru untuk menulis refleksi sebelum, semasa dan selepas pengajaran yang melibatkan kurikulum bertulis seperti *SGO*, Rancangan Harian dan Rancangan Unit. Proses refleksi untuk penambahbaikan ini juga boleh dibuat dengan melibatkan rakan panitia Bahasa Melayu yang lain. Guru-guru boleh menyusun jadual giliran untuk memantau pengajaran ahli panitia yang lain. Penambahbaikan boleh dibuat berdasarkan refleksi rakan guru. Sekiranya perlu, proses penambahbaikan ini boleh dilakukan bermula dari proses perancangan. Hal ini selaras dengan lima langkah pengajaran yang disarankan dalam *Lesson Study*.

Kesimpulannya, penyelidikan ini telah menunjukkan kepentingan pemahaman guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran yang impaknya akan membawa kepada proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang tersusun dan rapi merangkumi proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Kesan daripada proses yang lengkap seperti yang disarankan dalam Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran, diharapkan guru-guru dapat melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang mampu melahirkan murid yang berkemahiran, berketerampilan serta berjaya menjalani kehidupan sebagai murid yang cemerlang dan berguna sehingga akhir hayat.

5.4.2 Implikasi Praktikal

5.4.2.1 Implikasi kepada Guru-Guru Bahasa Melayu

Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang merangkumi pemahaman guru, proses perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Dapatan menunjukkan guru-guru faham tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses yang perlu dilalui untuk menghasilkan pengajaran penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang berkualiti dan memberi impak positif kepada kecemerlangan murid. Walaupun terdapat beberapa kajian tentang program *MYPIB* yang telah dijalankan, namun kebanyakan kajian tersebut dilaksanakan di luar negara dan mempunyai latar budaya yang berbeza daripada Malaysia. Tambahan pula, masih kurang kajian berkaitan kemahiran pendekatan pembelajaran dijalankan terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan yang dalam konteks Malaysia disesuaikan dengan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Maka, kajian ini telah mengisi kelompongan tersebut.

Kajian ini berupaya memberi pemahaman dan pengetahuan kepada guru tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dibuat oleh Almusharraf et al., (2020), Ayers et al., (2020), Bature., (2020), Brantley-Dias., (2021), dan Kleickmann et al., (2013) yang menjelaskan bahawa pengetahuan berupaya meningkatkan amalan profesional. Penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Dapatan kajian ini menunjukkan proses penerapan kemahiran pendekatan

pembelajaran yang dilakukan berasaskan pemahaman guru serta pematuhan kepada langkah-langkah tertentu semasa proses penerapan dijalankan berupaya meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran.

Kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh guru-guru di sekolah *MYPIB* tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran terutamanya bagi guru-guru Bahasa Melayu yang baru ditugaskan untuk mengajar di sekolah *MYPIB*, malah guru-guru yang sudah lama bertugas di sekolah *MYPIB* tetapi masih kurang penguasaan terhadap proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Selain itu, Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS yang dihasilkan ini mampu memberi sumbangan dan kemudahan kepada guru-guru yang masih belum dapat menguasai proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran atas faktor kekurangan rujukan dalam Bahasa Melayu serta belum pernah mendapat latihan dan kursus tentang proses ini. Kerangka ini juga diharapkan dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada guru-guru untuk menyesuaikan diri dalam sistem pendidikan bertaraf antarabangsa seperti *MYPIB*. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini berupaya mengisi kelompongan dalam aspek pemahaman dan pengetahuan guru. Kerangka dan garis panduan yang dihasilkan ini dapat membantu KPM serta guru Bahasa Melayu supaya dapat menerapkan kemahiran pendekatan pembelajaran menggunakan proses yang betul serta memberi impak kepada keberhasilan murid dan pencapaian hasrat KPM untuk menyediakan pendidikan yang bersifat global serta berguna sepanjang hayat.

5.4.2.2 Implikasi kepada Penggubal Dasar (Kementerian Pendidikan Malaysia)

Kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat kepada pihak penggubal dasar iaitu KPM berkaitan pemahaman guru-guru terhadap kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS yang dilaksanakan di sekolah *MYPIB*, KPM. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak penggubal dasar ini merupakan pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Tambahan pula, masih terlalu sedikit kajian tentang sekolah *MYPIB* dijalankan di Malaysia sedangkan program ini telah diimplementasikan di sepuluh buah sekolah terbaik di seluruh negara bermula pada tahun 2015.

Melalui kajian ini, didapati masih terdapat guru sama ada guru baharu atau guru yang sudah lama berkhidmat di sekolah *MYPIB*, tetapi masih tidak mendapat kursus atau latihan tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini secara rasmi. Pihak penggubal dasar perlu mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada guru-guru ini kerana penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran merupakan tunjang kejayaan pelaksanaan program *MYPIB*. Melalui penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran, karakter murid *MYPIB* yang berkemahiran bersosial, berkomunikasi, berfikir aras tinggi, pandai menguruskan diri dan berjiwa penyelidik dapat dibentuk terutamanya dalam proses mereka menimba ilmu pengetahuan dan sebagai persiapan untuk mereka menempatkan diri dalam dunia global. Oleh yang demikian, pihak penggubal dasar haruslah memastikan semua guru di sekolah *MYPIB*

mempunyai pemahaman yang betul tentang kemahiran pendekatan pembelajaran serta mampu menguasai proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Untuk memupuk pemahaman yang mantap dalam kalangan guru, pihak penggubal dasar boleh memberikan latihan yang berterusan kepada guru-guru di sekolah *MYPIB* khasnya guru-guru Bahasa Melayu. Program pembangunan yang berterusan kepada guru-guru akan memastikan guru-guru dapat melaksanakan program-program pendidikan berlandaskan matlamat yang telah digariskan. Oleh itu, pihak penggubal dasar haruslah mengadakan kursus dan latihan untuk membantu guru-guru untuk meningkatkan pemahaman tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu, Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS ini bolehlah dijadikan rujukan utama dalam kursus yang dijalankan. Kerangka yang terhasil daripada kajian dan analisis mendalam penyelidik yang bukan sahaja berdasarkan temu bual dengan guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu, malah penyelidik mendapatkan data daripada temu bual mendalam dengan pentadbir sekolah iaitu Penyelaras *MYPIB* dan Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.

Selain itu, kerangka yang dihasilkan ini adalah berdasarkan analisis mendalam penyelidik terhadap dokumen-dokumen rasmi *MYPIB* seperti rujukan utama Daripada Prinsip Kepada Pelaksanaan, Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan, laporan verifikasi daripada pihak *IBO*, minit mesyuarat, dokumen perancangan kurikulum bertulis serta tugas daripada pelajar yang dianalisis secara mendalam menggunakan perisian *ATLAS.ti* bagi menghasilkan satu kerangka yang lengkap dan terperinci yang

boleh dijadikan rujukan kepada guru-guru Bahasa Melayu bukan sahaja di sekolah *MYPIB*, KPM dan sekolah *MYPIB*, MRSM. Malah, kerangka ini boleh diguna pakai sebagai rujukan untuk meningkatkan lagi kemahiran insaniah bagi seluruh murid di sekolah arus perdana dalam rangka pendidikan Malaysia.

5.5 Cadangan Kajian Akan Datang

Berdasarkan dapatan kajian, perbincangan dan sumbangan kajian yang diperoleh, kajian ini secara keseluruhannya telah berjaya memberikan gambaran mendalam tentang proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS di sekolah *MYPIB*, KPM. Kajian ini boleh dijadikan sebagai asas, panduan dan rujukan kepada kajian selanjutnya. Kajian berkaitan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini amat penting dikaji dari pelbagai aspek agar lebih banyak manfaat diperoleh daripadanya. Antara cadangan yang dikemukakan untuk kajian akan datang adalah seperti berikut:

- i. Dari aspek reka bentuk kajian, kajian ini berbentuk kualitatif yang memberi fokus kepada kajian kes tunggal partikularistik iaitu kajian dijalankan di sebuah sekolah *MYPIB*, KPM bertaraf kluster yang terletak di luar bandar. Dalam kajian lanjutan, disarankan agar penyelidik meneruskan kajian kes partikularistik yang objektifnya untuk meneroka situasi khas di sesebuah sekolah dengan memberi tumpuan kepada sebuah sekolah *MYPIB* yang bertaraf sekolah berasrama penuh seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar atau Kolej Tunku Kurshiah. Hal ini dicadangkan demikian untuk melihat hasil kajian daripada latar belakang demografi kajian yang berbeza yang akan memberi faedah yang banyak kepada sistem pendidikan di Malaysia.

- ii. Cadangan kajian seterusnya masih tertumpu kepada reka bentuk kajian. Oleh sebab kajian ini merupakan kajian kualitatif, maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada kumpulan-kumpulan yang lain tetapi memberi laporan mendalam dan sumbangan khas kepada kes yang dikaji sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kes lain yang mempunyai keperluan yang sama, kajian ini boleh dijadikan rujukan dan hasil kajian boleh dikongsi bersama-sama. Sehubungan dengan itu, dicadangkan kajian akan datang dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif atau kombinasi kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan hasil kajian berkaitan tahap pencapaian atau kejayaan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran bagi sepuluh buah sekolah *MYPIB*, KPM ini.
- iii. Dari aspek persampelan kajian, kajian ini memberi fokus kepada guru sebagai peserta kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana objektif kajian tertumpu kepada penerokaan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Sebagai kajian lanjutan, dicadangkan agar persampelan kajian melibatkan guru dan juga pelajar agar dapatan kajian dapat memberi manfaat yang lebih luas.
- iv. Dari aspek konteks kajian. Kajian ini dilaksanakan di sekolah *MYPIB*, KPM kerana penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ialah elemen yang wajib dilaksanakan dalam program *MYPIB*. Dicadangkan agar kajian selanjutnya dijalankan di sekolah *MYPIB* MRSM, *MYPIB* swasta di Malaysia atau di negara Asia Tenggara agar hasil kajian lebih meluas serta boleh dijadikan rujukan dan perbandingan.
- v. Apabila melihat kepada perkembangan Pendidikan di Malaysia melalui analisis dokumen seperti PPPM 2013-2025 dan DSKP, sistem pendidikan Malaysia sedang bergerak ke arah PdP abad ke-21, penerapan KBAT dan pendidikan global yang boleh dicapai melalui penerapan kemahiran pendekatan

pembelajaran dalam program *MYPIB*. Dicadangkan agar kajian yang sama dilaksanakan di sekolah menengah KPM yang lain agar faedah penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran ini dapat disebar kepada lebih ramai pelajar di Malaysia. Kerangka dan garis panduan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk kajian lanjutan.

- vi. Kajian ini memberi fokus kepada penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran dalam pengajaran KOMSAS untuk subjek Bahasa Melayu atau dalam program *MYPIB* dinamakan sebagai subjek Bahasa dan Kesusasteraan. Kajian selanjutnya boleh dijalankan untuk mata pelajaran yang lain kerana penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran wajib dilaksanakan dalam semua subjek yang diajarkan di sekolah *MYPIB*.

5.6 Penutup

Penyelidikan ini merupakan satu penerokaan kepada pelaksanaan program *MYPIB* di Malaysia yang setakat ini masih belum ada kajian peringkat kedoktoran dalam bidang ini dijalankan di Malaysia. Penyelidikan ini meneroka pemahaman guru-guru yang mengajarkan subjek Bahasa Melayu dan guru-guru yang memegang jawatan khas dalam jawatan pentadbiran berkaitan dengan program *MYPIB* seperti Penyelaras *MYPIB* dan Penyelaras Kemahiran Pendekatan Pembelajaran. Setelah meneroka pemahaman guru yang menjadi asas kejayaan pelaksanaan program, kajian ini melanjutkan penerokaan berkaitan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran KOMSAS.

Hasil penyelidikan mendapati bahawa guru-guru menunjukkan pemahaman yang baik terhadap pengertian, konsep dan kepentingan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran. Dari aspek proses pelaksanaan, dapatan menunjukkan guru-guru telah melaksanakan proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang bermula dari perancangan, seterusnya pelaksanaan dan diakhiri dengan refleksi. Pemahaman guru serta pelaksanaan proses didapati menepati kerangka teori kajian yang menggabungkan teori konstruktivisme sebagai tunjang kajian, pendekatan *Scaffolding* (konstruktivisme) yang lebih menjurus kepada peranan guru, pendekatan *Lesson Study* yang memberi tumpuan kepada lima langkah iaitu penentuan matlamat, perancangan, pelaksanaan, refleksi dan penambahbaikan serta yang terakhir Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran.

Selain itu, hasil daripada kaedah pengumpulan data kualitatif secara mendalam melalui tiga kaedah (triangulasi) iaitu temu bual, analisis dokumen serta analisis jawapan bertulis dalam melengkapkan cerita yang menunjukkan pemahaman guru tentang penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran serta proses penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah ini adalah mengikut standard atau ketetapan yang telah dipersetujui bersama-sama oleh pihak IB World School (*MYPIB*) dan KPM. Hasilnya, satu sumbangan besar telah dihasilkan oleh penyelidikan ini iaitu Kerangka Penerapan Kemahiran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM yang disertai dengan garis panduan pelaksanaan yang lengkap untuk dijadikan panduan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Walaupun hasil kajian kualitatif tidak boleh digeneralisasikan, namun kerangka dan garis panduan ini mampu dijadikan rujukan bukan sahaja oleh guru-guru Bahasa Melayu, malah

kerangka dan garis panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh guru-guru subjek lain memandangkan penerapan kemahiran pendekatan pembelajaran wajib dilaksanakan dalam PdP setiap subjek serta aktiviti kokurikulum pelajar.

Selain itu, Kerangka Penerapan Kemahiran Pendekatan Pembelajaran dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *MYPIB*, KPM yang disertakan garis panduan pelaksanaan ini layak dijadikan rujukan kerana dihasilkan dengan teliti serta mengikut semua proses dan prosedur pelaksanaan yang disarankan oleh *IB World School* serta mengambil kira keperluan kurikulum KPM. Sebagai tambahan, modul dan garis panduan yang dihasilkan ini merupakan hadiah kepada guru-guru di Malaysia kerana modul dan garis panduan ini ditulis dalam bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu serta disesuaikan dengan sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana antara cabaran pelaksanaan program *MYPIB* yang dinyatakan oleh guru ialah cabaran dari aspek pemerolehan maklumat yang melibatkan kekangan bahasa kerana hampir semua rujukan tentang *MYPIB* ditulis dalam Bahasa Inggeris. Sebagai penutup, penyelidikan ini memberikan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan dari aspek kaedah penyelidikan, persampelan kajian dan konteks kajian.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Abdul Rasid Jamian & Mohd Rashid Md Idris. (2022). Transformation of Education in Malay Language to Contribute Future Development of Donation. *Proceeding International Conference on Culture, Language and Literature IC2LC*, 287-290.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu: *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1) (2016) : 39-45
- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof dan Mohd Isha Awang. (2016). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, 1 (2016): 599-608. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia: Sintok.
- Abdullah Ibrahim. (2004, September). Pembelajaran berpusatkan pelajar dan kaitannya dengan pembangunan diri dan peluang pekerjaan. Dalam *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan. Malaysia: Universiti Malaysia Pahang*.
- Abrahamson, D., dan Sánchez-García, R. (2016). Learning is moving in new ways: The ecological dynamics of mathematics education. *Journal of the Learning Sciences*, 25, 203–239.
- Ackermann, E. (2001). Piaget’s constructivism, Papert’s constructionism: What’s the difference. *Future of learning group publication*, 5(3), 438.
- Adapazari Enka Schools. (2016). MYP Service Learning Booklet.
- Ain Nur Atika Agus (2021). Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (The Level of Knowledge and Readiness Malay Language Teachers’ to Implementation Different Approach in Home Teaching and Learning during Movement Control Order). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Aktas, B. C., & Guven, M. (2015). Comparison of secondary education mother tongue teaching courses in the international baccalaureate program with the national program in terms of critical thinking. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 15(1).

- Alemi, M., & Tajeddin, Z. (2020). Reflection and good language teachers. Lessons from good language teachers, (pp. 41-53). United Kingdom: Cambridge University Press. doi: 10.1017/9781108774390
- Allas, R., Leijen, A., & Toom, A. (2020). Guided reflection procedure as a method to facilitate student teachers' perception of their teaching to support the construction of practical knowledge. *Teachers and Teaching*, 24(1), 1-27. doi: 10.1080/00313831.2016.117250
- Almusharraf, A. M. (2020). Student Teachers' Development of Reflective Practice concerning Teaching Philosophy and Peer Observations. *Arab World English Journal*, 11(4), 547-564. doi: 10.24093/awej/vol11no4.35
- Al-Zoubi, S. M., & Younes, M. A. B. (2015). Low academic achievement: Causes and results. *Theory and Practice in Language Studies*, 5(11).
- Ani Munirah Mohamad (2013), *Using ATLAS.ti 7 for Researching Into the Socio-Legal Implications of ICT Adoption in the Malaysian Courts*. Technical University of Berlin, Berlin, Germany
- Anita, H. S. & Priyank, J. (2021). Pedagogical Aspects Of Ecogothic Elements In Ruskin Bond's Novellas. *Gema Online Journal Of Language Studies*. 258-274.
- Arani, M. R. S. (2017). Raising the quality of teaching through Kyouzai Kenkyuu—the study of teaching materials. *International Journal for Lesson and Learning Studies*.
- Aras, S. (2020). Action Research and Teacher Portfolio as Two Strong Teacher-Led Professional Development Designs. In *Overcoming Current Challenges in the P-12 Teaching Profession* (pp. 51-72). IGI Global. doi: 10.4018/978-1-7998-1177-0.ch003
- Ardiana Aziz, Saedah Siraj, Ghazali Darusalam, dan Che Aleha Ladin. (2019). Aplikasi Pemikiran Kritis Semasa Pembelajaran Berasaskan Projek Pendidikan Seni Visual Dalam Kalangan Guru Pelatih." *Jurnal Melayu Sedunia* 2(1), 352-379.
- Arniza Mokhtar, dan Zamri Mahamod. (2018). Jenis-jenis penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran guru Bahasa Melayu berdasarkan tajuk pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 22-32.
- Arumugham, K. S. (2018). *Merancang, melaksana dan mentaksir dalam konteks pentaksiran berasaskan sekolah: kajian kes guru-guru Prinsip Perakaunan tingkatan empat*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia: Sintok.

- Arumugham, K. S. (2019a). Merungkai dan merangkai kurikulum sebagai proses perancangan pengajaran dan pembelajara: Kajian kes guru-guru Prinsip Perakaunan. Dalam *Seminar Darulaman, IPG Kampus Darulaman, Kedah*.
- Arumugham, K. S. (2019b). Pentaksiran bilik darjah dan kemenjadian murid: pengukuran tahap perkembangan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam *The Second International Conference on Malay Language Teaching, Literature and Culture, Goethe University of Frankfurt* (pp. 25-26).
- Ashairi Suliman, Melor Md Yunus & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2019). The Influence of Locality, Training and Teaching Experience on the Approaches to Teaching Literature. *Arab World English Journal* (AWEJ, 10(1), 31-46. doi: 10.24093/awej/vol10no1.3
- Asmawati Mohamad Ali, Norizal Abdul Karim, Anita Mohamed, dan Noraihan Ismail. (2018). Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif dalam Subjek Kemahiran Dinamika bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21. *Sains Humanika*, 10(3), 25-36.
- Avalos, B. (2011). Teacher professional development in teaching and teacher education over ten years. *Teaching and teacher education*, 27(1), 10-20.
- Ayers, J., Bryant, J., & Missimer, M. (2020). The Use of reflective pedagogies in sustainability leadership education-A case study. *Sustainability*, 12(17), 6726. doi: 10.3390/su12176726
- Azhari Mariani, dan Zaleha Ismail. (2013). Pengaruh kompetensi guru matematik ke atas amalan pengajaran kreatif. Dalam *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)* (Vol. 2020, pp. 2006-2010).
- Azzam, T., Mason, S., Rykaczewska, A., Swope, M., Mansfield, M. dan Fayles, C. (2017). *A Study of The Implementation & Impact of The MYP: Next Chapter*. Claremont Evaluation Center, California
- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri*.
- Bailey, L., dan Cooker, L. (2018). Who Cares? Pro-social education within the programmes of the International Baccalaureate. *Journal of Research in International Education*, 17(3), 228-239.
- Balachandran, B. dan Wan Muna Ruzanna, W. M. (2021). Pelaksanaan Lesson Study (Amalan Kolaborasi) dalam peningkatan Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Tamil Daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 154-163

- Barkhuizen, G., & Mendieta, J. (2020). *Teacher identity and good language teachers. Lessons from good language teachers*. United Kingdom: Cambridge University Press. doi: 10.1017/9781108774390
- Batjo, Abdul Said Ambotang, Mohd Suhaimi Taat, Musirin Mosin, Abdull Sukor Shaari & Roslee Talip. (2021). Pengaruh Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Sabah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 13-27
- Bature, I. J., & Atweh, B. (2020). Mathematics Teachers Reflection on the Role of Productive Pedagogies in Improving Their Classroom Instruction. *International Journal of Educational Methodology*, 6(2), 319-335. doi: 10.1080/1366453031254833
- Beisly, A. H. (2020). *Approaches to learning: conceptualization and measurement of a key school readiness indicator*. Doctoral dissertation, University Of Oklahoma Graduate College.
- Belal, S. (2017). Participating in the International Baccalaureate Diploma Programme: Developing international mindedness and engagement with local communities. *Journal of Research in International Education*, 16(1), 18-35.
- Birdsall (2015). The Median is the Message: *A Good Enough Measure of Material Wellbeing and Shared Development Progress* 6(4). 343-357 <https://doi.org/10.1111/1758-5899.12239>
- Bogdan, R. B. & Taylor, S. J. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meaning*. John Wiley and Sons.
- Borg, S., & Sanchez, H. S. (2020). *Cognition and good language teachers. Lessons from good language teachers* (pp. 16-27). United Kingdom: Cambridge University Press. doi: 10.1017/9781108774390
- Brantley-Dias, L., Puvirajah, A., & Dias, M. (2021). Supporting teacher candidates' multidimensional reflection: a model and a protocol. *Reflective Practice*, 1(21), 1-16. doi: 10.1080/14623943.2020.1865904
- Braun, V., dan Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research A Practical Guide for Beginners* (1st ed.). SAGE Publications Ltd.
- Brookfield, S. D. (2020). Teaching for critical thinking. In *Handbook of Research on Ethical Challenges in Higher Education Leadership and Administration* (PP. 229-245). IGI Global.

- Bryant, D. A., Walker, A., dan Lee, M. (2016). A review of the linkage between student participation in the International Baccalaureate Continuum and student learning attributes. *Journal of Research in International Education*, 15(2), 87-105.
- Bunnell, T. (2011). The growth of the International Baccalaureate® Diploma Program: Concerns about the consistency and reliability of the assessments. Dalam *The Educational Forum* (Vol. 75, No. 2, pp. 174-187). Taylor & Francis Group.
- Bunt, B., & Gouws, G. (2020). Using an artificial life simulation to enhance reflective critical thinking among student teachers. *Smart Learning Environment*, 7(12), 1-19. <https://doi.org/10.1186/s40561-020-00119-6>
- Bustamante, A. S. dan Hindman, A. H. (2020). Construyendo en la Fuerza: Approaches to learning and school readiness gains in Latino children served by head start. *Early Childhood Research Quarterly*, 52, 124-137.
- Bustamante, A. S., White, L. J., dan Greenfield, D. B. (2018). Approaches to learning and science education in Head Start: Examining bidirectionality. *Early Childhood Research Quarterly*, 44, 34-42.
- Callens, J. A. B. (2021). Information Literacy Awareness Within the Diploma Years Programme of the International Baccalaureate. Dalam *IASL Annual Conference Proceedings*.
- Canaran, O., & Mirici, I. H. (2020). A new model of team teaching for teacher professional development: A case study of in-service English teachers. *Education and Science*, 45(201), 247-271. doi: 10.15390/EB.2020.8430
- Castillo-Clark, K. P. (2018). *International Mindedness: Phenomenological Inquiry into Teacher Candidate Experiences*. Tesis Doktor Falsafah, Loyola University Chicago.
- Cattaneo, A. A., & Motta, E. (2020). "I Reflect, Therefore I Am... a Good Professional". On the Relationship between Reflection-on-Action, Reflection-in-Action and Professional Performance in Vocational Education. *Vocations and Learning*, 1-20. doi: 10.1007/s12186-020-09259-9.
- Chaharbashloo, H., Gholami, K., Aliasgari, M., Talebzadeh, H., & Mousapour, N. (2020). Analytical reflection on teachers' practical knowledge: A case study of exemplary teachers in an educational reform context. *Teaching and Teacher Education*, 87, 1-15. doi: 10.1016/j.tate.2019.102931
- Cheok, M. L., Wong, S. L., Ahmad Fauzi Ayub, dan Rosnaini Mahmud. (2013). Teachers' Perceptions of E-Learning in Malaysian Secondary Schools. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 5(2), 20-33.

- Chen, H. T. (1990). *Theory-driven evaluations*. Sage.
- Cholifah, A. N., Asib, A., & Suparno, S. (2020). Reflective Teacher Journal to Develop Teacher's Professionalism. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 3(1), 22-30. doi.org/10.34050/els-jish.v3i1.9517
- Chong, O. S., Zamri Mahamod, dan Mohd Hamzah Mohd Izham. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Cingel Bodinet, J. (2016). Pedagogies of the futures: Shifting the educational paradigms. *European Journal of Futures Research*, 4(1), 1-11.
- Coe. R., Rauch. C. J., Kime. S., & Singleton. D. (2020). *Great Teaching Toolkit Evidence Review*. Cambridge: Cambridge Assessment International Education Press.
- Condoleon, M. (2019). *Talk The Tok and Walk The Wok: How International Baccalaureate subject teachers integrate Theory of Knowledge in their teaching (Case studies in India, Thailand and China)*. Tesis Doktor Falsafah. University of Sydney.
- Confrey, J., dan Kazak, S. (2006). A thirty-year reflection on constructivism in mathematics education in PME. Dalam *Handbook of research on the psychology of mathematics education* (pp. 305-345). Brill Sense.
- Cooperstein, S. E. dan Kocevar-Weidinger, E. 2004. Beyond active learning: A constructivist approach to learning. *Reference Services Review* 32(2): 141-148.
- Cresswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among Five Approaches* (3rd ed). Los Angeles, CA: Sage.
- Cresswell, J.W., & Poth, C. N. (2017). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Sage Publications.
- Cucchiara, M. (2016). Thinking locally: Attending to social context in studies of marketing and public education. *Peabody Journal of Education*, 91(1), 121-130.
- Dabrowski, A. (2016). *Research related to the International Baccalaureate: An annotated bibliography of 2015 studies*. The University of Melbourne
- Dang, T. K. A., Bonar, G., & Yao, J. (2021). Professional learning for educators teaching in English-medium-instruction in higher education: a systematic review. *Teaching in Higher Education*, 12(1). 1-19. doi.org/10.1080/13562517.2020.1863350

- Daniels, H. (2002). *Vygotsky and pedagogy*. Routledge.
- Dewey, J. (1986). Experience and education. Dalam *The educational forum* (Vol. 50, No. 3, pp. 241-252). Taylor & Francis Group.
- Dewey, J. (2013). *The school and society and the child and the curriculum*. University of Chicago Press.
- Dickson, A., Perry, L. B., dan Ledger, S. (2019). Letting go of the Middle Years Programme: Three schools' rationales for discontinuing an International Baccalaureate Program. *Journal of Advanced Academics*, 31(1), 35-60.
- Dinham, J., Choy, S. C., Williams, P., & Yim, J. S. C. (2020). Effective teaching and the role of reflective practices in the Malaysian and Australian education systems: A scoping review. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 9(6). 1-15. doi.org/10.1080/1359866X.2020.1824267
- Duggan, J. (2017). Interpreting and negotiating language policy at the local level: A case study from Catalan-speaking Spain. *Bellaterra Journal of Teaching & Learning Language & Literature*, 10(2), 77-91.
- Eflanili, Ç. (2021). *The effect of interdisciplinary collaboration in language learning: a case study*. Tesis Ijazah Sarjana, Maltepe Üniversitesi, Lisansüstü Eğitim Enstitüsü.
- ElSayary, A. (2021). Using a Reflective Practice Model to Teach STEM Education in a Blended Learning Environment. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 17(2), 1-12. do: 10.29333/ejmste/9699
- Ennis, R. H. (2002). Goals for a critical thinking curriculum and its assessment. *Developing minds*, 3, 44-46.
- Fàbregues, S., dan Fetters, M. D. (2019). Fundamentals of case study research in family medicine and community health. *Family medicine and community health*, 7(2).
- Fadzli Dahalan (2018). *Penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG)*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia: Sintok.
- Farah Azian Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman.(2018). Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *PENDETA*, 9, 80-101.
- Farrell, T. S. C. (2020). Professional development through reflective practice for English-medium instruction (EMI) teachers. *International Journal of Bilingual*

Education and Bilingualism, 23(3), 277-286. doi:
10.1080/13670050.2019.1612840

- Forde, N. J. (2017, December). Transactions in Transformation: The Challenge of Interdisciplinary Understanding in an International Baccalaureate World School. Dalam *AGU Fall Meeting Abstracts* (Vol. 2017, pp. ED13D-0196).
- Forrest, S. (2018). Can CPD enhance student-centred teaching and encourage explicit instruction of International Baccalaureate Approaches to Learning skills? A qualitative formative assessment and summative evaluation of an IB school's in-house CPD programme. *Journal of Research in International Education*, 17(3), 262-285.
- Forrest, S. E. (2019). *Does the International Baccalaureate Diploma Programme have potential to enhance the self-regulated learning of high-achieving students and students with learning difficulties?*. Tesis Doktor Falsafah, King's College London.
- Fullan, M., & Scott, G. (2014). New pedagogies for deep learning whitepaper: Education PLUS. *Seattle: Collaborative Impact SPC*.
- Gay, L., Mills, G. and Airasian, P. (2012) *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. 10th Edition, Pearson, Toronto
- Genc, M. (2015). The project-based learning approach in environmental education. *International Research in Geographical and Environmental Education*, 24(2), 105-117.
- Gilstrap, C. (2019). The Start of Something New: A Relationship between the AASL Framework for Learners and IB Approaches to Learning. *Knowledge Quest*, 47(5), 30-35.
- Gillet, J. (2014). Approaches to teaching and learning in the DP. *IB Africa, Europe & Middle East Regional Conference*.
- Gleeson, M. (2015). 'It's the nature of the subject': Secondary teachers' disciplinary beliefs and decisions about teaching academic language in their content classes. *Australian Journal of Language and Literacy*, 38(2), 104-114.
- Glesne, C. (1999). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. (2nd ed.). Longman.
- Glesne, C. (2016). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. Pearson. One Lake Street, Upper Saddle River, New Jersey.
- Gore, J. M. (2021). The quest for better teaching. *Oxford Review of Education*, 47(1), 45-60. doi: 10.1080/03054985.2020.1842182

- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59-82. doi:10.1177/1525822X05279903.
- Guillemin, M., & Gillam, L. (2004). Ethics, reflexivity, and “ethically important moments” in research. *Qualitative inquiry*, 10(2), 261-280.
- Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahrudin. (2019). Analisis persepsi pelajar melayu terhadap amalan komunikasi bukan lisan dalam kelas pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Melayu*. 18 (2) 244-255.
- Hanifah Mahat, Nurul Adila Anuar, Nasir Nayan dan Yazid Saleh. (2014). Pelaksanaan Pentaksiran Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Berasaskan Teknologi Di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 8(1), 1-24.
- Hanifat Mahat, Anuar Nurul, Hashim Mohmadisa, Nayan Nasir & Saleh Yazid. (2021). Pelaksanaan Pentaksiran Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Berasaskan Teknologi di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 8, 1-24.
- Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Hickman, L. A., Neubert, S., & Reich, K. (Eds.). (2009). *John Dewey between pragmatism and constructivism*. Fordham Univ Press.
- Hilal, Y. (2018). Do programmes delineating critical thinking as a learning outcome facilitate its teaching? International Baccalaureate Diploma Programme and Lebanese Baccalaureate Programme. *Topoi*, 37(1), 201-217.
- Hoon, T. S., Piaw, C. Y., dan Cheah, K. S. L. (2020). Strategies and Challenges of Pedagogical Leadership in CBTL implementation in IB MYP Language Acquisition (Mandarin): A Preliminary Report. *Educational Leader (PEMIMPIN PENDIDIKAN)*, 8(1), 95-105.
- Hughes, D., Law, B., & Meijers, F. (2017). New school for the old school: Career guidance and counselling in education. *British Journal of Guidance & Counselling*, 45(2), 133-137.
- Husairi Hussin & Nor Hasimah Ismail. (2020). Kewajaran Novel-Novel Pemenang Sayembara Diterjemahkan. *Journal of Social Science and Humanities* 16 (4), 1-13
- Husairi Hussin, Nor Hasimah Ismail dan Mohd Isha Awang. (2020). Keupayaan Novel Komsas Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid. *Malay Literature*, 33(2), 295–317.

- IBO. (2012) Approaches to learning (ATL) across the IB continuum.
- IBO (2014a) Language and Literature guide.
- IBO (2014b) MYP : From principles into practice.
- IBO (2013). The IB Learner Profile.
- IBO (2022). Facts and Figures. International Baccalaureate®. <https://www.ibo.org/about-the-ib/facts-and-figures/>
- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman dan Nor Asiah Ismail. (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS guru Bahasa Melayu di Kelantan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 47-60.
- Jaggil Apak dan Muhammad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 6-22.
- James, C. (2017). Lesson Study Report, Making Mathematical Connections.
- Jesinta Maxis Jaimis dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021). Keberkesanan Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Penyelesaian Masalah Serta Kepentingannya Kepada Pelajar Sekolah: Kajian Sistematis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 296-307.
- Karimi, M. N., & Nazari, M. (2021). Examining L2 teachers' critical incidents: a complexity theoretic perspective. *Innovation in Language Learning and Teaching*, 15(1), 81-98. doi.org/10.1080/17501229.2019.1676755
- Katsuno, M. (2019). The relationship between teachers' working conditions and teacher quality. In *Education in Japan* (pp. 87-103). Springer, Singapore.
- Keller-Schneider, M., Zhong, H. F., & Yeung, A. S. (2020). Competence and challenge in professional development: teacher perceptions at different stages of career. *Journal of Education for Teaching*, 46(1), 36-54.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018a) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018b) Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018c) Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019a) Laporan Tahunan PPPM 2018.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019b) Naratif Baharu Amalan Pendidikan. 2019
- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (2017) Teks Perutusan Hari Guru Tahun 2017 Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ku Hafisal Ku Mahamud dan Abdull Sukor Shaari, (2020). Penilaian Terhadap Tahap Efikasi Diri dan Pengetahuan Isi Kandungan dalam Kalangan Guru Matematik. *Jurnal Intelek*, 15(2), 1 - 11.
- Lai, Y. C., & Peng, L. H. (2020). Effective Teaching and Activities of Excellent Teachers for Sustainable Development of Higher Design Education. *Sustainability*, 12(28), 1-27. do: 10.3390/su12010028
- Lau, K. L. (2016). *The implementation of international mindedness in the International Baccalaureate Diploma Programme in Hong Kong second language Chinese classrooms*. Tesis Doktor Falsafah, The University of Hong Kong.
- Lee, M., Walker, A., dan Bryant, D. (2018). What leadership practices are associated with International Baccalaureate (IB) student achievement? An exploratory study of IB schools in Southeast Asia. *Peabody Journal of Education*, 93(5), 565-583.
- Leele Susana Jamian, Mohd Nazir Mohd Syarudin, Gurnam, K. S., Khairunnisa Othman & Norshiha Saidin. (2020). Multitasking and job satisfaction amongst secondary school teachers at the district of Klang, Selangor Malaysia. *Social and Management Research Journal*, 17(1), 61-80. Retrieved from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/13925>
- Leijen, A., Pedaste, M., & Lepp, L. (2020). Teacher agency following the ecological model: How it is achieved and how it could be strengthened by different types of reflection. *British Journal of Educational Studies*, 68(3), 295-310.
- Lenz, B., Wells, J., dan Kingston, S. (2015). *Transforming schools using project-based learning, performance assessment, and common core standards*. John Wiley & Sons.

- Lestari, N. P. (2021). Becoming a Reflective Pre-service English Teacher: Participatory Action Research. *Malaysian Journal of ELT Research*, 17(2), 74-86.
- Levy-Feldman, I. (2018). The good teacher for the twenty-first century: a “mentoring teacher” with heutagogical skills. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*.
- Li, N. (2012) Approaches to Learning : Literature Review.
- Liang, W., & Fung, D. (2021). Fostering critical thinking in English-as-a-second-language classrooms: Challenges and opportunities. *Thinking Skills and Creativity*, 39(20), 1871-1871. doi:10.1016/j.tsc.2020.100769
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. sage.
- Littlefield, A. R. (2011). *The Relations among Summarizing Instruction, Support for Student Choice, Reading Engagement and Expository Text Comprehension*. Tesis Doktor Falsafah, The Catholic University of America.
- Littlefield (2012). *(Re)generation: Place, Memory, Identity*. 82(1). 8-13.
- Lubbe, W., & Botha, C. S. (2020). The dimensions of reflective practice: a teacher educator's and nurse educator's perspective. *Reflective Practice*, 21(3), 287-300. <https://doi.org/10.1080/14623943.2020.1738369>
- Lüddecke, F. (2016). Philosophically rooted educational authenticity as a normative ideal for education: Is the International Baccalaureate’s Primary Years Programme an example of an authentic curriculum?. *Educational Philosophy and Theory*, 48(5), 509-524.
- Lunsford, Kristin Joy. (2017). *Challenges to Implementing Differentiated Instruction in Middle School Classrooms with Mixed Skill Levels* Walden Dissertations and Doctoral Studies. 5021.
- Lyons, N. (1998). Constructing narratives for understanding: Using portfolio interviews to scaffold teacher reflection. In N. Lyons (Eds.). *With portfolio in hand - Validating the new teacher professionalism* (pp. 103-119). New York, NY: Teachers College Press. <https://books.google.com.my/books>
- MacRailld, J. (2015). The International Baccalaureate Program: Meeting the needs of high-ability students in Qatar. *TalentEd*, 29(2015), 1-17.
- Manurung, S. Y., & Listiani, T. (2020). Menjadi Guru yang Reflektif Melalui Proses Berpikir Reflektif dalam Pembelajaran Matematika. *POLYGOT: Jurnal Ilmiah*, 58-83.

- Madrimov, B. K. (2021). Professional Training Is An Incentive For Moral And Aesthetic Education. *The American Journal of Social Science and Education Innovations*, 3(02), 109-113. doi.org/10.37547/tajssei/Volume03Issue02-17
- Markkanen, P., Välimäki, M., Anttila, M., & Kuuskorpi, M. (2020). A reflective cycle: Understanding challenging situations in a school setting. *Educational Research*, 62(1), 46-62. doi: 10.1080/00131881.2020.1711790.
- Marohaini Yusoff (2016). *Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif*. Dlm. Marohaini Mohd Yusoff (Editor), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian* (pp. 35-60). Penerbit Universiti Malaya.
- Marsha Lavania & Faizah Mohamad Nor (2021). *Factors Influencing the Implementation of Differentiated Instruction in English Language Instruction in Rural and Urban Secondary Schools of Johor Bahru*. 12(6).
- Masyuniza Yunos. (2015). Hubungan Sikap Dan Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dengan Kemahiran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 22-30.
- Mcdonald, B. T. (2014). A Retrospective Interview Study of Immigrant Students and Their Success in International Baccalaureate English/Literacy.
- McGregor, D. (2007). *Developing thinking: developing learning*. McGraw-Hill Education (UK).
- McSweeney, K., & Gardner, J. (2018). Lesson Study Matters in Ireland. In *Rural Environment. Education. Personality (REEP 2018)* (Vol. 11, pp. 304-313). Latvia University of Life Sciences and Technologies.
- Menekse, M. (2020). The reflection-informed learning and instruction to improve students' academic success in undergraduate classrooms. *The Journal of Experimental Education*, 88(2), 183-199. <https://doi.org/10.1080/00220973.2019.1620159>
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Fransisco: Jossey – Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples For discussion and Analysis*. Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed). Jossey Bass.

- Merriam, S.B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research* (4th ed.). John Wiley & Sons.
- Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Kualiti Pertimbangan Profesional Guru dan Penerapan IB Learner Profile berdasarkan Amalan Pentaksiran dalam Middle Years Programme International Baccalaureate. Dalam *Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*.
- Miles, M. B., dan Huberman, A. M. (1994) *Qualitative Data Analysis: An expanded sourcebook*. London: SAGE.
- Mohd Aizat Abu Hassan dn Kamarudin Musa. (2020) Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(2), 37-45.
- Mohd Ekram Al Hafiz Hashim, dan Muhammad Zaffwan Idris. (2016). Theoretical Framework and Development Motion Comic Instrument as Teaching Method for History Subject. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 2222-6990.
- Mohd Hasrul Kamarulzaman, Hazita Azman, dan Azizah Mohd Zahidi. (2015). Differentiation practices among the English teachers at PERMATA pintar national gifted and talented center. *Asian Social Science*, 11(9), 346.
- Mohd Isha Awang & Nurul Salmi Mohd Dazali. (2016). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalagan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 44-56.
- Mohd Isha Awang, Yaakob Daud, Abdull Sukor Shaari, Mohd Hasani Dali & Zolkefli Bahador. (2017). Penerokaan awal terhadap motivasi pembelajaran Bahasa Melayu di sebuah universiti awam di Malaysia. Dalam *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 811-818.
- Mohd Rohiman Subri dan Rohizani Yaakub (2021) Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu dalam Pengajaran Komponen Sastera: Satu Kajian Kes. *Asian People Journal*, 4(1), 50–64.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2020). Analisis komunikasi bukan lisan guru cemerlang bahasa melayu ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 267-277.
- Mohd Zairul. (2020). A thematic review on student-centred learning in the studio education. *Journal of Critical Reviews*, 7(2), 504–511.
- Muhammad Noor Abdul Aziz, Nurahimah Mohd Yusoff & Mohd Faiz Mohd Yaakob. (2020) Challenges in using authentic assessment in 21st century ESL

classrooms. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE) Vol. 9*

- Muhamad Fadhil bin Md Zain, Mahzan bin Arshad, Norul Haida bt Hj. Reduzan & Abdul Rasid Jamian. (2021) Pembangunan dan Pembinaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (Fdm). *International Journal of Aquatic Science*, 12(2)
- Nasir Hasan. (2014). *Pembelajaran berasaskan projek dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia: Satu kajian kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 59-67.
- Nathwani, S., & Martin, K. (2021). A dentist's guide to reflection: a framework for use in clinical practice. *Faculty Dental Journal*, 12(1), 38-43. doi: 10.1308/rcsfj.2021.9
- Ngang, T. K. dan Sulermutyrean, T. (2015). Kemahiran Insaniah Guru dan Penglibatan Guru dalam Membuat keputusan pengurusan sekolah. *Sains Humanika*, 4(1).
- Noorzailiza Zainal Abidin, Rozita Radhiah Said, Azhar Md Sabil, & Ahmad Fauzi Mohd Ayub. (2020). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Prosa Tradisional Di Sekolah Menengah [Teaching Practices of Malay Language Teachers in The 21st Century Traditional Prose Teaching and Learning in Secondary Schools]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(3), 67-82.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Azhar Wahid, & Nor Azimah Zakaria. (2018). Kajian Refleksi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Empati Dalam Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(4), 73-84.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab. UKM, Bangi Selangor.
- Norsahirah Ghani, Abdul Rasid Jamian & Norfaizah Abdul Jobar (2022). Meta-analysis of Reading Abilities Factors. *ICCCM Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 1–11. <https://doi.org/10.53797/icccmjssh.v1i2.1.2022>
- Nor Azlin M. T., Mohd Ariffuddin A. A., Jamaliah S. (2019) Tahap Kesediaan Guru dan Penerimaan Pelajar beserta Ibu Bapa dalam Penerapan Program International Baccalaureate Middle Years di Maktab Melayu Kuala Kangsar.

- Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif dan Muhammad Yusof Arshad. (2006). Kepentingan pemikiran dan amalan refleksi dalam pengajaran sains di kawasan luar bandar. Dalam *Annual Conference on Teacher Education, Kota Kinabalu, Sabah*.
- Nurahimah Mohd Yusoff, Abdul Malek Abdul Karim, Rohana Othman, Mohaida Mohin, dan Siti Azhani Abdull Rahman. (2013). Student-Centred Learning (Scl) In The Malaysian Higher Education Institutions. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education* 5(2).
- Nurahimah Mohd Yusoff, dan Rafisah Osman. (2010). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran di Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 25.
- Nuraini Abu Bakar dan Zanaton Hj Iksan. (2015, November). Perbandingan Kelas Terbuka dan Sesi Refleksi dalam Pelaksanaan “Lesson Study” di Antara Jepun dan Malaysia. Dalam *Proceeding of the 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 2, pp. 5-7).
- Nurharani Selamat, Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin, Anita Isa, Gopala Nair S. N., Nurhafizah Abdul Musid, Miftahuljanah Kamaruddin, Sofian Azmi Tajul Arus dan Susilawati Ehsan. (2019) Kajian Penilaian Middle Years International Baccalaureate Programme (MYPIB) Tahun 2018. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20.
- Nur Hidayah Hisham, Norfaizah Abdul Jobar, Abdul Rasid Jamian, dan Marini Norzan. (2021). Persepsi Bakal Guru Terhadap Kerjaya, Peranan Dan Beban Tugas Profesion Perguruan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 26-38.
- OECD (2018) *A Teachers' Guide to TALIS 2018*.
- Onyishi, C. N., dan Sefotho, M. M. (2020). Teachers' Perspectives on the Use of Differentiated Instruction in Inclusive Classrooms: Implication for Teacher Education. *International Journal of Higher Education*, 9(6), 136-150.
- Orakci, ş (2021). Teachers' Reflection and Level of Reflective Thinking on the Different Dimensions of their teaching practice. *International Journal of Modern Education Studies*, 5(1), 117-145
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pang, N. S. K. (2020). Teachers' Reflective Practices in Implementing Assessment for Learning Skills in Classroom Teaching. *ECNU Review of Education*, 3(5), 1-21. doi:10.2096/531120936290

- Pantić, N. (2021). Teachers' Reflection on their Agency for Change (TRAC): a Tool for teacher development and professional inquiry. *Teacher Development*, 25(2), 136-154. doi: 10.1080/13664530.2020.1868561
- Park, J., dan Ramaprasad, A. (2018). Toward ontology of designer-user interaction in the design process: A knowledge management foundation. *Journal of Knowledge Management*, 22(1), 201-218.
- Park, K., Caine, V., & Wimmer, R. (2014). The experiences of advanced placement and international baccalaureate diploma program participants: A systematic review of qualitative research. *Journal of Advanced Academics*, 25(2), 129-153.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Peng, C. F. dan Shashipriya Nadaraja, (2014) Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2). pp. 10-24. ISSN 2180-4842
- Peng, C. F., dan Siti Syahirah Yusof (2021). Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap peta pemikiran i-think dalam pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu di sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 15-25.
- Peng, C. F., dan Zul Hazmi Hamad (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 1-12.
- Peter, O. I., Abiodun, A. P. & Jonathan, O. O. (2010). Effect of constructivism instructional approach on teaching practical skills to mechanical related trade students in western nigeria technical colleges, *International NGO Journals*, 5 (3): 59-64.
- Phye, G. D. (2001). Problem-solving instruction and problem-solving transfer: The correspondence issue. *Journal of Educational Psychology*, 93(3), 571.
- Piaget, J. (1976). Piaget's theory. In *Piaget and his school* (pp. 11-23). Springer, Berlin, Heidelberg.

- Rabi'atul Athirah Muhamad Isa, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid dan Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah. (2021). Kesediaan Dan Kefahaman Guru Maharat Al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 93-102.
- Ragupathi, K. (2014). Virtually Vygotsky: using technology to scaffold student learning. *Technol Pedagogy*, 20.
- Razza, R. A., Martin, A., & Brooks-Gunn, J. (2015, December). Are approaches to learning in kindergarten associated with academic and social competence similarly?. In *Child & youth care forum* (Vol. 44, No. 6, pp. 757-776). Springer US.
- Resnik, J. (2020). All against all competition: The incorporation of the International Baccalaureate in public high schools in Canada. *Journal of Education Policy*, 35(3), 315-336.
- Resnik, J. (2008). *The production of educational knowledge in the global era*. BRILL.
- Roberts, P., Barblett, L., Boylan, F., & Knaus, M. (2021). Revitalising reflective practice in pre-service teacher education: developing and practicing an effective framework. *Reflective Practice*, 1-14. doi.org/10.1080/14623943.2021.1881888
- Robert E. Stake. (1981). *Setting Standards for Educational Evaluators*. University of Illinois.
- Rodgers, C. R. (2020). *The art of reflective teaching: Practicing presence*. New York, NY: Teachers College Press. Retrieved from <https://lccn.loc.gov/2019057717>
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap Pengetahuan, Pemahaman Dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kajian Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 30-40.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Mohamad Zohir Ahmad. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1-11.
- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal A. Ghani, dan Saedah Siraj. (2014). Amalan Kepimpinan Organisasi Pembelajaran Di Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 1-12
- Rozani Ahmad. (2017). Keupayaan Menggunakan KOMSAS Sebagai Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 65-76.

- Roziyah Ramli, Mohd Isha Awang, Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). Tinjauan Awal Penerapan Kemahiran Dalam Pengajaran Komponen Sastera (Komsas): Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB) Di Malaysia. *ICTE '20: International Conference Teacher Education – Vol I 459*.
- Roziyah Ramli, Mohd Isha Awang, Nurahimah Mohd Yusoff. (2021). Teacher readiness in applying ATL skills in the International Baccalaureate Middle Years Programme Schools. *International Journal of Evaluation and Research in Education 10(4)*, 1409-1416.
- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff (2020). Self-efficacy and Differentiated Instruction: A Study among Malaysian School Teachers. *Universal Journal of Educational Research 8(4)*: 1252-1260,
- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan Kurikulum : Teori dan Amalan*. Selangor : Alam Pintar Enterprise
- Saito, E. (2012). Strategies to promote lesson study in developing countries. *International Journal of Educational Management*.
- Saldaña, J. (2015). *The coding manual for qualitative researchers*. Sage.
- Saldana~J. (2015). *Thinking qualitatively: Methods of mind*. Los Angeles, CA: Sage.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 2(4), 47-54.
- Sarikas, C. (2018). Vygotsky scaffolding: What it is and how to use it. *Used on October, 26, 2019*.
- Schensul, S., Schensul, J., & LeCompte, M. D. (1999). *Wicke essential ethnographic methods*. Altamira Press.
- Schunk, D.H. (2008). *Learning Theories: An Education Perspective*. 5th edition. new Jersey: Pearson education, Inc.
- Sedhu, D. S., Choy, S. C., & Yim, J. S. C. (2020). Pre-Service Teachers' reflective Practices: A Malaysian Perspective. *Asia Proceedings of Social Sciences*, 5(1), 19-23. doi:10.31580/apss.v5i1.1069
- Shi, X. (2021). Using explicit teaching of philosophy to promote understanding of the nature of science. *Science & Education*, 30(2), 409-440.
- Silverman, D. (2001). *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction*. Sage Publications Ltd.
- Siti Uzairiah (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Aras Publisher

- Siti Zahidah Salleh dan Abdull Sukor Shaari (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 1-10.
- Skultety, L., Gonzalez, G., & Vargas, G. (2017). Using technology to support teachers' lesson adaptations during lesson study. *Journal of Technology and Teacher Education*, 25(2), 185-213.
- Smagorinsky, P. (2013). What does Vygotsky provide for the 21st-century language arts teacher?. *Language Arts*, 90(3), 192-204.
- Soysal, Y., dan Radmard, S. (2020). Research into teacher educators' discursive moves: A Vygotskian perspective. *Journal of Education*, 200(1), 32-47.
- Spradley, J. P. (1979). *The ethnographic interview*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative research : Studying how things work*. New York: Guilford Press.
- Steffen, V., & Bueno-Villaverde, Á. (2018). Perceived difficulties between early years and primary teachers in International Baccalaureate Primary Years Programme implementation. *Journal of Research in International Education*, 17(2), 116-133.
- Stollman, S., Meirink, J., Westenberg, M., & van Driel, J. (2019). Teachers' interactive cognitions of differentiated instruction in a context of student talent development. *Teaching and Teacher Education*, 77, 138-149.
- Storz, M., & Hoffman, A. (2018). Becoming an international baccalaureate middle years program: Perspectives of teachers, students, and administrators. *Journal of Advanced Academics*, 29(3), 216-248.
- Sunyakul, N., & Teo, A. (2020). Primary School English Teachers' Application of Knowledge/Skills from Boot Camp to Their Classroom Teaching Practices and Factors Hindering Their Application. *LEARN Journal: Language Education and Acquisition Research Network*, 13(1), 145-160. Retrieved from ERIC database. (EJ1242967)
- Syahida Nadia Zakaria. (2016). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Taylor, G. R. (2000). *Integrating Quantitative And Qualitative Methods In Research*. University Press of America.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Andurajak, Yusmini Md Yusoff, dan Madiha Baharuddin. (2017). Pendekatan Konstruktivisme Di Malaysia Dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Terhadap Pengalaman Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 2, 23-35.
- Thomas, D. R. & Hodges, I. D. (2010). *Designing and Managing Your Research Project: Core Skills for Social and Health Research*. <https://dx.doi.org/10.4135/978144628904>
- Tikok, J. (2018). Sikap dan jantina guru Bahasa Melayu sekolah rendah daerah Serian terhadap pemilihan bahan bantu mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 13-21.
- Todorova, R., & Ivanova, I. (2020). *11 Classroom Management and Good Language Teachers. Lessons from good language teachers* (pp. 133-150). United Kingdom: Cambridge University Press. doi:10.1017/9781108774390
- Turner, J. A., Babcock, R. C., Hovey, R., & Kendrick, G. A. (2017). Deep thinking: a systematic review of mesophotic coral ecosystems. *ICES Journal of Marine Science*, 74(9), 2309-2320.
- Vattøy, K. D. (2020). Teachers' beliefs about feedback practice as related to student self-regulation, self-efficacy, and language skills in teaching English as a foreign language. *Studies in Educational Evaluation*, 64, 1-10. doi: 10.1016/j.stueduc.2019.100828
- Velarde, J. (2017). Instructional leadership practices in international schools in Malaysia: A case study. *International online Journal of educational leadership*, 1(1), 90-117.
- Vygotsky, L. S.. (1978). *Mind in society: Development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Walker, A., Bryant, D., & Lee, M. (2014). The International Baccalaureate continuum: Student, teacher and school outcomes. *Bethesda, MD: The International Baccalaureate Organization*.
- Walsh, T. (2020). 'Promoted widely but not valued': Teachers' perceptions of team teaching as a form of professional development in post-primary schools in Ireland. *Professional Development in Education*, 1-17. doi: 10.1080/19415257.2020.1725596
- Wan Nor Atiqah, dan Muzirah Musa. (2016). Implementasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Matematik Sekolah Menengah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. Dalam *International Conference on Education Mathematics and Science (ICEMS 2016) in Conjunction with 4th International Postgraduate Conference on Science and Mathematics 2016 (IPCSM 2016)*.

- Windhiyana, E. (2020). Dampak Covid-19 Terhadap Kegiatan Pembelajaran Online Di Sebuah Perguruan Tinggi Kristen Di Indonesia. *Perspektif Ilmu Pendidikan*, 34(1), 1 - 8. <https://doi.org/10.21009/PIP.341.1>
- Wolanin & Wade (2014). *Evaluation of the Science, Technology, and Engineering Leadership Program, Year Three. Montgomery County Public Schools*.
- Wong, L. T., dan Mas Nida Md. Khambari (2017). Kaedah pemilihan media pengajaran komponen sastera (KOMSAS) oleh Guru Cemerlang bahasa Melayu. *Jurnal Antrabangsa Latihan dan Pendidikan*, 3(2), 1-11.
- Wright, E., dan Lee, M. (2014). Developing skills for youth in the 21st century: The role of elite International Baccalaureate Diploma Programme schools in China. *International Review of Education*, 60(2), 199-216.
- Wright, E., Lee, M., Tang, H., dan Chak Pong Tsui, G. (2016). Why offer the International Baccalaureate Middle Years Programme? A comparison between schools in Asia-Pacific and other regions. *Journal of Research in International Education*, 15(1), 3-17.
- Xyst, K. (2016). Constructivism, Dewey, and academic advising. *NACADA Journal*, 36(2), 11-19.
- Yin, R. K. (2003), *Case Study Research: Design and Methods* (3rd ed.). London: Sage.
- Yin, R. K. (2009), *Case Study Research: Design and Methods*, (4th ed.). London: Sage.
- Yin, R. K. (2014). *Case study research and applications: Design and methods* (5th ed). Thousand Oaks, CA: Sage Publications. <https://books.google.com.my/books>
- Yin, R. K. (2017). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). London: Sage Publications. Retrieved from <https://books.google.com.my/books>
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods* (6th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Yusfaiza Yusuff, dan Mohd Isha Awang. (2016). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Zach, S., & Ophir, M. (2020). Using Simulation to Develop Divergent and Reflective Thinking in Teacher Education. *Sustainability*, 12(7), 2879. doi.org/10.3390/sul2072879

- Zaharah Che Isa, Z dan Nurul Wahida, H. A. (2017). Pembinaan dan penilaian Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan lapan prinsip Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) bagi mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu: Kajian di Malaysia. Dalam *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1011-1022.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, mempercepat pelajar: pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam abad ke-21. Dalam *Kertas Kerja Ucapnama di Seminar Bahasa Melayu Singapura* (pp. 1-30).
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan Pendidikan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanaton Hj Iksan, Nuraini Abu Bakar, Aini Haziah Amirullah dan Sayyidah Nusaibah Mohd Salehudin (2018). Understanding the concept of life process in animals based on 7e inquiry model through lesson study approach. *Creative Education*, 9(11), 1763.
- Zanaton Hj Iksan, Siti Nor Aishah Mohd Nor , Siti Nordiyana Mahmud dan Effandi Zakaria. (2014). Applying the principle of" lesson study" in teaching science. *Asian Social Science*, 10(4), 108.
- Zhou, M., dan Brown, D. (2015). Educational learning theories.
- Zucker, T. A., Jacobs, E., & Cabell, S. Q. (2021). Exploring Barriers to Early Childhood Teachers' Implementation of a Supplemental Academic Language Curriculum. *Early Education and Development*, 5(1), 1-26. doi: 10.1080/10409289.2020.1839288
- Zuraimi Zakaria. (2020). Teachers Who Reflect, Teach Better: Reflective Practice At The Heart Of Teachers' Professional Development Programs. *Ideology Journal*, 5(2), 213-226. Retrieved from <http://ideologyjournal.com/ojs/index.php/ideology/article/view/243>
- Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari. (2017). Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.
- Zuridah Hanim Akhir. (2018). *Amalan terbaik kepimpinan literasi pengetua dalam meningkatkan motivasi dan minat membaca pelajar menerusi Program Nilam: kajian kes di negeri Kedah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia).

LAMPIRAN A

Surat Kelulusan Bersyarat untuk Menjalankan Kajian (KPM)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK 5B
KOMPLEKS KEKAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
52004 PUTRAJAYA

TEL : 038846581
FAKS : 038846578

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3-eras(7487)
Tarikh : 26 Jun 2020

RQZIAH BINTI RAMLI
NO. KP : 749820075846

NO 10 LORONG LIMAU KASTURI
TAMAN SERI GUAR 1000 KANGAR
PERLIS

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :
PENERAPAN KEMAHIRAN ATL DALAM PENGAJARAN KOMSAS DI SEKOLAH MIDDLE YEARS PROGRAMME
INTERNATIONAL BACCALAUREATE KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

" KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH."

3. Kelulusan adalah bertasaskan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengatua / Guni Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari 26 Jun 2020 hingga 21 Disember 2020

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Pencilang Pengarah kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN

"SURAT INI DUMPA OLEH KOMPUTER DAN TIDAK MENYANDAI TANGGUNGJAWABAN"

LAMPIRAN B

Surat Kelulusan Bersyarat untuk Menjalankan Kajian (JPN)

Tarikh : 3 Julai 2020

Roziah binti Ramli,
No. 10, Lorong Limau Kasturi,
Taman Seri Guar,
01000 Kangar,
Perlis

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN PENDIDIKAN
PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH DI [REDAKTED]**

Dengan hormatnya saya merujuk surat tuan bertarikh 29 Jun 2020 berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan ini tiada apa-apa halangan menjalankan kajian bertajuk **"PENERAPAN KEMAHIRAN ATL DALAM PENGAJARAN KOMSAS DI SEKOLAH MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA."**
3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam kertas cadangan yang tuan kemukakan ke Kementerian Pendidikan Malaysia dan kebenaran ini adalah tertakluk kepada persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan. Sila patuhi kelulusan bersyarat seperti surat KPM.600-3/2/3-eras(7487) bertarikh 26 Jun 2020.
4. **Sehubungan dengan itu, tuan/puan/encik/cik dikehendaki menghantar senaskah penyelidikan ke jabatan ini sebaik sahaja selesai penyelidikan tersebut.**
5. **Segala maklumat yang diperolehi dari kajian ini adalah sulit dan tidak boleh dihebahkan kepada mana-mana pihak. Tuan juga dipohon untuk menghantar sesalinan soalan kajian ke jabatan ini sebelum ianya dilaksanakan di sekolah yang terlibat.**
6. Pemohon **HANYA** boleh menjalankan kajian dan mengumpul data secara atas talian atau melalui google form sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan masih berkuatkuasa.

LAMPIRAN C

Pengesahan Instrumen Kajian



PENGESAHAN INSTRUMEN KAJIAN

Nama Pelajar : Roziyah binti Ramli
Bidang Pengajian : Ijazah Doktor Falsafah (PdP Bahasa Melayu)
Nombor Matriks : 903438
Penyelia : 1) Prof. Madya. Dr. Mohd Isha Awang
2) Prof. Dr. Nurulhimah binti Mohd Yusoff

Saya mengesahkan bahawa instrumen kajian ini adalah * SESUAI / ~~TIIDAK SESUAI~~ bagi kajian berkaitan Penerapan Kemahiran ATL dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah *Middle Years Programme International Baccalaureate* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian

Tandatangan

Cop Jawatan

ZURIDAH HANIM BINI MD. AKIL
Surya Cemerlang Pempadanan dan ke A. I.
SMK Sultanah Bahiah
Lipis, Pahang
W. No. 4111010

Tarikh

: 1/7/2020

*potong bagi yang berkenaan

PENILAIAN KANDUNGAN INSTRUMEN PENYELIDIKAN IJAZAH KEDOKTORAN

NAMA PELAJAR : ROZIAH BT RAMLI

NO. MATRIK : 903438

BIL	BUTIRAN INSTRUMEN	CADANGAN
1	Keseluruhan – soalan terlalu banyak	Fokus hanya untuk menjawab soalan kajian <ul style="list-style-type: none"> - Temu bual yang panjang boleh menghilangkan fokus responden. - Penyelidik akan menghadapi masalah dalam proses transkrip dan analisis.
2	Apakah kebaikan penerapan kemahiran ATL dalam pengajaran KOMSAS?	Boleh digugurkan kerana tidak menjurus kepada pemahaman guru berkaitan ATL.
3	Soalan temu bual fasa 2 – <ol style="list-style-type: none"> 1. Bolehkah cikgu jelaskan tentang rancangan unit (<i>Unit Plan</i>)? 2. Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan Gambaran Keseluruhan Kumpulan Subjek (<i>Subject Group Overview</i>)? 3. Jelaskan tentang Perancangan ATL? 	Tidak perlu dimasukkan. Fokus hanya perancangan ATL dalam PdPC. Elemen lain boleh mengelirukan dan fokus terlalu besar.
4	Bolehkah cikgu jelaskan tentang <i>collaborative planning dari aspek tujuan, aktiviti dan jadual pelaksanaan</i> ?	Tidak perlu dimasukkan. Soalan akan meluaskan lagi skop kajian sehingga menjadi tidak fokus.
5	Apakah perbezaan antara refleksi dan pentaksiran?	Boleh digugurkan kerana tidak menjurus kepada soalan kajian
6	Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam proses penerapan kemahiran ATL bagi pengajaran KOMSAS?	Asingkan Isu dan cabaran dalam soalan supaya lebih mudah transkrip
7	Apakah jalan penyelesaian yang cikgu harapkan daripada setiap isu dan cabaran ini?	Soalan ini dicadangkan digugurkan kerana boleh menjurus kepada persoalan baru

Komen keseluruhan

Instrumen boleh diterima dengan penambahbaikan yang dicadangkan. Fokus kerana soalan yang menjurus kepada menjawab soalan kajian sahaja supaya dapat lebih mudah dianalisis.

LAMPIRAN D

Instrumen Kajian

a) Melengkapkan Cerita

Lampiran C: Melengkapkan cerita (Fasa 1)

Assalamualaikum cikgu, saya Roziah binti Ramli selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang penerapan kemahiran ATL dalam pengajaran KOMSAS ingin meminta bantuan cikgu untuk menjawab soalan melengkapkan karangan bagi tujuan mendapatkan maklumat bagi menjayakan penyelidikan ini.

(Sesi suai kenal)

“Tahniah cikgu, sekali lagi cikgu terpilih sebagai wakil untuk subjek Bahasa dan Kesusasteraan dalam lawatan verifikasi *MYPIB* pada tahun 2021” Aku mengangguk sambil fikiranku menerawang jauh, “Sekali lagi aku terpilih? Aku terkenangkan soalan yang ditunjukkan kepadaku lima tahun yang lalu semasa lawatan verifikasi iaitu apakah yang aku fahami tentang penerapan kemahiran *ATL* dalam pengajaran? Jika soalan itu ditanya kepadaku sekali lagi, maka inilah jawapanku...”

b) Protokol Temu bual

PERINGKAT PERTAMA

Assalamualaikum cikgu, saya Roziah binti Ramli selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang penerapan kemahiran *ATL* dalam pengajaran KOMSAS ingin menemu bual cikgu bagi tujuan mendapatkan maklumat bagi menjayakan penyelidikan ini.

(Sesi suai kenal)

Soalan Kajian : Bagaimanakah pemahaman guru terhadap penerapan kemahiran *ATL*?

Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Kemahiran *ATL*

1. Apakah yang cikgu faham tentang penerapan kemahiran *ATL*?
2. Apakah kemahiran-kemahiran *ATL* yang perlu diterapkan dalam pengajaran?
3. Apakah kepentingan guru menerapkan kemahiran *ATL*?

PERINGKAT KEDUA

Soalan Kajian : Bagaimanakah guru-guru menerapkan kemahiran *ATL* dalam pengajaran KOMSAS dari aspek perancangan?

Perancangan Penerapan Kemahiran *ATL*

1. Apakah yang cikgu faham tentang proses perancangan penerapan kemahiran *ATL*?
2. Adakah cikgu melakukan perancangan sebelum pengajaran dilaksanakan?
3. Mengapakah cikgu berbuat demikian?
4. Apakah bentuk perancangan penerapan kemahiran *ATL* yang dilakukan?
5. Adakah perancangan pengajaran dilakukan secara individu atau berkumpulan?
6. Adakah cikgu terlibat dalam proses membina perancangan pengajaran?
7. Dari manakah cikgu mendapat idea untuk melakukan perancangan pengajaran ini?
8. Adakah cikgu mendapat latihan atau panduan untuk melaksanakan perancangan penerapan kemahiran *ATL*?
9. Adakah latihan dan panduan yang diterima mencukupi? Mengapa?

Pelaksanaan Penerapan Kemahiran *ATL*

Soalan Kajian : Bagaimanakah guru-guru menerapkan kemahiran *ATL* dalam pengajaran KOMSAS dari aspek pelaksanaan?

1. Bagaimanakah cikgu melaksanakan penerapan kemahiran *ATL* dalam PdPc?
2. Mengapakah cikgu melaksanakan aktiviti penerapan seperti ini?
3. Adakah proses penerapan kemahiran *ATL* telah berjaya dilaksanakan dalam PdPc? Mengapakah cikgu berpendapat sedemikian?
4. Adakah kaedah penerapan ini menepati kehendak *IB World School*?
5. Sejauh manakah perancangan yang dilakukan membantu keberkesanan pelaksanaan penerapan kemahiran *ATL* dalam PdPc? Mengapakah cikgu berpendapat sedemikian?
6. Bahagian manakah dalam silibus KOMSAS paling sesuai diterapkan kemahiran *ATL*? Mengapakah cikgu berpandangan seperti ini?

Soalan Kajian : Bagaimanakah guru-guru menerapkan kemahiran *ATL* dalam pengajaran KOMSAS dari aspek refleksi?

Refleksi

1. Apakah refleksi?
2. Apakah kepentingan refleksi dalam penerapan kemahiran *ATL*?
3. Adakah amalan refleksi wajar dilaksanakan? Mengapa?
4. Bagaimanakah cikgu melaksanakan refleksi?
5. Bilakah masa yang sesuai untuk melaksanakan refleksi?
6. Siapakah yang memberi refleksi, cikgu sendiri, pelajar atau rakan guru? Nyatakan.
7. Mengapakah cikgu mengamalkan refleksi sedemikian?
8. Mengapakah cikgu menggunakan pelbagai jenis refleksi?
9. Apakah jenis refleksi tersebut? Nyatakan.
10. Sejauh manakah refleksi dapat mengukur perkembangan penerapan kemahiran *ATL* pelajar?

LAMPIRAN E

Data

a) Contoh Data Melengkapkan Cerita

Melengkapkan Cerita

Assalamualaikum cikgu, saya Roziah binti Ramli selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang penerapan kemahiran ATL dalam pengajaran KOMSAS ingin meminta bantuan cikgu untuk menjawab soalan melengkapkan cerita bagi tujuan mendapatkan maklumat bagi menjayakan penyelidikan ini.

NAMA PESERTA LATIHAN: [REDACTED]

"Tahniah cikgu, sekali lagi cikgu terpilih sebagai wakil Disiplin Bahasa dan Kesusasteraan dalam lawatan verifikasi *MYP1B* pada tahun 2021" Aku mengangguk sambil fikiranku menerawang jauh, "Sekali lagi aku terpilih? Aku terkenangkan soalan yang ditujukan kepadaku lima tahun yang lalu semasa lawatan verifikasi iaitu apakah yang aku fahami tentang penerapan kemahiran *ATL* dalam pengajaran? Jika soalan itu ditanya kepadaku sekali lagi, maka inilah jawapanku...".

- ringkasnya *ATL* merupakan kemahiran belajar
- kemahiran yang merangkumi aspek komunikasi, berfikir, membuat penyelidikan, pengurusan diri, dan sosial.
- satu garis panduan terkap yang dapat memandu pelajar ke arah menjadi seorang individu yang holistik dan versatile.
- kemahiran berkomunikasi diterapkan untuk membentuk individu yang berkegaitan, memberi pendapat, berkongsi idea dan menerima pandangan individu lain sebaiknya.

- Kemahiran berfikir dapat membentula pelajar ke arah lebih kreatif dan kritis serta lebih berfikiran terbuka.
- Kemahiran membuat penyelidikan mendorong agar pelajar pandai mencari, menilai dan mengapikasi maklumat sama ada dari bahan bercetak atau media elektronik. Maklumat yang diperolehi mesti digunakan secara jujur.
- Pelajar juga belajar mengurus diri dalam membentula menjadi individu yang bertanggung jawab dan berjati diri.
- Tak kurang penting juga aspek sosial seperti empati, membina perhubungan, bertanggung jawab dan membentula sifat kepimpinan.

Melengkapkan Cerita

Assalamualaikum cikgu, saya Roziah binti Ramli selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang penerapan kemahiran ATL dalam pengajaran KOMSAS ingin meminta bantuan cikgu untuk menjawab soalan melengkapkan cerita bagi tujuan mendapatkan maklumat bagi menjayakan penyelidikan ini.

NAMA PESERTA WAJIAN:

"Tahniah cikgu, sekali lagi cikgu terpilih sebagai wakil Disiplin Bahasa dan Kesusasteraan dalam lawatan verifikasi *MYPiB* pada tahun 2021" Aku mengangguk sambil fikiranku menerawang jaub, "Sekali lagi aku terpilih? Aku terkenangkan soalan yang ditujukan kepadaku lima tahun yang lalu semasa lawatan verifikasi iaitu apakah yang aku fahami tentang penerapan kemahiran ATL dalam pengajaran? Jika soalan itu ditanya kepadaku sekali lagi, maka inilah jawapanku....".

Semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) KomSas Fragkatan 4, aku telah menerapkan kemahiran (ATL) dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut terutama dalam Cerpen Undang, Ayan dan Raja. Aku memfokuskan aspek kajian Sastra Tmtu lator, m lai dan pengajaran. Dalam aliteriti memahami dan mengapresiasi karya tersebut, aku mengenalkan teknik Think Pair Share Tmtu mmid diminta berfikir sendiri dalam jangka masa tertentu dan akan berkhongsi

dengan pasangan mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk mejana idea mind dengan menerapkan nilai kerjasama serta semangat kerja berpasukan. Secara tidak langsung kemahiran ATL yang diterapkan ialah kemahiran penikiran tanpa memfokuskan pada kemahiran penikiran kritis dan kreatif dan kemahiran menitilahkan maklumat. Bukan itu sahaja, kemahiran sosial diterapkan melalui kerjasama antara pasangan mind tersebut (communication skill). Manakala semasa proses berhubung maklumat dengan pasangan mind, kemahiran komunikasi diterapkan.

b) Contoh Data Dokumentasi

**MYP IB SUBJECT GROUP OVERVIEW
BAHASA MELAYU TINGKATAN 1**

TEMA	TAJUK UNIT / SUBTAJUK	TEMPOH MASA(BIL. MINGGU)	KONSEP UTAMA	KONSEP BERKAITAN	KONTEKS GLOBAL	PERNYATAAN INKUIRI	OBJEKTIF KUMPULAN SUBJEK MYP	KEMAHIRAN ATL	ISI KANDUNGAN (TOPIK, PENGETAHUAN, KEMAHIRAN)
UNIT PLAN 1 PELANCONGAN EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN SEKTOR PERTANIAN PESAT MEMBANGUN TEKNOLOGI AMALAN HIJAU PENGANTARA-BANGSAAN INDUSTRI NEGARA	PELANCONGAN 1. Pesona Malaysia 2. Indahnya Bumi 3. Sajak Aku 4. Novel Pelari Muda EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN 1. Pengurusan Wang Berhemat 2. Urus Tadbir Kewangan 3. Novel Pelari Muda	9	Hubung kait	Struktur Pernyataan Diri	Identiti dan Hubungan	Kepentingan menjalinkan hubungan baik antara agensi untuk memajukan negara	A (i),(ii), (iii) (iv) D (i),(ii), (iii) (iv), (v)	Kemahiran Penyelidikan – Literasi Maklumat & Literasi Media Pemikiran– Pemikiran Kreatif	Apakah tempat menarik yang menjadi tumpuan pelancong di Malaysia? Apakah keunikan tempat pelancongan di Malaysia? Apakah faedah industri pelancongan kepada negara? Assessment :Buku skrap pelancongan.

	<p>SEKTOR PERTANIAN PESAT MEMBANGUN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian Satu Perniagaan 2. Dunia Baharu Tani 3. Novel Pelari Muda <p>TEKNOLOGI AMALAN HIJAU</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lestarikan Kehijauan Bumi 2. Selamatkan Bumi Kita 3. Sajak Kunci Bahasa 4. Novel Pelari Muda <p>PENGANTARABANGSA- AN INDUSTRI NEGARA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia Hab Industri Makanan 2. Usahawan Berwibawa 3. Prosa Tradisional Asal Padi 4. Novel Pelari Muda 								
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

TEMA	TAJUK UNIT / SUBTAJUK	TEMPOH MASA(BIL. MINGGU)	KONSEP UTAMA	KONSEP BERKAITAN	KONTEKS GLOBAL	PERNYATAAN INKUIRI	OBJEKTIF KUMPULAN SUBJEK MYP	KEMAHIRAN ATL	ISI KANDUNGAN (TOPIK, PENGETAHUAN, KEMAHIRAN)
UNIT PLAN 2 SEJARAH DAN WARISAN JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN KERJAYA INTEGRITI PENTADBIRAN DAN POLITIK	SEJARAH DAN WARISAN 1. Sejarah Mengajar Erti Kehidupan 2. Seni Warisan Anak Bangsa 3. Komsas Cerpen Oren 4. Novel Pelari Muda JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN 1. Rakyat Berjasa Negara Terbilang 2. Jasamu Pemimpin 3. Drama Hadiah KERJAYA 1. Kerjaya Impian 2. Rentak Kejayaan 3. Novel Pelari Muda INTEGRITI 1. Sempurnakan Diri 2. Tonggak Sejahtera 3. Sajak Kuingin Berterima Kasih	9	Perspektif	Sudut pandangan Tujuan	Orientasi ruang dan masa	Semangat cinta akan negara dapat dipupuk dalam pelbagai perspektif	B (i),(ii), (iii) C (i), (ii),(iii)	Pengurusan Diri – Kemahiran Menyusun Masa dan tugas Penyelidikan Kemahiran Literasi Maklumat dan Kemahiran Literasi Media	Mengapakah rakyat perlu mengetahui tempat bersejarah? Siapakah pejuang kemerdekaan negara? Bagaimanakah caranya memelihara dan memulihara tempat bersejarah? Assessment: Karangan laporan hasil lawatan ke tempat bersejarah.

	<p>PENTADBIRAN DAN POLITIK</p> <ol style="list-style-type: none">1. Dataran Merdeka2. Nilai Demokrasi3. Novel Pelari Muda								
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--




TEMA	TAJUK UNIT / SUBTAJUK	TEMPOH MASA(BIL. MINGGU)	KONSEP UTAMA	KONSEP BERKAITAN	KONTEKS GLOBAL	PERNYATAAN INKUIRI	OBJEKTIF KUMPULAN SUBJEK MYP	KEMAHIRAN ATL	ISI KANDUNGAN (TOPIK, PENGETAHUAN, KEMAHIRAN)
UNIT PLAN 3 SUKAN DAN REKREASI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BERINGAT SUPAYA SELAMAT AMALAN GAYA HIDUP SIHAT	SUKAN DAN REKREASI <ol style="list-style-type: none"> Jasmani Cergas Cergas Aktif Cerpen Kuih Bakul Limau Mandarin Novel Pelari Muda SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI <ol style="list-style-type: none"> Sinar Masa Depan Sains Merentas Kehidupan Novel Pelari Muda BERINGAT SUPAYA SELAMAT <ol style="list-style-type: none"> Sayangi Nyawa Anda Keselamatan di Mana-mana Pantun Dua Kerat (Nasihat) 	11	Perspektif	Imperatif kumpulan sasaran Watak	Globalisasi dan Kelestarian	Kecemerlang-an sukan menjadi inspirasi dalam meningkatkan potensi diri.	A(i), (ii),(iii) (iv) D (i),(ii),(iii) (iv), (v)	Kemahiran Sosial – Kemahiran Kolaborasi Pengurusan Diri – Kemahiran Afektif	Apakah perasaan atlet setelah bergelar juara? Bagaimanakah persediaan yang dilakukan dalam menghadapi sesuatu kejohanan? Bagaimanakah cara-cara meningkatkan mutu sukan negara sehingga ke peringkat global? Assessment : Penulisan rencana tentang langkah-langkah memajukan sukan negara.

	<p>AMALAN GAYA HIDUP SIHAT</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sihat Membawa Kebahagiaan 2. Amalan Kesejahteraan Hidup 3. Novel Pelari Muda 								
--	---	--	--	--	--	--	--	--	--



TEMA	TAJUK UNIT / SUBTAJUK	TEMPOH MASA(BIL. MINGGU)	KONSEP UTAMA	KONSEP BERKAITAN	KONTEKS GLOBAL	PERNYATAAN INKUIRI	OBJEKTIF KUMPULAN SUBJEK MYP	KEMAHIRAN ATL	ISI KANDUNGAN (TOPIK, PENGETAHUAN, KEMAHIRAN)
UNIT PLAN 4 SENI BERSENDIKAN BUDAYA CAHAYA PERPADUAN WADAH ILMU BAHASA DAN KESUSASTERAAN	SENI BERSENDIKAN BUDAYA <ol style="list-style-type: none"> Citra Bangsa Tautan Seni Subur Harmoni Syair Pohon Buluh Novel Pelari Muda CAHAYA PERPADUAN <ol style="list-style-type: none"> Serasi Bersama Perpaduan Novel Pelari Muda WADAH ILMU <ol style="list-style-type: none"> Menuju Puncak Jaya Pendidikan Bestari Negara Lestari Cerpen Hadiah 	10	Kreativiti	Pernyataan diri Genre	Ekspresi Diri dan Budaya	Kreativiti dapat melahirkan pernyataan diri dan menunjukkan budaya warisan bangsa	A (i),(ii),(iii), (iv) D (i), (ii),(iii) (iv), (v)	Kemahiran Pemikiran – Kemahiran Pemikiran Kreatif Komunikasi – Kemahiran Komunikasi Bahasa	Apakah warisan budaya yang terdapat dalam masyarakat? Mengapakah rakyat perlu memelihara dan memulihara warisan budaya? Mampukah generasi muda mempertahankan warisan budaya masyarakat? Assessment : Folio Puisi Tradisional (Pantun).

	<p>BAHASA DAN KESUSASTERAAN</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bahasa Disulam Sastera Dianyam2. Merekayasa Bahasa3. Sajak Kita Umpama Sehelai Daun								
--	---	--	--	--	--	--	--	--	--



Perancang Unit MYP

Guru	Cikgu XXXXXXXXX Cikgu YYYYYYYY Cikgu ZZZZZZZZ	Kumpulan subjek dan disiplin	Bahasa Melayu		
Tajuk unit	<p>PELANCONGAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pesona Malaysia 2. Indahnya Bumi Bertuah 3. Sajak Aku 4. Novel Pelari Muda <p>EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan Wang Berhemat 2. Urus Tadbir Kewangan 3. Novel Pelari Muda <p>SEKTOR PERTANIAN PESAT MEMBANGUN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian Satu Perniagaan 2. Dunia Baharu Tani 3. Novel Pelari Muda <p>TEKNOLOGI AMALAN HIJAU</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lestarikan Kehijauan Bumi 2. Selamatkan Bumi Kita 3. Sajak Kunci Bahasa 4. Novel Pelari Muda 	Tahun MYP	1 (Form 1)	Tempoh unit (9 minggu)	36 jam

	PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI NEGARA			
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia Hab Industri Makanan 2. Usahawan Berwibawa 3. Prosa Tradisional Asal Padi 4. Novel Pelari Muda 			

Inkuiri: Menentukan tujuan unit

Konsep utama	Konsep berkaitan	Konteks global
Hubung Kait	Struktur Pernyataan Diri	Identiti dan Hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Keberkesanan dan tindakan peribadi; sikap, motivasi, berdikari, kebahagiaan dan kehidupan yang baik
Pernyataan inkuiri		
Kepentingan menjalin hubungan baik antara agensi untuk memajukan negara dan perasaan diri terhadap keindahan khazanah negara		
Soalan Inkuiri		
<p>Fakta Apakah tempat menarik yang menjadi tumpuan pelancong di Malaysia?</p> <p>Konseptual Bagaimanakah cara-cara meningkatkan kedatangan pelancong ke negara ini?</p> <p>Apakah kesan kedatangan pelancong ke negara kita?</p>		

Perbahasan Benarkah melancong di dalam negara lebih baik daripada melancong di luar negara?

Objektif	Pentaksiran sumatif	
<p>KRITERIA A (MENGANALISIS)</p> <p>Murid seharusnya boleh :</p> <ol style="list-style-type: none"> Mengenal pasti dan mengulas pelbagai aspek penting dalam teks. mengenal pasti dan mengulas pilihan pengarang Menjelaskan pendapat dan idea, dengan menggunakan contoh, penerangan dan istilah. mengenal pasti persamaan dan perbezaan ciri dalam teks dan antara teks. <p>KRITERIA D (MENGUNAKAN BAHASA)</p> <p>Murid seharusnya boleh :</p> <ol style="list-style-type: none"> menggunakan kepelbagaian kosa kata, struktur ayat, dan ungkapan yang sesuai menulis dan bercakap dalam gaya dan pemilihan perkataan yang sesuai menggunakan tatabahasa, sintaksis dan tanda bacaan yang sesuai 	<p>Outline of summative assessment task(s) including assessment criteria:</p> <p>Goal : Murid dapat menghasilkan buku skrap tentang tempat-tempat menarik yang dilawati di Malaysia</p> <p>Role : Murid sebagai pelancong yang ingin melawat dan mengetahui tempat-tempat menarik di Malaysia.</p> <p>Audience : Agensi pelancongan</p> <p>Situation : Murid akan membaca dan mengenal pasti idea tentang kehendak soalan daripada majalah atau risalah pelancongan.</p> <p>Product : Murid menyediakan buku skrap tentang tempat-tempat pelancongan menarik di Malaysia.</p> <p>Standard and Kriteria :</p> <p>A (i) (ii) (iii) (iv)</p> <p>D (i) (ii) (iii) (iv) (v)</p>	<p>Relationship between summative assessment task(s) and statement of inquiry:</p> <p>Task : Summative</p> <p>Murid yang berperanan sebagai pelancong dapat menghubungkan kait kepentingan menjalin hubungan baik antara agensi pelancongan untuk memajukan negara serta membentuk identiti dan hubungan.</p>

<p>iv. mengeja (abjad bahasa), menulis (karakter bahasa) dan menyebut dengan tepat</p> <p>v. menggunakan komunikasi bukan lisan yang sesuai.</p>		
Pendekatan pembelajaran (ATL)		
<p>Kemahiran Penyelidikan – Kemahiran Literasi Maklumat (Mengumpulkan dan menganalisis data untuk mengenal pasti penyelesaian dan membuat keputusan berdasarkan maklumat) dan Kemahiran Literasi Media (Membuat pilihan berdasarkan maklumat tentang pengalaman pandangan peribadi)</p> <p>Pemikiran – Kemahiran Pemikiran Kreatif (Mengamalkan pemikiran fleksibel – mengemukakan pelbagai hujah yang bercanggah, bertentangan dan saling melengkapi)</p>		

Tindakan: Pengajaran dan pembelajaran melalui inkuiri

Kandungan	Proses pembelajaran
<p>PELANCONGAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pesona Malaysia 2. Indahnya Bumi Bertuah 3. Sajak Aku 4. Novel Pelari Muda <p>Minggu 1</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan empat isi cara-cara menarik kedatangan pelancong dan kesan-kesan kedatangan pelancong ke Malaysia. 2. Menyenaraikan lima tempat menarik di Malaysia dan tiga keistimewaannya. (Setiap kumpulan satu tempat menarik) 3. Melukis komik sinopsis setiap bab (peristiwa) dalam novel. 4. Menerangkan peristiwa dalam setiap bab. 5. Menulis dan membacakan 10 ayat dengan menggunakan kata nama yang mempunyai imbuhan awalan. 	<p>Pengalaman pembelajaran dan strategi pengajaran</p> <p>Minggu 1</p> <p>Aktiviti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dicungkil tentang pengetahuan sedia ada mengenai pengalaman masing-masing tentang tempat-tempat pelancongan yang dilawati melalui Teknik 3 Steps Interview. 2. Murid membentuk kumpulan untuk membincangkan cara-cara menarik kedatangan pelancong dan kesan-kesan kedatangan pelancong ke Malaysia. 3. Guru meminta wakil kumpulan masing-masing untuk membentangkan hasil perbincangan. 4. Murid menyenaraikan lima tempat menarik di Malaysia dan tiga keistimewaannya mengikut kumpulan masing-masing (setiap kumpulan satu tempat menarik) 5. Murid mempersembahkan hasil kerja mereka dalam bentuk Peta I-think. 6. Murid melukis komik sinopsis bagi setiap bab (peristiwa) dalam novel melalui Teknik Nokom. 7. Murid menerangkan peristiwa dalam setiap bab dengan mengaplikasikan Teknik Three Stray One Stay sebagai gerak kerja berkumpulan. 8. Murid menulis dan membacakan 10 ayat yang menggunakan kata nama imbuhan awalan.

<p>Minggu 2</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan jenis-jenis pendahuluan karangan dengan tepat dan menarik. 2. Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai. 3. Memberi komen tentang sajak secara rasional. 4. Menulis ayat dalam perenggan menggunakan frasa nama yang diberi dengan betul dan mengikut konteks. 5. Menghasilkan buku skrap tentang tempat-tempat pelancongan menarik di Malaysia. 	<p>Minggu 2</p> <p>Aktiviti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan sedia ada murid mengenai tempat-tempat pelancongan yang dilawati dicungkil melalui Teknik 3 Steps Interview. 2. Murid menghuraikan jenis-jenis pendahuluan karangan dalam bentuk Peta I-think. 3. Murid mendeklamasikan Sajak Aku dengan menggunakan intonasi yang betul dan nada yang sesuai melalui Teknik Mestamu. 4. Murid memberi komen tentang sajak tersebut secara rasional. 5. Murid menulis ayat dalam perenggan menggunakan frasa nama yang diberi dengan betul dan mengikut konteks. 6. Murid merujuk Jabatan Pelancongan Negeri untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan pelancongan seperti mendapatkan brosur. 7. Murid mengenal pasti tempat-tempat pelancongan menarik yang menjadi pilihan untuk menghasilkan tugas. 8. Murid membuat penambahan idea melalui aktiviti Gallery Walk. 9. Murid mengemukakan draf tugas sebelum menghasilkan buku skrap. 10. Murid menghasilkan tugas (menampal gambar dan menulis penerangan yang berkaitan gambar) mengikut kreativiti masing-masing. 11. Murid diberi tempoh masa selama dua minggu untuk menghasilkan buku skrap tersebut. 12. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Inquirers kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Penyelidikan. 13. Murid diminta menulis refleksi menerusi aktiviti Post It Notes.
--	--

<p>EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan Wang Berhemat 2. Urus Tadbir Kewangan 3. Novel Pelari Muda <p>Minggu 3</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melengkapkan 10 ayat dengan menggunakan kata kerja tak transitif dengan betul mengikut konteks. 2. Berbincang tentang cara-cara menabung dan faedah menabung secara rasional dengan ayat yang gramatis. 3. Mengenal pasti binaan plot dalam novel Pelari Muda dengan lebih kritis. 4. Menyenaraikan tiga nilai dan pengajaran yang terdapat dalam novel. 	<p>Minggu 3</p> <p>Aktiviti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan sedia ada murid diperoleh apabila mereka mengemukakan idea tentang cara pengurusan kewangan secara berhemat melalui literasi media iaitu Google. 2. Murid melengkapkan 10 ayat dengan menggunakan kata kerja tak transitif dengan betul mengikut konteks melalui aktiviti Think Pair Share. 3. Murid berbincang tentang cara-cara menabung dan faedah menabung secara rasional dengan ayat yang gramatis melalui kaedah Round Robin. 4. Murid mengenal pasti binaan plot dalam novel Pelari Muda melalui Teknik Bedah Karya untuk meneliti setiap penceritaan dengan lebih kritis. 5. Murid menyenaraikan tiga nilai dan pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut melalui pembentangan kumpulan. 6. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Thinker kepada murid selar idengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Pemikiran Kreatif. 7. Refleksi penguasaan murid dibuat menerusi Teknik Anecdotal Notes (pemerhatian dan perbincangan dengan murid).
---	---

<p>Minggu 4</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melengkapkan borang permohonan untuk membuka akaun simpanan bank dengan betul dan tepat. 2. Menulis lima ayat menggunakan kata ganda penuh berimbuhan dengan betul mengikut konteks. 3. Menyenaraikan kata ganda majmuk dengan betul mengikut konteks. 4. Melakonan situasi tawar-menawar antara penjual dengan pembeli secara rasional, ayat yang gramatis dan bahasa yang santun. 5. Membaca secara mekanis maklumat tentang Sistem Barter dengan sebutan dan intonasi yang betul. 	<p>Minggu 4</p> <p>Aktiviti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diuji pengetahuan sedia ada mengenai faedah-faedah menyimpan wang untuk masa depan melalui idea mereka yang dilakarkan di atas sehelai kertas. 2. Murid melengkapkan borang permohonan untuk membuka akaun simpanan bank dengan betul dan tepat melalui Teknik Belajar Cara Belajar di samping memperoleh maklumat tambahan. 3. Murid menulis lima ayat menggunakan kata ganda penuh berimbuhan dengan betul mengikut konteks. 4. Murid menyenaraikan kata ganda majmuk dengan betul mengikut konteks. 5. Murid melakonan situasi tawar-menawar antara penjual dengan pembeli secara rasional, menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun melalui Teknik Main Peranan. 6. Murid membaca secara mekanis maklumat tentang Sistem Barter dengan sebutan dan inovasi yang betul. 7. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Knowledgeable kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Penyelidikan. 8. Murid menulis refleksi di atas Sticker Note (Kaedah Exit Card) bagi menunjukkan pemahaman mereka.
---	--


<p>SEKTOR PERTANIAN PESAT MEMBANGUN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian Satu Perniagaan 2. Dunia Baharu Tani 3. Novel Pelari Muda <p>Minggu 5</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca iklan dan mendapatkan maklumat tentang teknologi hibrid dalam sektor pertanian dengan menggunakan intonasi dan nada yang sesuai. 2. Melengkapkan Lembaran Kerja Teknik Bacaan CHATT. 3. Menghuraikan tiga persoalan yang terdapat dalam cerpen Warisan. 4. Menulis perenggan pendahuluan jenis suasana dengan menggunakan bahasa yang indah dan menarik. 5. Mengenal pasti lima imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dalam teks. 6. Menulis lima ayat dengan menggunakan perkataan yang mempunyai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran tersebut dengan betul dan mengikut konteks. 	<p>Minggu 5</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan sedia ada murid mengenai kepentingan sektor pertanian kepada negara dicungkil menerusi Teknik Carousel (guru sediakan soalan, murid mencatat di atas kertas) 2. Murid membaca iklan dan mendapatkan maklumat tentang teknologi hibrid dalam sektor pertanian dengan menggunakan intonasi dan nada yang sesuai. 3. Murid melengkapkan Lembaran Kerja Teknik Bacaan CHATT. 4. Guru memberikan rumusan tentang rekod murid dalam borang CHATT. 5. Murid menghuraikan tiga persoalan yang terdapat dalam cerpen Warisan. 6. Murid menulis perenggan pendahuluan jenis suasana dengan menggunakan bahasa yang indah dan menarik. 7. Murid mengenal pasti lima imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dalam teks melalui aktiviti Gallery Walk. 8. Murid menulis lima ayat dengan menggunakan perkataan yang mempunyai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran tersebut dengan betul dan mengikut konteks. 9. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Risk-Takers kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Pemikiran Kreatif. 10. Murid juga dinilai apabila mereka dapat menggunakan perkataan yang mempunyai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dengan betul mengikut konteks.
--	--

<p>Minggu 6</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.2. Melengkapkan Lembaran Kerja Teknik Bacaan CHATT.3. Menyenaraikan isi-isi penting daripada teks dengan betul dan mengikut teks.4. Menghasilkan perenggan kesimpulan berdasarkan bahan dengan menggunakan ayat yang betul, tepat dan gramatis.5. Memahami teknik plot dalam novel Pelari Muda.	<p>Minggu 6</p> <ol style="list-style-type: none">1. Murid melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.2. Murid melengkapkan Lembaran Kerja Teknik Bacaan CHATT.3. Murid menyenaraikan isi-isi penting daripada teks dengan betul dan mengikut konteks dalam bentuk Peta I-think.4. Murid menghasilkan perenggan kesimpulan berdasarkan bahan dengan menggunakan ayat yang betul, tepat dan gramatis.5. Murid memahami teknik plot dalam novel Pelari Muda.6. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Knowledgeable kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Penyelidikan.7. Murid menulis refleksi pada Post It Notes dengan menyatakan contoh teknik plot berdasarkan novel tersebut.
---	--


<p>TEKNOLOGI AMALAN HIJAU</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lestarikan Kehijauan Bumi 2. Selamatkan Bumi Kita 3. Sajak Kunci Bahasa 4. Novel Pelari Muda <p>Minggu 7</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenal pasti sekurang-kurangnya dua aspek pengulangan kata dan singkatan kata daripada sajak Kunci Bahasa dengan betul. 2. Mendeklamasikan sajak tersebut dengan intonasi dan nada yang sesuai. 3. Menyenaraikan lima kata kerja tak transitif berdasarkan gambar dengan betul dan mengikut konteks. 4. Membina lima ayat daripada perkataan tersebut dengan betul dan mengikut konteks. 5. Menyampaikan ucapan tentang peranan pelbagai pihak untuk melestarikan bumi dengan ayat yang betul, tepat, jelas dan menggunakan intonasi yang sesuai. 6. Membaca dan mengenal pasti idea utama dan idea sampingan daripada teks dengan memberikan respons yang betul dan tepat. 	<p>Minggu 7</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan murid tentang menulis ucapan diperoleh melalui pembelajaran lalu. 2. Murid mengenal pasti sekurang-kurangnya dua aspek pengulangan kata dan singkatan kata daripada sajak Kunci Bahasa dengan betul. 3. Murid mendeklamasikan sajak tersebut dengan intonasi dan nada yang sesuai melalui Teknik Mestamu. 4. Murid menyenaraikan lima kata kerja tak transitif berdasarkan gambar dengan betul dan mengikut konteks. 5. Murid membina lima ayat daripada perkataan tersebut dengan betul dan mengikut konteks. 6. Murid menyampaikan ucapan tentang peranan pelbagai pihak untuk melestarikan bumi dengan ayat yang betul, tepat, jelas dan menggunakan intonasi yang sesuai. 7. Murid membaca dan mengenal pasti idea utama dan idea sampingan daripada teks dengan memberikan respons yang betul dan tepat melalui Teknik KWLH. 8. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Thinkers kepada murid selaridengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Pemikiran Kreatif. 9. Murid member maklum balas (refleksi) melalui Classroom Opinion Poll untuk mengesan dan membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dalam ayat-ayat dengan betul.
---	---

<p>Minggu 8</p> <p>Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca dan mengenal pasti lima kosa kata dan ungkapan yang menarik daripada teks dengan betul dan mengikut konteks. 2. Membina lima ayat berdasarkan kosa kata dan ungkapan tersebut dengan betul dan tepat. 3. Menulis kerangka penulisan tentang punca pencemaran alam berdasarkan Majalah Lestari Alam dengan menggunakan bahasa yang tepat. 4. Melukis peta buih berganda untuk memaparkan fenomena alam berdasarkan bahan dengan betul dan mengikut konteks. 5. Mengenal pasti kata ganda penuh dan kata ganda berimbuhan yang terdapat dalam pantun jenaka dengan betul dan mengikut konteks. 6. Mengenal pasti enam gaya bahasa yang terdapat dalam novel Pelari Muda. 	<p>Minggu 8</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dianggap sudah mempunyai pengetahuan tentang teknik menulis karangan menerusi pembelajaran lalu melalui Teknik Brainstorming. 2. Murid membaca dan mengenal pasti lima kosa kata dan ungkapan yang menarik daripada teks dengan betul dan mengikut konteks melalui Teknik Think Pair Share. 3. Murid menggunakan Teknik Belajar Cara Belajar untuk membina lima ayat berdasarkan kosa kata dan ungkapan tersebut dengan betul dan tepat. 4. Murid menulis kerangka penulisan tentang punca pencemaran alam berdasarkan Majalah Lestari Alam dengan menggunakan bahasa yang tepat melalui kaedah Pembelajaran Koperatif. 5. Murid melukis peta buih berganda untuk memaparkan fenomena alam berdasarkan bahan dengan betul dan mengikut konteks melalui kaedah Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai. 6. Murid menggunakan Teknik Sumbang Saran untuk mengenal pasti kata ganda penuh dan kata ganda berimbuhan yang terdapat dalam pantun jenaka dengan betul dan mengikut konteks. 7. Murid mengenal pasti enam gaya bahasa yang terdapat dalam novel Pelari Muda menerusi Teknik Hot Seat sebagai satu apresiasi terhadap karya. 8. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Balanced kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Penyelidikan. 9. Murid menulis refleksi di atas Sticker Note (Kaedah Exit Card) bagi menunjukkan pemahaman mereka.
--	--

<p>PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI NEGARA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia Hab Industri Makanan 2. Usahawan Berwibawa 3. Prosa Tradisional Asal Padi 4. Novel Pelari Muda <p>Minggu 9</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menceritakan pengalaman sendiri bersama-sama dengan rakan semasa berada di Ekspo Cita Rasa Antarabangsa dengan sebutan dan intonasi yang betul. 2. Membaca dan melakonkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul serta nada yang sesuai. 3. Menulis perenggan isi dan kesimpulan berdasarkan maklumat dengan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat. 4. Menghasilkan sebuah karya fiksiyen berdasarkan maklumat secara terancang dan tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan menarik. 5. Memahami dan membina ayat dasar dengan betul dan tepat mengikut konteks. 6. Melakonkan watak Si Bongsu dan Empunya Padi dalam prosa Asal Padi. 	<p>Minggu 9</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan sedia ada murid mengenai potensi industri makanan di Malaysia dicungkil melalui Teknik KWLH. 2. Murid menceritakan pengalaman sendiri bersama-sama dengan rakan semasa berada di Ekspo Cita Rasa Antarabangsa dengan sebutan dan intonasi yang betul. 3. Murid membaca secara mekanis dan melakonkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul serta nada yang sesuai. 4. Murid menulis perenggan isi dan kesimpulan berdasarkan maklumat dengan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat melalui Teknik Belajar Cara Belajar. 5. Murid menghasilkan sebuah karya fiksiyen berdasarkan maklumat secara terancang dan tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan menarik. 6. Murid memahami dan membina ayat dasar dengan betul dan tepat mengikut konteks. 7. Murid menggunakan Teknik Lakonan untuk melakonkan watak Si Bongsu dan Empunya Padi dalam prosa Asal Padi. 8. Guru menerapkan IB Learner Profile iaitu Thinkers kepada murid selari dengan Pendekatan ATL Skills iaitu Kemahiran Pemikiran Kreatif. 9. Murid dinilai melalui refleksi yang ditulis menggunakan ayat dasar dengan betul mengikut konteks.
--	--

	<p>Pentaksiran formatif Murid menjawab soalan kuiz tentang tempat-tempat pelancongan Suai padan gambar yang diberikan</p>
	<p>Perbezaan : Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan latar belakang dan kerjaya ibu bapa masing-masing. Pengetahuan murid juga diukur melalui ujian formatif yang diberikan.</p>
	<p>Sumber</p> <p>Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1, Antologi Kuingin Berterima Kasih, Novel Pelari Muda, Majalah / brosur (dibawa oleh murid), gambar berkaitan pelancongan, dan laman sesawang.</p>

Refleksi: Mempertimbangkan perancangan, proses dan impak inkuiri

Sebelum mengajar unit	Semasa mengajar	Selepas mengajar unit
<p>Pengetahuan sedia ada :</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Murid mempunyai pengetahuan sedia ada tentang tempat pelancongan di Malaysia dan pernah melancong. ✓ Unit ini membolehkan murid mengambil risiko dengan mengemukakan idea tentang kemampuan industri pelancongan di Malaysia untuk menembusi peringkat global. ✓ Murid mempunyai pengetahuan tentang format karangan fakta seperti pendahuluan, isi dan penutup menerusi pembelajaran lalu. Murid sudah mengetahui cara mencatat isi, huraian dan contoh untuk menulis rangka karangan ✓ Melalui Unit 1 juga membolehkan murid menjadi seorang pemikir (thinker) 		<p>Pada akhir pelajaran, murid dapat :</p>

<p>sebelum berkomunikasi dalam kumpulan dan semasa menulis demi mengelakkan kesilapan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Murid sudah mengetahui tentang cara pengurusan wang saku. ✓ Murid mempunyai pengetahuan sedia ada mengenai kepentingan sektor pertanian kepada negara. ✓ Pengetahuan sedia ada murid mengenai teknologi hijau menerusi enjin carian Google. ✓ Murid sudah mengetahui sinopsis novel dan tajuk sajak sebelum pembelajaran. ✓ Murid sudah mengetahui potensi industri makanan di Malaysia. 		
---	--	--



LAMPIRAN F

Analisis Data

a) Contoh Analisis Data Melengkapkan Cerita Menggunakan *ATLAS.ti*

<i>Document</i>	<i>Quotation Content</i>	<i>Codes</i>
Melengkapkan Cerita 1 Cikgu Wardah	Bila saya bagi assessment pun, murid dah makin pandai cari maklumat. Mereka tampak mahir dalam kemahiran penyelidikan juga,”	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Melengkapkan Cerita 1 CIKGU Ain	Turut diiringi kemahiran-kemahiran lain iaitu kemahiran berfikir, kemahiran dalam membuat penyelidikan melalui tugas yang diberikan.	1.3.1 KEMAHIRAN BERFIKIR 1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Melengkapkan Cerita 1 CIKGU Ain	Pelajar pun, pandai mencari maklumat menggunakan bahan bercetak, media elektronik dan sebagainya.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN



UUM
Universiti Utara Malaysia

b) Contoh Analisis Data Temu Bual Menggunakan ATLAS.ti

<i>Document</i>	<i>Quotation Content</i>	<i>Codes</i>
Cikgu Solehah Fasa 1	Sebenarnya untuk literasi research ni, literasi maklumat dengan satu lagi literasi media kan. Kalau literasi maklumat, lebih kepada dia punya perkongsian maklumat lah contoh cara pelajar tu merekod data, kemudiannya, macam mana cara dia nak sampaikan maklumat tu kepada orang lain, jadi, macam mana dia nak, jadi macam contohlah kan.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Cikgu Wardah FASA 1	Kalau macam kemahiran penyelidikan, bila kita bagi satu satu tugas tu, dia mencari bahan lah sama ada melalui Google, Internet. Jadi, dia menyelidik melalui media, melalui bahan elektronik ka. Jadi dia tahu macam mana nak menyelidik, nak cari sumber mana, kena cari, sumber yang sah. Dia kena tahulah.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Cikgu Insyirah Fasa 1	kemahiran penyelidikan, yang ni mungkin sebagai tambahanlah, maksudnya lebih sikit dari sekolah harian, kemahiran penyelidikan ni sebab setiap kali memang dalam Assessment dititikberatkan lah kemahiran menyelidik ni, maksudnya perlu ada bibliografi, APA Style lah kan. Itu saja.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.7 PERBEZAAN MYPIB DAN ARUS PERDANA
Cikgu Insyirah tambahan	*Tapi, kalau kita ukur dari segi result Tapi dari segi skill adalah, bezalah sebab benda ni macam kita punya tu, input dia tu, kita nampaklah beza. Budak buat assessment, adalah sikit. Yang depa dapat tu ada, kan depa buat macam jurnal, cara depa nak buat references, cara depa tulis report, buat proses jurnal, lain kan, adalah. Itu skill yang depa dapat, benda tu pulak kita nak cerita kat orang, benda tu tak nyata, tak nampak. Tapi, benda tu depa dapat	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 5.1 KEMENJADIAN MURID
Cikgu Solehah Fasa 2	Impak tu itula, budak berani, budak ada skill bila depa buat references, depa tau dah, depa buat folio apa semua, nak kena tulis references, depa tau dah. Apabila campur, IB ni pun.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 5.1 KEMENJADIAN MURID
Cikgu Dina Fasa 1	Kluster yang terdapat dalam kemahiran penyelidikan ialah kemahiran literasi maklumat dan literasi media.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.1 KLUSTER LITERASI MAKLUMAT 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA

Cikgu Dina Fasa 1	Jadi murid boleh menunjukkan literasi maklumat dengan mengumpulkan, merekodkan dan mengesahkan data yang diperolehlah.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.1 KLUSTER LITERASI MAKLUMAT 1.3.4.2 MEREKOD DAN MENGESAHKAN DATA
Cikgu Dina Fasa 1	Literasi media. Murid boleh berinteraksi dengan media untuk menggunakan dan menghasilkan idea dan maklumat.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA
Cikgu Ain Fasa 2	bagi seseorang pelajar mendalami dengan dalam dan melalui assessment juga pelajar boleh mengkaji contohnya research dari mana sumber yang mereka ambil supaya fakta lebih tepat.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Cikgu Ain Fasa 2	assessment juga merupakan satu penilaian dan penilaian mereka tu bukan macam kita menjawab secara peperiksaan # maksudnya mereka mempunyai masa membuat penyelidikan	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 3.7 KEKANGAN PEPERIKSAAN / MASA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
Cikgu Solehah Fasa 2	*Budak buat assessment pastu ada la skill depa dapat tu ada bila depa buat proses jurnal cara depa nak buat reference ada la cara depa tulis report buat proses jurnal apa lain,ada la lain tu skill depa skill-skill yang kita nak cerita kat orang benda tu tak bertulis nak banding percent apa tapi benda tu dia melekat impak tu nampak la	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 5. KESAN BAIK
Cikgu Wardah Fasa 2	juga digunakan, spesifiknya bila pelajar membuat kajian tentang sesuatu tajuk. Jadi pelajar biasanya menggunakan internet untuk mencari bahan sekarang ni pelajar bukan malas tapi kurang menggunakan buku macam zaman kita dulu, sekarang mereka lebih suka internet	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.1 KLUSTER LITERASI MAKLUMAT 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA
Cikgu Umar F1	# kemahiran ATL dia membuat research, dia guna cara dia mungkin dah pandai, lepastu dia guna kemahiran tu untuk cari bahan, tu saja.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN

c) Contoh Analisis Data Dokumentasi Menggunakan *ALTAS.ti*

<i>Document</i>	<i>Quotation Content</i>	<i>Codes</i>
Tugasan Murid (Laporan Projek Akhir)	Untuk menjayakan lagi projek yang dijalankan, saya telah menggunakan beberapa ATL skills. Saya telah menggunakan kemahiran bersosial dan kemahiran penyelidikan. Kemahiran bersosial digunakan untuk meningkatkan komunikasi saya dengan orang ramai bagi mendapat pelbagai pendapat dalam penghasilan projek, contohnya saya membuat borang soal selidik dan diedarkan kepada rakan sekelas lempira 1C.	1.3.2 KEMAHIRAN KOMUNIKASI 1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.5 KEMAHIRAN SOSIAL 1.5 KEPENTINGAN PENERAPAN KEMAHIRAN ATL 2.2 PELAKSANAAN/ PENERAPAN 5. KESAN BAIK
Tugasan Murid (Laporan Projek Akhir)	Kemahiran penyelidikan perlu dilaksanakan semasa membuat projek ini kerana dapat membantu saya mencari, mengumpul dan menganalisis maklumat yang telah dicari.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Tugasan Murid (Laporan Projek Akhir)	Kemahiran akan digunakan untuk menunjukkan bukti saya membuat penyelidikan dengan adanya lampiran dan rujukan.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
Tugasan Murid (Laporan Projek Akhir)	Saya telah mencari maklumat di instagram dari pelbagai akaun yang berlainan bagi melihat cara penulisan puisi dan membuat perbandingan, rujuk lampiran 1B. Melalui instagram saya mencari puisi-puisi yang telah siap dihasilkan sebagai contoh untuk mencari idea bagi menulis puisi saya sendiri lihat lampiran 1B.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.1 KLUSTER LITERASI MAKLUMAT 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA
Tugasan Murid (Laporan Projek Akhir)	Sebelum menjalankan projek, saya tidak banyak menggunakan kemahiran berfikir kerana saya lebih kepada pengetahuan sedia ada, pemahaman dan kemahiran. Semasa menjalankan projek, saya mula menggunakan kemahiran berfikir untuk mencari idea-idea untk menghasilkan produk saya. Saya menggunakan penyelidikan untuk mencari puisi- puisi yang lebih bagus dan kreatif yang belum pernah saya baca. Puisi yang saya tulis mununjukkan bahawa saya membuat hubungan antara pengetahuan sedia ada dengan pengalaman saya, lampiran 3A.	1.3.1 KEMAHIRAN BERFIKIR 1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.5 KEPENTINGAN PENERAPAN KEMAHIRAN ATL 5. KESAN BAIK

Tugas Murid (Laporan Projek Akhir)	Kemahiran komunikasi dan sosial saya banyak berkembang semasa menjalankan projek ini. Saya telah mendapat banyak prespektif dan idea-idea untuk diterapkan ke dalam penulisan saya. Ini menunjukkan bahawa saya telah menggunakan pelbagai sumber seperti instagram, dan borang soal selidik, lihat lampiran 1A dan 1B.	1.3.2 KEMAHIRAN KOMUNIKASI 1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA
2019_06_14_IB_Laporan Verifikasi	The resources are limited to websites found through Google search as indicated by students in their conversation with the visiting team	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN 1.3.4.2 KLUSTER LITERASI MEDIA
From Principles into Practice _2014_	Teachers can work with librarians to ensure the vertical and horizontal planning of ATL skills in all subjects.	1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN
From Principles into Practice _2014_	MYP students should learn key ATL skills such as citing and referencing, and be given opportunities to make mistakes and learn from them so that they are well prepared for further studies after the MYP.	1.1 KEMAHIRAN ATL 1.3.4 KEMAHIRAN PENYELIDIKAN



UUM
Universiti Utara Malaysia